

LIMA RAJA TERAKHIR

Syed Hussein Alattas

AI-SUHAIMI

P.O. Box 11753
50756 Kuala Lumpur

LIMA RAJA TERAKHIR

S.H. ALATTAS
1990

CETAKAN PERTAMA JULAI 1990

HARGA: \$15.00

Typesetting dan Grafik:

Nurin Enterprise

40 Jalan Kemuja,
Off Jalan Bangsar,
59000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2742763

Dicetak dan diterbitkan oleh:

Al-SUHAIMI

P.O. Box 11753
50756 Kuala Lumpur

546575

M
320-9595
ALA

© HAKCIPTA S.H. ALATTAS 1990

ISBN 983-99686-0-5

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari Al-SUHAIMI.

6 DEC. 1990
Perpustakaan Negara
Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اقرأ

بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

BACA, BACALAH DENGAN NAMA TUHAN
YANG MENJADIKAN KAMU

Dedikasi untuk:

*isteriku, Norizah Abdul Shukur
anakandaku*

Muhamad Muhiyuddin Alattas

Habib Omar Alattas

Putri tersayang

Sharifah Fatimah Az Zaharah (Che Honey)

ISI KANDUNGAN

MUKADIMAH	9
1. Tunku Vs Al Mutawakil	23
2. Tunku Putra lawan Bumiputera	47
3. Anak Raja Bergocoh dengan Menteri 'Master Kangkong jadi Referi'	63
4. Tengku Paduka Tengku Berduka	79
5. Peluang Semangat Kus Semangat	109
6. Burung Terkukur dan Burung Ku-Patek	121
7. Foolitik dan Itik Bodoh	131
8. Tan Sri P. Ramlee Cikgu Raja-Raja	155
9. Sultan Perak dalam Kenangan	169
10. Letupan, Tunjuk Perasaan Cemari Pemakaman Maharaja Hirohito	179
11. Pangkat, Poket dan Perutisme	189
12. Musim Siang jadi Malam	203
13. Marina, Menteri UMNO dalam Video Lucah Ibrahim Ali Cium Buntut Dr. Mahathir	233
14. Politik Dajal	245
15. Si Alim dan Si Zalim	259
16. Antara Khalifah dan Raja	295
17. Dari Istana ke Bilik Suluk	313
18. Lagu Tiga Kupang	333

MUKADIMAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Tuhan Semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW serta kaum keluarga dan sahabat-sahabatnya.

KATAKANLAH: “AKU BERLINDUNG KEPADA TUHAN MANUSIA. RAJA MANUSIA. SEMBAHAN MANUSIA.

Sekali lagi saya menadah tangan dan memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana telah menggerakkan hati fikir saya untuk menulis dan seterusnya menyiapkan buku ini. Salam sejahtera dan selawat yang tidak putus-putus diabadikan juga untuk Raja segala para rasul dan nabi yang kini bersemadi di makam Masjid Nabawi, Madinah serta kaum keluarga dan para sahabat.

“Ya Allah, limpahkanlah kesejahteraan kepada pensuruhMu Muhammad serta keluarganya dan anugerahlah akan dia dengan makam terpuji sebagaimana yang Kau janjikan”.

Buku **LIMA RAJA TERAKHIR** ini bukanlah satu karya satira politik dan bukan juga sebuah buku yang mengkritik pihak istana secara tak tentu pasal dengan tujuan meletakkan noktah keatas institusi raja-raja. Namun sebagai buku yang membela hak, saya tidak dapat mengelakkan diri dari menulis perkara-perkara yang sensitif dan yang boleh menimbulkan

kemarahan mana-mana jua pihak yang terlibat dan yang belum pernah diperkatakan oleh mana-mana jua penulis sebelum ini kecuali Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj.

Pepatah Inggeris ada menyebut : *Sometime one has to be cruel in order to be kind. The truth is always bitter to swallow.*

Begitulah. Ada kalanya kita terpaksa berlaku kejam demi menegakkan kebenaran dan menewaskan kebatilan. Namun kebenaran itu selalunya terlalu pahit untuk ditelan. Apa lagi bila kita terpaksa menghadapi manusia yang berdarjat-darjat dan berpangkat-pangkat yang selalu terpaksa bertembung dengan rasa ego diri.

Biar bagaimanapun sebagai umat Islam, kita sudah tentu tidak mahu **menjadi manusia yang melampaui batas** kerana sesungguhnya Allah benci kepada hambaNya yang berbuat demikian. FirmanNya didalam Al-Quran:

“Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas”.

(Al-Baqarah: 190)

Allah melarang kita melampaui batas. Oleh itu sebagai seorang yang mengamalkan **'amal makruf dan nahi mungkar'**, saya berkewajipan mengingatkan saudara-saudara saya sesama Islam, tak kira samada dia seorang manusia yang berdarjat disisi manusia lain atau dia sekadar Sipolan bin Sipolan yang tidak punya apa-apa gelaran pun dipangkal namanya dan tidak ada pula huruf-huruf yang menghiasi dihujung nama itu.

Saya sedar bahawa **'approach'** yang saya gunakan selama ini adalah **'approach'** yang sekular. Bukankah itu satu pe-

tanda yang baik, iaitu bila orang yang sekular seperti saya menulis hal-hal yang berkaitan dengan agama. Mustahil setiap pandangan saya itu tidak betul. Kalau betul ada yang tak betul, ambillah yang betul sahaja, buanglah yang mana tak betul. Allah memberkati mereka yang berfikiran terbuka dan sentiasa mengambil iktibar dari apa yang dipandang dan dide-ngar. Sesungguhnya berfikir dan menganalisis ciptaan Allah itu adalah satu ibadat.

Berbalik kepada soal nama tadi, panggilan, gelaran dan huruf-huruf yang berjela panjangnya di hujung nama anak Adam itu bukanlah kriteria dan juga nilaitara yang akan dibaca atau dijadikan dasar pertimbangan Allah SWT di hari pembalasan kelak. An-Naas itu bila ditelanjangkan di padang Mahsyar kelak tetap tidak ada kelebihan fizikal diantara satu dengan yang lain seperti juga di dunia ini. Di toreh, darahnya tetap merah. Di kenakan api, dia kepanasan. Ditimpa kesedihan, dia menangis. Dan tidak ada lebih dirinya itu dari orang lain. Mahsyar adalah padang manusia yang tidak akan kenal lagi kepada segala adat, kebudayaan, tradisi, protokol, ideologi, darjat, pangkat dan apa sahaja yang telah diwujudkan oleh manusia ketika berada di dunia untuk membeza-bezakan diantara sesama mereka.

Sengaja saya membawa hal-hal yang seperti ini didalam buku **LIMA RAJA TERAKHIR** ini. Ini kerana didalam politik kita kini sudah terdapat ramai manusia-manusia yang melampaui batas. Ada golongan istana yang sudah terlupa diri dan turut berbalah-balah samada secara senyap-senyap ataupun secara terbuka menentang kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Dalam buku saya **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT** saya sudah cuba menasihatkan pihak istana yang terlibat, terutamanya Al-Sultan Kelantan. Tapi saya kira Al-Sultan tak peka kepada nasihat saya itu. Al-Sultan sehingga hari ini pun masih lagi memboikot Menteri Besar. Tak cukup setakat itu,

dia undang pula Yang DiPertuan Agong membuat lawatan ke negeri Kelantan. Dan sekali lagi keadaan politik menjadi kecoh.

Apa sudah jadi dengan Perlembagaan? Apakah '*above the law*' bererti mengatasi Perlembagaan dan membelakangkan adat? Apakah rakyat sahaja yang mesti patuh kepada adat raja sedang raja tak menghormati adat rakyat?

Dalam perkara ini, kita merasa hairan kenapa Tunku tak kata '*unconstitutional*' seperti yang dikatakannya ketika berlakunya krisis diantara Menteri Besar dengan pihak istana di suatu waktu dulu. Supaya Tunku dan pihak istana tak lupa saya petik kata-kata Tunku itu seperti yang tersiar didalam kolumnya, '*As I See It*' di Akhbar '*The Star*' sekitar tahun 1981 yang telah pun dikumpulkan dan diterbitkan dalam tahun 1983 sebagai buku yang bertajuk '*Something to Remember*' oleh Tunku Abdul Rahman.

1. ***The ruler, therefore, cannot sack the Menteri Besar who can only be ousted from office by the majority vote of members of the assembly.***
(Oleh itu Raja tidak berhak membuang Menteri Besar yang mana beliau hanya boleh digugurkan dari jawatan itu melalui undi tidak percaya yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri.)
2. ***By the same token, a ruler cannot refuse to accept a Menteri Besar proposed by the people. What would happen if he does and the legislative council of the state sends in the same man again as Menteri Besar?***
(Begitu juga, raja tidak boleh enggan menerima perlantikan seseorang Menteri Besar.)
3. ***He can only give assent but has no right to choose a Menteri Besar after his own heart.***
(Raja hanya boleh mempersetujui tapi tidak berhak untuk memilih Menteri Besar yang disukainya.)

4. ***This is so because the Menteri Besar is the man of the people and if the ruler is given the right to choose him, the Menteri Besar would be the ruler's man and subservient to his will. This will turn democracy upside down.***

(Ini kerana Menteri Besar itu milik rakyat dan kalau raja diberikan hak itu maka Menteri Besar sudah menjadi hak raja dan mesti akur kepada kemahuannya. Ini akan mengakibatkan demokrasi jadi tonggang-langgang.)

5. ***In that sense, the powers of the Sultan are limited and their role in the legislature of each state is infinitesimal or symbolic.***

(Kuasa sultan-sultan adalah terbatas dan peranan-peranan mereka tidak lebih dari merupakan lambang bagi sesebuah negeri.)

Hari ini Tunku dan komplot istana berkonspirasi dengan Semangat 46 pimpinan anak raja memburuk-burukkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan memburukkan raja-raja yang menyokong kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Akhbar Mingguan Kota pun ada menyiarkan tulisan Tunku yang menghentam Baginda Sultan Al-Mutawakkil Johor. Apakah dosa Baginda Al-Mutawakkil yang patut dikecam oleh Tunku. Nampaknya Tunku dan puak-puak feudal dalam 46 sudah lupa bahawa dalam zaman 'high-tech' ini otak rakyat tidak beku dan statik. Rakyat hari ini bukan macam kaum 'peasant' dizaman feudal, suruh kerja mereka kerja macam kerbau dicucuk hidung?

Hari ini rakyat sudah pandai. Ramai dikalangan rakyat yang ada Ph. D. Ada diantaranya yang memiliki ijazah 'doctorate' yang lebih tinggi. Mereka mahukan perubahan. Mereka mahu mengubah dan merevolusikan pemikiran masyarakat.

Masyarakat juga mahukan perubahan. Tidak ada suatu masyarakat pun yang tidak mengenal perubahan. Tidak ada

seorang individu yang hidupnya benar-benar serupa antara hari ini dengan hari esok. Begitu juga hubungan antara individu atau kelompok atau masyarakat atau negara, yang selamanya, dari waktu ke waktu tetap serupa tanpa mengalami apa-apa perubahan. Masyarakat Melayu zaman penjajah tentu tak sama dengan masyarakat Melayu selepas merdeka. Dan masyarakat Melayu zaman Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri tentu tak sama dengan masyarakat Melayu di zaman Dr. Mahathir. Dari masyarakat kerbau di cucuk hidung, orang Melayu sudah bangkit sebagai satu masyarakat yang matang, agresif dan tahu berfikir dan menilai apa yang mereka mahu dan perlukan untuk survival bangsa. Di sinilah kejayaan Dr. Mahathir yang berjaya merobah dan membebaskan pemikiran rakyat jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin sebelumnya dan pemimpin-pemimpin negara-negara jiran.

Dan perubahan demi perubahan akan tetap berlaku terus menerus sepanjang masa.

Allah berfirman:

“Sesungguhnya Allah tidak merobah keadaan sesuatu kaum itu sehingga mereka merobah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri”.

(Ar-Raad: 11)

Perubahan adalah suatu proses pertumbuhan dan pembangunan bagi satu-satu pihak. Di samping itu ia juga merupakan proses keruntuhan dan kejatuhan bagi satu pihak yang lain.

Hari ini, dikiri kanan kita, orang sibuk bercakap pasal kebangkitan Islam. Mereka yang dulunya tak pernah menje-ngah ke masjid sudah mula berjinak-jinak dengan rumah Allah. Yang tak pernah mengikuti syarahan agama sudah mula

berminat. Kalau dulu ramai yang menjadikan fardhu '*kifayah*' sebagai fardhu tak payah, hari ini mereka bersusah payah menyempurnakan segala fardhu ain dan fardhu kifayah. Bukan itu sahaja, malah masyarakat Islam di Malaysia sudah menjadi lebih kritis terhadap agama. Para pemimpin 46 yang dulunya tidak senang terhadap ulamak sudah pandai mendekati kumpulan Al-Arqam. Tak mustahil mereka juga akan berubah dan yang wanitanya pula berpurdah.

Masyarakat Islam hari ini terutama golongan muda sudah mula membaca tulisan-tulisan pemikir-pemikir Islam tulen yang menulis dan mengeluarkan fatwa-fatwa atas sebab kebenaran dan bukan untuk cari makan seperti kebanyakan ulamak-ulamak siang yang telahpun saya kritik dalam buku saya yang lepas. Mereka yang dulunya setakat kenal dengan nama Abu Hurairah dan lain-lain ulamak Sunni sudah mula membaca kitab-kitab yang ditulis oleh ulamak-ulamak muktabar syiah. Mereka sudah pandai membuat perbandingan antara mazhab. Mereka sudah tahu apa itu yang dikatakan **WAHABI** dan bezanya dengan *ahli sunnah wal jumaah*. Mereka sudah mula membuat penilaian semula terhadap mazhab yang selama ini menjadi pegangan hidup mereka sebagaimana mereka sedar apakah itu revolusi mental dan demokrasi sebenarnya. Cuma yang kita sedih segolongan anak raja yang bakal jadi ketua agama leka berdisko, leka dengan betina, minum, berjudi dan hidup tidak mengikut akidah Islam. Inilah yang merunsingkan kerana tak ada yang berani tegur dan larang. Hari ini orang mula mempertikaikan Abu Hurairah sebagai perawi hadis yang sahih. Bahkan Ketua Dewan Ulamak PAS sendiri pun, Ustaz Nik Aziz, sudah mula meragui kesahihan ulamak-ulamak di dalam PAS. Apakah tak mungkin anak muda ini menolak bakal ketua-ketua agama kerana tak layak mengimam dan memimpin mereka?

Hari ini juga, secara senyap-senyap ada yang sudah menolak adat, kebudayaan dan amalan yang mereka anggap tidak-Islamic. Antaranya adat naik pelamin untuk jadi raja

sehari dan berbelanja besar-besaran hanya untuk menipu diri sendiri semakin hari semakin pupus. Dan bagi mereka perubahan adalah penting demi mencapai taqwa, kebahagiaan dan ilmu pengetahuan yang akan membolehkan mereka bersedia untuk menghadapi perubahan yang selanjutnya nanti.

Dr. Kalim Siddiqui, Pengarah Muslim Institute, London dalam pengantar kepada empat buah buku beliau dalam siri '*Issues In The Islamic Movement*' pernah menyebut:

Untuk mewujudkan perubahan menyeluruh pada suatu keadaan ataupun sistem yang sudah establish adalah merupakan ciri Islam yang asasi; dan itulah tujuan utama Islam. Islam merubah semua hubungan yang sedia ada kepada rangkaian hubungan baru.

Namun biar bagaimanapun berbeza dari ciri-ciri sosial yang dikaitkan dengan ideologi-ideologi lain di mana perubahan dilakukan demi untuk kepentingan perubahan itu sendiri, atau untuk kepentingan suatu 'kelas'. Islam mengemukakan nilai-nilai yang abadi. Segala perubahan terjadi di sekitar nilai abadi yang jelas dan diketahui umum. Nilai-nilai abadi ini adalah sistem keyakinan Islam. Keyakinan ini merupakan garis pemisah dan batasan, di mana di dalamnya perubahan dijalankan. Nilai-nilai Islam juga mengawasi dan memandu proses, methodologi dan matlamat perubahan. Hubungan sosial baru yang ditegakkan Islam adalah *dinamis* dan *flexible* serta menjamin pertumbuhan keperibadian manusia melalui pengalaman dan pengetahuan di dalam batasan yang ada. Hasil terakhir perjuangan terhadap perubahan yang dicita-citakan itu ialah pembentukan negara Islam. Untuk melihat contohnya kita tak perlu pergi jauh-jauh. Pertubuhan **Darul Arqam** telah menunjukkan satu miniature kerajaan Islam yang merangkumi aspek pentadbiran, ekonomi, pelajaran dan cara hidup. Mereka mempunyai khalifahnyanya sendiri iaitu Ustaz Ashaari Muhamad. Kita semua tak dapat melihat negara Islam pertama dalam sejarah yang ditegakkan oleh pembawa *risalah*

itu sendiri, iaitu Nabi Muhammad SAW tapi kita dapat melihat Iran yang cuba menjadikan negaranya sebagai negara Islam yang pertama di dunia.

Perjuangan untuk menegakkan negara Islam itu merupakan *Sunnah Rasul*, maka penglibatan dalam gerakan Islam adalah tanggungjawab yang harus dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Oleh kerana itu, bila Quran dan Sunnah Nabi merupakan nilai-nilai abadi Islam, maka negara Islam dan gerakan Islam merupakan unsur-unsur dinamik yang patut menjadi cita-cita dan impian setiap umat Islam dan setiap individu mesti berusaha memajukan dirinya ke arah itu dan bukan sekadar *melaung-laungkan* serta *menjerit-jerit* seperti anjing menyalak bukit. Ikutlah resmi padi. Bukankah ini lebih 'Islamic'?

Islam tidak diturunkan kepada nabi dalam sebuah *cocoon* dan orang Islam pun dilarang dari menjadi manusia *katak dibawah tempurung* atau *si kudung mendapat cincin* yang sekadar pandai *berkhutbah* dan berdakwah saja. Umat Islam mesti maju dan berjaya dalam semua bidang sains dan teknologi, serta ekonomi, bukan berjuang menadah tempurung, meminta sedekah dari para ahli parti untuk bina negara Islam.

Wahyu itu adalah sebenarnya hanya sebahagian dari Islam dan tercatat sebagai ayat-ayat Al-Quran. Disamping itu Islam adalah kaedah perubahan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dan gerakan Islam yang dipimpinnya.

Menurut Jabir Al-An Suri (R.A), beliau pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya aku mewasiatkan kepadamu dua perkara yang besar lagi penting iaitu Al-Quran dan keturunanku. Seandainya kamu berpegang kepada kedua-duanya, maka pasti kamu tidak akan sesat setelah aku tinggalkan

sehingga kita bertemu lagi di Telaga Haud (nama sebuah telaga di Syurga)”.

Gerakan Islam yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW itu dikenali dengan sebutan '*sirah*' (perihidup Nabi Muhammad) dan '*Sunnah*' (setiap yang diucapkan oleh Nabi Muhammad SAW). Ia merangkumi apa yang Rasulullah lakukan, yang dilarang keatasnya, yang diizinkan atau yang diarahkan untuk diamalkan. Gerakan yang dipimpin Nabi Muhammad SAW itu juga meliputi mereka yang menerima Islam.

Gerakan Islam merupakan alat perubahan yang tradisional. Ia bukan merupakan suatu gerakan politik dengan *manifesto* yang disusun oleh sebuah parti atau satu ideologi yang di laung-laungkan oleh ahli-ahli politik atau pun kumpulan yang bernombor. Gerakan Islam, dalam bentuknya yang asal adalah manifestasi kehendak Ilahi, bukan manifesto seperti yang dibawa oleh Semangat 46, ataupun PAS. Maka gerakan Islam yang sempurna ialah gerakan Islam yang pertama kali yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW, di semenanjung Arab kira-kira 14 abad yang lalu.

Islam dizaman Rasulullah tak ada raja yang jadi ketua agama, tak ada darjah kerabat dan sebagainya. Nabi pun tak ada parti dan tak ada pejabat. Namun hari ini ada puak-puak feudal dan orthodox agama yang sudah tidak lagi dapat berfikir secara rasional. Kelakuan mereka sungguh pelik. Memang benarlah firman Allah SWT yang mahfumnya:

“Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka”.

(Ar-Ruum: 32)

Disamping itu ada pula yang menjadikan diri mereka lebih penting dari Nabi dengan membelakangkan ciri-ciri Islam yang sebenarnya kerana takut ditimpa kerugian material yang besar. Mereka ini seolah-olah terlupa bahawa mereka juga

akan kembali menjadi ketulan-ketulan daging untuk santapan segala cacing dan ulat tanah. Raja-raja yang kekal di dunia sehingga hari kiamat nanti, mungkin cuma *lima raja terakhir* yang saya abadikan dikulit buku ini. Pandangan Tunku yang dikatakan oleh raja negeri Mesir yang terakhir, seorang raja *'playboy'* bernama King Farouk, saya petik seperti berikut:

"Disatu masa nanti yang tinggal hanyalah Raja Sekopong, Raja Retin, Raja Lekuk, Raja Kela-war dan Raja England".

Saya yakin Tunku tentu percaya kepada ramalan ini, kerana didalam buku Tunku **'Something To Remember'** dalam bab *'Foreword'* Tunku pun ada menyebut;

My articles will continue for as long as I can write. Perhaps one day some chapters of the book could be used for reference purposes.

(Rencana-rencana saya akan berterusan selagi saya boleh menulis. Mungkin disatu masa nanti ia akan menjadi bahan rujukan).

Dan untuk pengetahuan Tunku dan para pembaca, judul buku **LIMA RAJA TERAKHIR** ini saya ambil berdasarkan ramalan Tunku dari buku tersebut.

Apakah ramalan Tunku itu sebagai satu amaran atau ingatan kepada raja-raja Melayu bahawa mereka juga akan hilang takhta mereka disuatu masa nanti? Sekiranya mereka tidak pandai menjaga diri dan hati rakyat seperti apa yang berlaku di Britain, itu semua tidak mustahil sebagaimana yang Tunku katakan:

Britain's proud boast that "Britannia rules the waves and that Britain shall never, never be slaves" is not true anymore for, alas, Britain today has become the unions' slave.

Where kings once ruled with the power has been taken over by the people who act through their elected representatives. The divine right of kings has given way to the democratic right of the people so kings have become the spiritual and symbolic Heads of State while the people rule.

Saya tak mahu membuat ramalan seperti King Farouk dan Tunku. Tanggungjawab saya adalah bagi mengingatkan kepada semua pihak yang terlibat terutama orang Melayu yang kasihkan raja mereka.

Keadaan yang berlaku hari ini adalah berbeza dari apa yang dilihat oleh Tunku semasa dia menulis rencana-rencana tersebut di dalam akhbar '**The Star**' dalam tahun 1981. Perbalahan ketika itu cuma antara **Sultan** dan **Menteri Besar**. UMNO masih teguh, UMNO masih belum berpecah dua. Suara orang Melayu di Parlimen masih suara penentu. Keaulatan bangsa Melayu masih terletak pada raja sebagai simbol kerana orang Melayu bersatu.

Hari ini UMNO sudah berpecah dua. Simbol orang Melayu sudah retak, retak yang menunggu belah. Pemimpin Melayu yang gila kuasa sudah terlupa pesan orang tua-tua; **Bulat air kerana pembentungan bulat manusia** kerana muafakat. Hari ini tidak ada jalan muafakat, APU mahu memerintah negeri. Dengan nafsu besar tenaga tak ada.

Sekiranya APU yang dianggotai oleh Semangat 46, PAS dan sekutunya DAP memperolehi kemenangan didalam pilihanraya yang akan datang ini, katakan 40 kerusi DAP, 30 kerusi PAS, 40 kerusi Angkatan, saya bimbang negara ini akan ditimpa huru-hara. Tidak mustahil peristiwa 13 Mei berulang kembali atau negara akan dikuasai oleh tentera, kerana kesemuanya akan berebut kuasa sedangkan tak ada siapa yang kuat, tidak seperti hari ini dimana UMNO mempunyai 83 kerusi 100% dari kerusi yang di pertandingkan di pilihanraya lalu.

Saya mengatakan begini kerana semua orang tahu ketiga-tiga pihak yang berkomplot didalam APU itu mempunyai ideologi yang jauh berbeza diantara satu dengan yang lain. Mungkin Semangat 46 yang diketuai oleh *kerabat diraja* sahaja yang mahukan pemerintahan atau kerajaan yang berteraskan sistem feodal, sedangkan PAS dan DAP menolak sistem pemerintahan *beraja*. PAS mahukan negara Islam. DAP mahu negara ini sistemnya menjadi Malaysian Malaysia. Ketika itu *ketuanan Melayu* dan raja sebagai lambang yang sudah retak tak punya erti lagi, tak guna nasi dah jadi bubur.

Samada APU dan DAP menang atau kalah dalam pilihanraya nanti, yang jelas perbuatan para pemimpin Semangat 46 yang bersembunyi disebalik **ISTANA** untuk menentang UMNO, memaparkan sikap **ISTANA** yang telah menampakkan sifat kerabat yang seperti '*kacang lupakan kulit*'. Kemarahan rakyat akan menjadi-jadi terhadap manusia yang tak tahu berterima kasih dan *bersyukur*, bahawa selama ini UMNOlah yang telah memberikan kedudukan dan taraf yang istimewa kepada mereka. Mereka terlupa bahawa ramai raja-raja lain yang memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada UMNO yang dipimpin oleh Dr. Mahathir dan Ghafar. Raja-raja ini mahu Barisan Nasional kekal memerintah untuk menjamin keamanan dan kemakmuran negara serta mahkota mereka. Selamat negara, *selamat* jugalah kedudukan raja-raja, tapi kalau negara huru hara, raja-raja nak kemana? Apakah tidak mungkin Malaysia bertukar menjadi sebuah Republik seperti Mesir, Libya dan Iran bila DAP yang berkuasa nanti?

Namun biar bagaimanapun, apa pun jawapannya nanti terpulanglah kepada pembaca dan pehak istana untuk memikirkannya. Yang penting, *ingat sebelum terkena. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak ada gunanya*. Samada betul atau tidak bahawa akhirnya akan tinggal cuma *lima raja sahaja*, itu tak perlu kita risaukan, kerana hidup mati kita, ditentukan oleh Allah. Allah yang bersifat Maha

Pemurah lagi Maha Mengasihani. Kita tak perlu bimbang **ALLAH** adalah raja sekalian alam. Allah akan kekal buat selama-lamanya dan Allah adalah sebaik-baik penjaga.

Baca. Bacalah dengan nama **Tuhan** anda dan bukan dengan nama **Tuan** anda. Selamat membaca.

Wabillahi Taufik, walhidayah. Dan salam sejahtera buat mereka yang mengikuti kebenaran.

S.H. ALATTAS

BAB PERTAMA

Tunku Vs Al Mutawakil

Sejak saya menceburi dunia penulisan, membaca celoteh politik di dalam akhbar-akhbar tempatan sudah menjadi semacam kegemaran saya. Disatu masa dulu kolumnis yang diundang memberikan buah fikiran mengikut selera dan dasar kerajaan. Sukar nak cari penulis yang berani menggunakan kolumn mereka untuk menyuarakan suara rakyat atau suara isi hati dengan berani dan lantang.

Penulis-penulis veteran pun senada dengan penulis-penulis muda. Tulisan mereka balik-balik pasal masalah sosial. Saya bukanlah pula nak menafikan yang kritikan sosial itu tidak baik. Tapi sekiranya tulisan itu tidak tajam, ia tidak dapat membuka mata pihak pemerintah. Oleh kerana penulis-penulis ini tidak berani menulis dengan berani maka isu-isu yang berlaku di dalam masyarakat ketika itu tidak didedahkan. Maka rakyat pun hidup di dalam dunia khayalan. Maka pendek kata semua yang kerajaan buat adalah betul. Maka para pemimpin di dalam kerajaan dan para pegawai kerajaan merasakan yang mereka itu sudah dianggap sebagai manusia yang sempurna. **Maka** rakyat ingat tak ada salah silapnya. **Maka** mereka pun hidup bermaharajalela, **beraja di mata dan bersultan di hati**.

Saya terpaksa gunakan banyak '*maka*'. Kalau tidak gunakan *maka* jadilah kita nanti macam orang-orang Melayu sebelum zaman kesultanan Melayu Melaka, nak bikin sebatang jarum pun tak tahu, inikan pula nak buat kereta.

Tapi kalau kita tengok sejarah sosial orang Melayu, memang tak banyak bezanya zaman itu dengan zaman sebelum Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Saya masih ingat di zaman Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri. Isu Datuk Harun Idris merupakan isu yang telah memecahbelahkan perpaduan ahli-ahli UMNO. Bagaimanapun kerana ramai yang sayangkan UMNO maka mereka tidak pula keluar memprotes tindakan Tun Hussein. Ada juga yang menganggap Allahyarham Tun Hussein sebagai seorang manusia "perfect". Tetapi mereka yang menganggapnya tak lebih dari seorang manusia biasa tetap memprotes. Haji Sulaiman Palestin telah dicalonkan oleh satu bahagian UMNO untuk bertanding jawatan Presiden UMNO, menentang Tun Hussein. Memanglah umum meramalkan Tun Hussein akan menang. Tetapi dengan undi 250 yang diperolehi oleh Haji Sulaiman terbuktilah bahawa ada ahli-ahli UMNO telah memprotes cara Allahyarham Tun Hussein Onn menyelesaikan masalah Datuk Harun.

Media massa pada masa itu secara terang-terang memberikan sokongan moral kepada Datuk Hussein bukan kerana apa melainkan kerana beliau adalah Presiden UMNO sekaligus adalah Perdana Menteri Malaysia. Tidak seincipun berita Haji Sulaiman dimuatkan didalam akhbar-akhbar harian. Saya percaya Tengku Razaleigh, Datuk Harun, Sulaiman Palestin dan ramai lagi masih ingat dengan jelas keadaan ini bahawa dulu akhbar-akhbar di negara ini menyokong kerajaan dan kepimpinan yang memegang tampuk kuasa berbeza dengan akhbar tabloid hari ini yang **menghentam kerajaan secara berleluasa**. Ada akhbar-akhbar milik parti pun yang tumpang sekaki, menghentam pemimpin kerajaan terutama bila Mahathir berada diluar negeri. Hari ini jika ada akhbar-akhbar menyokong dasar-dasar kerajaan kerana menjadi tugas akhbar, mempertahankan dasar dan kerajaan yang ada, namun dalam waktu yang sama akhbar diberi kesempatan mengkritik sama. Apa salahnya memihak dan memuji kera-

jaan sekiranya kerajaan membuat kerja-kerja yang baik yang boleh menguntungkan rakyat?

Tapi orang ramai tak ingat kerana sudah 20 tahun Tunku pencen. Zaman Tunku jauh lebih teruk lagi. Waktu itu akhbar-akhbar di negara ini begitu bersemangat untuk berjuang, menentang penjajah. Para wartawan muda yang mahu membebaskan negara dari belenggu penjajah ikut sama berjuang. Maka sebab itu mereka buat-buat tak nampak kesalahan dan kesilapan Tunku. Bagi mereka soal kemerdekaan mengatasi soal-soal lain. Melalui ketajaman mata pena, mereka memperdengarkan suara-suara marah mereka terhadap penjajah. Namun bila menyentuh dasar-dasar UMNO dan kerajaan, maka tiba-tiba saja mereka menikus. Apakah mereka takut kerana Tunku menjadi Perdana Menteri ataupun ada sebab-sebab lain?

Sebenarnya ada dua sebab penting yang saya kira mendorong para wartawan waktu itu untuk menjadi pak turut. Pertama akhbar-akhbar harian dikuasai oleh kerajaan dan parti. Oleh itu tentulah akhbar-akhbar ini terpaksa mengikut saja dasar yang telah ditetapkan. Ini perkara biasa dan berlaku di mana-mana sahaja.

Kedua kerana Tunku itu sendiri adalah *anak raja* dan orang Melayu di zaman penjajah mendewa-dewakan sangat mereka yang datang dari kalangan istana ini. Kebetulan pula Tunku semasa menjadi Perdana Menteri merasakan dirinya mewakili raja-raja. Jadi kalau ada mana-mana wartawan yang cuba nak menjadi hero rakyat melalui tulisan mereka, tentulah terpaksa mengambil kira perasaan *anak raja Kedah* yang ada hubungan rapat dengan istana ini. Lagipun marah seorang raja ini bukan sebarang marah. Bentuk dan caranya tak sama dengan rakyat biasa. Bunyinya sahaja pun sudah lain, "*murka*". Kalau kena "*murka*" lebih kurang sama macam dimasukkan dalam neraka dunia.

Ketakutan yang semacam inilah yang telah menyebabkan

kritikan terhadap kepimpinan Tunku pada masa itu menjadi satu macam larangan. Siapa yang berani akhirnya kena "*tulah*". Tahukah anda apakah itu yang dimaksudkan '*kena tulah*'? Kena '*tulah*' itu samalah macam kena '*sumpah*'.

Rakyat selama-lamanya dibuai dengan cerita-cerita khayalan dan cerita betapa hebatnya Tunku seorang Perdana Menteri. Tunku adalah *Perdana Menteri yang paling gembira di dunia*. Maka mereka pun biarkan saja Tunku dengan hidupnya sebagai "*The Happiest Prime Minister In The World*". *Kuda* Tunku menang di perlumbaan dalam satu *perlawanan kuda* di Australia. Kata Tunku, kemenangan kudanya itu sebagai kebanggaan bagi negara. Semua setuju. Kalau ada yang tak setuju, mereka diam membisu. Tapi, bila kereta nasional *Proton Saga* mendapat pasaran baik di dunia, Tunku tak setuju yang ia juga adalah satu kebanggaan negara.

Semasa Tunku menjadi Perdana Menteri, ramai di kalangan rakyat, ahli-ahli UMNO dan juga para pengkritik dasar kerajaan yang menyedari adanya penyelewengan di dalam pentadbiran parti dan kerajaan. Malangnya tidak ada siapa yang berani mengutarakan pandangan mereka. Jadi sebab itulah di zaman Tunku perkataan '*rasuah*' tak ada dalam kamus politik Malaysia. Apa juga yang *dihadiahkan* kepada Tunku adalah disifatkan sebagai *anugerah* atau satu *upeti* yang dituntut. Memang kewajipan rakyat membawa '*persembahan*' kepada golongan istana itu perkara biasalah.

Tengok saja nasib yang menimpa YB Aziz Ishak, seorang pengkritik Tunku yang paling lantang. YB Aziz seorang tokoh politik Melayu yang mempunyai idea-idea besar, dan sesudah YB Aziz Ishak disingkirkan ada ideanya yang digunakan tetapi kerana Tunku tidak mahu menerima gagasan idea YB Aziz Ishak yang bernas dan menguntungkan rakyat maka ia disenyapkan kerana takut memalukan Tunku kerana masakan ada rakyat biasa yang ideanya lebih hebat dari *anak raja*. Dalam sistem feodal rakyat tak boleh jadi lebih hebat dari raja. Rakyat

mesti kekal sebagai hamba raja. Perhambaan ini termasuklah perhambaan mental.

Dr. Mahathir memang menyedari yang Tunku ini jenis manusia yang memang sukar untuk menerima sebarang perubahan. Tabiat Tunku ialah beliau suka membuat keputusan sendirian, tanpa merujuk kepada sesiapa berhubung sesuatu perkara. Dia sudah biasa hidup dalam kumpulan manusia yang berada "***above the law***". Apa saja yang dibuat olehnya tak ada salah silap kerana dia anak raja. Keputusannya muktamad. Siapa yang berani tentang keputusan anak raja? *Rakyat telah banyak belajar dari sejarah Melayu seperti apa yang berlaku pada Hang Nadim dalam cerita Singapura dilanggar todak. Raja takut dengan rakyat yang pandai.* Hingga hari ini pun tak ada banyak bezanya. Kalau tidak mustahil Dr. Mahathir dan menteri-menterinya menjadi sasaran Tunku dan ***Semangat 46*** yang dikuasai oleh ***golongan feudal***.

Kita tengok sahaja urusan pembentukan Malaysia iaitu kemasukan Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura. Tunku tak pun membawa perkara tersebut ke pengetahuan kabinet. Tiba-tiba sahaja Tunku membuat pengumuman itu sewaktu berucap di Press Club di Singapura.

Begitu juga soal penyingkiran Singapura dari Malaysia. Singapura walaupun majoritinya penduduk-penduduk Cina tetapi orang-orang Melayu dianggap kaum asal yang membuka pulau itu. Kerana orang-orang Melayu telah dianaktirikan oleh kerajaan Inggeris sejak ratusan tahun maka nasib orang-orang Melayu Singapura amat menyedihkan. Rintihan mereka tidak sampai ke Kuala Lumpur. Tunku seolah-olah tidak mendengar masalah yang menimpa bangsa Melayu Singapura itu kerana Singapura tak ada raja. Lagi pun bagi Tunku ia cuma sebuah pulau yang kecil. Dulu-dulu pun Sultan Kedah telah menyerahkan Pulau Pinang pada Inggeris tanpa membuat sebarang rundingan dengan rakyat. Begitu juga sewaktu raja-raja Melayu menandatangani "*Perjanjian*

Pangkor" yang menjadikan Malaysia kemudiannya sebagai sebuah negara *sekular*. Jadi perlu apa berunding dengan rakyat yang tidak mempunyai hak langsung? Mungkin itulah pendapat Tunku semasa membuat keputusan melepaskan Singapura ke tangan kafir.

Tindakan Tunku mengambil keputusan menyingkirkan Singapura bermakna Tunku telah menyerahkan nasib bangsa Melayu, nasib umat Islam Singapura kepada Lee Kuan Yew untuk ditentukan. Apakah Lee memahami masalah orang-orang Islam di pulau itu?

Apakah Lee mahu membela nasib orang-orang Melayu di sana seperti Mahathir? Mahukah dia menegakkan syiar Islam sedangkan dia bukan orang Islam. Atau mahukah beliau menjaga kepentingan umat Islam seperti pemimpin Islam yang sejati yang mengamalkan 'amal makruf nahi mungkar'. Tetapi Tunku tak peduli. Dia serahkan saja nasib umat Islam Singapura ke atas budi bicara Lee. ***Orang Melayu Singapura terbuang begitu saja seperti orang membuang anak kucing dekat pasar. Pandai-pandailah anak kucing nak hidup. Ibu kucing tercari-cari, bapak kucing apa peduli.*** Biar bagaimana pun Tunku mesti menjawab pada bangsa Melayu dan umat Islam seluruh dunia. Kalau tidak hari ini diakhirat nanti dia kena jawab juga.

Keadaan yang berlaku di zaman Tunku menyebabkan Dr. Mahathir, ketika itu seorang doktor Melayu yang banyak bergaul rapat dengan orang-orang Melayu, cuba memberikan pandangannya melalui buku *'The Malay Dilema'*. Kini buku itu sudah pun diterjemah ke bahasa Malaysia. *'Dilema Melayu'* Dr. Mahathir telah mengkritik Tunku dan stail pentadbirannya. Dr. Mahathir sedar pandangannya tidak akan dilayan oleh akhbar-akhbar tempatan kerana para editor akhbar-akhbar ketika itu dikongkong oleh dasar Tunku. Jika mereka berani melawan tauke (Tunku) maka sudah pastilah mereka akan kehilangan pekerjaan. Sejarah telah membuktikan apa yang

berlaku pada Usman Awang dan rakan-rakannya apabila mereka melancarkan mogok. Akhirnya mereka terpaksa menganggur.

Dr. Mahathir memilih untuk menulis buku bagi memperdengarkan pandangannya. Rupa-rupanya Tunku yang selama ini tidak pernah kena tegur telah '*murka*'. Menurut teman-teman rapat, Tunku begitu marah kerana Dr. Mahathir telah mengkritiknya. *Bagi Tunku, rakyat biasa tak boleh kritik anak raja. Dan marahnya kepada Dr. Mahathir kekal hingga hari ini.* Apa lagi sesudah beliau dilantik oleh parti Semangat 46 sebagai penasihatnya, lebih-lebih lagi bila Tunku sudah tengok apa yang sudah terjadi pada Tengku Razaleigh Hamzah. Lagi pun hubungan Mahathir dengan *raja-raja* tidak seperti masa Tunku jadi Perdana Menteri dulu. Ini kerana Mahathir bukan anak raja, tetapi anak rakyat biasa. Jadi sudah tentu beliau mengutamakan rakyat. Biar bagaimanapun, dalam waktu yang sama *Dr. Mahathir mempunyai hubungan yang rapat dengan raja-raja tertentu yang memahami masalah UMNO dan perjuangan rakyat.*

Begitulah lazimnya yang berlaku kepada seorang anak raja seperti Tunku. Tunku seperti anak-anak raja dan raja lainnya yang tak pernah kena kritik, tentulah bukan main lagi marahnya. Marahnya akan berpanjangan, apa lagi dengan adanya '*tukang kipas*' disekeliling. Maka menjadi-jadilah marah Tunku yang mula membela raja. Apa lagi raja yang kedudukannya berada '*above the law*' yang tidak senang dengan pentadbiran Mahathir. Maka terjadilah perang dingin.

Apabila kritikan itu terkena pada batang hidungnya melompatlah api kemarahan itu. Tunku pun jadi '*murka*', padahal yang boleh *murka* cuma Tuhan saja. Manusia tak boleh *murka* sesuka hati terhadap seorang hamba Allah, kerana raja dan anak-anak mereka pun hamba Allah juga, asal dari tanah, asal dari air mani yang hina, tidak berkuasa dan berupaya. Tapi Tunku telah *murka*, maka tersingkirilah Mahathir dari UMNO

maka meranalah Mahathir. Tetapi Tuhan yang Maha Kuasa telah membuktikan bahawa kekuasaanNya tak boleh disekat-sekat oleh perancangan manusia. Begitulah serba ringkas sejarah *kemurkaan* Tunku terhadap Mahathir yang berpanjangan hingga hari ini.

Dulu Tunku buang Mahathir. Hari ini Tunku sendiri pun kehilangan kuasa juga. Maka gugurlah segalanya. Kerja Allah telah menaikkan Mahathir yang dizalimi dan dianiayai oleh Tunku yang ikut nafsunya. Mahathir jadi Perdana Menteri. Perdana Menteri yang jauh lebih baik, lebih berjaya dari Tunku, dihormati dan di muliakan oleh dunia. Namun biar bagaimanapun Tunku tak senang dan tak akan senang selagi Mahathir belum jahanam.

Walaupun sudah lebih dua puluh tahun peristiwa ini berlaku nampaknya Tunku tidak dapat memaafkan Dr. Mahathir kerana Tunku datang dari kalangan istana yang bila mereka sudah murka jawabnya kemurkaan itu akan kekal buat selamanya. Kemarahan itu terbawa-bawa sehinggalah Tunku menyertai Tengku Razaleigh di dalam usaha menggulingkan kerajaan UMNO dan Dr. Mahathir. Inilah masa dan ketika Tunku nak balas dendam. Tunku akan buat apa saja untuk jatuhkan Mahathir dan buktikan yang kerajaan Mahathir gagal seperti kerajaan yang dipimpinnya dulu.

Saya mengimbaskan perkara ini semula bukan dengan tujuan memburuk-burukkan Tunku, tapi sekadar mengingatkan Tunku yang beliau hanya seorang manusia biasa, seorang hamba Allah. Biar pun beliau adalah dari kalangan istana yang diberi keutamaan untuk berlaku murka, kepada saya Tunku sudah sampai ke peringkat yang sukar untuk dirasionalkan. Kata orang, *kalau nak membentuk buluh, biarlah dari rebung. Tunku kita ibaratkan seperti buluh tua yang sudah tidak dapat dibentuk lagi*. Biar pun kita tahu kita tidak berupaya membentuk buluh yang sudah tua, tetapi saya tak putus asa. Saya tetap berdoa semoga Allah memberikan taufik dan hidayah kepada Tunku, kerana Tunku telah banyak

membuat kebaikan dan sumbangan terhadap Islam. Siapa tahu disaat akhir dia akan insaf dan berubah. *Kini dia masih belum sedar bahawa, manusia mesti sanggup menerima kekalahan, kerugian kerana kita ini adalah manusia yang hidupnya telah ditentukan oleh takdir, oleh qadaq dan qadar.* Oleh itu hendaklah kita menjadi manusia yang adil dan redha dengan apa sahaja yang telah di takdirkan terhadap kita oleh Allah SWT, belajarlah bersyukur.

Kalau mengikut ajaran Gautama Buddha ada tiga perkara penting yang tidak dapat dielakkan oleh manusia. ***Pertama, tua; kedua, sakit dan ketiga mati.*** Tunku sudah tua, Tunku sedang uzur, ada masanya sudah sampai ke peringkat gering, dan yang ketiga hidup itu jodohnya mati. Atas kesedaran ini *Gautama Buddha yang ketika itu seorang anak raja yang gagah, berani dan perkasa lari meninggalkan istana, kekayaan, kemahsyuran, isteri yang cantik, seorang putera dan kuda yang paling disayanginya untuk duduk menjadi seorang yang memantikan diri semata-mata untuk mencari 'nirvana'.* Akhirnya Buddha disembah oleh jutaan manusia zaman berzaman hingga ke hari ini. Dari itu kalau Tunku sebagai kerabat di raja tak mahu belajar dari Quran dan hadis atau tak juga mahu belajar dari Buddha kerana kampung halaman Tunku dekat dengan Siam, apakah Tunku mahu belajar dengan dajal?

Murka Tunku kepada Dr. Mahathir itu soal peribadi, tak patut kerana permusuhan peribadi Tunku sanggup lihat negara hancur lebur dan melibatkan institusi raja-raja dan rakyat yang tak berdosa.

Saya masih ingat, semasa Tunku menjadi kolumnis untuk akhbar *The Star*. Sekarang ini akhbar itu milik MCA, tetapi dulu Tun Mustapha turut mempunyai saham. Masa itu Tunku telah berlaku adil di dalam penulisannya. Hanya Tunku saja yang berani mengkritik kerajaan dan orang-orang tertentu. Salah satu kes yang masih segar di dalam ingatan saya ialah berhubung campurtangan para sultan di dalam krisis politik.

Perkara ini waktu itu menjadi satu isu yang panas. Antaranya ialah krisis antara Sultan Perak (almarhum) dengan Menteri Besar Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi.

Dalam krisis itu, Tunku telah menulis didalam akhbar *'The Star'* membela Tan Sri Ghazali, seorang sahabat lamanya. Siapakah yang berani membuat teguran pada masa itu? Jawapannya memang tidak ada melainkan Tunku sendiri.

Bagaimanapun di dalam krisis antara Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamad Yaakob, Tunku bukan saja tidak berani menegur pihak istana sebaliknya turut memberikan sokongan moral kepada pihak Sultan Kelantan. Ini tentulah mudah difahami kerana Tunku sekarang menjadi penasihat ***Semangat 46***. Tunku tentulah tidak berani mengecilkan hati Tengku Razaleigh dan para penyokong parti itu. Tengku Razaleigh dan Sultan Kelantan mempunyai ikatan pertalian kekeluargaan. Oleh kerana isteri Sultan Kelantan ialah anak saudara Tengku Li sudah tentulah Tunku bimbang untuk membuat teguran.

Kalaulah benar Tunku jujur di dalam hal ini, Tunku tentulah akan menegur Sultan Kelantan yang turut campurtangan didalam pentadbiran kerajaan negeri. Dan Tunku juga akan tegur Sultan Kelantan yang mengenenepikan Menteri Besar semasa lawatan rasmi Yang DiPertuan Agong Sultan Azlan ke Kelantan kerana cara begini menunjukkan raja sudah terlupa bahawa mereka cuma lambang saja. Mereka juga terlupa bahawa apa yang dilambangkan itu adalah lebih penting dari lambang itu sendiri. Kita kini berada di zaman moden, di zaman kebangkitan semula Islam dan bukan di zaman primitif. Kuasa eksekutif berada di tangan kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk rakyat. ***Dan rakyatlah sebenarnya yang berdaulat. Dan rakyat jugalah yang boleh menentukan bangun jatuh dan hidup-matinya institusi raja-raja.***

Kerajaan negeri membelanjakan setengah juta wang rakyat untuk belanja lawatan diraja tetapi ketua yang dipilih oleh

rakyat diketepikan oleh raja-raja. Inilah yang menjadikan rakyat hairan macam mana pihak istana sudah tak takut pada kerajaan lagi, seolah-olah Kelantan sudah tak punya kerajaan, seolah-olah negeri itu sudah kembali ke zaman *feudal* ataupun zaman pemerintahan Cik Siti Wan Kembang. Kerajaan Barisan Nasional Kelantan dianggap macam sudah mati. Sultan Kelantan kena ingat jasa Barisan Nasional Kelantan yang telah membelanjakan 25 juta ringgit untuk memperbesar dan memperindah istana di Kelantan bagi menyambut raja-raja yang mengadakan mesyuarat di Kelantan ketika itu. Agenda ketika itu cuma nak tambah beberapa tempat nak tengok anak bulan saja, tapi 25 juta ringgit wang rakyat hangus.

Menyentuh tentang perkara ini, suka saya bertanyakan Tunku beberapa soalan lain yang ada hubung kaitnya dengan campurtangan Tunku didalam soal-soal pentadbiran negara.

Pertama, di manakah kesetiaan Tunku samada kepada negara, agama dan bangsa Melayu? Apakah kesetiaan Tunku hanya kepada kumpulan yang menentang kerajaan saja? Seandainya Tunku mengaku setia kepada negara ini maka Tunku tidak sepatutnya melakukan kerja-kerja mungkar dan menentang pentadbiran yang ada kerana ini semua akan hanya meletakkan pemimpin-pemimpin negara berada dalam keadaan serba-salah. Andaikata Tunku mati nanti, di manakah jenazah Tunku hendak disemadikan? Apakah Tunku masih layak untuk diberikan penghormatan dan pengkebumian negara memandangkan huru-hara dan perpecahan yang Tunku telah sama-sama timbulkan dalam *Semangat 46*, golongan penentang kerajaan?

Tunku juga nampaknya cuba bermain dengan api kemarahan rakyat. Apakah Tunku lupa dengan apa yang terjadi kepada raja-raja (ataupun bekas-bekas raja) di dunia ini yang bermain dengan api kemarahan rakyat ini? Sudahlah Tunku tidak mahu menegur Sultan Kelantan kerana tindak tanduk baginda yang keterlaluan sehinggakan sanggup membelakangkan Menteri Besarnya, malah Tunku juga telah cuba melaga-lagakan antara

Yang DiPertuan Agong dan Dr. Mahathir. **Akhbar Mingguan Kota** bertarikh 27 Mei 1990 juga menyiarkan berita yang kononnya Tunku hairan bagaimana lawatan Agong ke Kelantan tidak diisytiharkan sebagai lawatan rasmi.

Kata Tunku kerajaan pusat lebih bersetuju lawatan itu dibuat secara peribadi. *“Tetapi baginda Sultan Kelantan dan Agong tidak mengendahkan mereka, sebaliknya merestukan lawatan itu sebagai satu lawatan yang rasmi. Rakyat Malaysia tentu tertanya-tanya kenapa lawatan rasmi Yang DiPertuan Agong ke Kelantan baru-baru ini dibuat secara senyap-senyap. Bukan saja akhbar tidak memberikan liputan memperkatakan sangat tentang lawatan itu. Pada hemat saya, hal ini sangat aneh”*.

Saya pun tidaklah berhajat untuk membuat komen yang keterlaluan sangat. Soal-soal yang berkaitan dengan istana ini *sensitif*, lebih-lebih lagi bila terkena batang hidung pihak yang terlibat. Tujuan saya menegur, agar mereka yang menjadi *lambang* itu tidak mencacatkan *lambang* itu sendiri. Ini kerana sebagai anak watan, saya masih lagi menghormati *lambang* tersebut. Saya bimbang kalau-kalau rakyat nanti merasakan lambang mereka sudah hilang kewibawaan dan tak perlu diambil endah lagi. Kita kena ingat rakyat hari ini, dan generasi Melayu akan datang semakin lama semakin pandai. Mereka semakin *‘cost concious’* dan tak suka membazirkan wang mereka tak tentu pasal. Orang macam Musa Hitam, malah yang lebih hebat dari itu pun sudah ada. *Musa Hitam setakat mengajar orang Melayu supaya bersikap kurang ajar dan membuang ‘keris’ sebagai lambang bangsa Melayu*, sebagaimana yang saya sebut dalam buku saya **CHALLENGER SIAPA LAWAN SIAPA** dalam bab *‘Keris Lambang Bangsa Melayu’*. Tapi hari ini sudah timbul pula satu golongan yang memperalatkan lambang bangsa Melayu untuk kepentingan politik peribadi mereka yang gila kuasa.

Rakyat bukan lagi bodoh. Mereka tahu sebelum Agong mengadakan lawatan rasmi ke Kelantan sudah tentulah persiapan

dibuat menerusi Jabatan Perdana Menteri. Dan di pihak kerajaan Kelantan sudah tentulah Pejabat Menteri Besar akan menguruskan acara lawatan itu. Baginda Sultan Kelantan tidak boleh membelakangkan Menteri Besar. Baginda patut meminta Menteri Besar menjalankan tugas untuk menyambut ketibaan Agong. Oleh kerana ia lawatan rasmi maka tentulah Menteri Besar patut dipanggil sama untuk membuat persiapan awal hinggalah terakhir. Bagaimanapun seperti yang kita ketahui, Sultan Kelantan tidak mahu kehadiran Menteri Besar. Marahnya masih menjadi-jadi. Seolah-olah dosa Menteri Besar itu tidak boleh diampun. Disini saya memuji Sultan Selangor yang jauh lebih matang. Walaupun di satu ketika dulu baginda 'hot' dengan Menteri Besar, tetapi kemudian baginda secara gentleman mengampunkan Tan Sri Muhammad Mohd Taib dan menyelesaikan masalah peribadi di antara bapa mertua dan menantu. Apa yang lebih menyedihkan ialah kerajaan negeri yang ditadbirkan oleh Menteri Besar telah terpaksa mengadakan mesyuarat EXCO untuk membincangkan kelulusan lawatan itu. Setengah juta ringgit telahpun diperuntukan untuk lawatan itu. Tidakkah ini namanya membazir untuk lawatan yang tak rasmi?

Mengapakah Tunku tidak mempertikaikan hal ini? Agaknya Tunku sudah lupa tatacara pentadbiran kerajaan negeri. Kalau dah lupa, saya syorkan supaya Tunku angkat tangan dan mengucapkan '*tata*' pada politik. Tak payahlah nak mencari kesalahan Dr. Mahathir?

Jika Tunku seorang bapa yang baik dan pengasih serta bertanggungjawab, maka Tunku tentulah akan turut sama menegur Sultan Kelantan. Mengapa Tunku tidak berbuat demikian? Apakah Tunku takut Tengku Li 'hot' kerana menegor anak saudaranya? Atau apakah Tunku saja nak buat kacau?

Kepada saya adalah rasional mengapa lawatan itu tidak dianggap sebagai lawatan rasmi. Jika Sultan Kelantan mahukan lawatan itu dibuat secara rasmi, maka baginda patut sanggup

berkompromi dengan Menteri Besar dan mahukan Menteri Besar hadir sama dilapangan terbang ketika menyambut ketibaan Agong. Bayangkanlah pada hari itu Menteri Besar telah terpaksa ke luar Kelantan kerana tidak sanggup diperbodohkan begitu rupa. Menteri Besar bukan bodoh, jangan lupa dia pernah menjawat jawatan tinggi di mahkamah dan ada pula LLB. Dia tahu dan faham undang-undang. Itulah sebabnya dia malas nak layan orang-orang yang dianggapnya tak ada baca punya.

Tunku tentu tidak sedar kerana telingapun sudah tidak berapa dengar, matapun agak rabun, sudah tentulah terpaksa bergantung harap kepada orang lain. Dan orang yang memberi nasihat itu memberikan nasihat yang negatif hinggalah Tunku pun jadi negatif. Tunku tidak pernah suka dan senang dengan kepimpinan Dr. Mahathir maka Tunku pun cuba mengadudomba antara Agong dan Dr. Mahathir. Saya tidak fikir Agong termakan oleh fitnah Tunku, dia pun pernah memegang jawatan yang paling tinggi sekali didalam bidang kehakiman. Kalau ikut bahasa rakyat, "ini raja ada baca punya orang. Jangan main-main."

Tunku bukan saja melaga-lagakan antara Agong dan Dr. Mahathir malah telah turut sama menyindir Sultan Johor.

Mengapa begitu Tunku? Apa dosa Sultan Johor kepada Tunku?

Dalam komennya didalam akhbar Mingguan Kota itu, Tunku berkata: *"Di tengah-tengah gelora antara Sultan Kelantan dengan kerajaan pusat ini, tiba-tiba tercetus satu kenyataan daripada Baginda Sultan Johor yang menggesa seluruh penduduk Johor supaya memberi sokongan penuh kepada UMNO. Gesaan ini sebenarnya tidak sepatutnya dibuat oleh baginda. Mengikut amalan negara ini, raja-raja adalah mengelak dari sebarang kontroversi politik yang biasanya tercetus di dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia. Raja-raja se-*

memangnya tidak tertakluk pada undang-undang dan tidak mencampuri urusan politik". Mengapa Tunku tak hot dengan Sultan Kelantan yang juga terbabit didalam politik? Patutnya Tunku menasihati Sultan Kelantan supaya tidak mencampuri urusan politik. Kenapa Sultan Johor saja?

Di sini Tunku telah menunjukkan sikap pendendam dan berat sebelah. Apakah kerana Sultan Johor menyokong UMNO maka Tunku tidak senang dengan baginda, sebaliknya kerana Sultan Kelantan tidak senang dengan Menteri Besar Kelantan maka Tunku turut menyokong Sultan Kelantan?

Di manakah pendirian Tunku di dalam hal ini? Di satu pihak Tunku cuba menjadi jaguh dengan membidas raja-raja yang campurtangan di dalam politik tetapi bila ada raja tidak senang dengan UMNO maka raja itu tidak ditegur, kenapa?

Saya amat sedih kerana seorang Sultan telah menunjukkan kemurkaannya kepada seorang Menteri Besar yang dipilih oleh rakyat. Sekarang Sultan sudah bawa ayahanda Yang DiPertuan Agung menunjukkan betapa berkuasa dan berdaulatnya Sultan, boleh buat apa yang Sultan suka, boleh menghina dan mempermainkan kerajaan dan rakyat. Siapa pun tak berani tegur dan ambil tindakan kerana telah termaktub di dalam Perlembagaan raja berada di atas undang-undang.

Saya rasa sudah lebih setahun Menteri Besar tidak dibenarkan menemui Tuanku AlSultan dan hal ini telah saya tulis dalam buku saya **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT** dalam bab "*Istana vs Perdana Menteri.*" Mungkin Al-Sultan dan Tunku belum baca lagi. Kalau belum, bacalah. Teguran itu adalah satu kritik yang ikhlas. Bacalah dengan nama Allah.

Kalau ada apa-apa urusan rasmi, kalau MB sendiri nak mengadap tidak dibenarkan tetapi EXCONya dibolehkan mengadap. *Sepatutnya sebagai seorang raja, Tuanku mesti sen-*

tiasa berlaku adil, menghalang seseorang dari haknya itu zalim namanya Tuanku. Raja yang sentiasa dikasihi rakyat, tak boleh selalu *murka*. Macam mana pula kalau rakyat pula murka pada raja? Kesilapan besar yang dilakukan oleh penasihat raja, ialah tidak mengingatkan sultan bahawa *rakyatlah yang berdaulat dan rakyatlah yang membiayai kehidupan raja dan keluarga mereka. Tuanku cuma lambangnya saja.* Mereka yang menggigit tangan yang menyuapnya akan rugi sendiri akhirnya. Angkuh dan sombong adalah perbuatan yang dimurkai Allah. Allah saja yang boleh angkuh dan sombong, itu hak Tuhan.

Bila sultan berangkat untuk menghadiri mesyuarat Rajaraja Melayu di Kuala Lumpur, baginda akan membawa seorang EXCO kanan kerajaan Kelantan. Dulu Timbalan Menteri Besar Datuk Ahmad Rastom Maher menjadi wakil, tetapi sekarang wakil itu ialah Haji Ahmad Shahibuddin, seorang EXCO kanan.

Bila mengingati apa yang berlaku di Kelantan saya teringat politik pecah dan perintah yang dimainkan oleh kerajaan Inggeris sewaktu mereka berkuasa dulu. Nampaknya politik pecah dan perintah sekali lagi berlaku didalam negara ini. Siapakah di belakang politik pecah dan perintah ini?

Saya berharap Tuanku Al-Sultan tidak akan tersinggung dengan kritikan saya ini. Saya membuat teguran ini kerana Tunku Abdul Rahman sudah tidak berani menegur pihak istana. Walaupun saya bukan dari kalangan istana namun saya dari keturunan Rasul SAW yang mana beliau adalah raja diatas semua raja. Oleh sebab itu saya mampu untuk memberi peringatan kepada pihak Istana sebelum rakyat bangun dan berkata serta bertindak '*Raja adil raja disembah, Raja zalim raja disanggah*'.

Tuanku Al-Sultan ada hubungan rapat dengan Semangat 46. Hal ini semua orang sudah tahu kerana pemimpin 46 berselindung disebalik istana. Apa juga yang mereka lakukan

mereka akan menyuarakan alasan, ia adalah *titah* dari Al-Sultan. Nama Sultan dijual dan dijaja.

Sekali lagi saya menyeru Tuanku supaya membaca tulisan saya dalam buku **“REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT”** terutama bab **Semangat 46** mengenai peristiwa bagaimana raja-raja di Sumatera hilang takhta dan kuasa apabila rakyat bangun dan memberontak.

Saya katakan cara yang berlaku di Kelantan itu tak ubah seperti *politik pecah dan perintah* kerana logiknya begini. Lazimnya Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besarlah yang akan berurusan dengan istana. Bila MB tidak ada, Timbalan MBlah yang akan menggantikan tempatnya. Tetapi dalam kes Kelantan, baginda Al-Sultan telah memilih seorang anggota EXCO, sambil mengenenepikan MB dan timbalannya. Tentulah kedua-dua tokoh ini merasa tersinggung dan berkecil hati. Sedangkan kedua-dua mereka adalah wakil yang sah disisi Perlembagaan. Mengapakah mereka disisihkan dan sebaliknya Tuanku mengambil salah seorang anggota EXCO? Andai kata kedua-dua mereka tidak mempunyai iman yang kuat, sudah tentulah mereka akan melepaskan jawatan masing-masing atau membawa rakyat berpiket di depan istana menyuruh Tuanku letak jawatan digantikan dengan seorang Sultan yang lain. Inilah yang telah dilakukan oleh British terhadap raja-raja dibawah jajahannya semasa mereka berkuasa dulu.

Nampaknya Tuanku tidak mengikuti perkembangan terbaru di Nepal di mana rakyat telah memberontak, menolak dan tidak mahukan raja mereka lagi, padahal bangsa Gurkha adalah bangsa yang paling taat didunia ini, hinggakan tentera Gurkha dianggap anak emas Queen. Orang yang menjaga keselamatan Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew dan Baginda Sultan Brunei pun terdiri dari tentera Gurkha. Tapi hari ini rakyat Gurkha sudah berani menentang istana dan menggelarkan permaisuri diraja sebagai *'ratu sepuluh persen'*. Tuanku kena ingat sikit, ini zaman kebangkitan Islam dan regu

Semangat 46, parti PAS *mahukan Malaysia menjadi sebuah negara Islam. Dalam negara Islam tak ada raja, cuma khalifah saja.* Tuanku jangan tersilap percaturan, jangan Tuanku jadi dahan untuk jadi alat mata kapak menebang pohon yang rendang.

Dalam kes ini imej Menteri Besar selaku wakil rakyat telah tercemar. Perkara ini berlaku sewaktu Yang Dipertuan Agong Sultan Azlan berkenan berkunjung ke Kelantan. Walaupun Kelantan diserang taun, namun baginda Tuanku tetap sudi untuk mencemar duli berangkat melawat Kelantan.

Tuanku melawat Kelantan sewaktu Dr. Mahathir tidak ada di dalam negeri. Encik Ghafarpun tidak mengiringi Tuanku ke Kelantan. Menteri Besar telah tidak diundang untuk hadir disebarkan majlis. Mengapa? Mengapa Sultan Azlan tidak menegur adindanya itu supaya berbaik-baik semula dengan Menteri Besar. Dari segi hukum, Yang Dipertuan Agong sewajarnya memberikan nasihat kepada adindanya yang lebih muda-muda dari segi pelajaran dan pengetahuan serta pengalaman agar Sultan Kelantan akan mampu menjadi seorang Sultan yang lebih rasional.

Kalaulah dibiarkan baginda Sultan Kelantan mengikut kata hatinya saja maka nasib orang-orang politik di Kelantan akan berada di dalam keadaan serba salah. Kalau Tuanku tidak berkenan, maka Tuanku boleh menarik balik Datuk ataupun tidak mengundang mereka menghadiri acara rasmi istana.

PAS tentulah suka hal-hal ini kerana ia boleh menolong mereka untuk mencari pengaruh. Tetapi dari hukum Islam, apakah PAS patut membiarkan perkara ini berterusan. Bilalah agaknya Haji Nik Aziz mahu menegur baginda Sultan jika PAS benar-benar mendakwa ia berjuang mengikut landasan Islam.

Inilah dia PAS. Bila berdepan dengan orang-orang Melayu, ia mengaku ia berjuang kerana Allah, tetapi bila hal-hal seperti

ini berlaku, PAS tidak berani membuat teguran. Mereka pun masih takut dengan raja-raja. Kalau macam itu tiada bezanyalah ulamak PAS dengan ulamak kerajaan.

Sayapun telah banyak mendedahkan kesilapan PAS di dalam buku ini, samada perbuatan yang sengaja atau tidak disengajakan, oleh itu rasanya tidak perlulah saya memanjangkan lagi bab ini untuk maksud yang sama. Biarlah rakyat berfikir PAS ini berpehak kepada raja atau musuh dalam selimut seperti Bapak Kuching yang dianggap Bapak Merdeka?



Rais Yatim : Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik harap di ampun. Patik pacal yang hina datang mengadap membawa sembah.

Tengku Azlan : Sembah apa Rais?

Rais Yatim : Tuanku sebagai anak raja Pahang, kekanda Tuanku adalah Sultan yang memerintah, inilah peluang keemasan untuk Tuanku menjatuhkan Datuk Khalil.

Tengku Azlan : Cara macam mana Rais?

Rais Yatim : Tuanku buat kacau di Negeri Pahang ini. Percayalah Tuanku, siapa pun tak berani ganggu Tuanku. Rakyat Pahang kasihkan kekanda Tuanku Al-Sultan Ahmad Shah yang kasihkan UMNO dan sentiasa berkerjasama dengan kerajaan.

Tengku Azlan : Betul ke ni Rais?

Rais Yatim : Betul Tuanku, orang Melayu mana berani derhaka pada Raja. Dengan cara macam ini saja 46 boleh menang pilihanraya. Tengok siapa berani sentuh parti 46 kerana ia parti anak-anak raja. Apakah Tuanku masih tak percaya?



Tengku Azlan : You tulis Lee, tulis, baik-baik sikit. Bila kita semua sudah menang nanti, Ku Li mesti jadi Perdana Menteri. Tengku Sri Paduka Ibrahim, jadi Menteri Besar Terengganu dan saya, you jangan lupa mesti jadi Menteri Besar Pahang. Ingat ini janji ya Lim.

Lim Kit Siang : Apa ni Tengku? Semua kerusi politik baik-baik punya untuk anak-anak raja saja. Itu General Jaffar Onn you mahu dia jadi menteri apa?

Tengku Azlan : Lim, lu tak tahu ini hal. Itu Jaffar Onn sudah pencen, lain-lain pemimpin 46 tak pandai kerja punya. Dulu sudah jadi menteri berhenti, nanti kita kasi dia jadi menteri mesti bikin kacau lagi. Rakyat banyak sayang sama anak-anak raja. Mereka mesti sokong kita. Kita baik punya orang tak bikin kacau.

Lim Kit Siang : Ini macam banyak susah, belum menang you sudah macam-macam minta.

Tunku ulas kunjungan ke Kelantan sebagai

KECOH | HILAWAT | ANAGONG

Menarik Di Dalam

46 tak mahu Seri Perdana
- muka 6

Imej Syed Hussein terjejas
- muka 15

Harta: 46 nak saman UMNO
- muka 32

**KUALA LUMPUR: Tun-
ku Abdul Rahman Putra
mendakwa kerajaan pu-
sat mahukan lawatan
Yang di-Pertuan Agong
Sultan Azlan Shah ke**

Mentris Besar crises

THE RULERS MUST FIND THE SOLUTION

THE crisis over the Mentris Besar of Johore and Pahang is causing concern in United States here and the people of these two states to grow.

This is not the first time that a crisis over state government has occurred in the Malay Peninsula.

In 1948, in the case of the Government of Malaya, the crisis was resolved when the ruler and the people agreed to a new constitution.

Today, they are very much alike.

However, what happened in those cases would be repeated in the case of Johore and Pahang.

A claim is made that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.



QUOTE
 In that sense, the powers of the Sultan are limited and their role in the legislature of each state is infinitesimal or symbolic.

The ruler in the state of Johore and Pahang is not the ruler of the state. It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

The ruler in the state of Johore and Pahang is not the ruler of the state. It is claimed that the ruler of Johore and Pahang is not the ruler of the state.

46 amal politik kerabat diraja

SEREMBAN: Parti Semangat 46 akan menghadapi masalah apabila parti itu mengamalkan stail Politik Kerabat Diraja yang mengamalkan cara hidup senang-lenang dan serba mewah.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri, Encik Ishak Ismail yang menegaskan demikian berkata bahawa Kerabat Diraja selalunya tidak tahu akan pahit-maung dalam politik.

"Kerabat Diraja selalunya merasakan hidup senang-lenang dan mewah tanpa mengetahui akan masalah dan pahit-maung dalam berpolitik, oleh itu penglibatan yang terlalu ramai kalangan Kerabat Diraja dalam parti Semangat 46 akan mendatangkan masalah pada parti itu," tegasnya pada wakil MK.

Encik Ishak yang juga Ketua UMNO Bahagian Seremban menegaskan bahawa Kerabat Diraja hanya pandai memerintah tanpa mengetahui su-



TENGGU SERI PADUKA

sah senang bagi orang yang hendak menjalankan perintah tersebut.

"Satu lagi tabiat Kerabat Diraja ialah tidak suka ditentang, jadi bagaimana mereka hendak berpolitik yang menghadapi pelbagai masalah termasuk jatuh bangun dalam pertandingan," katanya lagi.

Beliau mengambil contoh peristiwa yang berlaku di Negeri Terengganu apabila pertelingkahan terjadi antara Ahli-Ahli Majlis Tertinggi Semangat 46, Tengku Seri Paduka Raja Tengku Ibrahim Ismail dengan Datuk Haji Engku Muhsein Ab-

dul Kader.

"Pertelingkahan tersebut berlaku apabila salah seorang daripadanya cuba menunjukkan penentangan terhadap kepimpinan yang lain, ini adalah contoh bagaimana politik Kerabat Diraja boleh mendatangkan masalah pada parti itu," tambahnya.

Beliau menegaskan bahawa Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah sendiri menghadapi masalah untuk menyelesaikan pertelingkahan tersebut.

Encik Ishak menegaskan bahawa rakyat akan menolak stail Politik Kerabat Diraja sebaliknya memilih kerajaan yang berjiwa rakyat dari rakyat.

"Mereka sedar bahawa kepimpinan Kerabat Diraja tidak akan dapat membawa apa-apa kebaikan kerana kepimpinan seperti itu tidak mengetahui selok-belok dan masalah rakyat bawahan yang sentiasa hidup dalam masalah dan kesusahan," ujarnya lagi.

M.K. 10-6-1990

BAB DUA

Tunku Putra lawan Bumiputera

Putra World Trade Centre atau dalam bahasa Melayunya Pusat Dagangan Dunia Putra adalah satu-satunya bangunan 'landmark' Kuala Lumpur yang istimewa dan dikenali diseluruh negara kalau tidak pun di seluruh dunia. Dari segi saiz dan reka bentuk, ia mungkin tidak sehebat **IBM World Trade Centre** di **New York**. Namun bangunan 40 tingkat ini mempunyai keistimewaan dan sejarahnya yang tersendiri kepada kaum bumiputera iaitu, orang Melayu.

Selain dari menempatkan Ibu Pejabat UMNO Malaysia dan menjadi tempat diadakan Perhimpunan Agung UMNO, setiap ruang bangunan itu menyimpan sejarahnya yang tersendiri, sejarah suka duka masyarakat bumiputera yang berkecimpung dalam arena perniagaan. Ada diantaranya yang berjaya dan tidak kurang juga yang terpaksa golong tikar akibat pelbagai sebab.

Hari ini, PWTC masih lagi menjadi tumpuan ahli-ahli perniagaan bumiputera samada ahli perniagaan yang ada berkaitan dengan UMNO, ataupun mereka yang bebas dari memperalatkan parti tersebut serta mereka yang berlagak sebagai *'big-time businessmen'*.

Kiranya anda berkunjung ke PWTC dan duduk minum di salah sebuah 'coffee house' yang terdapat di hotel bersebe-

lahan atau di dalam bangunan itu sendiri, tidak mustahil anda akan bertemu dengan orang Melayu yang berpakaian suit, dan membawa 'briefcase' dan mungkin telefon ATUR bercakap pasal bisnes itu - ini dan ada 'contact' dengan menteri sipolan-sipolan. Tapi bukan semua yang berpakaian seperti ini merupakan ahli perniagaan bumiputera yang *genuine*. Ada juga di antara mereka yang duduk minum di situ sekadar 'cari makan'. Mereka yang nasib tak baik dan cepat terpengaruh akan jadi mangsa.

Biar bagaimanapun begitulah gambaran orang Melayu yang terlibat dalam dunia perniagaan. Dari sekadar membuka warong goreng pisang dan putu-piring di tepi jalan, orang Melayu sudah sampai ke peringkat dunia perniagaan korporat yang begitu mencabar. Dari tak pandai menipu, kerani bank pun sudah pandai menipu berpuluh juta ringgit. Apa lagi orang politik dan ahli perniagaan Melayu yang ada '*connection*' dengan politik dan istana. *Income tax* yang berjuta-juta pun mereka dah pandai tipu. Mereka tahu cara-caranya. Dan siapa pun tak boleh buat apa-apa.

Dan dari penjaja kecil yang hanya memerlukan pinjaman dua tiga ribu ringgit dari MARA orang Melayu sudah bercakap pasal projek jutaan, malah puluhan juta ringgit yang memerlukan pinjaman '*syndicated*' dari '*consortium* bank-bank'. Dan hari ini juga sudah ada kerabat-kerabat di Raja yang terlibat secara langsung dalam syarikat-syarikat korporat.

Inilah dunia perniagaan bumiputera, dunia yang pada satu ketika dulu terlalu asing untuk orang Melayu.

Sebenarnya penglibatan orang Melayu dalam bidang ekonomi bermula selepas 13 Mei terutama sekali selepas Tunku meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan selepas orang-orang Melayu membaca buku '**The Malay Dilemma**' yang ditulis oleh Dr. Mahathir.

Selepas 13 Mei, timbullah gerai-gerai Melayu membanjiri

Ibukota. Dulunya orang-orang Melayu membiarkan bidang ekonomi dimiliki oleh bangsa lain. Selepas 13 Mei, timbul kesedaran bahawa orang-orang Melayu perlu mengambil semula hak mereka dibidang ekonomi. Melalui Dasar Ekonomi Baru juga, orang-orang Melayu menceburi dunia korporat. Semakin ramai kaum bumi melaborkan wang ringgit mereka didalam pasaran saham. Kalau dizaman Tunku, tidak ada Tan Sri Azman Hashim, Datuk Shamsuddin (Sapura), Haji Shahrani (Shahpadu), Datuk Malik Marican dan lain-lain, tetapi hasil daripada DEB semakin ramai usahawan Melayu menceburi dunia korporat dan sejak Daim jadi Menteri Kewangan nampaknya golongan korporat Melayu mahu membolot bidang ini. Inilah yang menimbulkan perasaan tidak senang dari mereka yang melihat kemajuan orang Melayu termasuk ahli UMNO sendiri yang tak dapat peluang.

Di zaman Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri biarpun misalnya hanya 100 orang sahaja daripada 1000 orang bumiputra yang diberi peluang berniaga berjaya dalam perniagaan masing-masing, ini sudah merupakan satu kejayaan besar jika dibandingkan di zaman Tunku. Tidak mustahil dari 100 orang jutawan ini, akan lahir pula tiga atau empat orang **bilionaire** Melayu.

Di zaman Tunku selain dari golongan feudal dan mereka yang rapat dengan istana, adakah jutawan Melayu yang lahir disebabkan usaha mereka sendiri?

Tapi sayangnya ramai menteri-menteri dalam kabinet Mahathir yang berfikiran cetek atau saja tak suka melihat bangsa sendiri maju. Mereka macam tak senang melihat lebih ramai orang Melayu di bidang perdagangan dan perindustrian. Mereka menjadi menteri dan memiliki kuasa untuk membuat keputusan. Tapi disebabkan fikiran dan jiwa masih terjajah, mereka menjadi seolah-olah macam pegawai kerajaan yang menunggu dan menantikan perintah. Mahathir bukan sahaja memberi peluang kepada orang Melayu untuk

menjadi kaya, tapi beliau juga memberi peluang kepada orang-orang Cina dan India.

Menurut kolumnis Kunta Kinte sewaktu membela Dr. Mahathir:

Yang baik kita kata baik, tapi yang tak betul, tak betul jugalah. Yang Tunku kata kerajaan bagi monopoli perniagaan dan perdagangan kepada orang Melayu tu tak betul sama sekali. Kalau betul masakan ahli-ahli perniagaan muda Cina dan India macam Datuk Francis Yeoh (Yeoh Tiong Lay YTL), Tan Sri Aramugam (General Electric), Encik Lim Thian Kiat (Kamunting Corporation), Encik Ananda Krishnan (Pan Malaysian Pools) dan ramai lagi yang telah naik menjadi jutawan dan terus maju dalam perniagaan.

Tapi sayangnya dimana mereka masa kerajaan kena belasah oleh Tunku? Kasihan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita. Masa kena balasah tak ramai kawan nak tolong, tapi masa senang ramai ikut ke hulu ke hilir. Mungkin ramai member Kunta Kinte tak tahu Datuk Francis Yeoh dapat banyak kontrak pembinaan awam, Tan Sri Aramugam dapat komisyen wakil syarikat-syarikat besar jual barang kepada negara, Encik Lim dapat projek jalan tol dan Ananda Krishnan jadi broker minyak. Tapi apa fasal tak cakap sikit pun bila Tunku belasah Dr. Mahathir?

Ini buat Kunta Kinte terkilan. Bukan alang kepalang punya terkilan. Berlinang air mata, sebak dada. Yang mati-matian membela kerajaan, yang mati-matian membela Dr. Mahathir ialah peniaga kecil di Pekan Rabu, Alor Setar, peniaga kecil di Pasar Besar, Kota Besar, Kota Bahru, orang UMNO dan Datuk

Sri Samy Vellu. Kemana pergi yang lain? Yang dapat kontrak besar, yang dapat agensi perniagaan lumayan! Janganlah masa kerajaan senang kita sokong, bila kerajaan kena belasah kita cuci tangan. Kalau orang macam Kunta Kinte saja cakap, tapi orang yang dapat faedah daripada dasar kerajaan diam, makin naik tocanglah Tunku dan kuncu-kuncu dia. Kalau tak faham pepatah Melayu biar Kunta Kinte bagi pepatah Inggeris - a friend in need is a friend indeed. Seorang kawan sejati adalah kawan dalam kesusahan.

Malangnya Tunku tidak nampak keupayaan orang-orang Melayu untuk menjadi usahawan yang baik. Tunku sebaliknya memandang hina dan benci kepada usahawan dan ahli korporat Melayu yang tumbuh macam cendawan selepas hujan sebab itu Tunku mengesyorkan agar orang-orang China saja menceburi dunia perniagaan. Mengapakah kita begitu pesimistik terhadap bangsa sendiri? Tidakkah cukup selama Tunku menjadi Perdana Menteri dan Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Menteri Kewangan dan kemudiannya Menteri Perdagangan dan Perindustrian, kebanyakan kekayaan negara berada di tangan bangsa asing dan bukan Melayu? Apakah kita mahu kekalkan status quo ini? Apakah kita mahu segalanya di monopoli oleh segolongan puak saja? Kebiasaan dan adat resam dunia tak ada yang kekal. Apa lagi kekayaan. Ia mesti berpindah tangan. Kalau kekayaan kekal ditangan manusia tertentu saja, dunia ini sudah jadi milik Qarun atau Firaun.

Para pembaca tentu hairan mengapa Tunku membuat kenyataan seumpama ini. Kepada saya ia tidaklah menghairankan. Kalaulah Tunku boleh menyerahkan Singapura kepada Lee Kuan Yew begitu saja tanpa mengambil kira sentimen bangsa Melayu, tentulah tidak susah bagi Tunku menyerahkan bidang perniagaan kepada kaum tertentu saja. Dan bersorak sorailah orang-orang yang senang dengan ke-

nyataan Tunku itu. Untuk tujuan analisis, marilah kita renung dan kaji yang tersirat disebalik kenyataan Tunku ini.

Mengapakah Tunku membuat kenyataan seperti ini? Kalau tak ada angin masakan pohon bergoyang.

Pertama kenyataan Tunku tersiar di dalam akhbar '**Nanyang Siang Pau**', sebuah akhbar berbahasa Cina yang pertama di negara ini. Saya rasa edaran akhbar itu melebihi 100,000 naskah setiap hari. Ia dibaca oleh orang-orang Cina. Walaupun edarannya 100,000 tetapi pembacanya ramai. Maklumlah di Malaysia, senaskah suratkhbar dibaca oleh 10 orang. Bermakna ada sejuta orang membaca akhbar ini.

Tunku sedar akhbar ini tidak akan dibaca oleh orang-orang Melayu. Tidak ramai Melayu faham bahasa Cina. Jadi apa yang Tunku kata tidak akan sampai ke pengetahuan orang-orang Melayu. Dan orang-orang Cina tentulah tidak akan memaklumkan kenyataan Tunku kepada orang-orang Melayu, kerana ini akan merugikan orang-orang Cina.

Apabila akhbar **Strait Times** Singapura menyiarkannya tidak lama kemudian barulah orang-orang Melayu mengetahuinya. Merekapun naik hot. Maklumlah kenyataan Tunku itu berupa menghina orang-orang Melayu.

Tunku menyedari orang-orang Melayu membantah syornya itu lalu membuat penjelasan. Sebelum itu Ku Li telah menafikan kononnya Tunku tidak berkata seperti apa yang ditulis didalam surat khabar. Tetapi Tunku mengesahkan kemudiannya. Inilah dia dua ragam manusia. Tunku membuat kenyataan sesuka hati tanpa mengambil kira perasaan orang-orang Melayu. Dan Ku Li pula asyik membela Tunku tanpa usul periksa atau tanpa mengambil kira samada kenyataan Tunku itu berasas ataupun sebaliknya. Adakah manusia seperti ini boleh dianggap sebagai orang yang berlaku adil? Apakah Tunku mahu golongan istana sahaja yang mendapat

segala macam peluang perniagaan? Apakah Tunku tak tahu bahawa segala perniagaan yang dimiliki oleh golongan istana hampir kesemuanya dialibabakan kepada orang-orang Cina, samada kawasan balak, tanah lombong, perumahan dan lain-lainnya. Penglibatan orang Melayu sekadar menjadi proksi sahaja.

Sekarang Ku Li tentulah terasa malu akibat penafiannya itu. Dan saya faham Tunku membuat kenyataan itu bukannya Tunku percaya Melayu tidak boleh berniaga. Tunku tahu orang Melayupun cerdik dan mampu bersaing dengan orang-orang Cina. Lihatlah sekarang. PNB berupaya menonjolkan orang-orang Melayu didalam dunia korporat.

Habis mengapakah Tunku membuat kenyataan yang begini rupa? Saya berpendapat, Tunku sedar Semangat 46 tidak boleh menang jika ia tidak disokong oleh orang-orang Cina. Untuk menarik sokongan orang-orang Cina, Tunku telah memberi '**hint**' kepada orang-orang Cina bahawa dunia perniagaan adalah milik mereka dan jika 46 menang, maka orang-orang Cina boleh berniaga dengan bebas. Dan kerajaan 46 tidak akan sekat mereka dari membeli dan menanam modal didalam syarikat-syarikat besar. Dan tidak ada lagi kuota 30 peratus dimana kedudukan bangsa Melayu dijamin melalui kuota ini.

Tentulah orang-orang Cina gembira mendengar tawaran dari Tunku. Dan tak hairan jika orang-orang Cina akan turut sama menyokong 46 kerana merasakan dasar 46 lebih liberal dari dasar UMNO. Melalui UMNO, nasib Cina, menurut Tunku tidak terbela, tetapi melalui 46, orang-orang Cina akan diberikan monopoli dibidang perniagaan. Inilah lagu dan rentak yang dimainkan oleh Tunku untuk menarik sokongan masyarakat Cina.

Tunku tidak akan menafikan sekiranya tidak timbul kontroversi. Lalu Tunku membuat penjelasan. Mengapa tidak

membuat penjelasan dan penafian semasa interview itu tersiar dulu? Mengapa setelah orang Melayu membantah barulah Tunku mengatakan kesilapannya?

Lagi pula orang-orang Cina sudah mempercayai kata-kata Tunku. Walaupun Tunku menafikan, ia tetap tidak dipercayai oleh orang-orang Cina.

Sayapun tidaklah mahu berlaku **unfair** kepada Tunku. Saya tidak mahu dianggap sebagai penulis upahan seperti Yahya Ismail yang hanya mahu mencari kesalahan orang lain, terutama Dr. Mahathir dan pemimpin kerajaan.

Apakah Tunku dan Tengku Razaleigh Hamzah mahu Lim Kit Siang menjadi Perdana Menteri barulah kedua-dua mereka ini dapat lena tidur dihari tua mereka? Kalau macam ini, Tunku dan Ku Li ibarat kata orang tua-tua "Bapak borek anak rintik, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi, bagaimana acuan dari istana ini begitulah kuahnya".

Nampaknya di hari tuanya Tunku sudah tersalah *rel*. Begitu juga Ku Li setelah terkeluar dari UMNO. Dulu merekalah yang menentang habis-habisan DAP sehinggakan Tunku sendiri pun di dalam bukunya sebagai mengulas trajedi 13 Mei, telah menyalahkan DAP sebagai punca huru hara yang berlaku di negara ini.

Apakah sekarang Tunku merasakan perjuangan DAP itu maha suci? Apakah Tunku merestui konsep Malaysian Malaysia yang dilaung-laungkan oleh DAP? Untuk anda yang tidak faham konsep Malaysian Malaysia DAP itu biar saya ulas hal ini sedikit. Dibawah konsep ini rakyat Malaysia dari semua kaum mendapat hak yang sama, samada kemasukan ke universiti, bidang perniagaan, perkhidmatan didalam polis dan tentera. Ini bermakna kalau ada sembilan tempat di universiti maka tiga adalah hak Melayu, tiga lagi hak Cina dan tiga hak India. Bermakna juga orang-orang Melayu tidak lagi berpelung menikmati hak keistimewaan. Inilah Malaysian Ma-

aysia. Dan nampaknya konsep ini disokong oleh Tunku. Tidakkah ini namanya menjual negara ini kepada DAP.

Tunku selalu mendakwa bahawa ia merupakan Bapak Kemerdekaan. Apakah guna menyanyikan lagu yang sama tetapi didalam tindak tanduknya berlainan. Apakah Tunku terlupa siapakah yang menentang Melayu dan UMNO selama ini? Bukankah DAP dan Kit Siang yang selama ini menjuarai perjuangan bangsa Cina sehingga menimbulkan ketegangan antara kaum di negara ini?

Sekiranya orang-orang Melayu mendengar nasihat Tunku dan menyokong Semangat 46 di dalam pilihanraya umum akan datang maka nasib masa depan anak-anak Melayu berada di dalam kegelapan.

Kita tidak lagi dapat berbangga kerana kuasa yang ada ditangan kita akan dikongsi oleh orang lain. Selama ini kita berkongsi kuasa dengan MCA dan MIC tetapi kedua-dua parti ini tidak pernah mempertikai ataupun menentang hak-hak Melayu kerana kita bersatu dan orang Melayu memiliki 83 kerusi yang dimenangi oleh UMNO, iaitu seratus peratus dari jumlah kerusi Parlimen yang ditandingi oleh parti tersebut. Bila Kit Siang dan kawan-kawannya duduk sama di dalam kabinet dengan DAP memiliki 40 kerusi maka besar kemungkinan, hak-hak Melayu akan terlepas perlahan-lahan.

Tunku sudahpun berusia 85 tahun dan akan meninggal dunia bila-bila masa. Bagaimana dengan anak-anak cucu kita yang mengharapkan kerajaan untuk membela nasib bangsa Melayu? Seperti yang saya sebut diawal tadi, UMNO tidak boleh digugat oleh orang-orang bangsa lain. Ia hanya boleh digugat oleh orang-orang Melayu sendiri.

Kata Tunku, Ku Li dan kawan-kawannya telah diperalatkan oleh orang-orang tertentu untuk melihat bangsa Melayu berpecah belah. Kit Siang menyedari keadaan ini, dan diapun

turut sama memanaskan lagi iklim politik Malaysia dengan turut menyertai bersama Semangat 46.

Dalam dekad ini saya mendapati perpecahan yang berlaku samada didalam perniagaan ataupun parti disebabkan mereka sesama mereka bercakaran. Kerajaan PAS tewas di Kelantan kerana perpecahan didalam PAS. Kekalahan kerajaan Berjaya di Sabah juga disebabkan percakaran di dalam Berjaya sehingga mendorong orang-orang Islam untuk turut menyokong kerajaan PBS. Sekarang mereka menyedari kesilapan mereka menyokong kerajaan PBS. Tetapi semuanya sudah terlambat. Allah menyedarkan kita melalui contoh-contoh ini, terpu-langlah kepada kita untuk sedar ataupun tidak.

Sejarah mengajar kita berhati-hati supaya kita tidak akan menjadi mangsa sejarah. Saya bimbang tentang masa depan bangsa saya sendiri. Saya tak mahu melihat bangsa saya hidup melarat seperti orang-orang Palestin di tanahair mereka sendiri.

Saya ingin menegaskan bahawa saya menegur Tunku dan lain-lain lagi bukan bererti saya anti kepada kumpulan ini. Saya membuat peringatan ini supaya mereka sedar salah dan silap yang mereka lakukan selama ini. Mungkin dengan teguran saya ini mereka akan terbuka hati untuk kembali ke pangkal jalan. Dr. Mahathir pun sudah buka banyak jalan untuk Tunku dan Ku Li. Sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri beliau sudah menawarkan jawatan menteri kepada Ku Li kalau anak raja Kelantan itu mahu menganggotai semula UMNO. Tapi Ku Li tak mahu. Ku Li nak jadi Perdana Menteri. Ku Li nak rampas hak rakyat sebab jawatan Perdana Menteri itu adalah hak rakyat bukan hak Dr. Mahathir. Macam mana Dr. Mahathir nak berikan sesuatu yang bukan menjadi miliknya. Dr. Mahathir bukan raja. Dia tak boleh membuat sesuatu dengan membelakangkan Perlembagaan Parti dan Perlembagaan Negara:

Saya berharap Tunku sebelum dia menghembuskan nafas yang terakhir akan pulang semula ke pangkuan Melayu dan

UMNO yang ada agar, dia tidak lagi melakukan dosa-dosa kering seperti ini. Ada lebih baik sahaja kita ketepikan Semangat 46. Kalau Semangat 46 kalah dalam pilihanraya akan datang, Tunku sudah tentu akan senyap. Senyap bererti beliau tidak akan melakukan dosa-dosa semacam itu. Moga-moga Tunku akan sedar dan pengikut 46 akan sedar tentang kesilapan mereka. Semoga mereka yang sesat di hujung jalan akan kembali ke pangkal jalan. Masih belum terlambat bagi Tengku Razaleigh untuk kembali ke pangkuan UMNO atau berundur terus dari parti bernombor yang telah merosakkan nama baiknya dan nama baik istana bergaduh dan bergocoh dengan kaum bumiputera yang cintakan UMNO yang menegak dan menjunjung kedaulatan institusi raja-raja Melayu.



- Kanak-kanak** : Ampun Tuanku... '*bulat*'.. Tuanku...
- Ibrahim Ali** : Eh budak, bukan '*Bulat*' Tuankulah, '*Daulat*' Tuanku. Lagipun, Datuk Rais bukan Tuanku dan dia bekas Menteri Besar. Yang '*Bulat*' tu Tok Mat.
- Rais Yatim** : Tak mengapa nak, you nak sembah saya sembahlah. You nak kata 'Bulat Tunku pun bulatlah'. Awak nak panggil saya "*Tuanku*", panggilah. Saya tak akan *tulah*. Saya ini kan Timbalan Presiden 46. Presiden saya Ku Li, bapa saudara Sultan Kelantan. Penasihat kami '*Tuanku*'. Saya pun selalu sembah anak-anak raja dan panggil mereka '*Tuanku*'.
- Ibrahim Ali** : Warna Semangat 46 adalah warna *kuning*, warna *Raja*. Bila kita berkuasa nanti, Datuk Rais akan dapat D.K kelas satu. Siapa tahu satu hari nanti, kalau tak ada anak raja yang boleh jadi Raja, Rais pun boleh mewarisi takhta Raja.
- Rais Yatim** : Sembahlah nak, sembah. Sekali saya menyembah orang, ini saya kena sembah. Main sembah-sembah ini kan sedap. Tak percaya, tanya P. Ramlee. P. Ramlee akan kata bukan '*setanlah*'.. '*syaitan*'.. '*Sultan*'...



Popeye The Sailor Man. Toot... toot...!

PAS pernah jual maruah Melayu kepada DAP

KUALA TERENGGANU 25 Nov. —
Kata Presiden UMNO
Malaysia, Dato' Haji
Harun Idris berkata,
PAS pernah menjual
maruah orang-orang
Melayu kepada DAP ter-
masuk membiayai calon-
calon PAS yang bertan-
dang dalam pilihanraya
1997.

Katanya: "Tunan
hendak tunjukkan bukti,
PAS tidak menang satu
kerusi pun di Negeri Se-
langor, sebaliknya DAP
terlah berjaya memenuhi
keperluannya, setelah men-
dapat kemenangan yang
besar."

"Sekali itu DAP
maka mengeluarkan ka-
ta-kata kesat dan mahu
patah orang Melayu dan
mestakuti pula kempen-
nya. PAS sudah sama

swam dan menyalahkan
kerajaan semata-mata."
Tambahan lagi.

Bekas Menteri Besar
Selangor itu berkata de-
mikian dalam ceramah-
nya membantu calon Ba-
harian Nasional dalam ka-
wawan pilihanraya kecil
Binjai, Encik Muda Ma-
mat di Balai Raya Binjai
Rendah dan markas su-
rau Haji Daud, kira-kira
40 kilometer dari sini
malam tadi.

Dalam pilihanraya
dua penjurong yang hari
mengundi 9 Disember
depan, Encik Muda di-
tentang oleh calon PAS,
Encik Abdul Wahab
Salleh. Turut hadir ber-
sama beratus-ratus
orang penyokong calon
BN ialah Menteri Besar,
Datuk Sri Amar Haji
Wan Mohd. Yusoff Ahmad.

PAS sentiasa mengeluar-
kan kata-kata sumbang,
bila kerajaan melak-
sakan program pem-
angunan untuk kepen-
tingan orang Melayu di
negara ini.

Sambil berseloroh be-
liau menambah: "Ba-
nyak sudah kerajaan
buat, tapi ada juga yang
tak sempat buat, dan ini
menyebabkan orang-
orang PAS mengambil
kesempatan menyatakan
kerajaan tidak berbuat
apa-apa untuk kepernti-
ngan orang Melayu dan
umat Islam."

Beliau juga menegaskan:
"Bahawa umat Is-
lam di seluruh dunia ya-
kin kepada Kerajaan
Malaysia yang ada seka-
rang dapat mengem-
bangkan Islam, dan se-
tiap usaha kita dapat



Datuk Rais Yatim, Timbalan Presiden Semangat 46 sedang menandatangani satu surat Perjanjian yang penting dengan para pemimpin DAP. Duduk disebelahnya ialah Yang Berhormat Encik Lee Lam Thye. Dan berdiri dibelakang ialah Dr. Chen Man Hin, Pengerusi DAP.

Apa juga yang sudah disetujui oleh Datuk Rais. Pak Habib tak tahu tapi Tunku Abdul Rahman dulu pun masa buat perjanjian dengan British untuk kemerdekaan Negara, tak siapa yang tahu. Orang ingat Tunku bapa kemerdekaan padahal Tunku cuma seorang *negotiator*. Baguslah Rais, awak Timbalan Presiden 46. Lagi awak boleh sain, sainlah, asal jangan tersilap sain sudahlah. Kita bimbang pemimpin Semangat 46 yang tidak lagi menghormati *demokrasi* yang sudah banyak sangat buat silap. Kesilapan yang boleh merugikan masa depan anak cucu. Perjuangan untuk kerusi perut dan poket adalah satu kerja yang sia-sia yang sedang diperjuangkan oleh pemimpin 46 yang sudah bakar jambatan dan kecewa.



- Ibrahim Ali : Ku tak takut ke, Ku..?
- Ku Li : Takut Gapo?
- Ibrahim : Nak naik roket dibelakang kita tu?
- Ku Li : Kenapa dengan roket tu, Brahim?
- Ibrahim : Tahun 1987 dulu Team B naik '*Challenger*' bersama dengan Musa Hitam lawan Mahathir - Ghafar. '*Challenger*' meletup, kita semua jahanam, hilang jawatan, hilang macam-macam. Ini naik roket dengan PAS pulak. Kalau meletup sekali lagi macam mana Ku?
- Ku Li : Dengan Musa lain Heng. Musa tu bukan kawan kita, dia tipu aku, dia saja nak susahkan kita semua, tapi kali ini kita dengan Haji Hadi, Nik Aziz dan tok guru, tok lebai belaka. Mereka semua boleh berzikir, baca doa. Mu jangan bimbang tak ada apa-apa. Mana tahu naik roket DAP, cepat sampai ke atas?
- Ibrahim : Ku, patek nak beritahu Ku, orang tua-tua kata ***cepat naik cepat jatuh Kul!*** Ku tak takut jatuh ke? Ku dah berapa kali jatuh?
- Ku Li : Mu jangan merepek Brahim, lebih baik aku jatuh sebagai **Presiden** dari jatuh sebagai ahli biasa macam Musa.
- Ibrahim : Benar Ku benar.....

BAB TIGA

Anak Raja Bergocoh dengan Menteri 'Master Kangkong jadi Referi'

26hb. Mac 1990 lapangan terbang Kuala Terengganu penuh sesak dengan orang ramai yang menghantar dan menunggu segolongan kecil saja yang mahu berlepas ke Kuala Lumpur. Jam menunjukkan pukul 8 pagi. Pak Habib masih menanti samada dapat tempat duduk atau tidak. Kebetulan penerbangan pagi ini penuh. Pak Habib sekadar nak cuba nasib saja. Kereta Pak Habib diletak di padang letak kereta. Kiranya tak dapat Pak Habib balik semula ke Hotel Pantai Primula. Kalau dapat berlepas ke Kuala Lumpur, malam nanti pulang semula ke Kuala Terengganu.

50 tahun dahulu siapa yang boleh menyangka, menduga atau bermimpi, yang manusia biasa boleh berulang-alik ke Kuala Lumpur-Kuala Terengganu dalam masa satu hari. Berapa ramai rakyat Terengganu yang terfikir mereka boleh menjadikan kapal terbang boeing 737 sebagai kenaikan mereka? Inilah rahmat Tuhan kepada hambaNya. Marilah kita mengucap syukur kepada Tuhan yang Maha esa.

Sementara menunggu panggilan, Pak Habib bertemu dengan beberapa orang kawan, diantaranya seorang kawan lama.

Dia ni Datuk, bekas Ahli Parlimen yang menetap di Kuala Lumpur. Sekarang ini dia seorang ahli perniagaan. Dia ni baik orangnya tetapi sayang sedikit, 'sakit jiwa' mungkin dah cacat sikit akal kerana desperado. Muda-muda lagi dah jadi pencen politik, masuk Semangat 46 pun tak semangat tapi masih mahu jadi Menteri Besar Terengganu kalau boleh.

"Buat apa di Tegau Bek?"

"Buak apa lagi kalau dok cari bahang?"

"Sungguh ke Abik nok tuleh buku? Nama apa dia gok buku hok baru tu?"

"Politik guano gamnok?"

"Sedak sungguh bunyi tu, siak doh?"

"Tok siak lagi. Ada probleng sekali."

Kami berdua berbual ikut loghat Terengganu. Orang Terengganu jumpa puak-puak Terengganu macam itik jumpa itiklah. Tapi ada juga yang ngada-ngada, mulut tak hilang bau budu lagi nak cakap macam orang luar. Perkataan sen pun belum pandai sebut dengan betul.

"Baca doh buku Skandal Wan Mokhtar?"

"Dok lagi".

"Nok Seutir?"

"Mu nok we ke aku..., aku ambik..., tanya wa pa gok?" Dia senyum. Dia tahu saya tahu yang dia pengedar 'booklet' free senipis 82 halaman yang mesti dibahagikan pada orang tertentu. Kalau jual di kedai orang tak mahu beli.

Kuala Terengganu tak ubah macam kampung laman saya. Bila berada di sini saya bercakap ikut loghat Terengganu.

Nenek saya, ibu kepada emak saya orang Terengganu. Suku sakat warih warah ramai di Negeri Darul Iman ini. Saya dibawa kemari lebih kurang setengah abad yang lalu dalam perang dunia kedua, bersekolah rendah di bandar ini, Sekolah Ladang. Begitulah rapatnya hubungan saya dengan Terengganu. Hampir sama rapat dengan Johor tempat saya dilahir dan dibesarkan.

Datuk tadi memberi saya buku Yahya Ismail yang terbaru, terbitan Dinamika Kreatif Sdn Bhd. Saya simpan dalam briefcase. Kali ini Yahya tidak pakai nama Ibnu Khalid macam buku terbitannya **'SKANDAL MATTAIB MB SELANGOR'**. Yahya ini ada dua tiga bin, lain buku lain ibnu yang dipakainya. Kali ini dia gunakan nama ayahnya Ibnu Ismail.

Buku Yahya yang terbaru menjadi perbualan di kedai-kedai kopi oleh orang-orang yang macam Yahya. Orang yang bercakap yang itu, yang itu juga. Mereka yang sudah tertanam dengan semangat kebencian, iri hati dan dendam terhadap UMNO, Dr. Mahathir dan 'ayah Wan'. Mereka seronok dapat buku caci maki dan fitnah Menteri Besar Terengganu. Pada hal mereka terlupa yang dihina itu Menteri Besar mereka sendiri, *'meludah ke langit mercik ke muka sendiri'*.

Buku Ibnu Ismail ini boleh habis dibaca dalam masa paling lama satu jam atau kurang. Ini bukanlah buku Yahya yang pertama yang saya baca. Bagi rakyat Terengganu mungkin mereka tak kenal siapa Yahya Ismail yang sebenarnya. Terutama mereka yang tak tahu *'High politic'* dan tidak kenal kepada penulis-penulis dan para penganalisa politik.

Hendak tahu siapa Yahya Ismail yang sebenarnya cuba baca buku **'MATINYA PARTI BERJAYA'** oleh Yusof Jalil yang telah berjaya memamatkan penulisan politik Yahya di Sabah dengan satu buku saja **'MATINYA PARTI BERJAYA'**. Sesudah itu Yahya pun gulung tikar hinggalah terjumpa golongan serpihan yang tak kenal mana satu kuda mana satu keldai. Kata Yusof mengenai Yahya;

Yahya adalah seorang pengkritik sastera yang diragui oleh para sasterawan yang kini telah menjadi penulis politik kerana buku politik lebih laris dari buku sastera.

Bukti Yahya penulis yang boleh diupah tercatat di belakang bukunya. Yahya mempunyai firma perunding sendiri di bidang penulisan, kebudayaan dan perhubungan awam. Yahya sedia menerima upah dari sesiapa, pada bila-bila masa untuk menulis apa saja, biar sekalipun menjatuhkan kerajaan Islam di Sabah yang dipimpin oleh Tun Mustapha. Yang penting kepada Yahya ialah pembayarannya. Siapa saja yang mahukan propaganda boleh mengupah Yahya Ismail atau Ibnu Khalid menulis.

Yahya tak peduli, biar umat Islam bercakaran, bergocoh sesama sendiri, biar kerajaan Terengganu yang dipimpin oleh orang yang ada maruah, ada asas Islam, ada pengajian agama hancur, biar rakyatnya hidup dalam keadaan huru hara dan duka nestapa. Biar satu hari nanti rakyat Terengganu jadi macam umat Islam di Sabah. Atau orang pelarian di Pulau 'Viet Dong', Duyong. Biar... Yahya Ismail tak peduli. Dia tak ada apa-apa hubungan dengan negeri Terengganu. Memikirkan nasib masa depan rakyat Terengganu bukan tanggungjawab Yahya. Tugasnya tulis buku jatuhkan kerajaan Wan Mokhtar yang memberi perlindungan kepada umat Islam. Yang penting baginya jatuhkan Datuk Wan Mokhtar gomo habis-habisan dan gantikan kerusi itu dengan adik Sultan, Tengku Ibrahim, Ku Heng. Yahya nampaknya mahu kembalikan Terengganu ke zaman feudal. Biar segala-galanya berada ditangan kerabat diraja seperti Kerajaan Brunei. Kekayaan dan kekuasaan dalam tangan golongan istana. Rakyat jadi hamba.

Buku Yahya '**BERJAYA DI TENGAH-TENGAH POLITIK MALAYSIA**', bolehlah dianggap sebagai lanjutan atau pembesaran kepada sebuah buku kecil (booklet) berjudul '**SKANDAL POLITIK TUN MUSTAPHA**'. Seperti yang

diceritakan dalam *'The Politic of Federalism'* buku kecil setebal 53 halaman ini diterbitkan juga oleh Dinamika Kreatif. Buku ini boleh didapati dengan percuma dari pejabat penerangan di Jabatan Ketua Menteri Sabah pada ketika itu.

Butir-butir yang menjadi dasar kepada buku Yahya ini kebanyakannya dipetik dari buku *'The Politics of Federalism'* oleh Burce Ross-Larson, tahun 1976.

'BERJAYA DI TENGAH-TENGAH POLITIK MALAYSIA' di samping memuja-muja Harris dan Parti BERJAYA, merejamkan lembing penanya terhadap Tun Mustapha dan memberi ruangan khas untuk mencaci Syed Kechik.

Cara Yahya merujuk dan menggunakan petikan-petikan dari *'The Politics of Federalism'* sangat mengelirukan. Yahya menghentam Syed Kechik sepertimana yang ditulis oleh Ross-Larson. Cara itu digunakan berulang-ulang kali oleh Yahya untuk turut menghentam Tun Mustapha tetapi Yahya juga mengecam Syed Kechik kerana membidas Tun Mustapha.

Sekiranya saudara membaca buku-buku Yahya: **'POLITIK UMNO MELAYU TERGUGAT'** dan **'KRISIS UMNO DILEMA MAHATHIR'** saudara akan dapati cara yang hampir sama. Begitu juga dalam buku-bukunya **'SKANDAL MAT TAIB MB SELANGOR'** dan **'SKANDAL POLITIK WAN MOKHTAR DI TERENGGANU'**. Yahya suka mendedah dan menulis mengenai skandal kerana Yahya tahu orang ramai seronok mendengar cerita mengenai skandal dan Yahya bijak mengeksploitasi pemikiran rakyat dengan sindrom skandal.

Nampaknya Yahya berjaya menanam semangat kebencian terhadap Dr. Mahathir, Wan Mokhtar dan UMNO. Yahya telah menanamkan semangat supaya rakyat memusuhi pemimpin Islam yang berkuasa. Bukan kerana Yahya hendak memperjuangkan kebenaran, nak menegakkan yang hak,

bukan kerana perjuangan untuk menentang kemungkaran tetapi Yahya mahu merebut kerusi dan kuasa untuk memberikan kepada tuan-tuannya dari kalangan istana dan supaya Tengku Razaleigh jadi Perdana Menteri. Kalau boleh semua anak raja disetiap negeri jadi Menteri Besarnya. Semua harta kekayaan negara dalam kuasa istana. Yahya jadi managernya.

Di mata Yahya Ismail siapa saja yang menjadi musuh-musuh boss-bossnya adalah musuh utamanya. Nampaknya Yahya ini semacam mewarisi pemikiran penjajah Inggeris yang mahu menggunakan istana untuk kepentingan dirinya. Padahal Yahya pernah menyuruh kita para penulis, bertanya pada diri mereka apakah mereka jujur dalam amalan hidup mereka setiap detik waktu? Apakah Yahya jujur dan ikhlas dalam tujuannya sebagai penulis apabila dia cuba kembalikan zaman feudal untuk menguasai rakyat yang sudah merdeka?

Orang yang telah membaca buku-buku Yahya berkata bahawa kebenaran tidak menjadi persoalan dalam tulisan-tulisan Yahya. Yang penting orang ramai mesti percaya apa yang ditulis olehnya dan mereka mesti terpedaya oleh propaganda yang di sampaikan.

Pak Ya ini kawan lama saya. Sekarang ini dia satu-satunya penulis yang berani mengkritik para pemimpin Islam negara kita kerana mengikut dakwaannya ada golongan istana ada bersama-samanya sebagai contoh dalam booklet terbarunya **SKANDAL POLITIK WAN MOKHTAR DI TERENGGANU:**

Bukti-bukti yang didedahkan dalam buku ini adalah hasil dari pengamatan saya sendiri dan juga bahan-bahan penyiasatan yang dilakukan oleh Yang Amat Mulia Tengku Paduka Raja.

Walaupun cara dia mengkritik pelik bin ajaib, banyak berpusing dan berbelit-belit, samar-samar dan kabur, tetapi di-

sebabkan kebijaksanaan dia menggunakan bahasa, alhamdulillah Yahya pula seorang sasterawan maka dia dapat mempengaruhi orang yang prejudis, orang yang tak beriman dan berpendirian. Biar bagaimana pun kita tidak boleh salahkan Yahya. Dia nak hidup. Inilah satu-satunya kerja yang boleh menguntungkanannya hari ini. Dia terpaksa berani. **'Do or die'**. Kalau Ku Li tak boleh jadi Perdana Menteri, kalau 46 lingkup, kalau pengikut-pengikut Semangat 46 mati semangat macam **'MATINYA PARTI BERJAYA'** dan gugurnya Harris Salleh yang disokong oleh Yahya, Pak Ya nak ke mana lagi? Apakah dia akan balik ke alam sasterawannya semula? Jawapannya tentu tidak. Nak menulis dalam Mingguan Kota lagi? Kali ini nak sokong siapa pula?

Lima kali pilihanraya semua calon yang disokongnya kalah. Di Parit Raja biarpun yang dibelakangnya semua anak-anak raja belaka. Tunku anak raja Kedah, Ku Li anak raja Kelantan, Tengku Azlan anak raja Pahang, Tengku Ibrahim raja Terengganu, tetapi ikan piranha Hamdan Yahya tetap kalah. Sesudah kalah masuk UMNO. Di Ampang kalah, di Sungai Besar kalah, di Bentung kalah, di Teruntum kalah, di Pantai Merdeka lawan calon BN yang sudah bankrap pun boleh kalah juga. Di Johor Bahru menang sekejap. Tapi bila Shahrir masuk UMNO semula kalah lagi. Menang sekali saja di Teluk Pasu, *"Hang rasa Hang macam hero ke Pak Ya? Apa ada di Teluk Pasu? Pasu besak mana sangat? MB Selangor dah baik semula dengan Pak Mentuanya Hang macam mana? Macam ayam betina bertelur sebiji, riuh satu dunia.*

Cukup-cukuplah tu Pak Ya, orang profesional selalunya bila sudah tiga kali kalah, kena tarik diri. Lagi pun kuda-kuda yang Hang pilih tu kuda-kuda tua. Macam kuda polo, ada batu dalam perut. Kalau betui-betui Hang nak bawa bertanding, Hang carilah kuda yang baik-baik sedikit. Hang sendiri pun dah macam joki pencen. Kalau dekat stable taraf jadi mandur kuda saja. Bertanding Ketua Satu Pena yang begitu punya kecil, semua jaguh-jaguh yang jadi ahli seumur hidup Hang dah

buang pun, Hang kalah. Padahal bukan ramai yang datang mesyuarat tak sampai lima puluh orang. Macam mana Hang nak beri kemenangan pada APU, Hang sendiri pun dah merapu.

Hang ini seorang ahli akademik, ada master degree, sasterawan pulak. Seorang kritikus patutnya setiap tulisan Hang mestilah ada premisnya, mesti ada hujah-hujah yang konkrit tidak mendatar dan melatah. Kata-kata yang digunakan mesti boleh dipertanggungjawabkan. Hang ni *'product'* dari Universiti Monarch Australia pernah jadi Pensyarah di Universiti. Kalau saya kata Hang sarjana kangkong Hang marah kat aku. Dulu jumpa Hang tak mahu salam. Dulu jadi pensyarah dengar khabar Hang kena berhenti. Ada skandal dengan student sendiri, betui ke?

Penulis yang bertaraf akademik mesti mempunyai definasi yang tepat mengenai kata-kata yang digunakan, kalau tidak nanti dianggap master kangkong. Kalau kena kat Brahim Ali dia nanti kata Hang ni master kongkong. Jadi Ketua Satu Pena Hang buat perangai macam tikus membaiki labu, nak jadi political consultant lagu mana? Cuba Hang dengar sikit apa kata Rosnah Majid kepada mereka yang macam Hang ini;

Di manakah letaknya martabat akademik dan pusat pengajian tinggi jika keluaran mereka tidak laku?

Universiti Harvard sendiri menyanjung tinggi orang-orang yang mempunyai pengalaman luas dalam sesuatu bidang dan kerap kali menjemput orang-orang itu sama ada sebagai pensyarah jemputan atau pun tenaga pengajar tetap sekali pun orang tersebut tidak ada PhD. Apa yang lebih penting ialah ilmu.

Utusan Malaysia,
Rabu, 21 Mac 1990.

Pak Ya kena ingat bahawa yang dia tulis buku ini untuk rakyat Terengganu. Di Terengganu ini terdapat ramai Tok-Tok guru dan orang yang mengaji agama. Di negeri ini dulu termasyur adanya wali-wali dan para keramat. Terengganu lain dari negeri-negeri lain di Semenanjung. Di Terengganu terdapat para Tok Ku-Tok Ku yang bertaraf wali yang telah menunjukkan kekeramatan mereka. Mereka tak mudah nak terpengaruh dengan dakyah orang macam Pak Ya. Mungkin ada golongan muda yang '*darak*', yang jahil agama, kebanyakan mereka yang sudah frust, yang desperado mudahlah semangat mereka dipermainkan oleh Yahya, yang berlagak macam Tok guru politik. Apabila ramai orang Terengganu yang diam tak menentang tulisan Yahya, ini tidak bererti mereka setuju. Mereka ikut 46 tidak bererti mereka suka. Mereka telah banyak belajar dari sejarah terutama dari sejarah kekejaman dan kezaliman raja-raja Terengganu. Nasib baiklah ada guru-guru agama yang dikasihi yang bertaraf Tok Ku bukan yang macam Tok Guru atau Ustaz-ustaz politik.

Mansur Al-Hallaj dalam Ana Al-Haq pernah menulis:

***Guru yang mursyid itu adalah buta ghairullah
iaitu tidak melihat yang lain dari Allah. Murid
pula adalah buta Allah, iaitu melihat lain dari
Allah sahaja. Jika guru itu buta pada Haq, dia
tidak boleh memimpin orang yang buta.***

Kekecohan yang berlaku hari ini kerana ramai guru yang buta Allah. Nak memimpin macam mana. Akhirnya terpengaruh dengan orang macam Yahya Ismail. Padahal mereka ini tahu, mereka sudah pun belajar mengenal diri, tahu bahawa bagaimana memamatkan diri dan hidup dalam alam Allah.

Sekarang Yahya mengajak rakyat Terengganu menumbangkan kepimpinan Wan Mokhtar yang dituduhnya mungkar. Kata Yahya dalam para terakhir pendahuluan kata bookletnya:

Ini bukti-buktinya. Bukan fitnah. Bukan pembohongan. Harap rakyat Terengganu dan rakyat

Malaysia sedar dan bertindak secara kesatria untuk menumbangkan kepimpinan Wan Mokhtar dan menggantikan dengan Angkatan Perpaduan Ummah dalam kepimpinan kerajaan negeri kelak selepas pilihanraya akan datang.

Yahya ingat rakyat Terengganu ini macam rakyat Sabah, semasa Yahya dok buat aniaya pada mereka dulu ke? Dulu semasa Yahya menggunakan Harris Salleh sebagai kuda tunggangannya, rakyat Malaysia masih buta politik. Harris pun bukan pandai macam mana sangat lebih kurang macam Ku Heng yang boleh digula-gulakan. Adik Raja itu masih ingus-ingusan. Dia jadi kaya raya terkenal kerana dia adik Sultan. Cuba dia anak nelayan tentu tak berani buat macam tu.

Orang Terengganu sudah celik. Pak Ya kena ingat kasut buruk, selipar buruk mereka, mereka tak lontar begitu saja. Mereka cermat dan hati-hati. Mereka belajar dari orang tua-tua seperti dalam pantun;

***Tudung Periok pandai menyanyi
Menyanyikan lagu Putera Mahkota
Kain yang buruk berikan kami
Untuk menyapu si air mata.***

Kain yang buruk ada gunanya kepada manusia yang tahu berbudi bahasa, yang tahu bersyukur, yang beriman kepada Allah. Seburuk-buruk dan sejahat-jahat Wan Mokhtar mengikut kata Yahya kita sudah lihat kemajuan Terengganu. Kita boleh buat buku sepuluh kali lebih tebal dari booklet yang ditulis Yahya Ismail. Tanya orang buta pun mereka tahu pembangunan yang telah dibawa oleh Ayah Wan. Biar pun mereka tak dapat melihat dengan mata tetapi, perasaan mereka, hati mereka tak buta, tak sebuta mata Yahya Ismail yang celik tapi telah dibutakan oleh wang ringgit.

(Rencana ini telah disiarkan dalam akhbar Mingguan Kota edisi 1 April 1990)



TENGGU SERI PADUKA
RAJA

Semangat 46 tumpu kawasan MB

KUALA TERENGGANU: Kumpulan Semangat 46 Terengganu berusaha untuk menawan kerusi Dewan Undangan Negeri Cukai pada pilihanraya umum akan datang.

Salah seorang pemimpinnya, Tengku Seri Paduka Raja memberitahu *Watan*, walaupun kumpulan tersebut menghadapi tentangan sengit daripada BN namun semangat mereka untuk memperjuangkan kebenaran tidak pernah reda.

Kawasan DUN Cukai sekarang dipegang oleh Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Haji Wan Moktar Ahmad.

Kata beliau, memandangkan sambutan hangat yang diberikan oleh penduduk kawasan tersebut sekarang, tidak mustahil cita-cita Semangat 46 untuk menguasai DUN Cukai mencapai kejayaan.

11-3-90

OTHMAN MINTA '46 JELAS 3 PERKARA

11-3-90

KUALA LUMPUR: Semangat '46 diminta menjelaskan tiga perkara untuk mengakui kenyataan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali mengatakan DAP tidak menggugat Melayu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Haji Othman Abdul mencabar Haji Ibrahim Ali menjelaskan maksud ucapan Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh dalam tahun 1985 di Dewan Rakyat yang menyifatkan kaum bumiputera itu adalah orang-orang asli di hutan.

Perkara kedua, kata beliau, sudahkah Semangat '46 meneliti kertas kerja yang dibentangkan oleh bekas Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dalam Seminar Aliran di USM yang meminta kerajaan memotong dan mengurangkan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu.

Menurut Haji Othman, ekoran daripada pembentangan kertas kerja itu bersama-sama Chandra Muzaffar, Redzuan Onn, Tan Yew Bing dan beberapa orang lagi, Seminar Aliran menghantar memorandum kepada kerajaan untuk melaksanakan pengurangan dan permotongan hak keistimewaan orang-orang Melayu.

Ketiga, tambah Ketua UMNO bahagian Pendang ini apakah Semangat '46 boleh melupakan sahaja kata-kata kesat penyokong-penyokong DAP ketika mengadakan perarakan di Kampung Baru yang meminta orang-orang Melayu supaya balik kampung.

Serentak dengan itu, Haji Othman membidas pemimpin-pemimpin kumpulan Semangat '46 yang tidak menghiraukan maruah dan nasib bangsa hanya kerana kepentingan politik masing-masing.

"Janganlah kita sanggup menggadaikan ma-


ruah bangsa demi untuk mencapai matlamat politik dan kepentingan individu tertentu," tegasnya.

Beliau seterusnya menyarankan DAP supaya memberikan sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) sekiranya mereka benar-benar mengakui hak ketuanan Melayu di negara ini.

"Tidak ada gunanya lagi DAP melaung-laungkan lagi dari luar kerana kerajaan BN telah membuktikan kejayaan mereka tanpa mengetepikan kepentingan pelbagai kaum," ujar beliau.

Oleh DAUD HAJI IBRAHIM

Ku Paduka: Mu semua, dengar cakap ambo, ambo ni anak raja. ayahanda ambo dulu Raja. Sekarang ni ambo adik Raja. Kalau kita lawan Menteri Besar, kita mesti menang. Raja lawan rakyat, Raja mana boleh kalah? Rakyat sayangkan raja. Rakyat mesti beri undi pada 46.



Orang ramai di Kampung Jabi sedang mendengar amanat daripada adik Sultan Terengganu yang sedang berlawan dengan Menteri Besar Datuk Wan Mokhtar yang dipilih oleh rakyat.



Inilah wajah **Yahaya Ismail** yang sebenarnya. Yahaya Ismail @ Mustapha Ismail ialah anak **Simpang Lima**. **Pak Ya**, terkenal sebagai Penulis buku '*Maharaja Berok*'. Nak tahu **firasat** wajah Yahaya Ismail, jumpa saya, banyak rahsianya yang tak boleh tulis dalam buku untuk menjaga maruahnya. Hari ini Yahaya adalah penulis dan penceramah **jaguhan** untuk parti Semangat 46 dan APU, kumpulan adik-adik.

DAP tetap bantah negara Islam

Watan, 22 Mei, 1990

KUALA LUMPUR: DAP tidak akan bertolak ansur dan tetap membantah Pas yang berjuang untuk menubuhkan sebuah negara Islam di negara ini.

Timbalan Setiausaha Agungnya, Encik Lee Lam Thye bagaimanapun menegaskan bahawa parti itu tetap mengiktiraf dan menerima Islam sebagai agama rasmi negara.

"Kami tetap berpendirian terhadap Perlembagaan Malaysia dan jaminannya memberi kebebasan menganut agama dalam sebuah negara sekular," tegasnya.

Katanya, itulah satu asas perjuangan DAP dan kerana itu parti itu tidak akan bertolak ansur dan tetap membantah usaha Pas itu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Yang Dipertua Pas, Haji Abdul Hadi Awang mengenai saranannya untuk mewujudkan negara Islam.

Haji Hadi di Kuala Terengganu baru-baru ini menyebut bahawa Pas tidak akan berkerjasama dengan DAP jika DAP menolak penubuhan sebuah



ENCIK LEE LAM THYE

negara Islam.

Encik Lee berkata, Pas hendaklah realistik dan menghormati Perlembagaan Persekutuan dan patut mengetahui bahawa tidak mungkin menubuhkan sebuah negara Islam di Malaysia.

Katanya, ini kerana, pendirian jelas dan pasti DAP terhadap sebuah negara Islam di Malaysia di mana dalam pilihanraya umum lalu DAP menolak dari menjadi anggota Barisan Bersatu Pembang-

tidak sedia menerima pemboghongan dan pendustaan.

Oleh sebab itulah, kata Encik Lee, DAP membuat pendirian tegas terhadap Presiden Gerakan yang mendakwa kononnya adanya pertemuan sulit antara DAP dan Pas di Jakarta.

"Kami sedia ke Mahkamah bagi membuktikan tuduhan itu tidak benar," tegasnya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan dalam pilihanraya umum akan datang musuh-musuh pembangkang akan menggunakan taktik kotor dan tidak bermoral untuk menyerang dan membukarkan DAP dalam usaha mereka memenangi pilihanraya itu nanti.

"Tuduhan liar Datuk Seri Lim Keng Yau mengenai rundingan DAP-Pas di Jakarta ialah pembuka tirai keipen-kempen yang menggunakan taktik kotor BN," tegasnya. Beliau dan parti kepada satu Manifesto Pembangkang.

Sementara itu DAP mengalu-alukan kritikan dari mana-mana pihak parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) tetapi



Tan Sri Taib Mahmood: Sampai bila saya nak tolak you ini, Tunku?

Tunku: "Tolak sajalah Taib, you bukan ada kerja. Selagi saya belum masuk dalam lobang, you tolaklah... Nanti bila kaki saya sudah tak kuat nak jalan, sudah tak boleh berdiri terlantar atas katil, mata pun sudah tak nampak terus, baru berhenti. Sekarang kita main tolak-tolak, seronok kan main kena tolak-tolak?"

Beginilah keadaan orang kalau sudah tua sangat, boleh jadi macam budak-budak semula."

BAB EMPAT

Tengku Paduka Tengku Berduka

Saya percaya ramai orang akan setuju bila saya katakan bahawa politik Malaysia hari ini sudah jadi politik *kong-kalikong*, politik "*walhasil balik asal*". Tahu apa itu walhasil balik asal? Cuba dengar senikata sebuah lagu lama "*walhasil balik asal, walhasil balik hasil, walhasil cari pasal, itu pasal tak hasil*". Apa tidaknya? Ramai ahli-ahli politik yang terdiri dari kalangan istana sudah tak mahu lagi menggunakan etika politik yang betul. Mereka buat suka hati sendiri saja. Mereka sudah macam orang mabuk, tak sedar diri. Mereka terlupa asal usul mereka sebelum merdeka, mereka lupa bahawa *rakyat itu raja dan raja itu rakyat*.

Tunku Abdul Rahman Putra anak raja Kedah ketika menyertai politik dulu, berbeza dengan cara anak-anak raja hari ini melibatkan diri dengan politik. Tengku Razaleigh Hamzah, bapa saudara Permaisuri Sultan Kelantan pun macam itu juga, dia membuat dan menunaikan kerja-kerja rakyat, dia tak cari salah pucuk pimpinan parti. Dia seorang anak raja yang baik. Berbeza sekali dengan Tunku Ibrahim adik Sultan Terengganu, Tengku Azlan adik Sultan Pahang yang masuk politik nak hentam dan lanyak pemimpin yang dipilih oleh rakyat.

Tunku hari ini sudah tak lagi macam Tunku waktu dulu, seorang negarawan yang disegani dan dihormati. Tunku sudah jadi macam 'bapak dajal'. Begitu juga Tengku Razaleigh Hamzah

sudah melalut tak tentu pasal macam orang gila talak. Zaman Hussein Onn dan Tun Razak dulu namanya begitu hebat begitu dihormati dan disegani, sama seperti dia baru menubuhkan parti Semangat 46. Tidak ada orang yang lebih layak menggantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri melainkan Ku Li, biarpun Ku Li sudah diperdayakan oleh Musa Hitam, menyebabkan dia terpaksa jadi seorang penderhaka lawan Presiden parti, tapi masih tetap dihormati.

Kini nama Ku Li sudah mula terjunam, kerana dia mengakui yang dia sudah diperdayakan oleh Musa, politiknya lebih kurang sama seperti Tunku. Dr. Lim Chong Eu sudah berani mencela dan menghina Tunku. Tunku disamakan macam *Don Quixote*, simbol watak pejuang yang berjuang secara membabi buta tanpa mendapat pembelaan dari sesiapa dan Ku Li pula sudah jadi macam watak Pak Dogo dalam cerita wayang kulit.

Bagaimana ini semua boleh terjadi? Bagaimana tiba-tiba saja orang-orang Melayu hilang penghormatan terhadap anak-anak raja yang jadi pemimpin politik? Jawabnya mudah, selain dari mereka telah melakukan banyak kemungkaran, mereka telah membabitkan istana melibatkan raja-raja ke dalam kancah politik mengikut perjuangan dan selera mereka.

Semua orang tahu Tengku Sri Paduka Raja dan Tengku Azlan yang melibatkan diri dalam politik tidak menunjukkan bahawa mereka benar-benar ingin berpolitik seperti Tunku dan Ku Li dulu. Dalam sesuatu perbuatan, *nawaitu* itu penting. Tunku dulu mengharumkan nama istana. Beliau dijemput untuk menggantikan Datuk Onn sebagai Presiden UMNO yang kedua. Tunku dipilih menjadi pemimpin rakyat untuk menentang penjajah. Tunku bergadai harta benda dalam perjuangan untuk memerdekakan negara ini dengan niat untuk memerdekakan tanahair. Biarpun beliau hanya seorang *negotiator*, tapi Tunku tidak berjuang semata-mata untuk nak cari kuasa dan harta, tidak menanggung diair yang keruh serta

bukan dengan niat nak balas dendam terhadap sesiapa, tidak juga terhadap British, begitulah anggapan orang Melayu.

Ketika Tunku menjadi pemimpin, begitu juga ketika Tengku Razaleigh jadi Menteri Kewangan, ramai orang Melayu yang masih *'primitif'* dan masih miskin, dan masih buta politik. Sekarang pun masih ramai juga yang masih *primitif* dalam pemikiran, biarpun mempunyai kedudukan.

Golongan kaum bangsawan, golongan elite yang terpelajar saja yang berani tampil ke hadapan ketika itu. Keseluruhan rakyat memandang tinggi terhadap Tunku dan kaum bangsawan. Begitu juga terhadap bijak pandai Melayu, biar pun mereka adalah *anak didik Inggeris*. Rakyat meletakkan golongan istana ditempat yang tinggi. Mereka adalah *payung tempat rakyat bernaung* dan Tunku serta Ku Li sememangnya berbudi pekerti yang baik, lemah lembut, bersopan santun. Maka itulah sebabnya dia diberi gelaran anak raja berjiwa rakyat. Ini kerana terlalu sukar nak cari anak-anak raja yang berjiwa rakyat, kebanyakannya angkuh dan sombong.

Sebenarnya tidak menjadi kesalahan, kiranya anak-anak raja nak berpolitik, *nak jadi Perdana Menteri, nak jadi menteri dan Menteri Besar*. Baguslah begitu. Rakyat mahukan anak raja yang kontroversi, anak raja yang berani, yang jujur, yang ikhlas, yang amanah sebagai hero rakyat. Ini kerana biarpun sudah 30 tahun merdeka masih ramai orang Melayu yang jiwanya kecil, masih *primitif pemikirannya* walaupun punya kedudukan tinggi, berpengalaman dan dianggap sebagai cendekiawan, tapi masih tetap bebal.

Rakyat mahu anak-anak raja memperjuangkan nasib bangsa Melayu, kerana anak-anak raja ditakuti oleh pemimpin politik, mereka boleh gunakan pengaruh istana, biar apa pun orang nak kata, mereka tak peduli. Segala keistimewaan dan kemudahan masih lagi dikuasai oleh golongan istana. Kalau saja mereka pandai menggunakan kesempatan yang ada untuk membela rakyat, orang Melayu tentu akan jauh lebih maju.

Sepatutnya mereka tak salah gunakan kesempatan yang ada ini. Mereka bertaraf Tengku Putra bolehlah dianggap sebagai berada di tahap satu kasta lebih tinggi dari bumiputera.

Cuba kita ingat kembali siapakah yang berani buang Tan Sri Othman Saat dari kerusi Menteri Besar Johor, kalau bukan Al-Mutawakil. Tuanku Sultan Johor berbuat demikian kerana Othman Saat telah menyalah gunakan kuasa dan Pak Seman seorang yang rasuah.

Dan cuba kita tengok siapa yang berani menganugerahkan darjah Datuk yang ditarik oleh Sultan Johor kalau bukan Sultan Kelantan. Al-Sultan Kelantan tak peduli Othman Saat rasuah, dia raja dia boleh buat apa yang dia suka. Itulah untungnya jadi raja.

Sebab itulah kerana menaruh dendam terhadap pemimpin yang berkuasa, kerana musuh pribadi mereka tidak takut dan tidak segan silu hendak ganggu gugat pemimpin-pemimpin kerajaan yang menjalankan kewajibannya yang telah diamanahkan oleh rakyat. Kalau nak tahu, itulah politik tak betul namanya, *politik kong-kalikong, politik walhasil balik asal*.

Rakyat sudah boleh baca *nawaitu* anak-anak raja yang ber-subahat dengan bekas Menteri Besar yang sudah disahkan rasuah oleh Pegawai Pencegah Rasuah. Menteri-menteri Besar dan menteri yang hidupnya kaya raya tak ubah macam raja dan menghentam dan melanyak menteri dan Menteri Besar yang ada. Contohnya Harun dan Rais.

Tengku Paduka menuduh dan menfitnah Menteri Besar Terengganu sekehendak hatinya sendiri. Konon dia nak ikut cara Al-Mutawakil Sultan Johor. Sedarlah diri awak siapa? Awak cuma adik raja dan bukan awak seorang raja. Kalau awak tu raja lainlah. Abang-abang awak yang lain sokong Menteri Besar, mereka baik dengan Wan Mokhtar.

Rakyat yang celik sudah mula bertanya kenapa dan untuk apa Tengku Paduka, adik Sultan Terengganu tiba-tiba ber-

politik? Dan macam mana dijadikan tokoh kontroversi oleh Semangat 46 dan APU? Apakah tujuannya untuk merosakkan nama baik istana? Siapa dibelakang permainan ini? Siapa dalangnya? Kita tahu ada manusia menggunakan dahan dari pohon sebagai hulu kapak untuk meruntuhkan pohon yang besar. Apakah ini satu dari muslihat dan strategi serampang dua mata APU untuk menjatuhkan kerajaan dan supaya istana pun jatuh sama?

Kita bukan tak tahu hari ini ramai puak-puak oportunist yang bersembunyi disebalik tabir istana untuk cari kekayaan dan kuasa politik. Benda-benda macam ini bukan perkara baru. *Kutu kalau tak cari makan atas kepala dekat mana lagi?*

Anak-anak raja yang berpolitik semata-mata nak memburuk-burukkan pemimpin dengan cara macam ini tidak akan mendapat restu dari rakyat. Rakyat tidak akan membiarkan pihak istana yang telah mendapat banyak keistimewaan, tiba-tiba menentang kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Mengigit tangan yang menyuap makanan macam sengaja nak cari penyakit, ibarat nak 'miss soru' tak lama lagi.

Apakah kerabat diraja ini fikir, semua rakyat akan menyokong mereka? Golongan istana yang mahu membina-sakan pemimpin rakyat akhirnya akan rugi sendiri kalau sekadar pandai mengata dan pandai mengumpat. Hanya orang-orang tertentu yang kecewa dengan kerajaan saja yang akan memberikan kerjasama. Itupun kiranya mereka fikir mereka boleh dapat keuntungan. Tapi bila mereka nampak ada bahaya mereka akan tarik diri cepat-cepat. Ramai yang ikut 46, berdiri atas pagar, atau ada yang sudah terpengaruh dengan segala macam ceramah *anti-kerajaan*. Itu saja. Lama-lama nanti mereka pun naik bosan juga. *Ikut 46, habuk pun tarak.*

Orang kampung pun sudah tahu bahawa yang ditentang oleh Ku Paduka Raja ialah Datuk Wan Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. *Permusuhan itu sekadar permusuhan peribadi,*

seperti juga permusuhan Tunku dan Tengku Razaleigh dengan Dr. Mahathir. Tidak akan menguntungkan rakyat dan negara. Apa lagi semasa ekonomi sedang pulih. Para pelabur dari luar akan mengingatkan teman mereka disini supaya terus sokong kerajaan, terutamanya orang-orang Cina. Mereka nak hidup cari makan nak berniaga, tak ada masa nak campur politik kong kalikong ini.

Nama Ku Paduka anak raja yang cuba nak jahanamkan kerajaan Negeri Terengganu yang sebenarnya ialah Tengku Ibrahim. Tapi entah kenapa Yahya Ismail dalam bookletnya **SKANDAL POLITIK WAN MOKHTAR DI TERENGGANU**, menyanjungnya dengan gelarannya *Tengku Seri Paduka Raja* bila menyebut nama Ku Brahim. Yahya berulang kali menyebut darjah kebesaran Ku Brahim yang bergelar *Tengku Paduka Sri Raja*, gelaran yang membayangkan betapa tingginya kedudukan Ku Brahim yang mesti dihormati, disanjung dan dipuja oleh rakyat jelata. Yahya cukup punya gilap hingga anak raja yang suka dipuji dan dipuja lupa tempat berpijak. Tak kipas, tak gilap Yahya nak hidup macamana?

Saya tak tahu tujuan sebenarnya, Yahya Ismail tak sebut nama Ku Brahim, tetapi berkali-kali Yahya sebut gelaran kebesarannya saja, **Tengku Paduka Sri Raja**. Nampaknya Yahya Ismail penulis politik yang mewakili Semangat 46 cuba bermain politik '**Antara Dua Darjat**', *mahu kembalikan pemujaan terhadap puak istana, mahu hidupkan kembali sistem kasta di kalangan rakyat yang sudah merdeka*. Ini satu permainan yang berbahaya dizaman kebangkitan Islam, apa lagi APU adalah *Angkatan Perpaduan Ummah*. Semua hamba Allah sama saja kecuali mereka yang bertaqwa.

Apakah tujuan Yahya supaya rakyat terus hidup cara *primitif*, jadi fanatik terhadap kaum bangsawan? Mungkin di Terengganu masih ramai yang menghormati, menyanjung dan memuja **Tengku Sri Paduka Raja** seperti yang dimestikan oleh rakyat yang taksub dengan kaum *aristokrastik* Melayu

yang di dasarkan dari sistem *feudal*. Bagaimana dengan generasi kedua dan ketiga sesudah merdeka?

Begitu tinggi sekali Yahya memandangi Ku Brahim ini, *tentu ada apa-apa*. Yahya bolehlah *ampu* dan *jolok* serta *julang* Ku Brahim ini setinggi-tingginya, kerana Yahya menjadi *juak-juaknya*. Pasal apa pula orang ramai nak *memuja* dan *memuji* Tengku Sri Paduka Raja yang tak menghormati pemimpin yang dipilih oleh rakyat? Siapa dia Ku Heng ini?

Kenapa rakyat Terengganu mesti jadi bodoh sedangkan mereka sudahpun memikirkan motif sebenar Ku Paduka menyertai politik? Kenapa? Kenapa Ku Brahim menggunakan Haji Yahya menulis buku bagi pihaknya? Kenapa? Semua ini rakyat sudah tahu. Sebab itu rakyat Terengganu tidak salahkan istana dan tak marahkan raja. Sultan dan kerabat yang lain tak terlibat dengan kerja Ku Brahim.

Tengku Ibrahim Ibni Sultan Ismail mempunyai dendam peribadi terhadap Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Wan Mokhtar. Ramai orang Terengganu, sudah sedia maklum tentang dendam beliau yang membara ini, tapi tak ada penulis yang berani membukukannya. Sebab-sebabnya tentu Wan Mokhtar saja yang tahu. Mengikut kata ayah Wan beliau tak setuju melawan, menentang musuh-musuh politik dengan menggunakan media massa, tak mahu orang menulis buku bagi pihaknya untuk menjawab tuduhan dan fitnah Ku Paduka. Dia takut nanti orang ramai kata dia membeli penulis, rakyat tak terpengaruh dengan karya para penulis upahan seperti yang dilakukan oleh mereka yang menentangannya. Cukuplah anak raja saja yang buat kerja-kerja macam itu. Rakyat dapat menilai, lagipun ada orang yang kata Wan Mokhtar ini bahkil, sebab itu media tidak mahu menolongnya. Dia tak berani nak belanjakan wang parti dan kerajaan untuk berlawan dengan musuh-musuh politiknya. Dia berserah pada Allah.

Ada sebab mengapa Tengku Ibrahim, adik Al-Sultan ini benci sangat, marah sangat pada 'Ayah Wan'. Nama timang-

timbangan Menteri Besar Terengganu ialah 'Ayah Wan'. Marah Ku Paduka ini lebih kurang samalah macam marahnya Yahya Ismail dan bencinya Haji Yahya terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir. Yahya Ismail kecewa terhadap sikap Dr. Mahathir yang tak mahu melayannya. Yahya Ismail ada pertalian kekeluargaan dengan Dr. Mahathir. Nak tahu cerita sebenarnya tanya Saudara Nor Azam, Setiausaha Politik Dr. Mahathir kerana hal ini hal peribadi yang berkaitan dengan maruah. Saya tak mahu sebut nanti malu Yahya. Tapi Nor Azam akan cerita kenapa Yahya marah sangat kat *Che Dat* antaranya kerana tak dapat jumpa Dr. Mahathir untuk sesuatu telur masin ke?

Pendedahan secara serkap jarang dalam buku **SKANDAL POLITIK WAN MOKHTAR DI TERENGGANU** sekiranya boleh mengena, dan kalau mengena (walaupun peluangnya memang tipis), besar kemungkinan Ku Paduka boleh jadi Menteri Besar dan *Yahya boleh jadi orang kaya baru. Pak Ya boleh jadi sebagai bisnes consultantnya*. Begitulah angan-angan mereka berdua, agaknya. Tapi sayang angan-angan yang tinggi melangit ini bukan sahaja tinggal angan-angan saja, sebaliknya telah menyusahkan parti 46 dan menggugat kepimpinan Tengku Berduka Brahim sendiri. Senjata sudah makan tuan. Kesian.... PAK YA.....

Datuk Engku Muhsein dalam suratnya kepada Tengku Razaleigh sebagai menjawab surat Tengku Berduka Brahim kepada Ketua Perhubungan Semangat 46 Terengganu menulis:

Disamping itu sebenarnya saya banyak mengambil masa mengulas buku yang berjudul 'SKANDAL POLITIK DATUK WAN MOKHTAR' oleh Encik Yahya Ismail. Pada pandangan saya buku ini jikalau tidak diberitahu ianya tidak ada kena mengena dengan Semangat 46 menyebabkan orang ramai menganggapnya sebagai buku yang direstui oleh kita.

Sepanjang yang saya tahu buku ini tidak pernah dirujuk kepada MKT 46 pusat begitu juga kepada perhubungan 46 Negeri Terengganu. Buku ini terbitan persendirian membawa pandangan persendirian. Cara penyampaiannya tersangat kasar dan hanya tahu buruk peribadi seseorang tanpa langsung mengakui kebaikan yang mungkin pernah dilakukan oleh orang yang dituduh.

Surat ini dengan sendirinya menghilangkan kredibiliti Pak Ya sebagai seorang penulis politik dan Ku Brahim sebagai pemimpin.

Mereka berdua cabar Wan Mokhtar, suruh Datuk Wan bawa mereka ke mahkamah atau sekurang-kurangnya Wan Mokhtar berusaha untuk menghentikan pengedaran buku tersebut seperti yang dilakukan oleh Musa Hitam terhadap buku saya 'THE CHALLENGER'. Kiranya Ayah Wan tak buat macam tu, dapatlah mereka gunakan ini sebagai jerat. Rakyat Terengganu pasti akan berkata, segala yang ditulis oleh Yahya bukannya fitnah tapi benar. Rakyat akan percaya. Maka menanglah mereka, maka dengan itu Wan Mokhtar mesti meletakkan jawatan, maka kosonglah kerusi Menteri Besar yang menjadi rebutan. Itu yang pemimpin 46 yang lain marah, kerana buku itu satu taktik propaganda untuk memburukkan peribadi Wan Mokhtar seperti yang didakwa oleh Datuk Engku Muhsein, orang kuat 46 sendiri. Yahya, Yahya.

Kasihannya kawan lama saya Pak Ya ini. Sebenarnya Haji Yahya Ismail, ingin nak ikut jejak-jejak saya. Bila dia tengok saya berjaya sebagai penulis politik, dia pun berhenti tulis sastera. Dia tulis politik. Dia tahu tulis buku politik jauh lebih menguntungkan dari tulis buku sastera.

Buku politik dibeli oleh orang-orang politik. Mereka tak beli satu dua naskah, mereka beli banyak-banyak, kalau mereka fikir buku itu boleh menguntungkan mereka dan pertubuhan

mereka. Ini satu perniagaan yang baik, tapi buatlah cara yang diredai oleh Allah. Cari duit tak salah, jangan membelakangkan perjuangan. *Ingatlah sikit tugas sebagai insan yang menjadi telinga, mata dan suara rakyat mesti ikhlas.*

Bila buku saya '**CHALLENGER**' **SIAPA LAWAN SIAPA** menjadi sangat popular disebabkan Datuk Musa Hitam ambil tindakan mahkamah untuk menahan penjualannya, Yahya pun fikir dia mesti jadi lebih hebat dari saya. *Saya suka. Alhamdulillah, apa salah dia jadi lebih hebat dari saya. Dia ada master degree dari Monarch Universiti. Saya tak pass tingkatan tiga.* Dia tengok saya jadi popular kerana membongkar kemungkaran secara '*investigative reporting*' dia pun mula hentam pemimpin UMNO sekehendak hatinya. Tapi kesian, tak ada *respond* dari pemimpin-pemimpin UMNO yang difitnahnya. Dia berharap **Dr. Mahathir, Ghafar Baba** dan **Anwar Ibrahim** menunjukkan reaksi. Tapi hapah. Mereka ini cerdik, tak macam Musa Hitam yang sudah tak ada cara lain lagi untuk naik ke atas dan nak cari duit melainkan tuntutan ganti rugi dari penulis.

Bila Musa bawa saya ke mahkamah, buku-buku saya jadi lebih popular. Yahya tambah tidak seronok, dia mesti jadi lebih hebat dari saya. *Begitulah hebatnya ego Yahya. Dia mula tulis apa saja untuk mencari perhatian yang lebih besar hingga terjumpa dengan Tengku Paduka. Kasihan Wan Mokhtar menjadi sasarannya.* Tapi Allah maha mengetahui, sekiranya apa yang ditulis itu betul, Wan Mokhtar tidak akan terlepas dari pembalasan di dunia atau di akhirat dia pasti menjawabnya. Manusia pasti menghadapi hukum karma.

Buku saya jadi popular dan laris, kerana setiap masa saya berkerja keras, saya cuba memperbaiki mutu dan isi tulisan saya dari waktu ke waktu. Saya sentiasa memikirkan untuk menulis yang benar, yang dikehendaki oleh para pembaca. Biar pun ada yang marah dan tak suka pada tulisan saya, tapi tak dapat menolak yang hak. Kiranya saya dianggap berjaya,

itu adalah kehendak Tuhan, sudah suratan takdir. Saya sekadar menulis yang benar dan saya punyai bukti yang cukup, bukan saya buat kerja ini semua semata-mata untuk cari nama atau nak cari untung. Dapat alhamdulillah. Tak dapat, tetap syukur dan reda. Berikhtiar tetap berikhtiar untuk meneruskan perjuangan menegakkan kebenaran.

Kata Yahya dalam mukadimah bookletnya:

Bukti-bukti yang didedahkan dalam buku ini adalah hasil dari pengamatan saya sendiri dan juga bahan-bahan penyiasatan yang dilakukan oleh Yang Amat Mulia Tengku Paduka Raja. Kalau Wan Mokhtar menganggap bukti-bukti yang didedahkan dalam buku ini sebagai fitnah maka kemukakanlah bukti-buktinya untuk menolak pandangan kami itu. Malah Yang Amat Mulia Tengku Paduka Raja sendiri sanggup dihadapkan ke mahkamah sekiranya Wan Mokhtar mahu mengambil tindakan undang-undang.

Syukurlah kalau dalam pilihanraya akan datang para pengundi Terengganu yang celek politik mengambil sikap menolak BN/UMNO, Mahathir/UMNO Baru dari memimpin kerajaan negeri Terengganu lagi. Rakyat mesti menukar selera politik demi menjaga hak demokrasi dan hak anak cucu mereka yang kini diperkosai oleh para pemimpin UMNO Mahathir/UMNO Baru.

Cuba kita ambil perkataan (*Mahathir/UMNO Baru*) yang ditimbulkan oleh Haji Yahya. Apakah yang dimaksudkan oleh Pak Haji dengan perkataan (*Mahathir/UMNO Baru*) yang diulang-ulangkan dalam setiap tulisannya? Haji Yahya berfikir dengan mengulang-ulangkan perkataan, *UMNO Mahathir* atau (*Mahathir/UMNO Baru*), dan terus mengulang-ulangkan dalam setiap tulisannya sama ada dalam buku-buku atau

ruangannya di **MINGGUAN KOTA**, rakyat akan benci pada Mahathir. Benci pada Mahathir kerana UMNO itu sudah jadi milik Mahathir. Itulah cara Yahya meracuni pemikiran rakyat. Yahya tahu sesudah fikiran rakyat di racuni dengan perasaan kebencian terhadap pucuk pimpinan UMNO yang ada, maka mudahlah mereka dijatuhkan oleh rakyat. Siapa lagi yang akan dipilih oleh rakyat kalau bukan pemimpin Semangat 46 yang kononnya akan memulihkan semula UMNO lama. Ini satu 'senjata' dalam teori '*politics of fear*', menakut-nakutkan rakyat dengan meracuni fikiran rakyat bahawa UMNO ini Mahathir yang punya. Mahathir itu diktator, Mahathir adalah orang yang terkaya didunia. Dengan melancarkan serangan yang bertubi-tubi akan rosaklah nama UMNO yang baru dipulihkan semula. Jadi segala kekayaan yang telah diboloti oleh pemimpin 46 tidak ternampak oleh rakyat.

Pak Ya mengindoktrinasikan kebencian terhadap UMNO dan Mahathir supaya kedua-duanya dibenci oleh rakyat untuk apa? Apakah ini satu etika penulisan politik yang betul? Apakah negara ini akan jadi lebih makmur, lebih berjaya sesudah matinya UMNO? *Mungkin Yahya akan berjaya seperti berjayanya Yahya menumbangkan Parti USNO di Sabah dan memberi kejayaan kepada Parti Berjaya yang disokong oleh Yahya. Yahya lupa, pisang tak akan berbuah dua kali. Biar pun Yahya berjaya membinasakan USNO tapi selagi saya hidup, saya tak akan membiarkan Yahya menghancurkan UMNO. Rakyat Sabah tak akan lupakan Yahya, terutamanya umat Islam dan juga kaum bumiputera Sabah yang sudah berpecah belah dan bergaduh sesama sendiri akibat permainan media masa yang tak bertanggungjawab semasa Yahya menguasai media itu di Sabah dulu.*

Apa benarkah UMNO itu kepunyaan Mahathir? Benarkah UMNO itu baru, seperti yang didakwa oleh Yahya Ismail? Benarkah segala skandal yang difitnah oleh Yahya terhadap mereka di dalam UMNO terutama Dr. Mahathir, Ghafar Baba, Wan Mokhtar dan Anwar Ibrahim?

Semua orang tahu bahawa (UMNO) Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malay National Organisation* itu adalah nama satu pertubuhan yang penting, bukan saja penting bagi orang-orang Melayu, tetapi bagi seluruh rakyat dinegara ini. *Semua orang tahu gabungan Semangat 46, PAS dan DAP bukan satu alternatif bagi kerajaan yang ada. Orang Melayu masih mengharapkan UMNO untuk terus jadi tulang belakang kepada Barisan Nasional untuk mengekalkan ketuanan Melayu.* Cuma Ku Paduka dan golongan anak-anak raja tertentu dan juak-juaknya saja yang tak tahu, atau saja buat tak tahu tentang pentingnya UMNO dipertahankan. *UMNO itu Melayu. Adanya UMNO maka adanya institusi raja-raja. UMNO telah menyelamatkan takhta dan kuasa raja-raja Melayu.* Janganlah buat-buat lupa.

Siapakah yang mengerakkan Pertubuhan yang sangat penting bagi umat Melayu ini? Itu yang menjadi persoalannya? Bukankah Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden serta Majlis Kerja Tertinggi dan ahli-ahlinya dari pertubuhan yang asal juga yang jadi pemimpinnya hari ini. Bolehkah UMNO digerakkan oleh mereka yang masih tak berubah pendiriannya terhadap tanggungjawab yang diamanahkan oleh umat Melayu? Tentu tidak. Apakah yang diperjuangkan oleh UMNO yang didaftarkan pada tahun 1946 itu tidak sama seperti UMNO hari ini? Jawapannya ialah tak ada bezanya UMNO yang didaftarkan oleh ahlinya ditahun 1946 dengan UMNO yang didaftarkan pada tahun 1988. *Kalau ada pun bezanya, cuma golongan istana sudah tidak menerajui UMNO baru yang ada hari ini. Itu pun bukan salah pucuk pimpinan. Para ahli yang telah memilih mereka secara demokrasi. Kepimpinan yang ada hari ini ialah dari kalangan marhain, rakyat yang bukan keturunan bangsawan.* Mahathir anak guru sekolah. Ghafar anak orang miskin dan susah. Begitu juga Anwar Ibrahim, Mat Rahmat, Wan Mokhtar dan lain-lain orang yang tak ada kedudukan di zaman feudal dulu. Yang nak dicemburukan kenapa? Bukankah mereka masih menjaga kepentingan raja-raja dan kerabat mereka.

Nampaknya ada golongan anak-anak raja yang tidak menyertai UMNO berharap untuk kembalikan kepimpinan UMNO ke tangan kaum *feudal*. ***Semangat 46 mahukan UMNO yang ada hari ini seperti masa Tunku jadi Presiden dan Perdana Menterinya. Kalau cara itu dipersetujui mereka akan masuk UMNO. Nampaknya mereka mahu mengamalkan nepotisme seperti yang diamalkan di zaman Tun Razak dan Hussein Onn. Mereka mahu menurunkan pemimpin yang ada supaya mereka dapat mengambil tempat duduk yang sudah hilang ke tangan rakyat. Itulah hakikat yang sebenarnya.*** Mereka tak ada kepercayaan pada parti Semangat 46 yang dianggotai oleh mereka, tetapi nak buat macam mana, mereka sudah terjebak dan terjerat dan mereka terpaksa berlawan habis-habisan. ***Mereka tahu parti serpihan itu tak boleh tahan lama, mereka sedar Semangat 46 ini cuma sebagai jambatan saja, sebagai batu loncatan. Habis pilihanraya nanti sama ada menang atau kalah ia akan terkubur.*** Ia tidak lebih dari sebuah parti politik *instance* atau '*ad hoc*'. Oleh itu kepada UMNO juga mereka akan kembali .

Kita tak dapat pisahkan agama dari politik dan politik dari agama. Maka agama Islam yang dibawa oleh Nabi Adam, Nabi Noh, Nabi Ibrahim, Nabi Isa adalah agama yang sama juga. Semuanya Islam. Bezanya hanyalah pada para nabi dan umat. Keadaannya yang menyebabkan ia berbeza, sejarah nabi-nabi dan kitab yang dibawa oleh para ambia memang patut kita jadikan sebagai satu contoh dan teladan.

Kitab yang telah Allah turunkan kepada para Rasul yang disebut itu pula berubah-ubah mengikut zaman dan umatnya. Mula-mula Allah turunkan Taurat. Lepas itu Injil. Kemudian diikuti pula dengan Zabur. Dan akhir sekali Al-Quran. Apa yang ada dalam Al-Quran tak ada dalam Zabur, Injil dan Taurat tapi apa yang tak ada dalam ketiga-tiga kitab tersebut ada di dalam Al-Quran. Al-Quran adalah rahmat untuk digunakan sepanjang zaman. Walaupun isi kandungan kitab-kitab itu berbeza, tetapi kesemuanya adalah untuk dijadikan panduan

kepada umat manusia dan disempurnakan dalam Al-Quran. Itu fitrah alam, semuanya mesti berubah. Jadi ***apakah kerana terdapat perubahan di dalam perlembagaan UMNO demi untuk kebaikan parti dan umat Melayu maka UMNO itu jadi tak betul, maka kita mesti tubuh sebuah parti yang lain, berpakat dengan puak-puak lain baru nak masuk semula kedalam UMNO sesudah UMNO hancur lebur?***

Manusia mesti sanggup berubah dan menerima perubahan. Memang ada beza UMNO dizaman Tunku, Tun Razak dan Hussein Onn. Sebab itu Tunku dan Hussein Onn juga pada mulanya ikut sama dalam 46 dan menentang UMNO yang ada hari ini. Apakah orang Melayu dizaman Tunku dan di zaman Mahathir sama? Yang menjadi persoalan hari ini, siapakah yang dapat memberikan lebih banyak faedah kepada bangsa kalau dibandingkan Tunku, Hussein dan Dr. Mahathir?

Tunku yang mewakili Melayu golongan *feudal* banyak terpengaruh dengan cara penjajah, masih berkiblat Barat, sedangkan Mahathir mahukan rakyat yang merdeka dan terlepas bebas dari pengaruh penjajah. Lihatlah saja Komanwel dulu dizaman Tunku dengan Komanwel sewaktu sidangnya diadakan di Kuala Lumpur. Tak kan kita tak nampak apa-apa perbezaan? Sudahkah Ku Paduka fikirkan ini semua sebelum menulis buku mencabar pemimpin kerajaan? Tak ada salahnya menjadi pemimpin politik yang kritis dan kontroversi tapi biarlah untuk faedah bangsa dan negara bukan untuk diri sendiri.

Hari ini tokoh yang paling kritis terhadap kepimpinan Wan Mokhtar ialah Yang Amat Mulia **Tengku Seri Paduka Raja, adinda kepada Sultan Terengganu**, yang kini menjadi seorang tokoh Semangat 46 dan berjuang habis-habisan untuk menentang kononnya apa yang didakwanya sebagai kemungkaran Wan Mokhtar. Dia masih mentah dalam arena politik negeri dan siapa yang tidak terkejut tiba-tiba saja Ku Brahim timbul secara mendadak dengan konon-

nya mahu bertindak sebagai seorang pejuang rakyat di tengah-tengah keresahan rakyat Terengganu yang keresahan dan kekeceuhannya saja diada-adakan akibat dari dihasut, difitnah oleh PAS dan dorongan yang besar dari Semangat 46. Semua orang tahu sebenarnya PAS sudah tak ada jalan lain lagi nak jatuhkan UMNO yang dipimpin oleh Wan Mokhtar melainkan menggunakan kerabat diraja untuk menjatuhkan Menteri Besar yang ada hubungan baik dengan raja. Apakah para pemimpin PAS memiliki karisma yang lebih baik dari **Ayah Wan**? Apakah mereka akan jadi Menteri Besar yang lebih baik? *Wan Mokhtar tak berebut dan tak bermati-matian untuk mendapatkan kerusi yang ada sekarang ini. Jawatan itu diberikan kepadanya. Dia dipilih untuk menerajui kerajaan Terengganu oleh Allahyarham Tun Razak. Dan beliau adalah Menteri Besar yang paling lama sekali menduduki kerusi tersebut.* PAS yang kecewa kerana gagal menjatuhkan Wan Mokhtar seperti orang menggantung disorongkan bantal. Apa lagi bermimpi indahlah PAS dengan kehadiran Ku Berduka dalam gerombolan mereka.

Nasib orang PAS beruntung, adanya Pak sanggup, '*lebai malang*' seperti Tengku Berduka yang sanggup membiarkan dirinya diperalatkan oleh PAS yang tidak begitu senang terhadap istana.

Apakah Ku Paduka tak tahu bahawa pemimpin PAS sentiasa menjauhi istana. Mereka jarang sekali mahu menghadiri sebarang acara istana? Kenapa Tengku Paduka boleh digulagulkan oleh PAS menjadi tanda tanya? PAS yang sudah hilang punca itu, hidup semula bila tertubuhnya *Angkatan Perpaduan Ummah* khasnya di Terengganu dengan Tengku Paduka jadi kuda kayunya. Sedarkah Ku Berduka tentang perkara ini? Mungkin Ku Paduka fikir dia nak gunakan PAS untuk cita-cita politiknya. Sekarang siapa main siapa?

Kata Yahya Ismail di mana saja anak raja Terengganu ini berceramah beliau banyak menyebut dan membongkar berbagai kerugian dan penyelewengan yang dikatakan telah dilakukan oleh Wan Mokhtar. Segala kesilapan dan kerugian

SEDC dan anak syarikatnya, Wan Mokhtarlah yang bertanggung jawab sebagai ketua kerajaan.

Tengku Ibrahim mahu jadi hero, kerana Brahim telah berjaya membawa satu trend baru, berbeza dengan isu-isu PAS yang sudah lapuk. Perkara ini mudah difaham kerana anak-anak muda Terengganu sudah bosan dengan lagu-lagu *kasidah* dan *irama padang pasir* yang dibawa oleh PAS. Mereka mahu *rock*. Ku Brahim jadi Mat Rock. Haji Yahya Ismail yang jadi promoternya pun berkata;

“Adanya seorang tokoh politik dari istana yang sanggup berjuang bersama-sama rakyat Terengganu membuktikan kepada rakyat bahawa kepimpinan Wan Mokhtar dan Mahathir juga tidak disenangi di kalangan bangsawan Melayu”.

Dan berkata lagi Yahya Ismail di dalam bookletnya: **SKANDAL POLITIK WAN MOKHTAR.**

Menjadi tanggungjawab moral bagi setengah dari kaum bangsawan Melayu berjuang bersama rakyat untuk menghapuskan kemungkaran yang ada, dan mewujudkan dunia baru yang berpihak kepada rakyat dari kekuatan Angkatan Perpaduan Ummah di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah.

Dengan kenyataan hitam putih yang disembarkannya ini, tidak syak lagi menunjukkan bahawa Yahya Ismail mahu mengembalikan pemerintahan negara kita kepada sistem **‘feudal’**. *Yahya menyanjung tinggi golongan bangsawan. Yahya tidak kira sama ada para pemimpin dari kalangan bangsawan ini ternyata telah melakukan banyak kemungkaran. Yang penting rakyat mesti berpihak dan tunduk dibawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Yahya nak berikan jawatan Perdana Menteri kepada anak raja Kelantan sesudah anak raja Kedah menjadi Perdana Menteri pertamanya. Untuk apa? Kerana*

apa? Apa kelebihan Ku Li jika dibandingkan dengan Dr. Mahathir? Mahathir tak mahu hulur, itu saja.

Nampaknya Yahya mahu jawatan-jawatan menteri juga mesti diberikan kepada golongan istana terutama jawatan Menteri Besar Terengganu mesti untuk Tengku Ibrahim. Dan begitu juga lain-lain jawatan yang terpenting mesti untuk golongan bangsawan juga. Anggota parti yang lain nak jadi apa? Apakah cukup sekadar layak jadi juak-juak dan para khadam Angkatan Perpaduan Ummah saja? Rakyat nak jadi apa? Sudahlah segala kawasan balak, lesen lombong dan segala peluang perniagaan juta-juta habis di bolot oleh anak-anak raja, takkan politik pun anak raja nak pegang. Kalau macam ini yang kaya akan bertambah kaya dan yang miskin akan bertambah miskin. Ini semua bunga-bunga untuk mencetuskan revolusi antara **Istana dan rakyat**.

Ini bukanlah cara kita sokong pemimpin, tak betul caranya. Apakah kalau ada kerusi-kerusi kosong nanti baru nak beri pada para pengampu yang telah bersumpah taat setia, yang sudah jadi macam burung terkukur, menyembah sana, sembah sini, *sembah Ku..., patik Ku..., patik Ku..., Ku patik... taat setia Ku...? Ku... ku... ku...*

Yahya Ismail mengesahkan bahawa pihak istana tidak suka pada Dr. Mahathir. Saya tak tahu sejak bila pula Haji Yahya Ismail ini sudah menjadi juru cakap resmi bagi pihak istana. Yang saya tahu, *Yahya lebih kurang macam khadam pada anak-anak raja saja, dia saja yang merasakan dirinya penting* kononnya sebagai '*political consultant*' bagi pihak Semangat 46 terutama anak-anak rajanya. Mungkin dia lupa agaknya "*pipit sama pipit, enggang tetap juga dengan enggang. Kalau diri itu pipit sedarkanlah diri sikit*".

Betulkah apa yang dikatakan oleh Pak Ya bahawa pihak istana tak suka pada Dr. Mahathir? Atau apakah ia satu *gametrick*, satu lagi temberang politik Yahya, politik nak cari makan, nak hidup? Dah tak ada orang lain, Pak Ya boleh perbodohkan, dapat anak raja Terengganu anak rajalah. **PENA**

sudah buang Yahya jauh-jauh. Tengku Azlan Pahang, ada khadamnya sendiri saudara Ahmad Mokhtar.

Yahya Ismail nampaknya cuba memperdayakan rakyat Terengganu khasnya dan rakyat Malaysia amnya dengan segala dakyah songsangnya seolah-olah jawatan Menteri Besar itu mesti diberikan kepada adik Sultan, kerana Ku Paduka adalah pejuang dan hero rakyat. Mana tahu bila bossnya di pilih jadi Menteri Besar Pak Ya boleh tumpang sekaki.

Yahya tak sedar rakyat Terengganu sudah celek politik. Mereka tahu membedakan antara kemungkaran dengan keikhlasan, kejujuran dengan kenafsuan hasil dari propaganda Yahya dalam bukunya **SKANDAL POLITIK WAN MOKHTAR**. *Buku itu sebaliknya mendedahkan segala-galanya tentang kemungkaran Pak Ya dan Ku Berduka. Buku itu adalah senjata yang makan tuannya sendiri.*

Orang kampung sudah tahu, kerana nak berebut kerusi Menteri Besar, Ku Brahim bergaduh dengan Datuk Manan kerana Manan pun mahukan kerusi yang sama. Ada pula orang kata Tengku Zahid bekas Setiausaha Politik Wan Mokhtar pun mahu kerusi itu juga. Para pemimpin 46 Terengganu sedang bergocoh sesama sendiri. Mereka sudah mula ketepikan Ustaz Ibrahim Azmi kerana Ibrahim Azmi tak ada duit macam ahli 46 yang lain. Ustaz Ibrahim pun sudah tahu tembelang 46. Tak hairan kalau Ustaz Ibrahim masuk UMNO semula, kerana tak tahan hati bergaul dengan bangsawan dan hartawan dalam 46.

Mengikut cerita yang diceritakan oleh Pak Ya di dalam bukunya, kononnya majoriti rakyat Terengganu benci kepada Wan Mokhtar. Kononnya *Ayah Wan* mahu membolot harta kekayaan negeri Terengganu. Walaupun Yahya pandai menulis untuk mengampu Ku Li dan cuba mengekalkan kerakusan adik raja yang nak hidup sendiri saja. Namun rakyat Terengganu takkan percaya tulisan Yahya, selagi Yahya tak boleh buktikan dengan fakta. Mereka tak tengok pun Yahya

berada di Terengganu semasa menulis buku tersebut. Yahya menulis dari Kuala Lumpur.

Sebagai penulis, Yahya sepatutnya menegur perbuatan mungkar yang dilakukan oleh para pemimpin 46 termasuk adik raja sendiri yang banyak melibatkan diri dalam bisness. *Kalau berani dedahkan orang mesti berani tentang pihak sendiri juga. Tetapi Yahya kelu lidah, kaku segala sendi untuk bertindak demikian. Dia tidak berani menentang bossnya yang baru, saya tak pasti yang mana satu Ku Li atau Ku Brahim.* Ketika ini nampaknya Ku Brahim kerana buku **SKANDAL POLITIK WAN MOKHTAR'**. Cerita pemimpin beli buku politik, tabur percuma bukan lagi rahsia. Ini sudah jadi satu trend. Rakyat tak kesah sangat, berapa banyak pemimpin nak beli buku, belilah yang penting isi kandungannya, boleh memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan tanah air. Jangan buku yang boleh jadi macam *boomereng* pukul pemimpin dan parti sendiri. *Buku-buku saya pun ramai pemimpin yang beli dan taburkan pada orang ramai. Ini sudah semacam tradisi politik hari ini kerana kita semua tahu bahawa orang Melayu suka dapat buku free. Ramai ahli politik yang tak suka beli buku. Cuma suka baca. Penulis tak mampu nak beri buku percuma. Ini yang patut difikirkan, sikap subsidi dalam diri orang politik. Bagaimana nak ubah sikap mereka supaya bila nak baca beli, jangan tunggu buku free saja.*

Yahya kononnya nak mendedahkan kemungkaran Wan Mokhtar. Ikhlas benarkah tujuan Pak Ya ini? *Kalau ikhlas kenapa tak dedahkan sekali kemungkaran Osman Saat, pemimpin Semangat 46 Johor yang sudah dibuktikan sebagai rasuah oleh rakyat Johor. Dan rakyat Malaysia tentu juga nak tahu dari mana datang wang yang begitu banyak yang membolehkan Manan Osman, Rais Yatim, Datuk Harun dan lain-lain memiliki berbagai kemewahan. Kenapa ini semua Pak Ya tak tulis? Nampaknya Pak Ya tak komited kepada perjuangan rakyat. Pak Ya lebih komited untuk kepentingan mencari keuntungan diri sendiri.* Kalau macam itu, tulisan-tulisan Pak Ya akan ditolak oleh rakyat.

Yahya nampaknya seperti terhutang budi kepada Ku Li. Yahya menaruh sepenuh harapan kepada 46 dan Angkatan Perpaduan Ummah. Dia tidak sanggup kembali ke dunia sastera untuk hidup di tengah-tengah kemiskinan penulis sastera. *Yahya sudah hilang idealismenya sebagai seorang sasterawan, sebagai pejuangan kebenaran. Malah dia menjadikan sastera sebagai satu juadah untuk kepentingan politik peribadinya. Yahya telah melacuri dan menodai dunia penulisan semata-mata untuk jadi hamba nafsu yang suka menentang dan ini diakui oleh Yahya dalam ucapan di majlis 46. Inilah yang dikesali oleh para penulis yang masih kasihkan Pak Ya dengan bakat yang ada padanya.*

Senang betul Yahya mengajak rakyat menukar selera politik. Buang kerajaan yang dipimpin oleh pemimpin UMNO yang sudah bertahun-tahun duduk di situ, nak ditukar dengan parti baru dengan pemimpinnya yang korup dan banyak merapu dan bercelaru. Apakah Yahya ingat politik ini macam makanan yang boleh ditukar-tukar, hari ini makan lauk kari, besok tukar makan lauk masak lemak, dan lusa tukar pulak lauk singang? Pak Ya bolehlah selalu bertukar selera. Orang Penang dah biasa makan nasi kandar dengan segala macam lauk-pauk. Tapi orang Terengganu lain, letak 20 macam lauk pun, budu, belacan juga santapan yang menyelera.

Rakyat Terengganu ada prinsip mereka sendiri. Bukan macam *Yahya yang hari ini sokong Semangat 46, besok ada parti yang boleh bayar lebih banyak duit, tukar selera seperti yang telah dilakukan terhadap Parti BERJAYA. Yahya suruh rakyat Sabah tukar selera tinggalkan USNO dan ambil Parti BERJAYA. Bila Parti BERJAYA lingkup Yahya tak ambil tahu. Dia leka berbulan madu dengan Semangat 46 pula. Saya dari sejak menulis tentang USNO tahun 1972 hingga hari ini tetap menyokong perjuangan USNO, seperti saya menyokong UMNO yang boleh menjamin ketuanan Melayu dan membawa kesejahteraan kepada bangsa dan negara walaupun saya tak pernah jadi ahli UMNO.*

Kini Yahya terpaksa berhempas pulas untuk mempengaruhi rakyat Terengganu supaya menyokong kepimpinan golongan *feudal, golongan bangsawan*. Kalau terpaksa berbohong, *Yahya sanggup berbohong dan dia telah banyak kali berbuat demikian dalam tulisannya, banyak fakta yang dusta dan menyelewengkan. Kalau terpaksa menipu rakyat dengan penulisannya, supaya rakyat membenci pucuk pimpinan UMNO. Dia sanggup menipu dengan jalan memberi gambaran yang tidak benar tentang sesuatu isu yang dikemukakan didalam buku atau tulisannya yang akan saya kupas satu persatu.*

Jadi dimanakah letaknya maruah seorang penulis, seorang sasterawan? Seorang yang pernah jadi Ketua Satu PENA selama satu tahun? Lepas itu terjun botol. Kenapa Yahya gagal mempertahankan kerusi Ketua Satu PENA? Apakah Yahya lupa bahawa peminat sastera satu waktu dulu pernah menghormatinya sebagai seorang pengkritik yang seharusnya patuh pada ajaran Islam dan menjadi pembimbing serta contoh yang baik kepada rakyat seperti yang pernah dilaung-laungkannya? Ramai peminatnya kini kecewa kerana Yahya telah memperdayakan mereka semata-mata kerana nak mengkayakan dirinya sendiri. *Tak salah cari duit jadi kaya raya dengan menulis buku tetapi tulislah yang benar, yang boleh dipertanggungjawabkan dunia dan akhirat. Kita ini manusia. Manusia mesti ada 'conscience'. Apa lagi kalau kita sebagai seorang Islam yang beriman. Kita mesti mengajar manusia supaya membuat baik dan menentang kemungkaran bukan menentang kebaikan digantikan dengan orang-orang yang terbukti hidup di dalam kemungkaran.*

Malang. Sungguh Berat. Amat malang dan berat sekali bagi Yahya. Dia sudah terlalu didorong oleh nafsu untuk turut berkuasa dan turut melakukan berbagai kemungkaran bagi menjaga kepentingan dirinya. Etika penulisan telah diketepikan, apakah dia tak fikir tentang nama baik institusi yang pernah mendidiknya dulu? Perbuatannya untuk memalukan para pemimpin Melayu akhirnya memalukan tempat-tempat

dia pernah mendapat pendidikan. Golongan feudal yang bercita-cita untuk memerintah negara dengan memeralatkan para penulis dan media masa memang seronok dapat penulis yang berani, agresif dan frust macam Yahya. Golongan 46 juga sanggup memeralatkan ahli agama dan pejuang-pejuang yang tak berdosa sebagai jalan untuk mendapat yang dicita-citakannya.

Setiap orang yang menegur tulisan Yahya dianggap sebagai musuh yang mesti dihapuskan. Dia menegur dan mengkritik dan menfitnah orang lain tak apa. Setiap penulis yang lebih popular darinya dianggap sebagai saingannya. Dia akan mencari jalan untuk melemahkan pihak yang dianggap sebagai saingannya itu dengan menggunakan bermacam-macam taktik. Yahya Ismail ini punya ego, nampak lebih tinggi dari ego anak-anak raja sendiri yang banyak membuat kemungkaran terhadap rakyat tetapi yang dijaja dan dijual ialah kesilapan dan kelemahan pemimpin rakyat.

Orang jenis Pak Ya ini memang ada. Tapi syukur Alhamdulillah kerana bilangannya tak ramai. Mereka ini bolehlah di *klafikasikan* sebagai orang yang sedang menanggung derita jiwa. *Perbuatannya berlawanan dan bertentangan dengan manusia biasa yang mempunyai status pelajaran, atau pemikiran atau juga status profesionalisme yang sama.*

Orang macam ini, bila kita sokong A dia sokong B. Kalau kita kata sesuatu itu tak betul dia kata betul. Bila rakyat memperjuangkan *anti-feudalisme*, dia memperjuangkan *feudalisme*. Kita ke depan, dia ke belakang.

Lagi satu perangai dia yang *aneh ibnu pelik*, dia cukup suka cari salah orang lain. Kononnya dia sajalah yang betul, yang 'perfect'. Orang lain semuanya tak betul. Kadang-kadang dia tahu orang-orang yang dikritiknya itu betul, tapi saja dia nak kritik, sebab dalam dirinya ada sejenis penyakit yang betul-betul punya 'tak betul'. Seboleh-boleh dia nak *menegakkan*

benang yang basah sedangkan dia cukup maklum *benang yang basah mana boleh tegak*. Kalau dia tak berpengaruh tak apalah, kerana tulisannya tambah merosakkan pemikiran pengikut 46 yang telah di rasok dan dirosakkan. *Kerja penulis sebagai pemikir sosial ialah untuk membentuk supaya rakyat mempunyai cara hidup yang betul, cara berfikir yang betul, yang menggunakan rasional dan sanggup duduk dan bermusyawarah bukan mengajar agar rakyat bertindak menurut hawa nafsu, ikut kata hati. Ketua kita mesti betul kerana dia ketua kita. Parti kita mesti tak ada salahnya kerana dia parti kita. Orang yang kita anggap musuh, biar apa yang dikatakan mesti tak betul, mesti salah.*

Orang yang macam ini memang tak patut kita layan, tapi ramai orang yang macam dia, yang sukakan tulisannya, kerana *Yahya berani, maki, kata dan fitnah kerajaan setiap hari. Ini yang musuh-musuh kerajaan seronok sangat ni, biarpun ramai yang kata melayan orang macam ini membazirkan masa dan merugikan kita sahaja. Kalau kita tak hati-hati pembohongan yang di ulangkan bertalu-talu akhirnya tidak lagi dianggap sebagai pembohongan. Dan orang akan percaya kepada cerita-cerita bida'ah yang dibawa oleh Pak Ya dan golongan 46 ini. Tapi Tengku Paduka Raja sayang padanya, mungkin mereka berdua ini *birds of the same feather* walaupun bukan *'birds of the same species'*. Macam merak dengan gagak sama-sama ada kepak.*

Menyentuh pasal tulisan, kita balik pada cerita *booklet* Yahya tadi. Walaupun Yahya bertungkus lumus untuk menfitnah dan mendedahkan apa yang kononnya dianggap sebagai penyelewengan yang dilakukan oleh *Ayah Wan*, tapi sebaliknya kelemahan kepimpinan Ku Heng yang kian terdedah kepada rakyat. Kalangan istana terutamanya kaum kerabat diraja tidak senang dengan tindak tanduk Tengku Ibrahim terutama bersubahat dengan Yahya menerbitkan buku menghina kerajaan, kepimpinan Wan Mokhtar yang ada hubungan rapat dan baik dengan Tuanku Sultan Terengganu.

Tuanku tak campur urusan adindanya yang bergaduh dengan Menteri Besar. Para kerabat dan pehak istana yang lain pun tak sependapat dengan Ku Paduka.

Rakyat Terengganu sudah tahu segala skandal dan penyelewengan yang hendak disembunyikan oleh Tengku Ibrahim yang cuba mahu memonopolikan semua kekayaan Terengganu untuk dirinya saja. Ramai yang sudah membuat penyiasatan tentang apa yang telah dilakukan oleh Tengku Ibrahim. Bagaimana beliau boleh menjadi kaya raya? Siapa dibelakangnya? Kenapa syarikatnya saja yang mewakili monopoli perniagaan membekalkan barang-barang keperluan kepada 'supply base' yang membawa keuntungan puluhan ribu setiap bulan?

Pembelian brite, simen dan lain-lain keperluan di 'Supply Base', satu dari pelabuhan Terengganu itu, syarikatnya saja yang menguasainya. Ku Paduka menimbulkan perkara tentang kerugian yang dialami oleh anak-anak syarikat S.E.D.C. Terengganu di mana Wan Mokhtar sendiri menjadi pengerusinya. Masakan Ku Heng tak tahu bahawa polisi S.E.D.C ditubuhkan sesudah 13 May untuk mempertingkatkan monopoli bumiputera didalam bidang perniagaan sedangkan bumiputera tak pandai berniaga dan akibatnya S.E.D.C mengalami kerugian yang besar.

Sekarang skandal dan penyelewengan yang didakwa oleh Ku Heng itu telah didedahkan kepada rakyat kononnya kerana ia melibatkan wang negeri kepunyaan rakyat. Dan kononnya S.E.D.C telah menyalahgunakan wang yang diamanahkan oleh rakyat padanya. Apakah Ku Paduka tahu apa ertinya *Perusahaan Awam*? Kenapa tidak *Kementerian Perusahaan* saja? Kenapa ada Awam dibelakangnya? Tentu untuk tujuan tertentu kementerian itu menggunakan perkataan *Awam*. Bukankah ia untuk kepentingan *awam* dan bukankah *awam* itu maksudnya Melayu. Adanya penyelewengan bukan bererti polisi kerajaan itu yang salah, tetapi ada pegawainya yang membuat kemunggaran. Bongkarlah sampai ke akar umbi.

Rakyat Terengganu terutama sekali mesti tahu siapa sebenarnya Ku Paduka adik raja yang kononnya ingin menjadi pembela rakyat. Rakyat Terengganu mesti menilai kepimpinan, bukan atas dasar dia adik raja, tetapi atas dasar kemampuannya untuk memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat. Jangan cakap tak serupa bikin. Dan jangan bikin tak serupa cakap. Nanti orang cakap, "*sudahlah tak pandai bikin, cakap pun tak pandai macam profesor kangkong yang berpemikiran primitif, status tinggi, IQ below average. Bila terjumpa orang yang betul-betul pandai mereka keroyok ramai-ramai*".

Salahkah Wan Mokhtar memberi imbuhan dan gaji kepada kira-kira 5000 orang guru agama, bilal, imam, siak di seluruh negeri Terengganu untuk mengembangkan syiar Islam dan menaburkan rezeki yang datangnya dari Allah untuk rakyat Terengganu yang layak menerimanya?

Yahya mempersoalkan kejujuran dan keikhlasan *Ayah Wan* apabila Menteri Besar membuat kebaikan. Jenis manusia apakah Yahya ni? Orang buat baik dipertikaikan, yang baik diburuk-burukkan. Betullah Yahya ini pelik.

Di sini saja kita sudah nampak adanya persamaan di antara pemimpin dan penulis yang mewakili Semangat 46. Apakah orang-orang yang jenis ini yang kita mahu ketengahkan dalam masyarakat dan jadikan mereka pemimpin kita? Pantun orang tua-tua ada berkata kepada kita yang suka nak tukar selera.

**Kalau tuan menebang jati
Biar serpih jangan tumbang
Kalau tuan nak cari ganti
Biar lebih jangan kurang.**



Haji Suhaimi : Tunku tolong doa dan bagi patik air berkat Tunku.

Tunku : Apa pasai?

Suhaimi : Hati saya berdebar-debar nak naik roket sama-sama orang DAP dan orang PAS.

Tunku : Suhaimi, saya bukan bomoh tapi kalau you nak minta nombor ekor boleh juga saya tanya-tanyakan kuda saya. Mana tahu kalau kuda-kuda saya nak bagi you untung.



Lim Kit Siang : Ini baru betul, inilah bakal Perdana Menteri Malaysia; tengok sikit punya handsome, bergaya, lawa... anak raja pula.

Ku Li : Awak apa kurang Lim; bijak, berani, pandai... tentu layak jadi Timbalan Perdana Menteri saya.

Lim : Kalau macam itu baguslah Tengku. Itulah yang saya nak dengar dari Tengku. Kepercayaan dari Tengku beri saya konfident. Kalau macam ini tentu DAP akan menang semua kerusi yang dipertandingkan. Bila menang nanti Mahathir sama Gahfar, kita kasi buang sama mereka.

Ku Li : Tapi ingat Lim, bila sudah jadi TPM awak jangan merajuk macam Musa Hitam pulak!

Lim : Tentu sekali tidak, buat apa buat kerja-kerja bodoh macam itu. Saya bila sudah jadi T.P.M., saya akan kerja keras. Siapa tahu satu hari saya jadi PM. Kalau bukan saya mungkin anak saya.



Dr. Mahathir : Saudara-saudara berdua tunggu dulu. Pilihanraya belum diumumkan lagi awak berdua sudah pilih kerusi Perdana Menteri dan Timbalan. Apa awak fikir rakyat mempunyai kepercayaan kepada pembangkang yang tak sama ideoloji dan tak punya visi? Macam mana awak nak perintah negara? Itu perkataan APU dalam bahasa India ertinya adik. APU mesti sabar dulu. Janganlah belum satu tahun parti berdaftar awak sudah nak jatuhkan orang dan nak ambil alih negeri ini. Ingat pesan orang tua-tua. "Easy come easy go". Kalau begitu senang tipu rakyat kasi awak ini kerajaan, awak mesti tak hormat sama rakyat kerana awak tahu, awak mudah boleh mempermainkan rakyat yang UMNO dan Barisan Nasional jaga selama 32 tahun.



"Tengok tu..., tengok..., Syed Hussein Alattas ni..., tak habis habis... asyik ikut buntut saya saja. Dia bukan boleh tengok orang politik senang. Kalau dia tak ikut, ada saja jurugambar dia yang akan ambil gambar-gambar kita. Mentang-mentanglah Pegawai Pencegah Rasuah, Zakaria kata saya rasuah, langsung dia tak kasi saya peluang nak sembunyi. Ini cerita lama, cerita masa saya jadi Menteri Besar dulu."



Semasa Ku Li sedang bersalaman, Pak Seman, bekas Menteri Besar Johor yang dikatakan rasuah cuba bersembunyi dari jurugambar. Biar bagaimana pun kita dapat tangkap dia juga. Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ketanah juga. Manusia tak dapat lari dari hukum karma. Pemimpin UMNO yang dulunya rasuah kini sembunyi dalam 46, tak akan terlepas dari hukum karma. Mereka akan terima balasan dari Allah.

BAB LIMA

Peluang Semangat Kus Semangat

Perselisihan pendapat, tuduh-menuduh dan pergelutan meluaskan pengaruh di kalangan sesetengah pemimpin Parti Semangat 46 di Terengganu bukan rahsia lagi. Ia sudah didedahkan untuk tontonan ramai oleh pemimpin-pemimpin parti itu sendiri.

Percubaan Presiden parti Tengku Razaleigh Hamzah menggambarkan keadaan itu sebagai masalah dalaman biasa tidak menyakinkan.

Seandainya ini masalah dalaman biasa masakan dua pemimpin kanan peringkat negeri meletakkan jawatan dan saling tuduh-menuduh secara terbuka?

Yang pertama meletakkan jawatan ialah Tengku Sri Paduka Raja, Tengku Ibrahim Ismail. Beliau meletakkan jawatan sebagai Bendahari negeri tetapi mengekalkan jawatan Ahli Majlis Tertinggi.

Ini diikuti pada 19 April oleh Datuk Engku Muhsein Abdul Kader yang meletakkan jawatan Ahli Majlis Tertinggi, Timbalan Ketua Perhubungan Negeri dan Ketua Bahagian Hulu Terengganu.

Perang mulut antara dua pemimpin ini begitu meruncing sehingga surat-menyurat rasmi peringkat tinggi tidak lagi menjadi rahsia besar. Surat-surat ini kini tersebar luas.

Engku Muhsein yang pernah menyandang jawatan Menteri Muda Belia dan Sukan pada zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein menulis sepucuk surat panjang kepada Tengku Razaleigh pada 19 April menyatakan sebab-sebab beliau meletakkan jawatan.

Terdahulu, pada 1 April, Tengku Ibrahim mengutus surat kepada perhubungan Semangat 46 Terengganu, Datuk Manan Othman, menuduh Engku Muhsein membuat kenyataan yang merugikan parti dan meminta tindakan disiplin diambil ke atas beliau.

Harapan

Surat-surat ini kini tersebar luas diedarkan kepada wartawan yang membuat liputan peristiwa itu. Awal minggu ini Jawatankuasa Perhubungan Negeri menolak tuduhan Tengku Ibrahim sebagai tidak berasas dan serentak itu meminta Engku Muhsein supaya menarik balik perletakan jawatannya.

Kesan keputusan ini dan cara Tengku Razaleigh mentente-ramkan keadaan akan memberi kesan besar kepada usaha Semangat 46 menggempur Barisan Nasional di Terengganu. Seandainya masalah ini berlarutan, harapan Semangat 46 mungkin layu sebelum kembang.

Terengganu adalah negeri idaman Semangat 46 kerana kekayaan minyaknya. Ia satu-satunya negeri di Semenanjung yang kukuh kewangannya. Menang di Terengganu dan harapan Tengku Razaleigh membuktikan kepakarannya menguruskan ekonomi akan lebih mudah.

Atas sebab inilah Semangat 46 begitu gembira dan tidak teragak-agak mengakui kemenangan calon Pas Haji Harun Taib di dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Teluk Pasu tahun lalu sebagai kemenangannya sendiri. Haji Harun adalah calon tunggal yang disokong oleh Semangat 46 yang menang dalam pilihanraya kecil sejak Semangat 46 ditubuhkan.

Perkembangan di Terengganu sekarang boleh menjejaskan imej Tengku Razaleigh sebagai Presiden Semangat 46 kerana pokok pangkal kepada masalah yang dialami sekarang ada kaitan dengan perlantikan pemimpin-pemimpin negeri oleh beliau.

Engku Muhsein dikatakan menyokong bekas Menteri Perusahaan Awam Datuk Manan Othman sebagai Perhubungan Negeri manakala Tengku Ibrahim dikatakan lebih cenderung kepada Ahli Parlimen Kuala Nerus, Haji Ibrahim Azmi.

Tengku Ibrahim dikatakan lebih berat kepada Haji Ibrahim kerana beliau seorang pemidato yang baik dan berpengetahuan luas di bidang agama. Beliau diterima oleh kalangan dalaman Semangat 46 sebagai ulama.

Tengku Ibrahim yang dikatakan tidak suka kepada Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berharap Haji Ibrahim Azmi akan menjadi pencabar kuat kepada Tan Sri Wan Mokhtar yang sememangnya diterima sebagai ulama yang dihormati.

Tetapi nyata Tengku Razaleigh lebih cenderung kepada seorang yang tidak kontroversi dan taat pula kepada ketua. Datuk Manan memenuhi kedua-dua prasyarat ini.

Bagaimanapun, Datuk Manan tidak cukup tegas. Beliau lebih dikenali sebagai seorang yang lekas mesra dan tidak menonjol. Inilah sifat beliau sejak dahulu lagi.

Adalah diketahui umum yang perhubungan Datuk Manan dan Haji Ibrahim bermasalah sejak kedua-duanya masih di dalam UMNO.

Tengku Ibrahim juga dikatakan tidak puas hati dengan perlantikan Encik Ismail Mamat sebagai ketua bahagian Marang yang mengenyepikan Tengku Zaid Musa, bekas Setiausaha Politik Tan Sri Wan Mokhtar yang didakwa bertanggungjawab mengasaskan Semangat 46 di bahagian itu.

Tetapi perlantikan Encik Ismail memang dijangkakan kerana dia adalah orang kanan Datuk Manan sejak beliau masih didalam Kabinet.

Yang menarik sekarang ialah melihat reaksi Tengku Ibrahim terhadap keputusan Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang menganggap tuduhan beliau terhadap Engku Muhsein tidak berasas.

Perbezaan pendapat di antara Tengku Ibrahim dan Engku Muhsein terselindung daripada pandangan umum sehinggalah Tengku Ibrahim mengutus surat pada 1 April meminta Datuk Manan mengambil tindakan disiplin ke atas Engku Muhsein atas tuduhan bertindak dengan cara yang merugikan parti.

Tuduhan ini berpunca daripada kenyataan Engku Muhsein yang tidak menyetujui kecaman terhadap Tan Sri Wan Mokhtar seperti terkandung didalam buku *Skandal Politik Datuk Wan Mokhtar* yang ditulis oleh bekas ketua Persatuan Penulis Nasional (Pena) Yahya Ismail.

Tengku Ibrahim membantah kritikan Engku Muhsein dan menyifatkan bertentangan dengan perjuangan Semangat 46. Ini menyebabkan ramai pemerhati membuat kesimpulan penulisan buku itu bermotif politik dan ramai menuding ke arah Tengku Ibrahim.

Di dalam surat kepada Tengku Razaleigh, Engku Muhsein mendakwa Tengku Ibrahim membuat tuduhan tanpa selidik sehingga keliru mengenai tarikh, tempat dan maksud sebenar kenyataannya.

Katanya beliau tidak setuju dengan kandungan buku Yahya yang menafikan segala kebaikan yang dilakukan oleh Tan Sri Wan Mokhtar seperti membina masjid. Beliau juga tidak setuju dengan tuduhan yang dibuat ke atas beberapa pegawai kanan kerajaan negeri yang tidak berupaya membela diri.

Katanya menidakkan kebaikan, membuat tuduhan melulu atas dasar dendam dan menjadikan kakitangan awam mangsa cacian bukanlah cara yang betul menentang kemungkaran yang didakwa dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Pihak-pihak luar Semangat 46 yang pernah berdamping dengan Engku Muhsein menyifatkan beliau sebagai seorang yang tidak banyak karenah dan akan melakukan apa sahaja untuk mengelakkan ketidak-senangan atau kontroversi.

“Keadaan didalam Semangat 46 Terengganu pasti cukup tegang sehingga memaksa beliau mendedahkannya dan menerangkan pendirian beliau,” kata seorang bekas petugas Allahyarham Tun Razak.

Engku Muhsein menjelaskan kepada Tengku Razaleigh beliau bercakap panjang lebar di Hulu Terengganu pada 14 Mac (bukan 15 Mac seperti didakwa oleh Tengku Ibrahim) mengenai buku Yahya kerana ingin menjelaskan yang Semangat 46 Terengganu tidak terbabat dengan penerbitannya.

Anehnya, jika buku Yahya benar ada kena mengena dengan percubaan Semangat 46 menjatuhkan Tan Sri Wan Mokhtar, maka sasarannya jauh daripada mengena. Sebaliknya lain yang ditembak lain yang kena. Tan Sri Wan Mokhtar yang ditembak, Semangat 46 yang luka.

Sama ada Tengku Razaleigh campur tangan atau tidak didalam keputusan Jawatankuasa Perhubungan Semangat 46 menafikan dakwaan Tengku Ibrahim dan menolak perletakan jawatan Engku Muhsein, usaha memulihkan semula perpaduan parti itu di Terengganu diramalkan sukar.

Mengesan

Masalah yang dialami itu dikatakan bertambah rumit kerana tindak-tanduk satu kumpulan yang mula digelar *Kumpulan 31*

(Ibrahim Ali, Ibrahim Azmi dan Tengku Ibrahim Ismail) yang dikatakan mempunyai pengaruh kuat ke atas Tengku Razaleigh.

Di kalangan pemimpin-pemimpin Semangat 46 sendiri, Ibrahim Ali dianggap anasir yang memburuk dan melemahkan imej parti dengan tindak-tanduknya. Tetapi beliau terselamat daripada sebarang ancaman kerana dia diketahui cukup rapat dengan Tengku Razaleigh dan dipercayai pula.

Dengan menolak tuduhan Tengku Ibrahim dan merayu Engku Muhsein jangan meletakkan jawatan, Badan Perhubungan Semangat 46 Terengganu ingin membuktikan yang ia masih mampu menguasai keadaan dan berlaku adil.

Di dalam suratnya kepada Tengku Razaleigh, Engku Muhsein mempertikaikan keazaman kepemimpinan parti diperingkat negeri dan pusat bertindak tegas membendung unsur-unsur negatif seperti dendam, permusuhan peribadi dan hasad dengki yang didakwanya dibawa oleh "tokoh-tokoh baru" didalam parti.

Buat sementara waktu ini, nyata kepemimpinan Semangat 46 Terengganu mencuba sedaya-upaya menyelesaikan masalahnya secara yang memberi gambaran bahawa ia tidaklah seteruk seperti dilaporkan dan tanpa bergantung kepada kepemimpinan pusat.

Tetapi pada dasarnya Tengku Razaleigh tetap mengenakan pengaruhnya. Beliau tidak akan membiarkan masalah sebesar ini berpanjangan. Beliau diketahui umum amat selesa dikelilingi oleh orang yang setia kepadanya.

Yang rumit ialah beliau tidak mempunyai banyak pilihan di Terengganu. Penyokong-penyokong kuat parti itu di Terengganu tergolong di dalam tiga kumpulan-kumpulan veteran yang bersara lama sebelum UMNO (lama) diharamkan, kumpulan muda yang naik atas landasan UMNO dan kumpulan yang baru menyertai politik seperti Tengku Ibrahim.

Cabaran paling besar akan muncul apabila parti itu mula mengesan dan memilih calon untuk pilihanraya umum yang akan menjelang. Sudah muncul ura-ura yang ramai ketua bahagian yang umumnya pemimpin veteran tidak mahu menjadi calon walaupun lebih mudah bagi mereka menarik undi daripada pemimpin-pemimpin baru yang kurang dikenali.

Semua ini memberi gambaran bahawa jalan ke mercu kuasa bagi Semangat 46 tidaklah semudah yang didakwa. Apatah lagi kerjasama dengan PAS melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) jauh daripada unggul kerana penentangan sesetengah anasir didalam PAS terhadap kerjasama antara Semangat 46 dan DAP yang semakin erat.

Oleh Kadir Jasin.
Editor New Straits Time.



Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba sedang berkata sesuatu kepada Pemimpin Kesatuan Sekerja, terutama kepada Presiden MTUC, Encik Zainal Rampak (kiri), Setiausaha Agungnya, Encik V. David (dua dari kiri), Timbalan Presiden MTUC, (Encik Ahmad Nor):

“Awak semua kalau nak main politik biarlah gentlemen sikit. Nak bubuh pasir dalam periuk nasi para pekerja, satu perbuatan yang khianat, salah dari segi kemanusiaan dan agama. Rakyat tahu siapa awak semua. Nasib baik awak hidup di Malaysia kalau tempat lain, saya tak tahulah”.

Berasaskan pada kekuatan parti dan realiti politik

**KUALA LUMPUR: Parti Islam
SeMalaysia atau PAS menuntut
agar ia diberikan antara 35 hing-
ga 40 kerusi di dalam pilihan-
raya umum akan datang.**

Parti itu juga mahukan tiga buah negeri di mana calon Menteri-menteri Besar adalah dari parti itu sendiri.

MK difahamkan perkara ini telahpun disampaikan kepada Presiden Angkatan Tengku Razaleigh Hamzah.

"Berdasarkan realiti kekuatan PAS maka wajar kita menuntut lebih kurang 40 kerusi Parlimen dan berdasar-kan kepayaan PAS juga maka wajarlah kiranya kerusi Menteri Besar di Kelantan, Terengganu dan Kedah menjadi milik PAS," kata Setiausaha Agungnya, Ustaz Haji Halim Arshad.

Menurut Ustaz Haji Halim, sepertimana yang diperse-

Oleh Dahlan Maamor

ujui dalam pakatan antara PAS dan 46 perletakan calon mestilah berdasarkan kepada realiti kekuatan parti masing-masing.

"Tak jadi masalah kerana PAS tidak akan menuntut pembahagian kerusi secara 50/50 kerana PAS sedar kekuatannya tidak sedemikian. Adalah merugikan kalau PAS bertanding tanpa menghiraukan kekuatannya sedangkan di tempat-tempat tersebut 46 lebih dominan."

"Soal pertelagahan atau masalah sebenarnya tak timbul kerana antara PAS dan 46 senantiasanya berbincang. Tuntutan begini bukanlah sesuatu yang berat kerana ia nyata berasaskan kepada kekuatan parti PAS sendiri," kata-

LIHAT MUKA 2

MINGGUAN KOTA

18/2/1990



Tengku Razaleigh : Oi! Doktor, *makan, boleh sebarang makan cakap jangan sebarang cakap.* Awak jangan fikir, awak saja yang layak memerintah negeri ini. Awak jangan fikir saya tak layak jadi Perdana Menteri? Saya pun *Presiden* juga, sama status macam awak, *Presiden* APU. Awak tahu saya anak raja, saya jauh lebih layak dari awak. Tak percaya tanya Tunku, tanya Sultan dan rakyat Kelantan. Tunggu lepas pilihanraya nanti. Awak tahu lah apa yang saya nak buat, awak sudah tua, sudah kena bedah tak macam saya sehat, muda dan masih bujang.



Dr. Mahathir : Wahai anak raja yang budiman, tak semudah itu awak boleh jadi *Perdana Menteri*. Awak jangan lupa dari tahun 1981 hingga 1987 awak cuba nak naik keatas tapi ahli UMNO yang tak mahukan awak, mereka kata cukuplah *"Tunku"* seorang jadi *Perdana Menteri*, kalau tidak masakan mereka tak pilih awak sebagai *Timbalan* dan *Presiden* UMNO. Kalau awak benar-benar nak jadi *Perdana Menteri*, awak masuk UMNO semula, berlawanan cara demokrasi. Kalau awak menang satu undi sekali pun, saya akan letak jawatan. Kalau awak boleh menang jadi presiden parti, secara automatik kerusi Perdana Menteri ini awak punya. Tapi sayang kerusi *Timbalan Presiden* pun awak tak boleh menang... Itu bererti orang Melayu hari ini belum dapat terima anak raja macam awak jadi *Perdana Menteri* mereka. Sebab pertama, kerana awak masih bujang. Kahwinlah dulu, baru minta kerja ini. Kalau tidak awak langkahan mayat orang tua ini dulu, baru boleh jadi *Perdana Menteri*. Jangan awak fikir mudah nak jadi pemimpin negara. Kerusi ini Allah yang menentukan.

Dunia itu suatu kebun,
pagarnya negara.
Negara itu sebuah kekuasaan,
Yang hidup dengan kekuasaan itu
aturan yang tetap (sunnah).
Aturan yang tetap itu
ialah politik (siasah),
yang dijalankan oleh raja.
Raja itu peraturan,
yang disokong oleh tentera.
Tentera itu pembantu-pembantu,
yang ditanggung oleh harta.
Harta itu rezeki,
yang dikumpulkan oleh rakyat.
Rakyat itu budak-budak,
yang di pelihara oleh keadilan.
Keadilan itu yang di sukai.
Dengan keadilan tegaklah dunia.
Dunia itu suatu kebun,
kemudian,
anda kembali kepada awal perkataan tadi

Ibnu Khaldum

BAB ENAM

Burung Terkukur Burung Ku-Patek

Dengan barisan pemimpin yang terdiri dari Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Pulau Pinang, Tengku Razaleigh Hamzah di Kelantan, Tengku Azlan Shah di Pahang, Seri Paduka Raja Tengku Ibrahim Ismail, dan Tengku Haji Zahid Musa di Terengganu, parti Semangat 46 nampaknya diwujudkan untuk memperjuangkan cita-cita golongan bangsawan dan bukan hasrat rakyat biasa seperti pada permulaannya dulu.

Nama-nama ini semakin hari semakin kerap disebut didalam media massa dan juga di kalangan pengikut-pengikut Semangat 46. Di segi publisiti akhbar, mereka sekarang nampaknya lebih popular daripada Datuk Rais Yatim, Haji Ibrahim Azmi, Haji Ibrahim Ali, Puan Marina Yusoff, Hajah Ilani Ishak dan beberapa lagi pemimpin Semangat 46, yang sedikit masa dulu begitu lantang suaranya. Kasihan akhirnya mereka ini kembali memainkan peranan burung terkukur: **Ku...Patek, Ku...Patek... Ku...Patek, Ku... Tek... Ku... Tek.**

Perkembangan politik burung Ku Patek ini memanglah menarik. Parti serpihan UMNO yang diwujudkan dengan tujuan asalnya untuk memulihkan UMNO lama, kini sudah bertukar menjadi sebuah kelab yang dikuasai oleh golongan istana yang mana pengikut yang lain sudah jadi tak lebih dari juak-

juak dan para khadam. Semakin kerap kenyataan yang mereka keluarkan, maka semakin meneballah ciri-ciri *feudalistik* dalam Semangat 46, parti bernombor kepunyaan Tuanku-Tuanku. Tunku Abdul Rahman memang suka parti yang ada nombor-nombor ini kerana kuda-kudanya pun ada nombor bila masuk pertandingan.

Krisis Semangat 46 di Terengganu yang ada kaitannya dengan golongan-golongan *bangsawan* kini menjadi semakin tenat. Kewujudan unsur-unsur *feudalistik* dalam parti itu terbukti merosakkan perpaduan parti itu sendiri.

Tak salah seperti yang telah diramalkan mengikut perkataan nombor 46 dalam bahasa Cina namanya '**sailak**' ertinya **mati jalan**.

Tindakan Tengku Ibrahim Ismail dan penyokongnya menentang keputusan pucuk pimpinan Semangat 46 dalam isu Engku Muhsein dan sekaligus mengugut untuk membubarkan 16 cawangan parti itu, dengan jelas menunjukkan ciri-ciri *feudalistik* sedang menguasai Semangat 46. Yang lebih menghairankan lagi DAP dan PAS dapat menerima ciri-ciri ini dalam APU. Tentu ada muslihat disebalik ini semua.

Disebabkan krisis Semangat 46 Terengganu berkisar antara Tengku Ibrahim dan Engku Muhsein, maka pemimpin dan ahli Semangat 46 yang tidak bergelar Tengku atau Engku, seolah-olah tidak ada kena mengena langsung dengan parti itu. Kalaupun ada yang mahu mengeluarkan pendapat, mereka tidak mahu nama mereka disebutkan kerana kalau salah cakap, buruklah padahnya. Maklum sajalah mereka sudah jadi macam '*burung keteter*' burung yang bila kita petik jari dia pun menyanyi.

Oleh kerana rata-rata masyarakat Melayu menjunjung tinggi keluarga diraja, maka dengan adanya keluarga diraja menjadi pemimpin Semangat 46, ahli dan pemimpin biasa parti itu

mendapati sukar untuk melahirkan pandangan dan pendapat mereka, jauh sekali mengkritik. Keadaan ini samalah keadaan ketika Tunku menerajui UMNO dulu. Sebab itulah mereka beriya-iya benar mahu hidupkan UMNO lama supaya bila Tengku Razaleigh Hamzah jadi Perdana Menteri, ahli UMNO balik kepada cara politik *primitif* yang ada dizaman 46, *politik antara dua darjat*: satu kumpulan *merak kayangan*, yang satu *gagak di rimba*.

Hari ini sudah wujud hubungan berbentuk '*ku-patek*' dalam Semangat 46 dan ini adalah satu lagi bukti ciri-ciri feodalistik dalam parti itu. Sudah lahir penulis *pengelip* dan *penjilat* seperti Yahya Ismail dan Ahmad Mokhtar. Selagi adanya *pengilat* dan *pemuja* yang seperti ini, maka selagi itulah Semangat 46 akan menghadapi masalah jurang pemisah diantara *golongan bangsawan* dengan *rakyat biasa* dalam parti tersebut, parti yang mahu menjadi alternatif kepada UMNO. *Sebagai orang Melayu yang menghormati keluarga diraja, walau semesra mana sekali pun perhubungan diantara rakyat biasa dengan keluarga diraja, soal malu alah dan segan tetap wujud*. Bagi parti politik, bentuk hubungan seperti ini tentulah mengakibatkan timbulnya '*conflict of interest, conflict of class*' dan bermacam jenis *konflik* lagi.

Dan di dalam keadaan yang semacam ini kita terpaksa bertanya: kepentingan pihak manakah yang mengatasi kepentingan pihak mana? Dan kita juga terpaksa bertanya siapakah yang menentukan kewujudan siapa? Apakah golongan bangsawan menentukan kewujudan rakyat biasa atau rakyat biasa yang menentukan kewujudan golongan bangsawan?

Hubungan berbentuk '*ku patek*' ini jugalah yang telah menyekat perdebatan yang bebas ketika Semangat 46 mengadakan Perhimpunan Agung mereka yang kedua. Bagi ahli dan pemimpin Semangat 46 yang pernah bersama UMNO dulu, tentulah menyedari betapa terbuka dan bebasnya *ahli*

UMNO mengeluarkan pendapat serta pandangan mereka di Perhimpunan Agung UMNO. Para ahli boleh mendesak Presiden menerima balik ahli yang lama, ambil Ku Li dan Musa sebagai menteri. Dengan rendah hati Dr. Mahathir taat dan ikut perintah dan kehendak ahli UMNO. Di setiap kali Perhimpunan Agung UMNO, pucuk pimpinan parti, dari Presiden hinggalah ke anggota Majlis Tertinggi terdedah kepada pelbagai kritikan pedas dan tajam daripada perwakilan. Tapi adakah ahli 46 yang berani kritik Tunku, Ku Li, Ku Brahim, Tengku Azlan, berani kritik General Jaffar Onn, Tan Sri Othman Saat, Datuk Rais, Datuk Manan yang menerajui pucuk pimpinan. Semuanya Tunku, Tan Sri, Datuk, bekas general datang ke perhimpunan dengan kereta mewah sedangkan para ahli juga masyarakat marhain yang kecewa, yang tidak berada, yang bergantung nasib kepada mereka diatas saja.

Feudalistik berkaitan rapat dengan autokratik. Apabila orang yang dipimpin tidak bebas menyuarakan pendapat, maka mereka yang memimpin akan cepat diresapi unsur-unsur autokratik. Walaupun perkara ini tidak dirancang dan tidak diingini oleh Pemimpin Semangat 46, namun sebarang halangan kepada perhubungan yang bebas antara pemimpin dan orang yang dipimpin boleh menukar pemimpin yang demokratik menjadi autokratik.

*Masalah yang dihadapi oleh Semangat 46 ini sudah lama berlaku dalam PAS. Ketiadaan pengaliran idea dan pendapat yang bebas di antara Dewan Ulama PAS dan ahlinya adalah faktor yang menyukarkan parti itu berkembang. Walaupun dunia di akhir abad ke 20 menyaksikan kebangkitan Islam sejagat yang memberangsangkan namun perubahan positif ini tidak membawa apa-apa kesan kepada parti yang memperalatkan Islam itu. Sikap orthodox, kepala batu dan unsur-unsur kediktatoran inilah yang telah melahirkan **Hamim, Berjasa** dan **Al-Islah**. Oleh kerana tradisi PAS sudah sedemikian rupa, maka sesiapa saja yang tergolong dalam *strata* pucuk pimpinan PAS tidak bimbang untuk mengeluarkan sebarang ken-*

yataan, kerana mereka menganggap bahawa apa juga perkataan yang terkeluar dari mulut mereka itu adalah *fatwa*. Ahli-ahli PAS tidak dibenarkan melanggar *fatwa* kerana orang yang berbuat demikian akan dinafikan hak mati syahid.

Mungkin kerana takut tak dapat *mati syahid*, maka ahli-ahli PAS dan juga 46 enggan mengkritik beberapa kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin mereka sejak kebelakangan ini. Disebaliknya mereka meluahkan semua kemarahan terhadap pemimpin UMNO, maka terjadilah *peristiwa pukul anak sindir menantu*. Mereka tak tahu, yang orang ramai faham, yang mereka sindir itu bukan pemimpin UMNO tapi sebaliknya pemimpin 46 dan PAS. Dengan cara begitu terjadilah satu *'boomerang'*, pukulan yang telah memukul diri sendiri. Kalau ahli UMNO berani mengkritik Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana projek *Proton Saga, Industri berat, lesen judi* dan sebagainya, ahli-ahli Semangat 46 dan PAS nampaknya segan atau malu untuk mengkritik dasar yang dibuat oleh pemimpin mereka yang boleh merugikan mereka sendiri kenapa?

Kenapa perkara macam ini boleh terjadi sedangkan ramai bijak pandai dalam kedua-dua parti ini? Jawapannya ialah *politik dua darjat, politik ku-patek* kalau orang bawah tegur nanti kena *'tulah'* politik *mati syahid*.

Tentu ramai ahli PAS yang tidak senang dengan kerjasama PAS-DAP melalui Semangat 46. Begitu juga ramai ahli Semangat 46 yang tidak senang dengan kenyataan Tunku Abdul Rahman, Tengku Razaleigh Hamzah dan Tengku Ibrahim Ismail. Bagaimanapun, kerana masalah takut kena *'tulah'*, malu alah dan termakan budi, mereka terlalu mengharapkan bahawa para pemimpin ini saja yang dapat menyelamatkan mereka. Mereka pun berserah bulat-bulat tapi dalam perhubungan di luar parti, segala rasa tidak senang yang terpaksa dipendam di hati di luahkan juga sesama sendiri.

Bayangkanlah apa akan terjadi kiranya golongan *bangsawan* akan kembali berkuasa seperti dizaman *feudal* dulu.

Rakyat sudah tentu hilang hak mereka untuk bersuara. Rakyat akan kembali ke zaman primitif. *Yang kaya akan bertambah kaya yang miskin akan jadi lebih miskin. Masyarakat akan hidup menggunakan hukum rimba. Siapa kuat dialah yang berkuasa.*

Apakah rakyat yang sudah 30 tahun merdeka ini bersedia untuk kembali ke zaman *feudal* terutama generasi yang ketiga selepas Merdeka. *Mereka bersekolah bersama-sama anak raja. Dan ada diantara mereka itu yang hidupnya tak ubah macam anak raja sendiri kerana bapak-bapak mereka sama kaya macam raja. Mereka tak pelik dan hairan apa yang anak raja ada. Ada yang boleh menggunakan bahasa aku - engkau dan bertepuk-tampar dengan anak-anak raja. Lagipun sudah ada generasi anak-anak raja yang berperangai macam *Mat Rock* yang kaki disco, kaki betina, kaki botol, kaki judi dan kaki macam-macam lagi. Sayangnya siapa pun tak berani tegur atau mengadu pada raja kerana dah jadi burung *ku-patek*.*

Soalnya sekarang apakah generasi ini nak balik semula ke zaman sembah menyembah dan mengagungkan sesama manusia yang di larang oleh Islam sebagaimana yang dilakukan oleh datuk nenek mereka? *Sorrylah. Lebih-lebih lagi mereka yang sudah pergi melanjutkan pelajaran di Iran yang menjadi golongan Syiah Imamiah yang sedang menunggu kemunculan Imam Mahadi. Mereka mahukan khalifah yang ada hubungan secara langsung tanpa sebarang batasan dengan pengikutnya dan menolak konsep raja. Siapa yang nak jadi ketua agama, mereka mesti 'takwa' yang mujahid.*

Mereka tidak mahu lagi kembali ke zaman **Ku... patek... ku...patek ku. Tek... ku... tek... tek.. tik.. tik...ku.. patek.**



"*Sorry*, minta ampun maaf. Saya tak faham dan tak berapa tahu tentang adat istiadat dan bahasa istana. Saya asal dari *Pulau Pinang*. *Penang* sudah lama tak mempunyai **RAJA**. Sekali lagi saya angkat kedua tangan, saya bukan kelulusan *pondok* atau dari *Al Azhar* atau *Mekah*. Minat saya tentang Islam sejak dari sekolah lagi, kalau ada yang nak marah saya memperjuangkan Islam, **marahlah...** Apa nak buat, nasib saya jadi orang paling tak *popular*. *Orang-orang* yang saya dekati banyak buat hal".

Saudara Anwar Ibrahim menteri yang tak *popular*, ramai sangat yang dengki dan iri hati. Pertama kerana dia tak ikut selera orang. Kedua, budak-budak disekelilingnya tak pandai ambil hati orang. Satu macam punya pelek perangai mereka.



Ku Li : Apa yang you sibuk-sibuk ni Abah?
(*Abah* ialah nama timang-timangan Datuk Zainal Abidin Zain orang kuat 46 Perak).

Zainal Abidin Zain : Patik nak beri tahu Ku, ramai ahli kita di Perak sudah lari masuk UMNO semula. Mereka kata buat apa ikut kita lagi. *Dulu perjuangan kita nak hidupkan UMNO yang sudah mati, sekarang UMNO yang mati sudah pun hidup semula. Nak hidupkan apa lagi?* Mereka kata kita pemimpin 46 ini buat kerja macam orang sasau. Benda yang sudah hidup nak hidupkan lagi pasal apa?

Ku Li : Jadi you jawab apa?


Abah : Patik kata betullah, memang kerja yang kita buat ini, macam kerja orang gila. Kerja-kerja yang mengarut.

Ku Li : You cari penyakit Abah, macam itu you cakap, habislah semua orang lari nanti. Kalau kita tak menang pilihanraya umum kali ini, kita benar-benar *mampus*. Itulah amaran Tunku masa di Ampang Jaya, *kalau kalah 'mampui'*.

Abah : Kalau kita menang pun *mampui* juga Ku.

Ku Li : Apa dah jadi dengan you ni, Abah?

Abah : Tembelang kita sudah pecah Ku.




Diam tidak semestinya *berfikir*, *merenung* tidak semestinya *mengkaji*, *bercakap* tidak semestinya *berilmu*, *bertanya* tidak semestinya *ingin tahu*.

Mengawal mulut lebih mudah daripada *mengawal mata*, *mengawal mata* lebih mudah daripada *mengawal hati*.

Jarang terhimpun pada seseorang itu *cantik*, *cerdik*, *berani* dan *terdidik*.

Mr Lee Lam Thay: Tengku, pesan orang tua-tua dulu *biar pecah di perut jangan pecah dimulut*.

Ku Li : Saya tahu, saya tahu tapi kita punya orang tak boleh simpan rahsia.



Lee Lam Thye: Apa pasal awak gembira sangat ini Shahrir?

Shahrir Samad: Saya geli hati Lee. Itu 46 punya orang, semua sudah kena bodoh, kena tipu dengan saya. Saya dulu letak jawatan, mahu acah-acah saja. **Test** saya punya **populariti**. Saya bukan mahu sangat itu **kunci**. Saja **nak kacau** sama Dr. Mahathir. Saja **nak ajar** Dr. Mahathir supaya kenalsiapa **orang Johor**. Jangan suka buang menteri, mereka ikut suka hati.

Lee: Macam itu ke Shahrir?

Shahrir: Yalah! apa macam Datuk lagi? Tak buat ini macam, Musa apa macam mau jadi Perdana Menteri?

Lee: Awak ingat semua orang Johor itu macam ke? Semua orang serupa, you sama Musa ke?

Shahrir: Begitulah saya fikir, bebalnya orang 46, orang yang undi '**kunci**' dulu. Orang UMNO lagi **bebal**, saya sudah **bikin susah, bikin kacau**, mereka masih terima saya lagi, mereka masih pilih kasi saya jadi **Ketua Bahagian** UMNO Johor Bahru, dan saya punya geng kuat di Johor. Kita boleh ajar itu UMNO dan 46.

Lee: Cakap jangan sombong sangat Shahrir, tak bagus.

Shahrir: Betul Lee, saya **handal**. Awak tak percaya tengok: kalau UMNO tak pilih saya, 46 tak mahu saya. Tok Musa, Ajib dan kawan-kawan kita akan tubuh parti baru. Ha... Ha... Johor dalam tangan kita. Sekarang kitalah raja. Kita mesti menang. Orang Johor tak suka UMNO Baru, tak suka Mahathir, mereka tetap mahu Musa jadi Perdana Menteri. Ha.. Ha.. Ha..

BAB TUJUH

'Foolitik' Dan Itik Bodoh

Hari ini susah nak cari orang Melayu yang tak pandai sebut perkataan '*politik*'. Kalau kita pergi ke kampung-kampung, budak sekolah pun pandai menyebut perkataan '*politik*'. Kanak-kanak di bandar, tak payah cakaplah. Kebanyakannya sudah pandai berpolitik. Disekolah berpolitik, dirumah pun berpolitik. Habis semuanya dipolitikkan. Ada juga yang menyebutnya sebagai '*foolitik*', itik bodoh. Fool dalam bahasa Inggeris ertinya bodoh. Kebodohan itik ialah ikut saja itik yang berjalan didepan.

'Politik itu kotor', 'politik itu jahat' dan kedua-dua yang tak elok ini lebih kurang macam hantu juga. Walaupun ada hantu yang baik, taat seperti toyol curi duit semata-mata untuk mengkayakan tuan atau hantu raya yang sanggup buat apa saja untuk tuan, hantu tetap hantu.

Dalam politik parti pula ada yang diistilahkan sebagai '*politik wang*'. '*Politik ekonomi*' pula adalah satu disiplin mata pelajaran di universiti. '*Politik rumah tangga*' pula khusus untuk mereka yang beristeri ramai. Politik jenis ini tak kena cara cukup merbahaya. Silap-silap melobi boleh benjol kepala dibuatnya kerana ia berbeza dengan 'sains politik'.

Dari segi nama, perkataan politik itu sendiri tidak kurang juga banyaknya. Contohnya selalu kita dengar di dalam kehidupan sehari-hari. Antaranya ialah '*ahli politik*'. Siapa sahaja yang menganggotai mana-mana parti politik dan ber-

cakap pasal politik, dia sudah perasan yang dia seorang '**ahli politik**' pada hal mereka cuma orang politik saja, belum layak jadi ahli politik. Ini samalah seperti peniaga atau penjaja. Biar pun sudah lama berjaja tetapi tidak layak dipanggil ahli perniagaan.

Adapun rupa bentuk ahli-ahli politik ini berbeza dari satu parti ke satu parti. Ahli-ahli PAS misalnya sentiasa berkupiah dan adakalanya berserban dan berjubah bila menghadiri sesuatu majlis. Ahli politik dari DAP lain pulak. Mereka pakai seluar putih baju putih. Tapi putih-putih mereka setakat pakaian saja, dalam hati siapapun tak tahu. Dari segi pakaian pula tidak ada banyak bezanya diantara ahli-ahli politik Semangat 46 dengan UMNO. Macam ayam kampung dan ayam ternakan, yang tahu saja yang dapat membezakan.

Kalau ada orang UMNO yang pakai bush-jaket, maka ada juga orang 46 yang pakai bush-jaket. Kalau ada orang UMNO yang bersongkok dan berbaju kurung maka ada juga orang 46 yang memakai pakaian yang sama. Namun biar bagaimanapun perbezaan diantara kedua-dua ahli politik ini terletak pada airmuka. Kalau anda lihat wajah mereka dari golongan 46 dan anda perhatikan baik-baik, anda akan melihat semacam ada sesuatu yang tak kena. Ada sesuatu yang mereka tidak senang, ada yang terkilan dihati mereka.

Ahli-ahli politik dari Semangat 46 dan PAS biasanya pandai cakap pasal politik terutama para pemimpin dan penasihat 46. Hampir kesemuanya adalah terdiri dari para peguam: Tunku, Harun Idris, Rais Yatim, Marina Yusoff, Radzi Sheikh Ahmad. Tak hairanlah kalau mereka bijak-bijak bercakap. Mereka tahu undang-undang. Mereka mengembara untuk membawa hujah-hujah yang sukar ditepis oleh rakyat. Ini dibantu pula dengan hakikat yang mereka ini bekas-bekas Perdana Menteri dan Menteri-menteri kabinet dan Menteri Besar. Biar pun pertubuhan politik mereka kecil saja tetapi cita-cita dan nafsu mereka cukup besar. Kalau boleh mereka mahukan kuasa

politik yang ada untuk dijadikan hak milik mereka supaya mereka kembali berkuasa. Maka itulah sebabnya selagi benda, mereka nak jadikan isu politik. Dan mereka cukup suka **main politik**. Kalau kalah tak rugi apa-apa. Kalau menang menguntungkan semua.

Bercakap pasal main politik ini, orang Melayu memang suka bermain politik. Dari dulu sampai sekarang pun orang Melayu masih lagi bermain politik. Bangsa-bangsa lain di dalam dunia ini bermain politik di musim pilihanraya umum sahaja, tetapi orang Melayu bermain politik tak kira musim. Mereka bermain terus-menerus sepanjang tahun. Ada sahaja isu politik yang boleh dimainkan. Walaupun orang Pantai Timur misalnya tidak boleh ke laut di musim tengkujuh tetapi boleh berpolitik habis musim menuai. Mereka mula musim politik dalam musim dan luar musim. Pendek kata tak berhenti-henti mereka berpolitik.

Namun demikian berapa keratkah orang Melayu, tak kira dari kalangan ahli-ahli parti politik ataupun tidak, yang betul-betul faham maksud perkataan politik yang mereka asyik duduk cakapkan. Politik itu sebenarnya bukanlah macam main layang-layang walaupun dalam permainan layang-layang itu sendiri terdapat unsur-unsur politik.

Apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan perkataan politik? PAS beria-ia, bermati-matian tidak mahu pisahkan agama dari politik, tidak setuju politik asing, agama asing kerana mereka mahu main politik. Memang dasarnya politik tak boleh dipisahkan dari agama.

Politik sebenarnya adalah cara berfikir bagaimana sesuatu masalah itu dapat diselesaikan dan bukan mencari masalah-masalah baru seperti yang dilakukan oleh PAS dan Semangat 46. Itu takrif dan definisi am tentang politik. Manakala takrif atau definisi politik yang khusus pula ialah cara bagaimana memerintah dan mentadbirkan sesebuah negara? Ini yang orang PAS tak faham dan jadikan ahlinya keliru.

Dan cara bagaimana hendak memerintah negara pula bukanlah macam cara bagaimana nak masak nasi, sebab cara memerintah negara tertakluk kepada keadaan semasa dan bangsa yang terlibat.

Matlamat yang paling utama dalam politik ialah untuk mendapatkan kuasa. Kuasa ini pula ialah alat untuk memerintah negara dengan cara yang difikirkan betul. Kalau kena caranya rakyat dalam sesebuah negara itu akan hidup dalam kemakmuran. Dan kalau tidak kena cara, negara jadi huru-hara. Maka itulah sebabnya rakyat mesti berhati-hati dalam memberikan kuasa politik kepada parti-parti politik yang bercita-cita untuk berkuasa, kerana ramai dikalangan ahli-ahli politik tidak berminat untuk memikirkan bagaimanakah caranya untuk membetulkan keadaan dan memperbaiki keadaan hidup rakyat. Mereka lebih memikirkan bagaimana cara-caranya untuk mendapatkan kepentingan dan keuntungan yang maksima selama mana mereka berkuasa. Mereka juga menyimpan niat dendam yang didorongi hawa nafsu iaitu untuk menghapuskan musuh-musuh politik mereka sebaik sahaja mereka mendapat kuasa yang diidam-idamkan itu.

Oleh kerana keadaan politik orang Melayu ketika ini cukup kelam-kabut sekali, model politik manakah yang harus kita jadikan contoh.

Bagi umat Islam model perjuangan Nabi Muhammad SAW adalah merupakan sebaik-baik contoh. Selama 13 tahun Baginda berjuang di Mekah tanpa sebarang kuasa. Oleh itu Islam tidak dapat berkembang dengan pesat. Namun begitu, setelah Baginda berhijrah dalam tahun Masihi 622,juangannya mula berhasil setelah memiliki kuasa politik ditangan Baginda. Dan hakikat dari peristiwa ini ialah keadaan di Mekah ketika itu tidak mengizinkan Baginda Rasulullah melaksanakan cara pemikirannya untuk memerintah di situ.

Sungguhpun Nabi akhirnya berjaya juga memerintah Mekah, namun dalam Islam tidak ada formula seperti yang

dicadangkan oleh PAS tentang cara bagaimana seseorang ataupun sekumpulan orang itu mendapatkan kuasa politik. Politik pentadbiran adalah lebih merupakan urusan keduniaan dan justeru itu Nabi bersabda:

“Kamu terlebih tahu akan urusan keduniaan kamu.”

Kalau dah Nabi sendiripun tidak mencadangkan sebarang formula, macam mana Fadhil Noor dan PAS boleh memandaimandai sendiri sedangkan tidak mungkin beliau mencapai darjat ijthihad kerana pintu untuk berijthihad di dalam mazhab Ahlul Sunnah Wal Jamaah sudah tertutup selepas empat imam besar mazhab ini.

Nabi SAW memberikan kebebasan kepada umatnya memilih formula yang paling sesuai untuk mereka. Namun begitu ini tidaklah bermakna kita boleh hentam semberono saja. Pokok persoalannya apakah 'kesejahteraan itu untuk semua' atau kesejahteraan itu untuk golongan kecil manusia sahaja yang menjadi ahli politik. Oleh itu mereka yang memiliki kuasa politik ditangan mestilah menggunakan kuasa itu dengan seadil-adilnya dan menjalankan kewajipan mensejahterakan setiap rakyat. Dan dalam menunaikan tanggungjawab ini syarat-syarat berikut mestilah di patuhi:

- 1. Tidak boleh dengan kekerasan ataupun kezaliman kerana kekerasan dan kezaliman itu adalah bertentangan dengan Islam dan bukannya politik Islam.***
- 2. Tidak boleh menafikan hak setiap penduduk yang berhak.***
- 3. Tidak boleh menolak kerjasama dengan sesiapa juga atas alasan perbezaan bangsa dan ideologi.***

Bagi orang-orang yang memahami sejarah Islam, mereka faham cara Nabi SAW melaksanakan tugas-tugas politiknya

yang ditunjukkan di Madinah. Contoh politik Nabi SAW di Madinah yang bermula dalam tahun Masehi 622 ini dapat diambil dari kandungan dan falsafah yang tersurat dan tersirat di dalam tiga prinsip di atas. Mula-mula umat Islam bersatu sama sendiri dan kemudian dengan perpaduan itu musuh-musuh Islam termasuk orang-orang Yahudi tunduk dan sedia bekerjasama sehinggakan orang Islam yang jumlah mereka jauh lebih kecil dapat berkuasa ke atas 4500 orang Yahudi di Madinah. Cara Nabi SAW ialah melaksanakan syariat diplomasi yang menyakinkan dan mewujudkan perpaduan dan mengekalkan identiti semua bangsa dan puak di Madinah ketika itu.

Cara bagaimana Nabi melaksanakan tugas ini terkandung dalam apa yang disebut sebagai '**Piagam Madinah**' yang mengandungi 47 Fasal. Untuk pengetahuan para pembaca, saya petik di bawah ini caraian ke IX dari Piagam tersebut yang bertajuk '**Politik Perdamaian.**'

Fasal 45

Apabila mereka diajak berdamai dan membuat perjanjian, maka mereka tetap sedia untuk berbuat demikian. Dan setiap kali ajakan perdamaian seperti itu, sesungguhnya kaum yang beriman mestilah melakukannya, kecuali terhadap orang yang menunjukkan permusuhan terhadap agama Islam.

Apabila Baginda Rasulullah SAW berkuasa dan memegang jawatan sebagai Ketua Negara Madinah, maka baginda menetapkan garis panduan supaya kepimpinan Madinah hendaklah senantiasa berada ditangan orang-orang Quraisy walaupun terdapat puak-puak lain seperti Aus dan Kharaj yang mendiami bandar tersebut. Garis panduan ini memang sesuai kerana Quraisy merupakan puak yang berjuang manakala yang lain-lain itu hanya merupakan para pengikut Islam sahaja. Hal ini samalah seperti orang Melayu di Malaysia. Merekalah

yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan sementara yang lain-lain itu hanyalah kaum pendatang. Tiada Quraisy seolah-olah tiada Islam. Begitulah bagaimana ada Persekutuan Tanah Melayu kalau tidak ada orang-orang Melayu.

Kebenaran bahawa tiada Quraisy tiada Islam ini ada disebutkan di dalam kitab **'Tarikh Al-Mazahib Al-Islamiah'** karangan Al-Imam Muhammad Abu Zuhrah. Antara isi kandungan kitab tersebut saya petik seperti berikut:

"Sentiasalah urusan pemerintah itu di tangan Quraisy selama mana ada di kalangan manusia itu dua golongan". Dan apa yang diriwayatkan dalam sahih Al-Bukhari dan Muslim bahawa Nabi SAW ada bersabda:

"Manusia umum adalah pengikut Quraisy dalam urusan ini. Orang Islam di kalangan mereka menjadi pengikut kepada Muslim Quraisy dan yang kafir di kalangan mereka menjadi pengikut kepada kafir Quraisy".

Dalam meletakkan Madinah dibawah pemerintahan Islam Nabi Muhammad SAW tidak pula menggunakan propaganda Barat. Walaupun segala kuasa ada pada Allah SWT namun Baginda tetap menjalankan usaha dengan menunjukkan sikap diplomasi dan toleransi selama kekerasan belum diperlukan.

Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW itu bukanlah berlaku secara satu kebangkitan *revolusi* tapi merupakan proses *evolusi* yang telah menjangkau usia 1400 tahun lamanya. Begitulah juga dengan PAS. Sekiranya mereka ingin menjadikan negara ini sebuah negara Islam sebagaimana yang didakwa oleh mereka, maka mereka juga mestilah memulakan proses *evolusi*.

Dalam menjalani proses *evolusi* politik ini, PAS kenalah sabar. Ia mungkin akan mengambil masa 100 tahun. Mungkin juga akan mengambil masa 1000 tahun. Ustaz Fadhil Noor

sudah tentulah tidak akan mendapat sebarang faedah dari pekerjaan ini kerana sekiranya apa yang dimimpikan oleh mereka itu benar-benar tercapai disatu masa kelak mereka sudah tentu tidak ada di dalam dunia ini. Dan lagi apa yang pasti PAS juga sudah mengambil bentuk yang lain.

Tapi PAS tidak percaya kepada proses *evolusi*. Bagi mereka *revolusi* perlu juga diadakan untuk mendapatkan kerusi-kerusi politik dan seterusnya menerima ganjaran-ganjaran dari pemilikan kerusi-kerusi itu.

Kalau PAS berjaya bagaimanakah dengan kedudukan orang-orang bukan Islam di negara ini? Bagaimanakah nasib DAP? Apakah PAS akan memaksa mereka memeluk Islam dan jika mereka enggan melancarkan pula serangan terhadap mereka itu?

Firman Allah SWT dalam Al-Quran Mahfumnya:

Allah tidak malarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Al-Mumtahanah: 8)

Dari ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh hidup bersama dengan bangsa-bangsa lain selagi mereka itu tidak melakukan sesuatu yang dinyatakan dalam ayat ini. *Yang lebih penting lagi tidak ada sebab mengapa PAS mesti bermusuh-musuhan dengan orang UMNO dan mengadakan sembahyang dua imam sedangkan mereka itu adalah saudara-saudara mereka sendiri.* Ini berlaku masa PAS belum lagi memerintah negeri. Apakah yang akan terjadi kepada orang-orang UMNO kiranya PAS memerintah

negara ini? *Ada pemimpin PAS yang berkata bila mereka memerintah nanti, mereka akan membakar semua masjid-masjid yang dibina oleh kerajaan Barisan Nasional. Ini kerana kerajaan Barisan Nasional menggunakan wang yang haram untuk membina masjid-masjid itu. Mereka terlupa dalam masjid-masjid tersebut ada amal jariah wang orang-orang kampung yang menyumbangkan Al-Quran, sejadah, kitab Yasin dan sebagainya. Apakah hak PAS memutuskan amalan orang-orang hanya kerana mereka memusuhi kerajaan?*

PAS disatu masa dulu menganggap ahli-ahli UMNO sebagai kafir kerana bersepakat dengan MCA dalam memerintah negara ini terpaksa menganggap diri mereka juga kafir kerana hari ini PAS sudah bekerjasama dan bersetuju untuk membentuk sebuah kerajaan campuran sekiranya pakatan APU berjaya dalam pilihanraya kelak.

Tapi itu hanyalah merupakan tidak lebih dari sebuah *mimpi naik bot* semata. Apa yang dilakukan oleh PAS samalah macam yang dikatakan oleh peribahasa Inggeris: '*crying for the moon*'. *PAS tidak pernah memperjuangkan hak-hak orang Melayu. PAS juga bukanlah parti yang telah turut bersama dalam kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman dalam tahun 1946 kerana ketika itu parti PAS itu sendiri belum wujud. Dan PAS juga bukanlah sebuah parti yang telah bekerjasama dengan UMNO untuk melepaskan negara ini daripada belenggu penjajah. Lagipun jika nak dibandingkan dengan kerusi politik yang dimenangi oleh PAS dengan apa yang diperolehi oleh DAP, orang boleh lihat bezanya macam langit dengan bumi. Masakan Lim Kit Siang akan membiarkan Haji Hadi Awang ataupun Ustaz Fadhil Noor menjadi Perdana Menteri. Andai-kata DAP memberikan kerusi Perdana Menteri kepada para pemimpin PAS sekalipun sementara kerusi Timbalan diberikan kepada pemimpin DAP, bagaimanakah PAS mahu melaksanakan hasratnya untuk mengimplementasikan undang-undang Islam yang sepenuhnya dinegara ini. Fadhil Noor nak marahkah kalau Lim Kit Siang minum VSOP dihadapannya*

ketika menghadiri majlis kesyukuran kerana meraikan kemenangan APU itu?

Kalau begitu, memang betullah PAS membawa *revolusi* dalam kepimpinan politik Malaysia. *Revolusi* dari satu negara yang *menitikberatkan Islam* kepada negara yang tidak lagi *menitikberatkan Islam*.

Sejarah juga menunjukkan bahawa PAS selalu berlembut dengan DAP. Ini berlaku dalam beberapa pilihanraya umum dan pilihanraya kecil yang telah sudah-sudah. Apakah nanti dalam kerajaan campuran yang bakal dibentuk itu, PAS akan menjadi 'yes men' dan mengikut telunjuk DAP kerana takutkan kehilangan kedudukan mereka dalam kerajaan ataupun kabinet.

Nampaknya PAS bukan sahaja memecahbelahkan perpaduan Melayu, tapi apa yang lebih merbahaya lagi PAS samada secara sedar ataupun tidak melakukan sesuatu yang lebih merbahaya iaitu memberikan kuasa politik Melayu ke tangan orang-orang Cina. Itulah maksud saya bila menyatakan *revolusi* yang akan dibawa oleh PAS.

Sepatutnya sebagai parti yang dianggotai oleh seratus peratus orang Melayu, PAS memperjuangkan maruah dan kedudukan bangsa Melayu demi menjamin keteguhan teras kuasa politik negara. *Ini kerana jika orang Melayu sudah tidak lagi memiliki kuasa, jika orang Melayu sudah lemah, menangis air mata darah sekalipun sudah tidak ada gunanya lagi. Kehilangan kuasa politik Melayu bererti juga lumpuhnya Islam di negara ini kerana rata-rata orang Melayu beragama Islam.*

Hilangnya kuasa politik Melayu bermakna juga luputnya bangsa Melayu yang telah bertapak di kepulauan ini semenjak 2000 tahun yang silam. Pada abad ke-4 telah ditemui kesan catatan pada batu 'Melayu Champa' dan pada abad ke-6, 'Melayu Sumatera'. Apakah nanti dalam abad ke-22 ada batu yang tertulis "Melayu dalam kenangan"?

Oleh itu PAS mahupun Semangat 46 mestilah memberhentikan kerja-kerja yang merbahaya ini. Maruah dan kuasa politik Melayu mestilah dipertahankan dengan apa jua cara yang halal sekalipun selaras dengan usaha junjungan kita Nabi Muhammad SAW mempertahankan maruah Quraisy kerana perjuangan Islam.

Keadilan pemerintahan Melayu terhadap orang yang berlainan agama dan bangsa telah terbukti sejak di zaman silam lagi. Ini diakui sendiri oleh orang bukan Melayu. En. Chot Cha Chan dalam satu rencana yang disiarkan di Berita Harian edisi 1 Februari 1990 menulis:

Di Malaysia, perpaduan Melayu sangat penting untuk mencapai perpaduan nasional dan mewujudkan keutuhan negara. Ini kerana orang Melayu adalah peribumi negara ini dan kuasa politik Melayu menerusi UMNO menjadi teras kepada pembentukan kerajaan yang kukuh serta stabil. Di samping itu, sistem kesultanan Melayu menjadi raja berperlembagaan, simbol kedaulatan, kebesaran dan perpaduan nasional.

Jadi, apakah maksud perpaduan Melayu Bagaimanakah kaitan perpaduan Melayu dengan perpaduan nasional dan seterusnya apakah penyelesaian kepada masalah perpaduan Melayu?

Persoalan ini penting disedari supaya orang Melayu tidak terus berpecah menjadi kumpulan politik serpihan yang semakin melemahkan semangat perjuangan untuk membela nasib dan kepentingan mereka, yang sekaligus akan menjejaskan semangat kerjasama serta hubungan dengan bukan Melayu menerusi parti yang berasaskan kaum tertentu di negara ini.

Berdasarkan keadaan hidup dan pergolakan dalam masyarakat Melayu sekarang, wujud pelbagai tafsiran mengenai perpaduan Melayu. Di segi politik, UMNO adalah parti terbesar di Malaysia, di samping parti kecil yang lain seperti PAS, Semangat 46, Berjasa dan Hamim. Di segi ekonomi dan sosial pula, ada pelbagai badan, pertubuhan, persatuan dan dewan perniagaan yang turut memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Tetapi dalam hal ini, yang dipentingkan ialah perpaduan dan gabungan tenaga Melayu dalam satu barisan perjuangan politik kerana dengan kekuasaan politik yang kukuh, mereka boleh membela serta memperjuangkan kepentingan orang Melayu di bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan kebudayaan.

Selanjut Cha Chan menegaskan:

Kegemilangan bangsa Melayu akan meningkatkan lagi imej kebesaran dan kemuliaan Melayu yang sudah diterima oleh rakyat Malaysia sebagai simbol kemegahan dan kebangsaan. Antaranya ialah Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negara, kesultanan Melayu menjadi simbol kedaulatan, kebesaran dan perpaduan serta kebudayaan Melayu menjadi simbol berkenaan lebih berwibawa dan dapat dijadikan alat yang berkesan untuk memupuk keperibadian bangsa Melayu yang bersatu padu.

Bagaimanakah kedudukan dan kepentingan orang bukan Melayu, khasnya orang Cina dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, agama dan kebudayaan dengan wujudnya perpaduan Melayu yang lebih kukuh dan mantap?

Mereka tidak harus bimbang kerana mereka akan terus mendapat keadilan sosial dan bebas

mengamalkan kebudayaan, agama dan adat resam masing-masing. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan sejarah kehidupan orang bukan Melayu di negara ini sekarang.

Sejak zaman feudal, kepemimpinan Melayu mempunyai niat bertanggungjawab, bertolak ansur dan sentiasa menghormati hak serta kebebasan orang lain, asalkan maruah dan kepentingan mereka tidak terancam. Kerajaan ini wujud dalam kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 yang menunjukkan kuasa politik Melayu yang teguh dan adil kepada orang lain.

UMNO adalah satu-satunya parti politik yang telah berjaya mencapai kemuncak kuasa politik. Perjuangan Melayu kekal didalamnya selama 32 tahun merdeka. Lapan pilihanraya telah berlaku dan orang Melayu masih berada ditampuk kuasa.

Di dalam Perikatan, selama 18 tahun lamanya UMNO menjadi tulang-belakang pemerintahan. Demikian juga di dalam BARISAN, yang dianggotai oleh paling banyak parti, 13 kesemuanya yang termasuk juga PAS dan BERJASA. Dan sehingga hari ini UMNO (baru) tetap menjadi teras perpaduan parti-parti politik yang masih lagi menganggotai BARISAN. Bukankah ini bukti namanya yang perjuangan UMNO itu kena gaya dan caranya.

Adalah jelas bahawa titik perjuangan UMNO itu bermula dengan penyatuan tulin seluruh bangsa Melayu. Wal hasil, waktu itu tak ada satupun pertubuhan Melayu yang membangkang penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946.

Biar bagaimanapun, walau apapun bentuk kerjasama yang dijalin oleh UMNO (lama) ataupun UMNO baru ia tetap tidak menjejaskan empat prinsip penting yang menentukan survival bangsa Melayu. Prinsip-prinsip itu ialah identiti bangsa, maruah, teras kuasa dan dominan Melayu.

Andaikata APU berjaya, kita terpaksa tanya PAS apakah ia akan atau berupaya melakukan perkara yang sama. Apa macam Tuan Ustaz Fadhil Noor?

PAS yang terlepas banyak kerusi akibat dengar guruh di langit, sudah terbukti merupakan sebuah parti yang perjuangannya tidak kena gaya dan cara. Cara yang paling 'favourite' sekali yang digunakan oleh PAS ialah menghempaskan permata perpaduan Melayu yang telah sedia wujud.

Dosa pertama PAS terhadap orang Melayu ialah bila parti itu membawa keluar golongan ulamak dari UMNO dalam tahun 1951. Allahyarham Haji Ahmad Fuad keluar meninggalkan UMNO untuk menubuhkan PAS bukanlah kerana sebab yang besar sangat. Tapi akibatnya terhadap bangsa Melayu cukup besar. Perpaduan Melayu terpecah.

Itupun PAS masih belum puas lagi. Dalam tahun 1977 pula PAS bertindak macam orang sasau dengan mengadakan undi tak percaya terhadap Menteri Besar, YAB Datuk Haji Mohd Nasir. Akibatnya tertubuhlah satu serpihan lagi iaitu parti BERJASA dan sekali lagi perpaduan Melayu terpecah.

Tahun 1982, PAS sekali lagi buat perangai gila-gilanya. Kali ini parti itu memecatkan pula Yang Dipertua Agungnya iaitu Datuk Haji Asri Haji Muda. Perpaduan Melayu terpecah sekali lagi kerana ramai juga penyokong Asri yang menyertai beliau ke dalam HAMIM, parti yang ditubuhkan oleh Asri akibat dari pemecatannya itu.

Begitulah politik PAS yang tidak kena gaya dan cara. Perannannya bukan sahaja merosakkan kewibawaan parti itu sendiri malah turut merosakkan perpaduan masyarakat kampung dengan berbagai taktik. Misalnya *pengikut PAS ditarbiyahkan supaya menunaikan solat Jumaat mereka di masjid-masjid yang tidak berimamkan para Imam Kerajaan. Sehingga hari ini terdapat sejumlah 35 buah kampung diseluruh Terengganu*

mengadakan majlis sembahyang Jumaat secara berasingan. Pernah terjadi kejadian dua Imam dalam satu masjid dan dua kali sembahyang Jumaat pada satu hari yang sama.

Untuk mengingatkan para pembaca, saya siarkan semula sebahagian dari laporan akhbar Berita Harian bertarikh 19 Julai 1982

“Kuala Terengganu, Ahad - Umat Islam hari ini mengencam pertubuhan politik yang terlibat dengan kegiatan membiarkan pengikut-pengikutnya menimbulkan perpecahan dalam kampung dengan mengadakan sembahyang dua imam dalam satu masjid dan dua masjid dalam satu kampung di Terengganu sekarang.

Mereka menganggap anasir politik seperti itu bukan lagi pejuang Islam sebagaimana yang didakwa. Sebaliknya sebagai perosak dan pencabul kehormatan dan kesucian Islam.

Tokoh-tokoh politik itu juga dikatakan sebagai golongan yang tidak patuh kepada Raja dan undang-undang yang melindungi semua rakyat di negeri ini.

Kalau dalam masjid pun dah tak boleh bertegur sapa, apa lagi diluar masjid. Perangai para pemimpin dan juga pengikut PAS sudah jadi macam perangai budak-budak kecil. Kejadian pulau-memulau dan tak bertegur sapa di antara sesama Islam berleluasa dan berpanjangan. Inikah perangai dan kualiti pemimpin-pemimpin yang mahu memperjuangkan Islam?

Lidah orang-orang politik memang bercabang. Lidah orang-orang UMNO sendiri pun bercabang, apatah lagi lidah orang-orang PAS. Memang sudah lama lidah orang-orang PAS ini bercabang malah lebih lama dari lidah orang-orang UMNO sendiri. Tapi cabang itu mula bertambah dalam tahun 1963. Dalam tahun itu PAS mula mengeluarkan fatwa sendiri yang

kononnya orang-orang UMNO jatuh *kafir* kerana bekerjasama dengan kaum-kaum lain dalam urusan pemerintahan Kerajaan. Dalam hal ini PAS menafsirkan ayat-ayat Allah yang dipetik dari surah Ali-Imran dengan sewenang-wenangnya. Menurut ulama dan cerdik pandai PAS tafsiran ayat itu sepatutnya berbunyi begini:

“Menjadi kafir jika berikut memerintah negeri dengan orang kafir.”

(Al-Imran 28: menurut tafsiran PAS)

Cuba kita lihat tafsiran yang lain.

“Janganlah orang-orang Mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang mukmin. Barang siapa berbuat demikian, nescaya lepaslah ia dari pertolongan Allah, kecuali kerana (politik), memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri (siksaNya). Dan hanya kepada Allah kembali kamu.

Ali Imran : 28
Al-Quran & Terjemahannya
(Yayasan Penyelenggara
Penterjemah/pentafsir Al-Quran).
Republik Indonesia

Cuba tengok dalam terjemahan dan tafsiran yang kedua itu tak ada sebutpun pasal jadi *kafir*. Bukankah Allah itu bersifat Maha Pemurah lagi Maha Pengasihi. Hukum yang Allah jatuhkan adil. Dia mengurangkan pertolonganNya kepada mereka yang bersekutu dengan orang-orang *kafir* tanpa sebab-musabab dan membelakangkan saudara sesama Islam. Tapi hukuman yang dijatuhkan oleh PAS lebih keras lagi dari hukuman yang dijatuhkan oleh Allah SWT. Nampaknya PAS

sendiri akan terhukum dengan hukuman yang diciptanya. Pertama kerana memperolok dan memperalatkan ayat Allah. Kedua, kalau mengikut tafsiran yang kedua PAS sudah bersekutu dengan DAP dan membelakangkan saudara sesama Islam sendiri. Apakah kerana PAS parti Islam, maka pemimpin-pemimpinnya tak takut kepada hukum-hukum Allah? Ingatlah yang Allah itu bersifat *'Basir'* iaitu *'Yang Mendengar'*. Dan dalam soal mengadili makhluknya Allah tak mengamalkan *'favouritism'* kecuali orang yang bertakwa dengan sebenar-benar takwa.

PAS yang menjadi agen 46 dengan bekerjasama dengan DAP yang secara terbuka menentang ideologi PAS sendiri yang konon cerita mahu memperjuangkan negara Islam, mengapa pula bekerjasama dengan orang yang tak mahukan Islam?

Jadi dimanakah logiknya? Orang yang berfikiran waras sudah tentu akan bertanya dari segi manakah PAS boleh jadi parti *alternatif* bangsa Melayu dan penganut agama Islam dizaman ini? PAS sebagai parti pembangkang, *okay*. Tapi apakah perlu bagi 46 menjadi pembangkang? Dalam sebuah negara kalau ada banyak sangat *pembangkang, pembangkang-pembangkang* ini akan jadi macam *ikan belukang*. Apakah anda tahu apakah itu *ikan belukang*? *Ikan belukang* ialah sejenis ikan yang akan makan apa sahaja termasuk najis manusia.

Apakah APU itu *Angkatan Perpaduan Ummah* atau *Angkatan Perpecahan Ummah* atau juga *Angkatan Perbalahan Ummah*? Orang India kata APU itu adik.

Dalam soal ini kita terpaksa memberikan jawapan yang seikhlas-ikhlasnya sebelum nasi menjadi bubur, sebelum kuasa berpindah tangan, sebelum Tuan bertukar menjadi hamba dalam rumah sendiri.



- Tengku Li** : Hidup 46! Hidup 46! Kita semua mesti hidupkan Semangat UMNO 46, mesti hidupkan UMNO lama yang bersemangat 46.
- Peserta** : Nak hidup apa Ku? Cina kata 46 itu ertinya *jalan mati (Sailak)* Kita pula dah bercantum dengan PAS, parti hidup segan mati tak mahu. Kita namakan pula kumpulan ini APU. Orang India kata APU ertinya *adik*. Adik mana boleh lawan abang. Parti *adik-adik* tunggulah giliran sampai besar nanti.
- Ku Li** : Awak jangan layan orang ini... tengok bendera saya yang pendek macam inipun dia nak cabut. Ini mesti Ghafar Baba punya kerja, suruh dia buat kacau. Ghafar Baba bukan boleh tengok saya senang.
- Lelaki** : Tidak, tidak.... Saya saja nak acah, nak ambil bendera ini buat 'cenderamata'. Saya sebenarnya disuruh letak bendera pendek ini di depan Ku Li.



Sulaiman Palestin : Kenapa Tengku sedih sangat Ku? Ada apa-apa ke yang Ku terkilan?

Ku Li : Mengenangkan nasib selepas pilihanraya nanti. Memikirkan hal kawan-kawan yang tak setia, teringatkan musuh yang makin hari makin kuat, makin ramai... dan mempunyai macam-macam senjata, memikirkan rakyat yang sudah mula tidak percayakan kita. Akhir sekali mengenang hari tua. Anak tak ada..., bini tak ada..., ada kawan pun banyak yang tak guna. Semua jenis kawan makan kawan, kawan yang pandai mengampu dan menghabiskan duit saya. Depan saya Ku... patek... Ku...


Sulaiman : Ku macam perli patek saja Ku?

Ku Li : Kalau you terasa you kena perli, nasib youlah. *Orang makan cili saja yang terasa pedas.* Kalau you boleh tinggalkan UMNO, yang boleh maki hamun para pemimpin UMNO, apakah tak mungkin you buat kerja ini pada saya satu hari nanti? Saya sudah mula sedar. Pemimpin dalam 46 ini bukan semua orang saya. Saya tahu *ada ramai musuh didalam selimut* tapi nak buat macam mana, sudah terlanjur melangkah. Untung rugi, menang kalah saya tanggunglah sendiri.



Beginilah sepatutnya hubungan antara Menteri Besar dan Sultan. Rakyat suka tengok raja selalu senyum mesra, bila diiringi oleh menteri ke mana saja Tuanku berada. Gambar kenang-kenangan semasa Sultan Selangor melawat RTM diiringi juga oleh Datuk Mohd Rahmat, orang kuat istana Johor. Almutawakil masa jadi Agong dulu begitu mesra dengan Perdana Menteri Dr. Mahathir.






Rakyat gembira tengok Sultan dan raja mereka sentiasa berbaik-baik dengan Menteri-menteri dan Menteri-menteri Besar yang dipilih oleh mereka. Bila ketua agama dan ketua eksekutif berselisih faham, ramai tukang kipas yang ambil kesempatan. Yang rugi nanti Sultan juga.



Sultan Brunei dengan isteri muda dan putera dan puteri-puterinya. Inilah contoh Ketua Agama yang baik dan Raja yang bijak. Kahwin lebih dari satu, tak sembunyi-sembunyi pada rakyat. Mungkin Tuanku takut timbul fitnah. Syabas Tuanku. Rakyat suka mencontohi kerja Raja-raja mereka kerana Raja berada ditempat yang paling tinggi. Elok kerja Raja baiklah kerja rakyat didalam negeri.



Sultan Brunei adalah contoh teladan yang baik kepada raja-raja yang ingin mengamalkan poligami. Gambar menunjukkan betapa gembira Al-sultan bersama isteri tua di samping putera-putera dan puteri-puteri baginda. Ketua-ketua agama kahwin tak patut sembunyi-sembunyi. Apakah mereka macam rakyat juga, kena tangkap kalau tak dapat izin isteri tua? Saya tak fikir tak ada ulama yang berani soal raja yang berpoligami, nikah dimana, siapa Imamnya?



Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Guru pada raja-raja Melayu. Kebanyakan filem-filemnya membawa iktibar kepada raja-raja dan kalangan istana yang mahu berfikir. P. Ramlee hero filem-filem: **ANTARA DUA DARJAT** dan **NUJUM PAK BELALANG**.

BAB LAPAN

Tan Sri P. Ramlee Cikgu Raja-Raja

Profesion menulis dengan profesion membuat filem sebenarnya tidak banyak berbeza. Menulis, semua orang boleh menulis. Tapi samada apa yang ditulis itu akan memanfaatkan masyarakat dan dibaca oleh ramai orang adalah soal lain. Sebab itu ramai penulis yang gagal hari ini kerana mereka tidak tahu apakah yang diinginkan oleh masyarakat pembaca.

Begitu juga dengan membuat filem. Semua orang boleh buat filem. Ada skrip, ada pelakon dan ada pengarah dan jurukamera sudah boleh buat satu filem. Tapi apakah filem itu mampu bertahan lama? Adakah ia akan ditonton oleh masyarakat dari setiap generasi? Hari ini semua orang tahu banyak filem-filem Melayu yang gagal menarik para penonton adalah kerana pembuat filem itu sendiri.

Sejarah filem Melayu telah membuktikan diantara filem-filem yang paling diminati dan tak jemu-jemu di tonton di sepanjang zaman ialah filem-filem yang melibatkan Seniman Agong Allahyarham P.Ramlee.

Bukan sahaja filem-filem P. Ramlee itu menarik, malah P. Ramlee itu sendiri pun menarik. P.Ramlee mempunyai keturunan darah raja. Namanya yang sebenarnya ialah Teuku Ramlee Bin Teuku Putih. Tapi bagaimanapun P. Ramlee lebih suka hidup sebagai rakyat biasa dan menjadi orang seni.

Filem-filem P. Ramlee banyak memaparkan konflik diantara dua kelas yang berbeza. Tidak hairanlah kalau banyak diantara filem-filem itu yang menonjolkan watak-watak raja-raja yang zalim dan pertelingkahan diantara golongan bangsawan dengan golongan rakyat biasa. Kita tentu ingat filemnya **An-tara Dua Darjat** dan filem **Ibu Mertuaku** dimana P. Ramlee mendedahkan perihal pentingnya golongan bangsawan dan hartawan mempertahankan darjat mereka.

Tapi apa yang lebih menarik ialah disebabkan kritikan-kritikan terhadap pihak istana ini, P. Ramlee telah dianugerahkan secara posthumous bintang Darjah Panglima Setia Mahkota yang bergelar Tan Sri. Kenapakah Sultan Azlan Shah, menganugerahkan bintang ini kepada P. Ramlee padahal beliau di dalam filem-filemnya sering mengkritik pihak istana?

Kita tak tahu apakah sebab atau sebab-sebab sebenarnya Sultan Azlan memberikan anugerah tersebut kepada P. Ramlee. Bagi kebanyakan orang P. Ramlee memang telah memberikan sumbangan besar terhadap dunia filem Melayu. Kebolehan beliau didalam dunia senipun memang tak ada tolok bandingnya. P. Ramlee boleh mengarah filem, boleh berlakun dalam filem serius, mampu membawa watak lucu, boleh menulis skrip, mencipta lagu, bermain piano, saxophone dan guitar. Mana ada satu orangpun seniman Melayu yang boleh buat semua ini. Jamil Sulung setakat boleh mengarah saja. Jins Shamsuddin setakat boleh berlakun dan mengarah. Zubir Said dan Osman B pun boleh mencipta lagu sahaja. Tapi P. Ramlee boleh buat semua ini. Itulah kelebihan *Putera raja* yang tak terdapat pada seniman-seniman lain.

Namun begitu, ada juga orang yang mempertikaikan anugerah gelaran Tan Sri ini kepada beliau. Akhbar **Berita Harian** edisi 8 Jun 1990 memetik seniwati Rosnani Jamil sebagai menganggap bahawa P. Ramlee dipuja terlalu berlebihan. Kata Mak Nani, '*sepatutnya anugerah itu diberikan ketika P. Ramlee masih hidup*'. Apakah tujuan Mak Nani cakap

begitu? Agaknya dia mahukan anugerah Tan Sri itu diberikan kepada orang-orang atau orang tertentu yang masih hidup. Siapakah agaknya orang itu? Soalan ini terpaksa dikemukakan kepada Mak Nani sendiri.

Namun biar bagaimana Yang DiPertuan Agong tidaklah menjadikan amalan memberi pingat dan gelaran kepada orang-orang yang merasakan diri mereka patut diberi pingat.

Mungkin antara sebab Sultan Azlan menganugerahkan darjah *Tan Sri* kepada P. Ramlee kerana mengenangkan bahawa bekas isteri P. Ramlee, Norizan (Puan Sri) adalah ibu tiri kepada baginda Sultan. Dan Sultan juga sedar bahawa P. Ramlee cukup sayang kepada institusi raja-raja, *anak raja ini* cuba menimbulkan kesedaran menerusi filem-filemnya.

Sebenarnya tradisi menganugerahkan bintang gelaran, diperingkat negeri ini telah dimulakan oleh Sultan Johor. Almarhum Sultan Ismail pernah memberikan gelaran *Datuk* kepada penyanyi *Datuk Shake*. Tradisi ini diikuti pula oleh Sultan Perak yang menganugerahkan *Datuk* kepada Jins Shamsuddin. Maka Jin jadi *Datuk Jin*. Diperingkat Persekutuan, Sultan Azlan telah menyambung tradisi ini. Syabas kita ucapkan kepada Yang DiPertuan Agong kerana memberikan pengiktirafan yang begitu tinggi kepada orang-orang seni. Tidak mustahil di masa-masa akan datang, ramai lagi orang-orang seni, terutamanya orang-orang yang melibatkan diri dalam dunia perfileman mendapat pengiktirafan yang seperti itu. Moga-moga masyarakat tidak lagi memandang rendah terhadap anak wayang.

Sudah sampai masanya kita mesti menyedari bahawa anak-anak wayang dan wayang gambarlah, yang telah sedikit sebanyak menunjukkan kepada kita bahawa masyarakat macam manakah kita ini dalam satu-satu zaman. Dan orang-orang Melayu kita hanya mengetahui keburukan seseorang raja itu melalui filem yang pernah mereka tonton. Dari zaman Tunku

hinggalah ke zaman Tun Razak dan kini membawa pula ke zaman Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, kita melihat banyak filem-filem yang menceritakan kezaliman tingkahlaku raja-raja yang buruk dan tak senonoh.

Filem-filem P. Ramlee memang banyak, ada yang lucu, ada yang serius, ada yang sedih dan ada yang menyayat jiwa. Memang susah kalau saya nak sebut satu persatu, sebabnya mana boleh ingat semua filem-filem yang dilakon dan diarahkan oleh beliau. Lagipun sehingga kini belum ada lagi sebuah buku yang bersifat akademi mengenai seniman itu yang boleh dijadikan bahan rujukan yang berwibawa. Namun biar bagaimanapun antara filem-filem beliau yang memaparkan kezaliman raja ialah filem *Hang Tuah*, filem yang berdasarkan legenda yang paling popular dan paling kontroversi dizaman ini. P. Ramlee yang memegang watak *Tuah* dizalimi oleh Sultan Melaka. Tanpa usul periksa *Tuah* dijatuhkan hukuman bunuh. Mungkin ini juga antara sebab P. Ramlee telah dianugerah pangkat Tan Sri oleh Agong sempena hari kelahirannya yang ke 62 pada 6hb. Jun. 1990.

Selama ini orang-orang Melayu hanya mengetahui cerita keburukan Istana melalui filem-filem Melayu yang terus ditayangkan melalui RTM dan juga TV3 sehingga hari ini. Saya tak tahu samada filem *Nujum Pak Belalang*, *Musang Berjanggut*, *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang* dan lain-lain filem yang mengkritik pihak istana di tonton oleh para kerabat diraja atau perkara ini diluar pengetahuan mereka atau pihak Istana memangnya liberal dan membiarkan filem-filem seperti itu muncul di kaca televisyen. Kalau macam itu baguslah. Dan saya pasti buku **LIMA RAJA TERAKHIR** ini dapat diterima oleh pihak istana dengan liberal dan segala senang hati seperti juga filem-filem P. Ramlee.

Namun biar bagaimana pun sejarah menunjukkan masyarakat Melayu mendapat maklumat melalui gossip ataupun cerita dari mulut ke mulut. Sesuatu berita itu akan sampai ke

beberapa telinga melalui percakapan. Jadi tak hairanlah jika kita terus mendengar berbagai *inside story* mengenai pihak istana. Kerja karut marut yang dilakukan oleh para kerabat didalam istana hari ini bukan lagi satu rahsia, sudah jadi "*Talk of the town*".

Bagi rakyat Malaysia yang berada di seberang laut, mereka berpeluang membaca akhbar-akhbar dan majalah-majalah asing. Mereka sudah biasa dengan '*inside story*'. Dari dulu lagi **orang putih** memang tak suka pada raja mereka. Maka sebab itulah berbagai perkara di dedahkan. Ada cerita yang mengatakan isteri kedua **Raja Henry VIII, Anne Boleyn** mempunyai enam jari. Raja England George 1 pula tak pandai sepatutnya haram pun bertutur bahasa Inggeris. **Berengaria, Ratu England** pula tak pernah langsung menjejakkan kakinya di England sebab dia tinggal di Italy bersama suaminya **Richard the Lionhearted**.

Ratu Elizebeth 1 pula berkepala botak setelah di hinggap penyakit demam campak ketika berusia 29 tahun. Namun ratu yang memiliki 3000 helai gown itu memakai rambut palsu seumur hidupnya. Ada pula cerita yang mengatakan bila **Raja Louis XIV** dan isterinya **Marie - Theresa** di bangkitkan dari tidur diwaktu pagi, jika Marie duduk diatas katil, dan bertepuk tangan sebaik sahaja kelambu di tarik, maka dayang-dayang sekelian tahu yang Tuanku telahpun bersemayam diatas baginda Marie di malam sebelumnya.

Seronok. Kisah hidup raja-raja ini memang seronok dibaca oleh rakyat, apa lagi kalau kisah itu mengenai asmaradana yang melibatkan manusia-manusia *above the law*'. Di zaman Rom, Cleopatra pernah jatuh cinta dan berkahwin dengan Ptolemy iaitu abangnya sendiri. Cleopatra memang banyak terlibat dalam kancah asmara sehinggakan dia mencipta racun-racun berbisa untuk membunuh musuh-musuhnya. Untuk menentukan keberkesanan racun-racun ini, dia suruh rakyat meminumnya.

Itu zaman Cleopatra. Di zaman ini pun banyak cerita-cerita raja yang berasmara dengan rakyat biasa. Kisah raja syok dengan bini orang pun ada. Kisah anak raja kebas *girlfriend* anak raja lain pun ada. Anak Raja kebas '*girlfriend*' orang perkara biasa.

Di antara cerita-cerita jenis ini yang paling popular satu masa dulu ialah cerita seorang Yang DiPertuan Agong kita ingin mengahwini gadis kebanyakan dengan menjadikan gadis itu isteri keduanya. Namun akhbar-akhbar di Malaysia senyap sepi. Mereka membisu seribu bahasa. Sedangkan akhbar-akhbar di England telah menyajikan berita itu dihalaman depan. Ada yang menyiarkan dihalaman dalam. Pendek kata berita *hot* itu disiarkan di England.

Saya percaya tentu ramai daripada para pembaca sekalian mengetahui cerita ini. Kawan-kawan saya yang menuntut di ITM pada masa itupun mengetahui cerita ini. Mereka tidak membacanya didalam akhbar tetapi mendapat maklumat daripada orang-orang tertentu.

Wanita itu hari ini telah mengahwini seorang wakil rakyat di Johor.

Mengapakah berita seperti itu tidak disiarkan oleh **Utusan Malaysia** ataupun **The New Straits Times**? Apakah berita seperti ini dianggap terlalu sensitif. Sedangkan soal perkahwinan bukanlah suatu yang harus dirahsiakan. Kenapa perkahwinan Tan Sri Muhammad Mohd Taib dengan Puteri Sultan Selangor menjadi berita muka depan **Utusan Malayu**? Kenapa perkahwinan kerabat diraja yang lain dengan artis dan perempuan biasa disembunyikan? Kenapa media massa berat sebelah?

Baru-baru ini baginda Sultan Selangor Darul Ehsan, antara Sultan yang paling kanan telahpun mengahwini seorang pelajar ITM yang masih muda. Apakah salah bagi baginda untuk mengahwini satu lagi? Tentu tidak. Baginda seorang

yang berkemampuan, oleh itu wajarlah baginda mengahwini satu lagi. Lagi pun Islam tak menegah poligami. Ini 'habuan' Tuanku sebagai ketua agama.

Apa yang agak dikesalkan ialah baginda belum lagi mahu menghebahkan berita perkahwinannya kepada orang ramai. Sepatutnya baginda memanggil pihak media massa dan mengumumkan kepada rakyat baginda tentang perkara ini. "Beta sudah kahwin satu lagi, rakyat beta mesti gembira".

Kalau dulu baginda murka dengan Menteri Besar Selangor kerana merahsiakan berita perkahwinan Tan Sri Muhammad Mohd Taib dengan puteri baginda maka tibalah giliran 'Myke Tyson' dan rakyat mempersoalkannya.

Rakyat telahpun mengetahui tentang berita perkahwinan baginda dengan rakyat baginda, mengapa pula beritanya didiamkan? Saya fikir para penasihat baginda tidak berani mencadangkan kepada baginda agar berita perkahwinan ini diumumkan. Bagaimanapun kerana kasihnya saya kepada Baginda maka saya ingin mengesyorkan kepada Sultan Selangor supaya memanggil satu sidang akhbar dan membuat pengumuman rasmi mengenai perkahwinan ini. Dengan ini imej baginda akan naik mendadak kerana bukan baginda seorang saja Sultan yang beristeri lebih dari satu. Ada Sultan yang lain yang mengamalkan poligami secara senyap-senyap. Tak macam Sultan Brunei, berani, gentleman. Kahwin dua tunjuk semua orang, saya pun macam itu juga. Kahwin dua tak sembunyi-sembunyi.

Pihak media massa langsung tidak berani menyiarkan "**inside story**" kerana pertama bimbang permit akhbar mereka akan ditarik balik, ataupun kedua takut kedudukan mereka terjejas. Kita sering mendengar betapa sekiranya "**Raja**" tidak gemarkan seseorang, maka nasib orang itu tentulah tidak baik. **Raja** boleh maki dia, biarpun dianya seorang Menteri Besar atau pegawai tinggi kerajaan. Samada orang itu ditempelengnya, diarah keluar dari negeri itu ataupun ditukar-

kan jawatan, **Sultan** boleh buat apa yang **Sultan** suka kerana dia raja di dalam negerinya. Raja berada '*above the law*'. Dalam beberapa kejadian Menteri-menteri Besar sesebuah negeri telah kehilangan jawatan. Mereka hilang jawatan bukan kerana mereka tidak cekap mentadbir negeri ataupun mereka menyeleweng dari dasar kerajaan tetapi kerana permintaan pihak istana ditolak. Lantaran dari itu pihak istana pun meminta pihak pusat supaya memecat Menteri Besar negeri baginda, maka permintaan baginda pun diperkenankan.

Kita tentu masih ingat betapa Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi telah kehilangan jawatan Menteri Besar kerana Sultan Perak waktu itu, Almarhum Sultan Idris sudah tidak berkenan lagi dengan Tan Sri Ghazali.

Al-Sultan telah menunjukkan kemarahan melalui berbagai cara. Salah satu cara ialah baginda berkata baginda tidak akan bercukur selagi Tan Sri Ghazali tidak dipecat. Perdana Menteri pada masa itu ialah Allahyarham Tun Hussein Onn. Maka peninglah kepala beliau.

Tetapi Allahyarham Tun Hussein selaku Perdana Menteri tidak mahu mengeruhkan suasana dan berusaha mencari cara untuk menyelesaikan masalah itu. Beliau telah menghantar Dr. Mahathir, yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri ke Perak. Akhirnya setelah Tan Sri Ghazali tersingkir, Almarhum Sultan Perak telah meraikannya dengan mencukur jambangnya. Bayangkan jika Allahyarham Tun Hussein dengan tegas mengekalkan Tan Sri Ghazali, tentulah jambang baginda Sultan Perak akan bertambah panjang.

Pihak media massa di negara ini juga terikat dengan Perlembagaan dimana hak Raja-raja Melayu tidak boleh dipertikalkan. Pendekkata apa jua yang seseorang Raja itu lakukan maka perbuatannya dianggap '*above the law*'.

Malangnya anak-anak raja dan kaum kerabat yang ada bau-bau bacangpun turut sama menggunakan hak istimewa ini.

Lihat saja plet-plet kereta berwarna kuning. Kadangkala ia bukanlah milik Sultan tetapi kaum kerabat saja. Soalnya siapakah berani mempertikaikan mereka?

Media massa yang dikuasai oleh kerajaan tentulah tidak berani menyiarkan berita negatif mengenai pihak istana. Begitu juga akhbar tabloid yang lainnya, mereka tidak berani menyentuh tentang pihak istana. Maka sasaran mereka terhadap kerajaan Mahathir yang membenarkan kebebasan akhbar. Tengok permainan akhbar yang double standard'.

Semasa saya menulis buku ini, ada juga orang-orang tertentu yang memberi amaran kepada saya.

"Kau tak takut kena *tulah* ke Syed?" tanya seorang daripada mereka. Dia bukanlah orang istana tapi ada hubungan yang rapat dengan anak-anak raja tertentu.

Saya tersenyum saja sebelum menjawab, "Betulkah ada *tulah*?"

"Kau jangan main-main Syed, Raja ada kuasa *menulahkan* rakyat?" kata kawan saya itu lagi.

"Aku tak percaya kepada kuasa manusia. Aku hanya percaya kepada kuasa Tuhan," jawab saya.

Sebenarnya kalau kita percayakan kuasa Tuhan maka tentulah kita tidak akan percaya seseorang itu mempunyai daulat yang boleh membuat orang lain kena *tulah* akibat *daulatnya* orang tersebut tapi saya tetap memuliakan seorang yang bertaraf 'wali' dan mempunyai 'keramah'.

Namun didalam masyarakat tradisi Melayu yang kuat berpegang kepada adat *biar mati anak, jangan mati adat*, hal-hal seumpama ini sudah menjadi sesuatu yang lumrah. Ramai orang Melayu takut kena *sumpah* dan *daulat* atau *tulah* seperti cerita 'Mahsuri', Laksamana Bentan dan Sultan Mahmud

Mangkat Dijulang. Tak hairanlah kalau Tunku sendiri buat filem **Mahsuri** dan **Raja Bersiong** bagi menunjukkan raja memiliki '*magic*' yang tidak ada pada manusia lain.

Tapi berbeza pula dengan generasi hari ini. Bagi mereka *biar mati adat, jangan mati bangsat*. Mereka tak percaya dengan perkara-perkara semacam ini.

Faktor inilah yang menyebabkan rakyat Malaysia di England banyak mengetahui tentang *Inside Story* pihak istana. Dan berita itu kemudiannya akan disampaikan kepada kawan-kawan yang berada di tanahair.

Terus terang saya katakan di sini bahawa buku **LIMA RAJA TERAKHIR** ini saya hasilkan bukanlah dengan tujuan untuk mencari kesalahan pihak istana. Jauh sekali ingin melaga-lagakan antara satu Raja dengan yang lain. Mereka sudah bergaduh sebelum saya tulis buku ini.

Saya tahu penulisan saya ini. Saya sedar nasib yang bakal menimpa diri saya dan buku ini jika ada pihak yang tidak senang dengan penulisan ini dan mahukan tindakan diambil terhadap saya dan buku ini.

Kalaulah demikian kehendak mereka maka saya tidak boleh berbuat apa-apa. Saya menyerahkan diri saya kepada Allah SWT kerana **Tuhanku** Allah adalah sebaik-baik penjaga.

Antara tujuan saya menulis ialah untuk mengambil alih tempat Tunku Abdul Rahman yang saya anggap ayahanda saya kerana kegagalan Tunku untuk memberikan teguran kepada pihak istana tentang kesilapan mereka.

Kalau dulu Tunku begitu berani memperjuangkan nasib rakyat bawahan, dan menjadi pengkritik utama Raja-raja hari ini biarlah saya memikul peranan itu. Tulisan-tulisan Tunku waktu Tunku belum terlibat dalam Semangat 46 banyak memberikan nasihat, hari ini banyak yang membawa mudarat.

Sebagai contoh dua tulisan Tunku itu ialah *Menteri Besar Crisis* dan *Of Monarchs and MPs*, di mana Tunku telah cuba menghuraikan masalah yang menimpa tokoh-tokoh politik. Tunku mengambil contoh Pahang dan Johor untuk kupasan itu. Malah didalam tulisannya itu Tunku memberikan nasihat yang amat berguna kepada pihak istana. Biar saya petik tulisan Tunku itu, yang berbunyi:

“It is very important indeed for a country like Malaysia to make sure that good understanding between the rulers and the people and among the people themselves must prevail.”

Dan didalam rencana Tunku yang bertajuk *Menteri Besar Crisis* yang disiarkan oleh akhbar The Star yang kemudian dibukukan dalam buku ‘*Something To Remember*’ itu, antaranya Tunku berkata:

“Therefore, the rulers owe it to themselves to find a solution to the crisis, which, in fact, is easy to settle if attended to in time.”

Oleh kerana baginda Sultan Kedah, anak saudara Tunku pun pernah menganugerahkan pingat kepada P.Ramlee iaitu pingat AMN maka eloklah tanya soalan-soalan ini kepada Tunku.

Mengapakah Tunku sudah tidak mahu menasihatkan Sultan Kelantan supaya memaafkan Tan Sri Mohamad Yaacob dan berusaha mencari kebaikan bersama. Mengapakah Tunku didalam kenyataan didalam beberapa akhbar cuba melagakan antara Sultan dan Perdana Menteri. Apakah dengan melagakan Sultan dengan Dr. Mahathir maka Tunku akan berjaya memecahkan pengaruh Perdana Menteri? Dengan demikian imej PM dikalangan rakyat jelata akan berkurangan? Jika inilah niat Tunku maka hanya Allah saja yang akan membalasnya kelak. Saya tak suka nanti raja-raja saya dipermainkan orang. Saya tahu ada lagi golongan-golongan

masyarakat Melayu kita yang masih mahu menyimpan lambang-lambang mereka walaupun ramai yang sudah membuat penilaian semula.

Rasanya kalau P. Ramlee masih hidup, tentu dia akan membuat sebuah filem yang bertajuk **BURUNG TERKUKUR BURUNG KU-PATEK**. Dan bagi mengakhiri bab ini marilah kita semua membaca 'Alfatihah' ke atas roh putera raja yang telah banyak mengajar kita semua yang mahu mengambil iktibar dari filem-filemnya. Dan akhir sekali saya memohon kepada pihak istana agar mereka mengambil berat terhadap janda Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang sedang hidup menderita, pada hal Puan Sri Norizan adalah juga janda seorang raja.



Mari kita bacakan Al-fatihah untuk rohnya Sultan Idris Iskandar (Sultan Perak yang ke-33), mudah-mudahan Allah tempatkan rohnya bersama para mukmin dan Awalia Allahus solehen.

"Tidak ada manusia yang boleh hidup sendirian, tanpa bersandar kepada orang lain sekalipun ia raja, tapi manusia kurang sedar hal ini."

Hanya orang-orang yang takwa saja yang mulia disisi Allah. Demi Allah dia datang, kepada Allah dia kembali.



Baginda Sultan Pahang semasa menjadi yang diPertuan Agung dulu adalah raja yang paling popular dan disayangi oleh rakyat. Sultan Ahmad Shah adalah seorang raja yang bersih hati dan sentiasa rendah diri dan pandai menyesuaikan diri dengan rakyat. Gambar menunjukkan Almarhum Sultan Perak Raja Idris Shah sedang menjirus air ke atas kepala anak saudaranya, Sultan Ahmad Shah dalam satu istiadat mandi sempat di Istana Iskandariah, Perak.

BAB SEMBILAN

Sultan Perak dalam Kenangan

Cerita-cerita mengenai raja-raja Melayu bukanlah sesuatu yang baru. Ini kerana titik sejarah kesultanan Melayu itu sendiri bermula kira-kira 500 tahun yang lalu iaitu sebaik sahaja Parameswara menabalkan dirinya menjadi Sultan Melaka. Hari ini, siapapun tidak terfikir, bahawa negeri yang pernah melahirkan tradisi kesultanan di bumi Melayu ini sudah tidak bersultan lagi. Hari ini yang ada di Melaka cuma Yang DiPertua Negeri saja, seorang rakyat biasa yang lima tahun sekali ditukar tapi tetap mempunyai taraf raja.

Namun itulah laluan sejarah yang bagaikan sebatang jalan yang tidak pernah ditempuhi: kita tidak tahu apakah ranjau-ranjau disebalik selekoh-selekoh yang bakal dilalui. Yang jelas apa saja yang bersifat baru akan binasa. *Ada* lawannya *tak ada*.

Tapi biar bagaimanapun kisah Raja-raja Melayu disepanjang zaman ditandai dengan peristiwa-peristiwa suka dan duka. Ada juga yang lucu, mengasyik dan lagi menyeronokkan. Cerita-cerita begini biasanya berkisar pada perihal Raja-raja dengan para gundek serta dayang-dayang mereka atau perihal raja yang jatuh cinta dengan anak-anak wayang, primadona-primadona, perempuan-perempuan kaberet dan pelajar-pelajar maktab. Maka dengan itu jadilah cerita mengenai tiga jenis kerabat. Satu, *kerabat yang benar-benar dari kalangan raja-*

raja: namanya kerabat diraja. Kedua, wanita dan gadis-gadis dari kalangan rakyat biasa yang dikerabatkan kedalam kerabat diraja oleh raja-raja ataupun anak lelaki mereka. Sebagai contoh proses pengkerabatan ini, ramai anak-anak wayang dan penyanyi yang menjadi isteri raja-raja dan anak-anak mereka. Yang ketiga, ialah mereka yang mengkerabati puteri-puteri raja. Mereka bukan para Tunku-Tunku tapi rakyat biasa yang berjaya memperisterikan puteri-puteri raja. Contoh-contohnya tak payahlah saya sebut, kerana P.Ramlee pun sudah merakamkan lagu tersebut semasa hayatnya.

Kemudian selain dari itu tidak kurang juga cerita-cerita mengenai kezaliman, kemunggaran, kejahatan dan kedurjanaaan raja-raja. Cerita-cerita seperti ini mendapat tempat di hati sarjana-sarjana sejarah samada dari luar negeri atau dalam negeri yang kemudian merakam peristiwa-peristiwa itu menurut versi masing-masing didalam buku-buku mereka.

Meskipun begitu kisah-kisah sejarah yang dibukukan itu hanya terbatas kepada kisah raja-raja yang hidup dizaman dulu, di zaman Tanah Melayu belum mempunyai Perlembagaan yang menyeragamkan keistimewaan raja-raja. Waktu itu surat khabarpun belum ada. Oleh itu kebanyakan cerita-cerita itu disampaikan dari semulut ke semulut dan diturunkan dari generasi ke satu generasi.

Hari ini keadaan sudah banyak berubah. Raja-raja Melayu dibawah Perlembagaan sudah jadi sekumpulan manusia yang berada diatas undang-undang, manusia-manusia yang *'immuned'* terhadap undang-undang.

Akhbar-akhbar pun sudah banyak. Dan rata-rata akhbar-akhbar ini melaporkan hal-hal yang baik sahaja tentang raja-raja. Kalau ada cerita yang tak baik, para wartawan akhbar-akhbar itu terpaksa kembali membuat laporan seperti di zaman *primitif* dulu, iaitu laporan dari mulut ke mulut. Mereka tidak berani menulis berita-berita itu di dalam akhbar masing-masing, melainkan Tunku Abdul Rahman.

Sikap kurang jujur seperti inilah yang mungkin telah mendorong orang-orang Melayu menganggap raja-raja mereka sebagai manusia luar biasa kerana tidak ada satu kerjapun yang dilakukan oleh raja-raja sekalian yang dianggap tidak betul. Raja-raja dianggap macam malaikat.

Perihal adanya raja-raja, anak-anak raja, menantu raja, besan raja, biras dan sebagainya yang minum arak, kaki betina, kaki judi, kaki disko, yang perangai macam kaki busuk dan bermacam-macam kaki tidak pernah mendapat ruang di dalam akhbar-akhbar. Macam mana Raja nak tahu salah silap dan kerabat mereka?

Kalau setakat nak bercerita memang banyak yang boleh dijadikan cerita. Saya sendiripun bukan tak biasa bercampur-gaul dan bertempuk-tampar dengan golongan ini. Dulu sewaktu pejabat saya masih di Medan Tuanku, saya biasa tersempak dengan mereka yang minum-minum sambil berhibur di Pub Brass Grill yang terletak berhampiran dengan pejabat saya itu. Waktu itu ada raja, ada menantu raja dan ramai kerabat-kerabat raja yang minum di situ. *Di waktu kemuncak orang-orang Melayu masih lagi menjadikan minum-minum arak ini sebagai satu cara untuk relaks dan menenangkan fikiran, Pub Brass Grill dan lain-lain pub milik orang Melayu di kawasan Medan Tuanku adalah diantara tempat yang menjadi tumpuan keluarga diraja dan sahabat handai mereka.* Alhamdulillah, dizaman kebangkitan semula Islam ini, tidak ada satupun lagi pub-pub serupa itu dikawasan ini. Begitu juga dengan kelab-kelab malam seperti *Greenmaids, Tropikana* dan lain-lain kelab malam milik orang Melayu, kalau muncul pun umurnya tak panjang. Berniaga benda-benda haram ini tak berkat.

Dalam banyak-banyak cerita itu, tersebutlah sebuah kisah bagaimana kononnya seorang Sultan telah mangkat ketika sedang minum-minum. Disebabkan adanya orang politik yang memusuhi Sultan tersebut, maka cerita yang tak betul itupun

disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Cerita sebenarnya, mengenai Sultan ke Mekah dan bertaubat tidak pula disebutkan.

Namun biar bagaimanapun, seorang wartawan senior, yang kebetulan telah diamanahkan oleh Almarhum menulis cerita baginda telah menulis tentang apa yang sebenarnya berlaku mengikut ceritanya.

Saya berbangga kerana masih ada lagi penulis yang sanggup menulis tentang kebenaran yang hak. Oleh itu dibawah ini saya siarkan semula tulisan beliau yang telah disiarkan pertama kalinya dalam majalah '**Imam**' edisi Januari 1990. Disamping itu saya juga menyiarkan sebuah tulisan yang lain bertajuk '**Dari Istana Ke Bilik Suluk**' oleh Muhamad Jihad.

Cerita mengenai Sultan tersebut yang ditulis oleh *Akhdiat Miharja* itu saya petik seperti berikut.

Kekuasaan dan kemewahan hidup menjadikan manusia lupakan Allah dan melakukan segala kemungkaran, tetapi ketika diburu maut, penyesalan dan taubat menggantikan titik terakhir bagi kehidupan.

Demikian juga yang berlaku ke atas Almarhum Sultan Perak, Raja Idris Shah Ibni Sultan Alang Iskandar - beliau mengakui melakukan berbagai-bagai maksiat dan kemudiannya bertaubat dalam masjid Haram.

"Saya banyak dosa, tak lalu nak bilang, macam gunung, macam Sungai Perak," titah baginda kepada saya.

"Saya tau saya banyak berpura-pura kepada rakyat, depan mereka saya macam orang alim, tapi di belakang, di luar negeri saya berbuat maksiat," titahnya.

"Allahu Akbar, saya tau dosa dan pahala, halal dan haram, tapi kerana saya Sultan yang berkuasa, mewah hidup dan lupakan Allah, saya buat semuanya," titah Sultan lagi.

“Saya syukur, saya sempat bertaubat dalam Masjid Haram... saya menangis, saya menyesal... saya harap Allah terima taubat saya sebelum saya mati,” tambahnya.

Demikian suatu madah rendah diri dari seorang Sultan kepada saya di Istana Tambun, Ipoh kira-kira jam 3.00 pagi dalam tahun 1983.

Baginda baru kembali dari melakukan ibadah umrah di Makkah.

Saya dijemput ke Istana Tambun oleh baginda sehari selepas baginda pulang dari Makkah dan pertemuan saya dengan baginda pada pagi itu benar-benar terasa sedih dan pilu dalam diri saya.

Ketika saya tiba di ambang pintu Istana Tambun kira-kira jam 11.00 malam, seorang pegawai istana memberitahu saya, yang Sultan sedang menunggu saya dalam bilik di tingkat atas.

“Ada siapa bersama baginda?” Saya bertanya.

“Tak ada, baginda sedang baca Quran,” jawab pegawai itu.

Sebaik-baik saja saya mendengar kata-kata pegawai yang lurus seperti pegawai istana Harun Aminul Rasyid itu, timbul sesuatu yang luarbiasa dalam hati saya.

“Kalau Sultan dah baca Al-Quran, ini dah ganjil,” hati saya berkata lalu saya memanjat tangga istana.

Sebagai penulis, saya diberi kebebasan oleh Sultan Perak untuk masuk ke dalam mana-mana istananya di Kuala Kangsar dan di Ipoh hingga Istana Perak di Kuala Lumpur.

Sebaik-baik saja saya melangkah masuk ke dalam bilik dan belum sempat saya memberi salam, Sultan Perak dengan nada bergurau bertitah, “Orang dah kaya, aku yang dah nak mati ni pun tak ingat.”

"...Tuanku belum nak mati, umur Tuanku panjang," saya berkata sambil menghulurkan dua puntung tangan kepada baginda lalu baginda menyambut.

"You kata aku panjang umur, Allah kata you tak tau," titah Sultan dengan wajah tenang.

Saya diam dan duduk atas kerusi di hadapan baginda.

"Nah, minum air zam-zam ni, aku ajak pergi ke Makkah tak nak, bukan kena keluar duit, aku yang nak belanja," titah Sultan sambil mengunjuk gelas kosong kepada saya.

Waktu itu saya diam dan hanya mencapai jag berisi air zam-zam lalu menuang ke dalam gelas dan saya minum.

"Tuanku sihat di Makkah?"

"Sihat tu sihatlah, tapi hati... Allah yang tahu," titahnya.

"Ngapa, ingatkan yang baru ni (isteri)?" Saya bergurau.

"Tak, aku tak ingat siapa, yang aku ingat mati..., aku akan mati tak lama lagi..., " jawab baginda.

Saya sedar Sultan Perak ada menuntut ayat al-Quran dari Allahyarham Syeikh Abdullah Fahim di Kepala Batas dan sekiranya ayat Al-Quran yang dihafal itu tidak dapat dibaca atau lupa, maka bererti maut hampir tiba kepada yang menghafal ayat tersebut.

"You buat tak tau, kan guru kita dulu ajar ayat Quran tu, di Makkah aku lupa ayat tu," titah Sultan.

"Tak tuntutan ayat tu, Tuanku, patik tuntutan ayat lain," saya berkata serius.

"Aku lupa ayat tu sebaik-baik saja masuk ke Makkah..., aku menangis kerana aku banyak buat maksiat, doa..." Titah Sultan sambil mengunjukkan sebuah Al-Quran kepada saya.

“Allah tau, aku ni Sultan, berkuasa, mewah hidup, rakyat jelata sanjung aku sebagai ketua agama Islam di negeri ini, tapi aku...,” titah Sultan dan kelihatan baginda mengesat air matanya dengan belakang tangan kirinya.

Waktu itu saya rasa seolah-olah diri saya sedang berhadapan dengan seorang Sultan yang telah diturunkan dari takhta atau seorang presiden yang telah disingkirkan oleh rakyat jelata negaranya sendiri.

“...tapi aku menyesal, aku bertaubat dalam masjid Haram, aku menangis kerana insaf akan diri aku yang telah banyak buat dosa,” titah Sultan.

“Tuanku tak usah sedih, Allah tetap menerima taubat Tuanku, sekadarkan Tuanku jangan ulangi lagi, jangan tau buat, bukan taubat...” kata saya sambil senyum.

“Tak, aku tak buat lagi, aku tak minum arak lagi... aku hanya minum air teh China macam you...” titah baginda.

Dalam pertemuan kami dari jam 11.00 malam hingga jam 4.00 pagi itu tidak diganggu oleh sesiapa kerana baginda telah memberitahu pegawai istana supaya melarang orang masuk ke biliknya.

Di tingkat bawah ramai orang besar-besar dan pegawai kerajaan sedang minum-minum dan menari kata mereka bersyukur kerana Sultan telah kembali ke tanahair.

Baginda bertitah dengan saya dari isi hatinya sendiri dan waktu itu saya digunakan oleh Sultan sebagai seorang ulama atau pakar rujuk agama.

Saya menyebut begitu kerana Sultan membaca ayat-ayat Al-Quran yang diterjemahkan dalam bahasa Inggeris dan baginda bertanya kepada saya akan sesuatu dalam ayat-ayat itu.

“Kalau Allah tak terima taubat aku macam mana?” Sultan bertanya.

Mendengar soalan itu saya hampir ketawa dan kemudian bergurau dengan berkata, "... Tuanku akan dibakar dalam api neraka yang hangatnya entah berapa juta kali ganda dari hangat api yang ada ini."

"Allahu Akbar...!" Sultan bertitah dalam keluhan.

"I waktu itu melihat dari jauh," saya bergurau lagi.

"You lainlah, you tak minum arak, tak tinggal sembahyang, tak tinggal puasa, tapi aku...? Tanya Sultan.

"Kan Tuanku dah bertaubat dan Allah sedia menerima taubat Tuanku," kata saya untuk menghilangkan keraguan baginda.

"Tu aku tau, tapi...," titah Sultan sambil merenung muka surat Al-Quran.

Sesuai dengan pengakuannya, saya dapati baginda tidak minum arak lagi, hanya minum teh China dan saya merenung di atas meja kecil di sudut bilik itu ada sehelai sejadah.

Baginda bertitah, bahawa kalaulah baginda seorang rakyat biasa, mahulah baginda tinggal bermastautin di Makkah dan sentiasa melakukan ibadat di dalam Masjidil Haram.

Saya tidak mahu menjawab apabila baginda bertanya, apakah Allah akan menyoalnya di akhirat nanti akan tanggungjawabnya sebagai seorang Sultan Pemerintah dan sebagai Ketua Agama Islam di negeri Perak iaitu sejauh mana tanggungjawab itu baginda telah tunaikan.

Baginda tahu saya tidak mahu menjawab soalan itu dan baginda mengalih titahnya kepada hal Menteri Besar Perak, politik negara ini dan hasrat Baginda supaya negeri Perak mengamalkan syariat Islam sepenuhnya.

Lalu saya berfikir pada pagi itu, bahawa Sultan Perak di hadapan saya adalah insan yang terpengaruh dengan segala kebendaan dan alim ulama dan orang Besar yang mengelilinginya tidak pernah menasihati baginda kepada jalan yang soleh.

“Tuanku ada mufti, kadi dan alim ulama yang boleh membimbing Tuanku ke jalan yang soleh...” kata saya.

“Demo tu makan gaji..., mana nak fikirkan semua ni...” titah baginda.

Saya hampir ketawa waktu itu kerana sebaik-baik saja saya mendengar titah baginda saya teringat akan cerita filem Alahyarham P. Ramlee mengenai Negeri Perak, iaitu filem *Musang Berjanggal*.

Ulama dalam kisah *Musang Berjanggal* tidak menasihati Sultan kepada jalan yang soleh, sebaliknya dia melakukan kemungkaran.

Sayang apa yang kami cakapkan dan apa yang diluahkan oleh Sultan Perak kepada saya dari malam hingga ke pagi itu tidak seorang pun dari rakyat Negeri Perak mengetahuinya.

Waktu saya akan pulang meninggalkan istana Tambun pada pagi itu, Sultan bertitah “Kalau aku mati, kalau you nak tulis biografi aku, jangan lupa tulis yang kita cakap tu.”

Beberapa hari kemudian baginda meninggal dunia sebelum meneguk air teh China dalam majlis jamuan yang diadakan oleh saudagar ikan di Sitiawan.

Baginda telah menitahkan saudagar ikan itu supaya menyediakan air teh China untuk baginda dalam majlis jamuan tersebut.

Oleh sebab anika jenis minuman keras turut dihidangkan dalam majlis itu, maka air teh China dalam gelas di hadapan baginda kelihatan seperti minuman keras juga.

Baginda meninggal dunia sebelum sempat minum air tersebut. Saya mendapat tahu sepanjang perjalanan dari Taiping ke Sitiawan baginda telah bertengkar dengan isterinya yang ke dua.

Sultan Perak mengidap sakit jantung disebabkan masa itu Negeri Perak diliputi oleh suasana krisis politik, iaitu antara baginda dengan Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh, maka fitnah terhadap baginda disebarkan ke merata-rata yang kononnya baginda mangkat kerana banyak minum minuman keras.

Marilah kita semua menghadiahkan 'Al-Fatihah' ke atas roh baginda dan mendoakan semoga Allah mengampunkan dosadossanya dan kita mohon kepada Allah agar meletakkan rohnya bersama orang-orang yang soleh. Amin Ya Rabbul Alamin.

BAB SEPULUH

Letupan, Tunjuk Perasaan Cemari Pemakaman Maharaja Hirohito

Jumaat lalu berakhirlah satu lagi episod. Tompok hitam dalam sejarah dunia moden. Episod itu berakhir dengan pengkebumian jenazah Maharaja Hirohito Jepun. Baginda mangkat 7 Januari lalu. Walaupun baginda sudah mangkat dan Perang Dunia kedua sudah lebih empat dekad berlalu, ramai lagi orang yang belum bersedia mengampunkan Maharaja Hirohito. Sekalipun baginda terlepas daripada tuduhan menjerumuskan Jepun ke dalam Perang Dunia Kedua, tidak kurang yang percaya baginda terbabit terus dengan perang itu. Perjalanan terakhir baginda ke tanah perkuburan di raja Tokyo menimbulkan dunianya yang bergelora.

Walaupun ramai rakyat dan pemimpin luar hadir pada hari yang dingin dan muram itu, api kemarahan terhadap baginda tetap menyala. Lebih 4,000 orang dilaporkan mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan antiraja. Hanya kehadiran 32,000 anggota polis dapat mengawal perasaan lebih besar daripada mengganggu pengkebumian. Sebelum perarakan bermula, satu letupan menyebabkan tanah runtuh disebatang jalan bakal yang dilalui keranda baginda. Beberapa penunjuk perasaan yang cuba menghalang perarakan jenazah ditangkap.

Penunjuk perasaan membawa sepanduk berbunyi: "**Kami tidak mahu menghormati Maharaja.**" Mereka mahu institusi berusia 2,000 tahun itu dihapuskan. Permintaan kerajaan supaya rakyat bertafakur seminit pada tengah hari tidak dihiraukan.

Yang benar-benar berasa kehilangan hanyalah seorang bekas tentera berusia 72 di bandar Kitakyushu yang menyiat perutnya di hadapan tugu peringatan perang dan meninggalkan nota mengatakan dia mahu bersama-sama ke kubur dengan Maharaja Hirohito. Dia dilaporkan tenat. Hirohito yang menduduki takhta selama 62 tahun dikebumikan sebagai manusia biasa. Maharaja-maharaja sebelum baginda dikebumikan sebagai 'Tuhan' mengikut kepercayaan orang Jepun. Hirohito dikebumikan sebagai manusia biasa kerana Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua.

Demikianlah kisah seorang Maharaja dan rakyatnya. Ada yang menyanjung dan mengagungkannya dan ada yang menentangnya. Walaupun Maharaja baru, Akihito, telah ditabalkan, rakyat Jepun nampaknya masih berbelah bagi mengenai institusi raja. Sejak Jepun dibina semula atas prinsip demokrasi selepas perang, fungsi raja terhadap kepada tugas-tugas adat-istiadat. Sejak itu, Maharaja Jepun tidak lagi masuk campur dalam pentadbiran negara. Maharaja Hirohito menghabiskan masanya selepas perang dengan membuat penyelidikan laut dan pertanian. Beliau diakui sebagai penyelidik hidupan laut yang gigih dan terkemuka. Itupun ada juga rakyat tak suka.

Itu di Jepun. Di Britain lain pula. Salah satu kegemaran masa lapang rakyatnya ialah mengambil tahu apa Ratu Elizabeth, putera-putera dan puteri-puteri di raja buat. Putera, puteri raja pergi mandi di pantai memakai pakaian mandi pun menjadi bahan cerita. Apatah lagi kalau pasangan di raja atau putera, puteri raja yang bergaduh, tidur di istana yang berasi-riangan atau menemani bintang filem lucu ke majlis tari-menari. Macam-macam mereka kata mengenai keluarga di raja.

Yang paling baru Kunta Kinte baca di akhbar British ialah siapa antara anggota keluarga di raja yang paling kuat bekerja, siapa kuat curi tulang dan siapa pula yang asyik bercuti. Menurut akhbar Sunday Telegraph, berasaskan jumlah kegiatan rasmi, ahli keluarga Di Raja British yang paling kuat bekerja ialah Puteri Ann. Dalam masa setahun dia terbabit dalam 665 kegiatan daripada lawatan rasmi kepada jamuan makan, pembukaan rasmi dan bertemu rakyat jelata. Dia bercuti hanya tiga minggu tahun lalu.

Keluarga di raja kedua paling cergas ialah Putera Philip, suami Ratu Elizabeth. Putera Philip adalah antara anggota keluarga di raja yang paling banyak menjalankan tugas di luar negara. Baginda sering mewakili isterinya. Ratu Elizabeth menduduki tempat ketiga dan Putera Charles keempat. Putera Charles dan ibunya adalah yang paling lama bercuti. Ratu Elizabeth bercuti 15 minggu dan Putera Charles 14 minggu. Puteri Diana menduduki tempat kelima, tetapi bercuti enam minggu sahaja. Cerita raja, takhta dan istana mereka; cerita putera, puteri mereka yang segar, cantik dan menawan dan cara hidup mereka yang ramai bukan fasal apa, tetapi kerana semakin kecil bilangan maharaja, raja, ratu, sultan dan sheikh di dunia ini.

Khabarnya keluarga Di raja Inggeris dikritik teruk kerana tidak hadir dimajlis memperingati mangsa-mangsa kemalangan kapal terbang di Lockerbie tetapi menghantar duke of Edinburgh ke Upacara permakaman Hirohito. Demikianlah kisah dua keluarga di raja dengan rakyat mereka. Kunta kinte hayati Rukunegara.

Wassalam.

Oleh KUNTA KINTE

Tarikh: 27/2/89



EYEWITNESS

As the Emperor's condition slowly deteriorated, public reactions were as varied as feelings about the man. Demonstrators in Tokyo (*above*) held him responsible for Japan's wartime aggressions. Carrying strongly worded posters, they demanded an end to the emperor system. But most were reverent, if sometimes eccentric. A street

advertiser-busker (*far left*) held a sign wishing the Emperor a speedy recovery and urging traffic safety. Another man (*left*) produced a scroll insisting he was related to the Imperial family. That was a fitting response: the monarch's long confinement, said to be due to cancer, caused many Japanese to look to their roots. ▶

Semasa Raja Jepun sedang gering, rakyatnya yang muda, belia meletakkan Raja mereka bertanggungjawab mengenai kejadian perang dunia kedua. Tulisan pada sepanduk menunjukkan bahawa raja akan mati meninggalkan kami, perbuatan raja akan kekal di dalam sejarah.

KATHMANDU, Mon. — Hundreds of people marched on Kathmandu's royal palace today to demand King Birendra leave Nepal while another group captured the country's new Interior Minister.

Five hundred people at the palace gates chanted "Birendra, quit the country".

They were part of a crowd of thousands who surged through the capital after a furious mob attacked a group of policemen, leaving six senseless, possibly dead. Security forces made no attempt to stop them.

Crowds also captured Nepal's new Interior Minister and forced him to promise a crackdown on police held responsible for dozens of deaths during a successful democracy campaign.

Earlier, angry throngs beat at least six policemen senseless. Witnesses said at least 21 policemen were captured and beaten in several attacks in Kathmandu by crowds who accused them of trying to rob shops and homes.

The people, hungry for revenge against police who killed scores of democracy demonstrators on April 6, used pipes torn from buildings to block a street and cornered at least nine men in police uniform.

Witnesses said the crowd beat the men with bare fists and heavy-buckled belts ripped from their victims.

At least six of the men lay unconscious, possibly dead or dying. Their blood ran across the broad street while a police ambulance waited behind the barricade, its driver making no attempt to intervene.

A seventh man, his face a mask of blood, knelt inside a circle of hostile youths, pleading for mercy. Two others, hands bound, were pinned against the shutters of a shop while the crowd yelled questions at them.

The people claimed the policemen had confessed that hardline monarchists had paid them to discredit Nepal's four-day-old multi-party Government, pledged to reduce all-powerful King Birendra to the status of constitutional monarch.

Crowds of thousands surged through the capital, boasting of the capture.

A splinter group marched on the palace, about one kilometre from the scene of the attack and chanted slogans demanding that King Birendra leave the country.

There was no sign of security forces and the marchers turned around and headed back towards a central park, the main rallying point. —
Reuter

H.S.T.
24-4-90

Nepal's queen faces criticism, ridicule

Ms. 29. 1990

KATHMANDU, Sat. — Rumours about the wealth and influence of Queen Aishwarya Ranya Laxmi Devi Shah of Nepal, dubbed "Mrs Ten Per cent" for her alleged commercial dealings, have grown so intense the royal palace has been forced publicly to deny them.

The palace statement of denial yesterday, with its tone of pained umbrage, was another sign of changing times in the Himalayan kingdom.

Before a successful two-month campaign for multi-party democracy started in February, criticism of the royal family was muted indeed. Critical words overheard could lead to jail.

Massive demonstrations removed the taboo, at least in Kathmandu. Talk became so intense the palace had to respond.

"It has become necessary to assert that their majesties have no property, moveable or immovable, outside Nepal," it said.

"Specifically, they do not own any house or land in the Mal-

dives, Greece, Scandinavia or any other foreign country. Their majesties have no bank accounts in Switzerland."

King Birendra, who has agreed to cede many of his absolute powers to an interim reformist Government planning multi-party elections, is generally regarded as a gentle, well-meaning man dominated by his wife.

It is for her that local venom is largely reserved. During the pro-democracy demonstrations, banners and placards discussed the queen in language never before used to describe royalty.

Kathmandu's walls were daubed with graffiti that speculated on her millions of dollars deposited in Swiss bank accounts.

Underground publications paint her as a Mrs Ten Percent who collects commissions on major business deals and is the power behind the throne — a sort of Imelda Marcos of Nepal.

A western diplomat said there was no evidence to support the charges.

"I personally suspect what we hear about the queen is just rumours and slander," he said. "I am not saying she is a lady sitting at home and knitting socks but I am highly sceptical that she plays the kind of role (attributed to her)."

The queen's negative image stemmed largely from her chairmanship of the Social Services Co-ordination Committee, which co-ordinated foreign aid to Nepal.

Many believe the foreign aid that props up the budget was used for the personal benefit of the royal family.

A week ago, the queen resigned from the committee.

Queen Aishwarya, born on Nov 7, 1949 in Kathmandu, is the granddaughter of Juddha Shumsher Rana, who belonged to the lesser of the two Rana clans that ruled Nepal for more than a century, until a 1951 palace coup ousted them.

People were willing to believe the worst of her because she came from the wrong clan, diplomats said. Rivalry between the two clans still exists.


The queen studied in Kurseong in India as well as at St Mary's school in Kathmandu, graduating in arts from the capital's Tribhuvan University.

At 40, she looks younger than her age and cuts an impressive figure in public ceremonies beside her husband.

She was married to Prince Birendra Bir Bikram Shah Dev, regarded as the incarnation of Hindu god Vishnu, in 1970. He ascended the throne two years later.

Queen Aishwarya's two younger sisters married King Birendra's two younger brothers — a move seen by many Nepalis as a plot to control the royal family.

"Nobody knows what hold she has on her husband. It is all hearsay," said an Asian diplomat. — Reuter.



Istana ini kini sedang dalam proses untuk dijual. Siapa yang terfikir nak duduk dalam istana raja, bolehlah membelinya. Inilah istana Maimun di Medan Sumatera, tempat bersemayam Sultan Deli tapi telah dimusnahkan oleh Semangat 46 di Indonesia.



مفتري بسر گلتن.

مشارف کباوه دولي پنهما طبا توانکو اسماعيل فترا ابن المرجوم سلطان
 پنما فترا . ده قده . ده مده ن . ده قده (نگري سجيلن) .
 ده قده (سلافيو) . ده قده (جوهر) . ده قده (فدح) . ده قده (فيوق) .
 ده قده (ترفگانو) . ده قده (غريليس) . ده قده مده به . ده قده سره سره (سرافق) .
 ده قده (سرافق) . سره قده مده که . سره ج مده که . سره قده سره که .
 سره قده که که . سلطان دان پنخه فرتوان باکي نكري گلتن دارالنعيم .
 پنخيرساييم داستان مهکوت . کوخ کريان . کوت بهارو .
 دغن اخه گلپان دان کسرانن .

اخون توانکو .

اداله فانیکه دغن بيراف حرمت تعظيم سرت تواضعن مرفعن سجه
 مومن اخوني فرکن کباوه دولي پنهما طبا توانکو اونقوني فانیکه . اهل
 مجلس کراچان نكري دان اهل ۲ ديوان اوندمن نكري گلتن پنخ تردپري
 درند اهل ۲ اخو سکين مشارف قد سوات نارخ پنخ توانکو برکلافنن .

فانیکه دان اهل ۲ مجلس ديوان اوندمن نكري گلتن پنخ تردپري
 درند اهل اخو مراساي بناف فرلو دان فانیکه سکين مشارف دان
 سجه معلوم مشندوني فنجلسن ترهارد بيراف فرکارا پنخ نله ضجبولکن
 ساله فهم دان کلپروان پنخ ميپکن فندفن سرت نخکن پنخ بربيزا داننارا
 کباوه دولي پنهما طبا توانکو دغن فانیکه سکين . تراونام دالم طقسناکن
 فندبيران کراچان گلتن دارالنعيم اين .

سکين فانیکه سجه معلوم دغن ترله دهولو فانیکه مشوچفکن
 سنجيکي ۲ ضججويغ کاسه جوا ادا .

اخون توانکو . سجه فانیکه فومن داخون .

اداله فانیکه دغن حرمت تعظيم
 سرت تواضعن توانکو .

محمد صديق
 (بنتارا کائن)

فجابت متهري بسر گلتن
 کوت دارالنعيم . کوت بهارو
 لد 2 هارمپولن س . 1989



Nik Aziz : Mu nok nikoh see lagi ke Brahim?

Ibrahim Ali : Nok tu nok sangatlah Tuan Guru tapi lea ni tok seah.

Begitulah agaknya perbualan Ibrahim Ali dengan Nik Aziz. Selain dari itu tentu ada cerita baik, cerita pasal Dr. Mahathir jadi imam dan Ghafar jadi makmum atau Ghafar jadi Imam Mahathir jadi makmum. Hari ini geng-geng Ibrahim Ali dalam Semangat 46 tengah hangat menceritakan cerita-cerita lucu dalam masjid. Cerita macam mana Che Ghafar jadi Imam. Cerita-cerita lucu ini diceritakan pada saya masa saya makan tengahari bersama Pemuda 46 di Kampung Bahru, Kuala Lumpur dan tentulah bila dengan orang PAS cerita itu tambah hebat lagi.

PAS DILARANG GUNA PERKARA ISLAM DALAM CERAMIAHNYA

□ KUALA LUMPUR — Semangat 46 tidak mahu pimpinan Pas sekarang menyuarakan soal menubuhkan negara Islam dalam ceramah-ceramahnya kerana bimbang penyokong bukan Islam tidak memberikan sokongan.

Yang Dipertua Pas Kawasan Kuala Selangor, Encik Muhayat Haji Yusof memberitahu *Musantera*, kini dalam ceramah-ceramah Pas persolan negara Islam, jihad dan iman tidak diucapkan lagi.

Katanya, inilah perkembangan terbaru yang berlaku dalam Pas di bawah pimpinan ulama yang bergabung dengan Semangat 46.

"Dulu, pemimpin-pemimpin Pas ini mengatakan Umno dan pemimpin-pemimpinnya menyeleweng kerana tidak mahu menegakkan negara Islam, sekarang mereka pula yang bergabung dengan pemimpin seperti ini," tegas Encik Muhayat.

Apa yang dilayangkan oleh para pemimpin Pas sekarang termasuk Yang Dipertuanya, Haji Fadzil Noor, bukan lagi seba-

gai tokoh-tokoh ulama dan cakap-cakap mereka sudah tidak bernilai, katanya.

"Pemimpin-pemimpin Semangat 46 pernah dikafirkan oleh ulama Pas satu ketika dulu, jadi bagaimana pula boleh menerima mereka sekarang dalam Angkatan Perpaduan Ummah?" tanya Encik Muhayat.

Katanya, Pas Kawasan Kuala Selangor menyifatkan Haji Fadzil Noor sekarang menerajui sebuah parti gabungan haram, iaitu APU yang tidak didaftarkan serta haram daripada segi syarak kerana bergabung dengan DAP.

Pas tidak boleh menolak DAP kerana kedua-dua parti ini berada dalam gabungan APU yang dibentuk sebagai satu alternatif kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang, tambah beliau.

"Parti DAP menolak negara Islam. Apakah Pas sanggup bergabung dengan parti seperti ini semata-mata mahukan kuasa tanpa mengira kedudukannya daripada segi syarak yang temyata haram," kata Encik Muhayat ■

BAB SEBELAS

Pangkat, Poket dan Perutisme

Satu masa dulu saya pernah mengatakan yang orang Melayu ini memiliki *short memory*. *Short memory* yang saya maksudkan itu bukanlah 'otak pendek', 'otak singkat' atau 'otak kontot'. Apa yang saya maksudkan ialah kita ini senang betul melupakan peristiwa yang telah berlaku pada suatu waktu dulu.

Hari ini orang-orang Melayu yang '*short memory*' ini sudah tidak ramai lagi. Namun saki baki manusia-manusia *short memory* ini masih boleh kita temui. Antara mereka itu ialah pengikut-pengikut dan penyokong Semangat 46. Dan antara yang paling menonjol sekali ialah mereka yang sudah jadi macam '*The Three Stooges*': Yang Berhormat Fahmi Ibrahim, Yang Berhormat Mazlan Harun, kedua-duanya ADUN Negeri Selangor dan Datuk Harun Idris bekas Menteri Besar sendiri. Ada satu peristiwa penting yang pernah berlaku dan yang sudah mereka lupakan.

Peristiwa itu benar-benar menyengat hati dan perasaan orang Melayu. Orang Melayu khususnya di Selangor tersentak dengan tindakan kurang ajar seorang pemimpin DAP yang mencemarkan nama DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.

Karpal Singh yang pernah kena lempang dengan Kiai Arshad adalah nama yang gagah bagi DAP. Karpal Singh seperti

laporan Watan 29 Oktober 1987 menggambarkan bagaimana YB Fahmi Ibrahim yang telah terlibat dalam usaha membersihkan nama Sultan kerana dicabar dan di cemari oleh Karpal. Tapi malangnya kini Fahmi dan Mazlan, satu anak yang satu lagi anak buah orang harapan Datuk Harun serta pemilik-pemilik '*short memory*' yang lain kini boleh berdakap begitu mesra dengan Karpal, ahli politik yang kontroversi yang berani melanggar dan mencacatkan adat istiadat Melayu yang berkaitan dengan istana.

Rupa-rupanya saranan Datuk Musa yang menyuruh orang Melayu kurang ajar diterima juga oleh Karpal Singh yang telah berlaku kurang ajar dan menimbulkan kemarahan orang Melayu terutama rakyat Selangor yang cinta dan kasihkan raja mereka.

Raja adalah payung bagi orang Melayu tetapi sayang payung itu telah dilontar batu oleh Karpal Singh yang tidak memperduli dan menghormati adat Melayu. Kini Harun dan anak buahnya telah melupakan itu semua. Mereka sudah boleh bergurau senda dengan orang yang pernah mencemarkan nama Sultan Selangor menerusi kenyataan-kenyataannya.

Apakah orang Melayu lain juga menolak dan melupakan begitu saja pencemaran adat yang dilakukan terhadap raja mereka? Mungkin ada yang berkata itu perkara yang sudah lepas. Biarkan. Tapi harus ingat, kalau DYMM Sultan yang kita hemahkan dipertikaikan oleh Karpal, tak mustahil rakyat keseluruhannya akan terperangkap dibawah sikap rakus orang-orang politik yang berkepentingan diri dan tak mustahil raja juga jadi mangsa bila mereka ini berkuasa?

Tanda-tanda adanya '*short memory*' ini memang terdapat pada Fahmi. Sewaktu dia menjadi Ketua Pemuda Selangor, berapi-rapi betul dia menghentam DAP khususnya Karpal Singh. Waktu itu maruah Sultan Selangor dipertahankannya habis-habisan.

Waktu itu orang Melayu, terutamanya rakyat negeri Selangor menganggap Fahmi itu hero. Fahmi dan Mazlan di-

anggap juga dua orang tokoh muda yang berani mati demi air muka Sultan. Ada pula yang meramalkan yang salah seorang dari mereka itu bakal menduduki kerusi Menteri Besar Selangor. Tapi hari ini ramalan itu sudah menjadi kenang-kenangan sahaja.

Waktu itu sibuklah Pemuda UMNO Selangor mahu dan akan serta dan telah pun mengadakan satu sidang tergepar hanya untuk membenamkan Karpal. Usul yang penting waktu itu ialah mendesak pihak Peguam Negara menjalankan siasatan berhubung dengan aduan yang mendakwa Karpal Singh menghina kedaulatan dan peribadi Sultan Selangor Darul Ehsan.

Isu Karpal menghina Sultan benar-benar serius. Exco-exco Pemuda UMNO negeri sibuk berbincang. Maka berkokoklah Fahmi waktu itu sambil menyerahkan soal tersebut kepada Tan Sri Abu Talib Othman.

Maka dengan sendiri naiklah saham Fahmi serta Mazlan dan lain-lain Exco Pemuda UMNO ke paras yang tinggi kerana isu Karpal. Kalau sebelum peristiwa itu ramai yang tak kenal dan tak pernah dengar nama Fahmi, maka disebabkan peristiwa itu orang ramai pun kenal Fahmi. Fahmi memang sudah lama mengidam-ngidam untuk jadi tokoh popular Selangor. Fahmi adalah pegawai Datuk Harun dalam arena politik dan beliau adalah anak didik yang paling dipercayai oleh Datuk Harun.

Tapi kini segala-galanya sudah berlalu. Ramai yang sudah lupa kerana banyak lagi isu-isu yang lebih besar sudah berlaku. Lagipun Fahmi hari ini telah meninggalkan UMNO untuk jadi ahli 46. Masih kita ingat Exco Pemuda UMNO negeri, seperti laporan **WATAN** itu, Encik Daud Tarihep ke depan untuk membuat aduan Polis.

Antara lain Daud Tarihep memberi keyakinan bahawa Pemuda UMNO Selangor akan mempertahankan maruah

Sultan bermati-matian. Pemuda UMNO dibawah Fahmi Ibrahim tak akan membiarkan orang yang menghina Sultan (Karpal) bebas begitu saja.

Mereka mahu Karpal masuk ke dalam, maksudnya Karpal mesti dipenjarakan. Mereka mahu Karpal diajar. Mulut jangan celupar. Sultan adalah payung orang Melayu. Sultan adalah ketua agama negeri dan Sultan adalah pelindung yang harus dihormati dan bukan untuk dicaci nista seperti yang dilakukan oleh penulis 46 Ahmad Mokhtar terhadap Sultan Pahang dalam bukunya '**Kuasa Rakyat**'. Tapi Pemuda UMNO Pahang tak sehebat Fahmi masa dalam UMNO dulu. Sekarang Fahmi diam bila rakannya hina Sultan Pahang.

Saman Karpal ditolak oleh mahkamah. Walaupun samannya terhadap Sultan Selangor ditolak, tapi imej dan maruah Sultan dicabar dan tercemar. Tabung khas ditubuhkan dan rakyat yang bermurah hati menghulurkan derma untuk membantu membiayai kos guaman Pemuda terhadap Karpal. Apa yang dah jadi pada tabung itu? Masih ada ke tabungnya lagi, Mi? Datuk Harun dan Mazlan takkan tak tahu.

Masa itu seluruh negeri di negara ini semuanya marahkan Karpal. Orang Melayu tak boleh sebut nama Karpal. Ada yang meludah ke tanah dan tak kurang yang mengancing gigi geram. Karpal telah merosakkan perasaan mereka dan lebih dari itu Karpal telah mencabar kedudukan Sultan.

Waktu itu orang Melayu termasuklah Fahmi, Mazlan dan Datuk Harun sendiri menganggap perbuatan Karpal adalah biadap.

Bukan itu saja malah Fahmi sendiri ada membuat laporan dan Pemuda bertindak menyaman Karpal kerana kenyataan kenyataan terbuka beliau menjejaskan martabat DYMM Sultan Selangor.

Itulah antara selingkar kisah dan sandiwara politik yang dimainkan oleh pelakon utamanya Fahmi Ibrahim, Mazlan

Harun dan diarahkan bersama oleh Datuk Harun Idris, selaku pemimpin UMNO yang pernah dianggap sebagai 'God Father UMNO'. Hari ini mereka lebih banyak membuat cerita-cerita '*The Three Stooges*'.

Apa sudah jadi? Apa nak jadi pada mereka yang pandai memainkan isu ini? Orang yang jenis hangat-hangat tahi ayam bolehlah lupa, bagaimana dengan yang betul-betul kasih pada Sultan? Perbuatan Karpal bukan boleh dilupa sehari dua. Perbuatan Karpal bukan boleh dilupakan seminggu, sebulan dan setahun mahupun bertahun-tahun. Mereka tak lupa, mereka ingat dan mereka berfikir. Layakkah Karpal ini diberikan gelaran Hang Jebat Singh? Sejarah akan menentukannya.

Perbuatan pemimpin parti anti Melayu itu tak boleh dilupa sampai ke mati. Malangnya orang yang menentang kuat dan 'leader' waktu itu seperti Fahmi dan Mazlan sudah menjadi manusia 'otak kontot'. Lupa akan tanggungjawab terhadap apa yang dilakukannya dulu. Kalau tak lupa pun buat-buat lupa, lupa kerana ada benda lain yang lebih susah nak dilupakan.

Kini mereka bukan saja boleh ketawa berdekah bersama Karpal, malah boleh berpelukan mesra. Karpal yang dulunya dilihat begitu hina tapi kini seperti abang kandung, seperti adik beradik seperjuangan kerana musuh utama mereka hari ini ialah UMNO. UMNO yang mempertahankan maruah raja-raja dan hanya Karpal Singh saja yang berani menentang raja dan pemimpin Melayu secara terbuka.

Sedih sekali. Inilah yang dikatakan berjuang kerana 3P (Pangkat, perut dan poket). Perjuangan yang bersifat terdesak. Mereka tak peduli apa yang rakyat terpaksa tanggung. Rakyat hanya berguna pada ketika mereka memerlukan sokongan. Selepas mendapat jawatan, persetankan rakyat. Begitu juga yang mereka telah lakukan terhadap UMNO. Mereka adalah kacang-kacang yang lupakan kulit, mereka jadi Yang Berhormat. Fahmi dan Mazlan masih ADUN Negeri Selangor

kerana UMNO, jadi kaya raya hidup macam anak-anak raja kerana siapa, kalau bukan UMNO.

Kini Fahmi, Mazlan dan bapanya, Datuk Harun bersama DAP lanyak UMNO. Amat sedih sekali bila Datuk Harun sendiri boleh membuat pusingan terhadap pendiriannya 360 darjah. Inikah jenis pemimpin yang ada *political conciousness*, yang ada maruah dan yang ada prinsip?

Harun dulunya dilihat sebagai hero Melayu bila tercetusnya 13 Mei 1969. Tapi semua itu luput setelah bersama DAP. Hari ini Fahmi dan Mazlan sikit pun tak ada belas kasihan terhadap UMNO, yang dihina dan dicerca oleh mereka habis-habisan.

Kita tahu, apa yang disuarakan oleh Fahmi dan Mazlan mungkin dari buah fikiran Datuk Harun. Semua tahu Fahmi adalah anak didik Datuk Harun dan Mazlan bukan sekadar anak didik tapi juga anak kandung. Tapi apakah kuah semestinya tumpah ke nasi?

Mereka berdua masuk 46 sama bila Datuk Harun Idris telah menyertai satu-satunya parti politik yang ada nombor, biarpun sepatutnya yang pakai nombor-nombor begini banduan dalam penjara dan para penari joget. Ini kerana Mazlan anak yang baik, dia tak mahu derhaka pada bapanya walaupun bapanya derhaka kepada bangsa Melayu. Bolehkah anak yang macam ini dinamakan anak yang soleh, mengikut kata bapa walaupun terjun ketelaga buruk? Walaupun terpaksa jadi penderhaka pada parti dan bangsa?

Datuk Harun pun bukan lagi wira Melayu. Mana tidaknya hari ini beliau bersekongkol dengan DAP yang pernah mence-
markan martabat Sultan Selangor. Kalau dia sayangkan sul-
tannya, sayangkan bangsanya tentu dia bantah hasrat Tengku
Razaleigh nak berbaik-baik dengan DAP. Ini tidak, dia sokong.
Nampaknya Datuk Harun dah mengikut jejak langkah Tunku,
makin tua makin buat kerja-kerja mungkar yang menghapuskan
jasa-jasanya satu masa dulu.

Cakap Datuk Harun dulu dan sekarang lain sungguh. Kalau dulu, mungkin begini katanya, "*DAP parti anti Melayu, orang Melayu tak boleh terima DAP. Parti DAP parti Cina dan lebih berlambangkan perkauman. Kita orang Melayu jangan sanggup diperalatkan oleh DAP. Payung kita adalah UMNO dan jangan robekkan pelindung kita itu*". Itu dulu.

Tapi sekarang, seperti yang tersiar dalam Mingguan Kota 15 April 1990, lain pula kata Datuk Harun.

Antara lain Datuk Harun kata orang Melayu dah pun boleh terima DAP. Di Selangor dimana dia menjadi Pengerusi 46, Datuk Harun merasakan ramai orang Melayu sokong DAP. Tapi itu cuma perasaan masa pilihanraya kecil kawasan Ampang Jaya, dulu pun Datuk Harun perasan dia boleh menang.

Kadangkala sungguh menghairankan bila kita kaji dan lihat permainan politik orang tua Harun dan anak-anak buahnya ini. Semakin memikirkan tingkah laku mereka semakin kita dilanda kehairanan.

Saya mengenali orang tua Harun ini masa dia masih duduk di kerusi Menteri Besar lagi. Memanglah dia seorang yang popular kerana kelantangannya membela nasib Melayu. Dikaca mata orang-orang bukan Melayu terutama kaum Cina, *Latuk Alun* dilihat sebagai musuh mereka. Kerana *Latuk Alun*lah ramai orang-orang Cina kehilangan sanak saudara apabila meletusnya peristiwa 13 Mei, 1969. Memanglah bukan kerana *Latuk Alun* sendiri saja tetapi semangat yang dibakar oleh Ustaz Harun menyebabkan orang-orang Cina tidak boleh melupakan dosa Ustaz Harun. Panggilan Ustaz Harun ini diberi oleh baginda Sultan Selangor, yang suka panggil Harun sebagai Ustaz Harun.

Dalam beberapa insiden saya masih ingat benar betapa sayangnya orang-orang Melayu pada Ustaz ini, termasuk saya sendiri. Harunlah pencetus revolusi membakar semangat

orang-orang Melayu agar bangun mempertahankan hak mereka. Harun juga mahukan orang-orang Melayu membuka kawasan setingan. Di atas tapak setingan Datuk Harun mahukan lambang UMNO dipacak. Sebab itu bila Harun dijatuhkan hukuman penjara selama enam tahun Sultan Selangor merasa begitu sedih. Baginda Sultan tidak bertindak menarik balik gelaran Datuk dari Harun. Inilah satu keistimewaan baginda Sultan. Baginda tidak mempedulikan desakan orang lain dan baginda amat mengenang budi orang yang pernah berbudi. Kata orang kita berbudi orang berbahasa. Kerana jasa Harun pada Sultan, negeri dan bangsa Melayu pada masa dia menjadi Menteri Besar maka baginda Sultan membiarkan gelaran Datuk yang di anugerahkan pada Harun dikekalkan, biarpun dia telah menjadi banduan. Kepada para penyokong Allahyarham Hussein Onn, perbuatan ini tentulah tidak manis. Kalau orang lain tentulah mereka akan kehilangan Datuk. Mengapa Datuk Harun tidak hilang datuknya? Tak lain tak bukan kerana jasanya sentiasa dikenang.

Rupa-rupanya jasa baginda Sultan kepada Harun seolah-olah tidak dikenang oleh Harun. Datuk Harun seperti tersilau dengan peluang untuk kembali berkuasa lalu terlupa untuk menghukum orang yang menghina baginda Sultan. Nasiblah ada Kiai Arshad yang tampil mengajar Karpal Singh. Mengharapkan Datuk Harun dan kuncu-kuncunya seperti Mazlan, Fahmi, nampaknya seperti mengharapkan Kit Siang memuji Dr. Mahathir yang mana merupakan satu perkara yang mustahil.

Pada pagi itu bila saya membaca berita tentang Karpal mahu menyaman Sultan Selangor, hati saya naik bengkok. Maklumlah Karpal begitu "kurang ajar" sehingga sanggup menghina seorang Sultan seperti Sultan Selangor. Apakah kerana Karpal duduk dan dilahirkan di Pulau Mutiara maka beliau tidak mempunyai perasaan kasihkan seorang Sultan?

Sejak dari hari itu saya ternanti-nantikan samada Datuk Harun secara pribadi mahu mengutuk tindak tanduk Karpal.

Rupa-rupanya dia membatu, diam membisu. Mengapakah agaknya dia mendiamkan diri sedangkan Sultan yang menjadi sahabatnya telah terhina?

Kalaulah Harun menjawab bahawa dia mendiamkan diri kerana pihak media tidak menyiarkan komennya, maka saya cabar mereka membuat kenyataan sekarang. Saya berjanji akan membeli satu halaman akhbar **Utusan Malaysia** ataupun **Berita Harian** untuk memuatkan berita penjelasan Harun.

Inilah cerita pendek yang saya masih ingat bila saya teringat Karpal dan Harun.

Bagi mereka yang masih tidak berapa faham, biarlah saya jelaskan sikap Harun sekarang. Beliau bukanlah Harun yang kita sama-sama kenali. Harun sekarang sudah terlupa dosa lamanya. Kerana terpengaruh dengan kebencian pada Mahathir maka Harun sanggup bersengkongkol dengan Ku Li untuk menjatuhkan UMNO dan kerajaan yang telah memberikan segala kekayaan dan kemewahan yang diperolehinya hari ini.

Harun terpaksa berkata bahawa orang-orang Melayu sudah menerima DAP. Betulkah Datuk? Ataupun hanya cakap main-main aje? Janganlah kerana mahukan kuasa maka Datuk korbankan bangsa sendiri. Saya rasa Datuk masih belum terlambat untuk kembali ke pangkal jalan.

“DAP bukan parti anti Melayu. DAP bukan perkauman sebaliknya MCA, MIC dan UMNO. UMNO pimpinan Dr. Mahathir zalim, “Eh... tup tup dah berubah. Inilah sikap sebenar pemimpin 46 berjuang untuk 3P. Orang macam Datuk Harun ini lebih baik saja duduk dirumah sebelum jadi macam apa yang terjadi kepada Tunku.”

Berzikirlah, baca Quran dan buat amal ibadat yang lain. Ajaklah sama Tunku, Tan Sri Othman Saat, Pak Yem, Haji

Sulaiman Palestin. Jangan asyik nak mengata kat orang. Awak semua sudah sampai keperingkat rumah kata pergi kubur kata mari.

Sulaiman Palestine (Pak Leman) asyik asyik bawa cerita dia semasa di Palestine. Pernah masuk PLO ke? Kenapa tak kata ikut sama hijack kapalterbang? Kalau nak bodek pun patut-patutlah. Pemimpin 46 sendiri pun bukan berkenan sangat dengan Pak Leman. Pak Leman janganlah syok sendiri pulak.

Ada ka pak Leman kata dia ahli nombor tiga dalam UMNO. Mana bukti? Cuba Pak Leman tunjuk. Bercakaplah yang benar tak baik berdusta. Kata lama di Madinah. Takkan tak faham hukum Islam. Di Madinah tu yang tak faham hukum Islam, unta saja. Tahu tak Pak Leman bahawa sebaik-baik pemimpin itu ialah pemimpin yang tidak menipu rakyat dan ikhlas dalam perjuangan.

Ingatlah sama akan hadis Nabi SAW yang mahfumnya;

“Sesiapa dari pemerintah yang memerintah rakyat muslimin tiba-tiba ia mati dalam keadaan menipu mereka itu maka Allah mengharamkannya dari memasuki syurga.”

Pak Leman tak takut ke. Apakah kerana lamanya Pak Leman berada di Mekah dan Palestin, dia merasakan sudah ada lesen besar. Di atas dunia Pak Leman boleh cakap apa yang suka tapi alam kubur esok, tak boleh nak perdaya malaikat.

Apa yang kita lihat, parti 46 di Selangor hidup segan mati tak mahu. Bukan ada tokoh yang berkaliber yang layak diketengahkan untuk jadi pemimpin yang baik. Datuk Harun pun dah jadi botol kosong. Fahmi, Mazlan, Datuk Sanat itupun semuanya dah macam botol-botol kosong belaka. Bertanding kali ini dibawah tiket parti nombor 46, rasanya peluang untuk kalah memang besar. Mazlan dan Fahmi kena ingat yang parti mereka bukannya berjuang untuk kepentingan Melayu. Awak

sendiri pun tahu, apa sebenarnya yang pemimpin 46 perjuangkan? Ramai dari rakan awak adalah terdiri dari mereka yang kecewa kerana minta lesen besi buruk tak dapat, minta AP tak dapat, minta kawasan balak tak dapat dan minta macam-macam lagi tak dapat kerana dulu dah banyak dapat. Ingatlah sama bahawa karier politik mereka yang oportunist akan berkubur selepas pilihanraya umum akan datang. Rakyat sudah celik, rakyat akan sebut-sebut apa yang awak sudah buat untuk rakyat semasa jadi YB dan berapa banyak dari kekayaan rakyat yang dah jadi milik awak?


Karier politik Datuk Harun dah lama hancur bila dia masuk team B melawan team A. 46 dibawah kepimpinan Datuk Harun cuba menyemarakkan kemarahan rakyat terhadap kemurkaan Sultan terhadap Menteri Besar, Tan Sri Mohamad Mohd Taib. Tapi kini usaha mereka tenggelam macam tenggelamnya karier politik Datuk Harun sendiri. Menteri Besar dan Sultan dah berdamai. Keduanya sudahpun boleh hidup seperti anak-beranak.

Apa lagi yang Datuk Harun nak buat. Sultan tetap akan sayangkan menantunya dan peluang untuk 46 cucuk cucuk dah terlepas. Apa yang seeloknya kumpulan parti 46 ini hendaklah bertaubat. Jangan buat kerja yang mungkar. Cucuk sana, cucuk sini hanya untuk memecahbelahkan perpaduan Melayu bukanlah satu kerja yang baik.

Parti 46 Selangor ini bukannya berpengaruh. Cuma dek kerana adanya Datuk Harun, orang Melayu sedikit terangkat. Tapi itu dulu Tok. Sekarang Tok dah diibarat hampir menje-ngah panggilan senja. Datuk dah 'maghrib' sangat dah.

Datuk tahu tak ada pemimpin 46 peringkat bahagian di Selayang contohnya, hati perut mereka seolah-olah dalam UMNO. Tapi kerana nak tunggu habuan, diam buat seketika. Semuanya nak tunggu habuan. Bila Menteri Besar bagi sesuatu baru mereka nak masuk UMNO.

Tak payahlah, kalau rasa nak habuan kenalah usaha sendiri. UMNO tetap kukuh tanpa orang-orang yang dah jadi botol kosong. Keluar masuk parti hanya kerana benda bukannya ikhlas membela nasib bangsa. Ingatlah dalam UMNO hari ini tak ada tempat bagi mereka yang sekadar ada 3P.



Bersiaplah segera untuk mati, kerana ia datang tidak berjanji, tibanya tidak berkaki dan tidak berbunyi, masanya tidak tahu malam atau siang hari, apabila ia menjemput tidak ada tangguh-tangguh lagi, sekalipun kepada raja besar di dunia ini. Sembahyanglah kamu sebelum kamu disembahyangkan.

Satu pemandangan yang biasa di Kuala Lumpur, diperkarangan Masjid Jamek dihari Jumaat. Inilah hasil dari penerapan nilai-nilai Islam dizaman pemerintahan Mahathir.



Musa : Ku, kasi I peluang masuk 46 semula.

Ku Li : Cukuplah Musa, pisang tak akan berbuah dua kali. Kalau tak kerana tipu helah you, I tak lawan Presiden UMNO. You nak selamat you lawan Che Ghafar jadi orang kata I yang jahat, derhaka lawan presiden. Ini semua you punya pasal. Berapa banyak orang punya periuk you sudah kasi masuk pasir. Sekarang you nak tunjuk baik. Sana sini puji Mahathir, you tak gentlemen sudah ludah jilat balik. You tak ada prinsip.

Musa : Itu dulu Ku, sekarang I dah berubah. I betul-betul dah bosan dengan Mahathir - Ghafar, benci dengan UMNO. Mereka sudah tak mahu kasi I bertanding lagi. Ku, dalam perjuangan kita kena buat macam-macam untuk kekal dalam politik. Kita bukan tak ada prinsip bukan nak menipu. Kita cuma gunakan kepintaran saja.

Ku Li : O.K. mungkin I setuju dengan pendapat you. Kita gunakan undang rimba tapi negeri masih ada undang-undang. Macam mana I nak kasi you peluang bertanding. You punya kes rasuah dengan Badan Pencegah Rasuah masih belum selesai. Kes you saman Syed Hussein pun tergantung di mahkamah. You kalau diterima masuk 46 pun kami tak akan kasi bertanding. Dulu sudah jadi Timbalan Perdana Menteri, jadi Menteri Dalam Negeri dipilih jadi Timbalan Presiden UMNO you merajuk, letak jawatan, ikut I keluar parti, masuk semula, sekarang nak keluar. Manusia apa you ni Musa?

BAB DUA BELAS

Musim Siang jadi Malam

Manusia dan musim adalah ibarat lagu dan irama. Cukup punya susah untuk dipisahkan seperti kata Allahyarham Tan Sri P. Ramlee,

Andai dipisah, lagu dan irama, lemah tiada berjiwa hampa...

Irama dan lagu tak dapat dipisahkan kiranya dipisahkan juga maka akan pincanglah ia. Begitulah juga halnya diantara manusia dengan musim dan politik dengan agama.

Di England misalnya, bila tiba musim bolasepak liga Inggeris, 'Soccerfans' (perkataan asalnya *soccer fanatic*) mula menjadi liar. Ada yang sanggup bakar stadium dan bertumbuk dalam padang. Rupa-rupanya Mat Salleh ini lagi buruk perangnya. Buruk-buruk penyokong Melayu pun mereka tak sampai ke peringkat membakar stadium. Dan bagi orang-orang PAS, lebih-lebih mereka membakar surat khabar dan cakap-cakap nak bakar wartawan cuma acah-acah aje. Itu pun dah ribut.

Nampaknya ahli-ahli PAS bakar akhbar sebagaimana masyarakat Cina membakar kertas dihari pengkebumian sebagai hadiah roh simati. Bezanya PAS bakar nak tunjuk marah. Sepatutnya ulamak-ulamak tak bakar kertas kerana mereka gagal mengawal perasaan marah. Bukankah itu kerja yang

membazir, kerja sia-sia. Allah menyuruh orang Islam membaca, PAS bakar bahan bacaan. Nampaknya marah orang PAS macam marah kaum Nabi Ibrahim terhadap Nabi mereka. Bukankah ini menandakan mereka sudah kembali jadi manusia primitif?

Musim bolasepak dan musim ulamak bakar kertas boleh dijadikan satu iktibar kepada mereka yang mahu berfikir.

Bila tiba musim durian lain pula. Mereka yang ada tiga empat batang pokok, buat pondok tunggu durian. Maka berkumpullah sekelian saudara mara yang dulu tak pernah nampak rupa. Musim durian runtuh merupakan musim semua orang mengaku saudara. Durian satu-satunya hasil tanaman orang-orang Melayu kampung yang dinilai begitu tinggi oleh para pengguna Cina di bandar-bandar besar. Dulu orang Cina pajak durian dari kebun-kebun Melayu. Tapi hari ini orang-orang Cina sudah punyai ribuan ekar kebun durian. Pokok-pokok durian tua kepunyaan Melayu sudah tak berguna lagi kerana tak dijaga dan dipelihara. Inilah yang tak disedari oleh anak cucu orang Melayu yang tahu makan hasil dusun tok nenek mereka saja tapi tak mahu menanam pohon durian baru untuk anak cucu di kemudian hari nanti. Ramai yang sudah jual kebun kerana nak cepat hidup mewah.

Melihat telatah para pembeli durian memang seronok di musimnya. Ada yang tengok pangkal buah. Ada yang goncang kemudian dengar macam orang dengan radio transistor. Ada yang goncang sahaja tapi tak dengar. Ada yang tangkap cium durian macam mat gian menghidu dadah. Ada yang tak sempat bawa balik rumah, disitu juga dia belasah. Durian sudah naik harga berlipat kali ganda kerana orang Cina suka makan durian macam juga harga petai. Durian bukan lagi barangan pasaran pembeli tapi sudah jadi barangan yang harganya ditentukan oleh penanam, pemborong dan peruncit Cina. Akhirnya masyarakat Melayu di bandar cuma mampu makan durian borong di kaki lima dan durian-durian buruk ini seka-

dar buat bubur atau tempoyak saja. Tetapi itu pun orang Melayu masih juga tak sedar dan tak mahu balik ke kampung untuk memelihara sebatang dua pohon pusaka yang masih ada, leka nak makan gaji jadi hamba orang di bandar-bandar.

Itu cerita musim durian. Cerita musim cuti sekolah hujung tahun, lain lagi. Lebih suspen. Maklumlah bila tiba musim cuti sekolah, musim orang kahwin pun tiba. Sana sini kita dapat jemputan. Ada banyak sebab kenapa orang Melayu memilih untuk memulakan gerbang perkahwinan dimusim ini. Pertama sebab budak-budak tak sekolah. Senang nak angkut anak beranak balik kampung. Yang kedua senang dapat cuti. Dan yang ketiga hujung tahun ini di Malaysia memang terkenal dengan musim hujan. Bila musim hujan keadaan suhu di persekitaran menjadi lebih sejuk dari biasa. Keadaan seperti inilah yang akan menambahkan suasana meriah di malam pertama.

Seronok. Maksud saya memang seronok bercerita pasal musim. Musim orang kahwin juga adalah musim orang Melayu sibuk berhutang. Mereka membelanjakan wang dengan boros. Hanya untuk meraikan, raja sehari ada orang Melayu yang terpaksa papa setahun.

Di Malaysia kini musim sudah pandai main *acah-acah*, sudah *unpredictable*. Misalnya kalau dulu setiap kali datang bulan November/Disember, hujan turun mencurah-curah sehingga menyebabkan banjir di Pantai Timur, tapi pada penghujung tahun 1989 yang lalu hujan tak turun, kalau turun pun setakat beberapa inci saja walaupun bilik Gerakan Banjir telah dibuka dan telah bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan musim banjir. Keadaan ini samalah seperti masyarakat APU-APU yang bersiap sedia dibilik gerakan masing-masing untuk menghadapi musim pilihanraya. Sayang yang ditunggu tak tiba. Kesian, kecewalah mereka yang tak tahu beringat. Dengar saja guruh dilangit air ditempayan dicurahkan. Dengar saja parti APU-APU nak memerintah semua

masuk bakul APU. Bila habis musim nanti semua kena sapu. Bila tak hujan mereka hot sendiri. Mereka terlupa bahawa musim '*sokong parti*' dan '*musim mengundi*' adalah dua musim yang tak sama. Musim sokong perjuangan parti, musim injit-injit semut, musim mengundi musim menjamin masa depan anak cucu.

Tapi biar bagaimanapun ini buku politik, politik semasa atau '*contemporary politic*' dan bukan buku yang menceritakan tentang musim-musim yang seronok di Malaysia.

Namun dalam banyak-banyak musim, musim kempen pilihanrayalah merupakan satu-satunya waktu yang paling penting dan kritikal buat saya. Sebagai seorang penulis penganalisis, pemikir bangsa, saya diharapkan oleh orang ramai untuk mengeluarkan buah fikiran dan pendapat yang jitu tentang apa-apa yang bakal terjadi. Musim-musim pilihanraya ini samalah macam musim orang perempuan nak melahirkan anak, nyawa saya berada di hujung rambut. Kehidupan saya diancam oleh mereka yang menganggap saya sebagai batu penghalang kepada cita-cita politik mereka. Biar bagaimanapun saya tak peduli, tak hiraukan ancaman dan bahaya itu semua kerana yang penting ialah maruah, nilai bangsa dan negara. Ini semua jauh lebih berharga jika dibandingkan dengan sebatang tubuh saya yang akhirnya akan hancur berkecai menjadi debu. Kemenangan bangsa Jepun melawan Amerika dan sekutunya adalah disebabkan golongan '*kame kazi*' yang sanggup terjun dalam kapal terbang Amerika dan menghancurkan serta membinasakan Armada Tentera Laut Amerika. Semangat inilah yang perlu ada kepada mereka yang mahu mempertahankan agama, bangsa dan negara:

Setiap kali dalam kempen pilihanraya kita akan dapat melihat para pelakon politik berdrama di atas pentas politik. Mereka terlupa yang mereka itu ditonton oleh rakyat jelata, rakyat yang ada akal dan pemikiran. Namun ahli-ahli politik memang selalu terlupa kerana seronok dengan musim bera-

ngan-angan untuk dicalonkan sebagai wakil rakyat. Yang pernah jadi calon, tapi setakat jadi Wakil Rakyat mahu jadi Ahli Parlimen. Yang dah jadi Ahli Parlimen berangan-angan pula nak jadi Setiausaha Parlimen. Yang dah jadi Setiausaha Parlimen, berangan-angan pula nak jadi Timbalan Menteri dan seterusnya menteri bila ada rombakan kabinet nanti. Masing-masing memikirkan kepentingan diri dan angan-angan sendiri saja. Ini tak kira yang sudah letak jawatan, yang sudah bakar jambatan, yang sudah lari ikut boss konon kerana perjuangan. Tentulah lebih dasyat lagi bila berkeadaan gila talak dan gila kuasa.

Beginilah perangai sesetengah orang politik. Masing-masing pandai berdrama. Kebanyakan tokoh-tokoh yang berdrama ini dulunya tidak pernah sampai ke kampung-kampung, hari ini bila sudah tak jadi menteri dah masuk parti bernombor takut nanti hilang nombor lebih-lebih lagi kerana desakan politik. Mereka datang untuk mencari pengaruh kerana orang kampung seronok di musim pilihanraya dapat jumpa macam-macam menteri, bekas menteri, dapat makan *free* dan boleh minta macam-macam terutama bekas-bekas menteri yang sudah jadi botol-botol kosong.

Dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya yang berlangsung beberapa tahun lalu saya telah berpeluang mengikutinya dari dekat. Kebetulan saya tinggal di Taman Melawati. Oleh itu Ampang Jaya merupakan kawasan Parlimen yang saya turut menjadi penghuninya.

Dalam pilihanraya kecil itu yang diadakan kerana wakil MCA mengosongkan kerusi Parlimennya, Datuk Haji Harun Idris bertanding atas tiket Semangat 46. Kononnya Parti 46 yang masih belum berdaftar ini adalah lanjutan dari UMNO lama. Biarlah mereka 'gila talak' dengan UMNO. Yang penting rakyat tahu benar bahawa samada 46 itu parti yang mewakili UMNO ataupun sebaliknya dan terbukti rakyat tak percaya parti bernombor 46 itu adalah parti UMNO asal. Parti UMNO asal mana ada nombor?

Sungguhpun pilihanraya kecil Ampang Jaya sudah berlalu hampir dua tahun yang lalu, namun kenangan tentang peristiwa tersebut masih segar dalam ingatan saya. Masa itu saya sedang menulis buku '**POLITIK SERPIHAN**'. Buku **POLITIK SERPIHAN** kini menjadi sejarah.

Perdana Menteri kita yang dikasihi, Dr. Mahathir ketika itu sedang menghadapi saat-saat genting dalam hidupnya. Beliau sedang menjalani pembedahan pintasan koroneri di Hospital Besar Kuala Lumpur. Rakyat yang kasihkan beliau berasa sedih dan bimbang kalau-kalau Dr. Mahathir akan pergi meninggalkan mereka, kerana ketika itu keadaan politik negara amat bercelaru dan tidak menentu akibat perbuatan 'golongan serpihan'. Itulah istilah yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO beberapa bulan sebelum itu.

Menurut cerita-cerita yang boleh dipercayai, ada diantara musuh-musuh politik beliau dari kalangan orang-orang Islam telah mengadakan upacara sembahyang hajat dan membaca yasin biar Dr. Mahathir cepat berpindah ke alam baqa'. Mereka mahu malaikat maut merentap nyawanya. Kononnya bila Mahathir sudah tiada, negeri ini akan kembali aman, ekonomi akan pulih. Astagarfirullah... apa nak jadi dengan manusia-manusia macam ini. Itulah antara sebab calon parti bernombor itu kalah. Mereka bekas ahli UMNO tak patut buat kerja yang tak betul semata-mata kerana mereka mahu mengambil alih kerajaan.

Dalam kesibukan orang bercakap pasal Ampang Jaya, Datuk Harun lawan Ong Tee Kiat, keadaan Perdana Menteri yang terlantar di wad Hospital Besar, tiba-tiba muncul pula Musa Hitam yang mula-mula bersama 46 sokong Shahrir di Johor Bahru, sokong calon 46 di Parit Raja, sokong Harun di Ampang Jaya, tak semena-mena mengumumkan kemasukan beliau ke dalam UMNO. Rupanya ramai manusia-manusia hipokrit yang menganggap diri merekalah yang layak jadi Perdana Menteri

sekiranya Dr. Mahathir mati ketika itu. Ikhlas dan jujurkah perjuangan para pemimpin seperti ini?

Tapi malangnya orang yang diharapkan mati, tak mati. Sebaliknya orang yang diharapkan hidup pula yang mati. Datuk Harun tewas di Ampang Jaya dan ini sekaligus mematikan karier politiknya. Cuma Datuk Harun tak sedar yang karier politiknya sudah lama mati. Harapan golongan Semangat 46 Johor dan kawan-kawan mereka yang bertanding atas tiket bebas juga mati apabila Musa Hitam mengumumkan kemasukan beliau ke dalam UMNO. Tapi Mahathir bukan sahaja tidak mati, malah menjadi semakin kuat. Orang yang sudah hampir-hampir bertemu dengan malaikal maut ini, biasanya kalau tak mati, bila pulih akan menjadi bertambah gigih dan panjang umurnya.

Begitulah peristiwa dan musim yang menyelubungi pilihanraya kecil Ampang Jaya. Ketika itu boleh dikatakan setiap malam saya pergi mendengar ceramah anjuran parti-parti politik. Dalam majlis-majlis yang saya hadiri itu saya dapati mood orang-orang yang datang mendengarnya ada berbagai-bagai.

Misalnya, pada satu malam seorang lelaki tua yang berada di sisi saya mengeluh dan berkata:

“Saya datang nak mendengar apa keistimewaan 46, apa perubahan yang akan dibawa kalau mereka menang, rupa-rupanya mereka asyik memaki hamun orang-orang UMNO. Bukankah orang-orang UMNO pun orang Melayu juga. Bukankah mereka pun asalnya orang UMNO”.

Saya tersentak bila mendengar hujah orang tua yang saya kira tidak menyertai mana-mana pertubuhan politik itu. Saya perhatikan wajahnya. Belum sempat saya bercakap, orang tua itu sudah pun menyoal lagi: “Awak ni penyokong 46 juga ke?”

“Tidak.” jawab saya dengan ringkas.

“Kalau bukan penyokong 46, sokong siapa?..”

“Saya saja datang nak dengar cakap-cakap orang politik. Kita kena dengar apa kata pembangkang seperti juga kita mesti dengar apa kata kerajaan. Kita inikan ada dua telinga, ada akal. Kita fikirlah yang mana betul. Betul tak pak cik?”

“Betul..... “, jawab pak cik itu.

Dia tersenyum-senyum. Begitu juga saya. Kami saling memahami apa yang berlaku di atas pentas politik pada malam itu.

Penceramah yang membuka temberang pada malam itu tidak lain dan tidak bukan dari Haji Sulaiman Palestin. Siapa tak kenal Sulaiman Palestin, orang desperado yang sanggup buat apa saja untuk jadi hero, seronok kalau dapat perhatian. Orang tua yang sudah sakit ini, (sakit macam-macam sakit) memang pandai bercakap, apa lagi berkenaan agama, tetapi cakap lain, perbuatan harian tak sama, lebih hebat dari orang jual ubat dengan khutbahnya. Geng kaki cakap tak serupa bikin, kalau tanya orang sekelilingnya mereka tahu benar siapa orang tua ini. Saya tahu Pak Lemman ini orang frust. Saya tahu yang anda pembaca juga tahu. Selama ini dia tersisih dari perjuangan UMNO. Apakah beliau seorang yang benar-benar warak, seorang yang soleh? Orang-orang UMNO sudah tidak mahu menerimanya. Masyarakat Melayu pun sudah mula tidak lagi memperdulikan beliau. Jadi dia terpaksa mencari dahan baru untuk berpaut. Dapat 46, peluk saja macam orang lemas peluk kayu reput. Pada hal 46 sendiri sudah mula memikirkan yang beliau adalah satu *'liability* bukan *asset*'. Beliau ini sama macam Tunku dan Tan Sri Othman Saat.

Malam itu Pak Lemman menceritakan kebanggaannya kerana duduk begitu lama di Mekah. Pak Lemman ingat orang

yang duduk lama di Mekah itu alim? Warak? Soleh? Berapa ramai **malaun**, **harami** dan bahagal? Mungkin Pak Leman seorang yang alim, dia ingat bila dia lawan Tun Hussein Onn dulu dia dapat sesuatu habuan yang besar. Tapi satu abuk pun tak dapat. Dia kena main, kemudian dia baru tahu, menyesal tak guna. Geli pula hati saya tengok telatah Pak Leman ini. Ego sangat orangnya. Zaman dia dalam UMNO dulu tak ramai orang yang boleh guna Al-Quran dan Hadith lagi pun dia lama di Mekah. Kalaulah nak dibandingkan lamanya Haji Sulaiman dengan **unta**, rasanya **unta-unta** di padang pasir lebih lama mendiami bumi Arab itu. Tapi **untapun** masih tetap **unta juga**, masih tidak pandai-pandai juga. Kesian Haji Leman terlupa bahawa orang yang berilmu tak bangga diri, tak jadi hamba politik, dia jadi hamba Allah yang baik.

Di samping temberang, *maki hamun*, *cerca*, *kata nista*, *sumpah seranah* Pak Leman, saya juga sempat mendengar ceramah Datuk Harun. Wajahnya agak tua, memang pun dia sudah tua. Malam itu dia memakai baju Melayu dan berkain pelekat. Songkok hitam terletak di atas kepala, konon nak menunjukkan yang dia adalah orang tua yang baik, dapat sesuaikan diri dengan orang Melayu di kawasan setingan.

Sejak dibebaskan dari Penjara Pudu saya mendapati keadaan Datuk Harun bertambah sihat. Barangkali dengan udara di luar, makanan dan juga kawan-kawan disekeliling membuatkan dia senang hati. Saya mengenali Datuk Harun sejak dia menjadi Menteri Besar Selangor lagi. Dalam peristiwa 13 Mei, Datuk Harun dianggap hero Melayu. Sebut saja nama Datuk Harun, orang-orang Melayu sudah naik bulu roma. Sebut saja nama Datuk Harun, orang-orang Cina naik hot dan marah. Hari ini sebut nama Datuk Harun kita malu nak cakap, baik sikit nama botak Chin.

Dikalangan orang-orang Cina, dosa Datuk Harun tidak boleh dilupakan. Bagi mereka Datuk Harunlah yang menyebabkan mereka menderita. Sebab itulah bila Datuk Harun

dicalonkan bertanding didalam pilihanraya Ampang Jaya, ada pemimpin DAP yang tidak dapat menerima keputusan 46 itu. Mereka merasakan pemilihan Datuk Harun adalah kesilapan besar yang telah dilakukan oleh 46. DAP tahu pengundi keturunan Cina tidak akan menyokong beliau tapi hari ini pemimpin DAP tetap juga berkerjasama dengan APU, dimana Harun masih mahu jadi calon, tapi DAP tak boleh buat apa-apa, belum sampai musimnya lagi nak buang orang tua macam ini. Tunggulah musimnya nanti, musim Kit Siang jadi Timbalan Perdana Menteri.

Kata-kata DAP itu terbukti didalam pertandingan itu. Hampir 95 peratus pengundi Cina keluar menyokong calon **Barisan Nasional**. Mengapakah mereka keluar begitu ramai menyokong Ong Tee Keat? Mengapa mereka yang tidak senang dengan kerajaanpun turut sokong Ong? Kenapa? Ini membuktikan masyarakat Cina bersatu. Di sini saja kita sudah boleh faham. Tak perlu kita kupas dengan panjang lebar. China seberang laut di mana bumi pun mereka berada, mereka tetap bersatu atas semangat kechinaan untuk kepentingan masyarakat mereka.

Saya rasa Datuk Harun sudah terlajak begitu jauh sehingga tidak dapat membezakan antara kebatilan dan kebenaran. Padahal semasa di dalam tahanan dulu beliau adalah orang yang berpegang dan yakin bahawa '*bila timbul kebenaran yang batil akan gugur dengan sendirinya*'. Cuba Datuk jawab mengapa Datuk kalah di Ampang Jaya? Bukankah Tuhan telah tunjukkan satu kebenaran? Apakah Datuk tak buat post mortem? Tidakkah kekalahan itu kerana DAP tidak keluar berkempen untuk Datuk dan orang-orang Cina, walaupun mereka penyokong kuat DAP, tapi tetap tidak mengundi Datuk? Kenapa? *Pelanduk selalu lupakan jerat tapi jerat tetap tak lupa pelanduk.*

Ini ada satu ingatan untuk Datuk dan anak-anak buah Datuk yang pada saat dan ketika ini sedang *menelanjangkan, mendedahkan dan membuka segala pekong, kudis dan nanah*

yang ada pada tubuh para pemimpin UMNO. Mereka bongkar segala rahsia sulit orang Melayu dan UMNO, semata-mata untuk cari populariti. Mereka dari geng 46 lakukan ini di khalayak para pemimpin Cina dan India. Apakah tidak mungkin Datuk atau juga anak-anak buah Datuk satu hari nanti kembali semula ke pangkuan UMNO? Lupakah Datuk bahawa kumpulan Datuk masih cintakan UMNO, masih perlukan UMNO, tanpa UMNO Datuk dan anak buah Datuk entah dimana siapapun tak menyoalnya. Datuk dan puak-puak Datuk cuma tidak senang dan membenci sebahagian daripada pucuk pimpinan yang ada didalam UMNO hari ini saja. Apakah kerana perasaan kecewa dan tak dapat hajat di hati mesti berpatah arang berkerat rotan? Kumpulan Datuk ibarat orang bercerai talak satu. Sesudah hidup berpuluh tahun bersama, telah pula mempunyai beberapa orang anak cucu, bercerai kerana gigi dan lidah yang tergigit. Maka wajarkah keburukan dan kepincangan teman hidup yang sudah jadi sebahagian daripada darah daging kita, dibiarkan untuk jadi tontonan orang ramai? Di bawah ini ada saya petik mutiara kata dari Sydinna Ali bin Abi Talib R.A untuk renungan Datuk dan anak-anak buah Datuk serta ahli-ahli Semangat 46:

“Sungguh tak patut seseorang membanggakan dirinya sendiri sedangkan pada awalnya ia adalah setitis nuthfah (airmani) dan pada akhirnya ia menjadi bangkai. Tiada ia mampu memberi rezeki bagi dirinya sendiri dan tiada ia mampu menolak kematian yang akan menimpanya.

Allah mewajibkan atas orang jahil agar ia belajar, sebagaimana Ia mewajibkan atas orang yang pandai agar mengajarkan kepandaiannya.

Cintailah orang yang kau cintai sekadarnya saja, siapa tahu pada suatu hari kelak, ia akan berbalik menjadi orang yang kau benci. Dan bencilah orang yang kau benci sekadarnya saja,

siapa tahu pada suatu hari kelak ia akan menjadi orang yang kau cintai.

Apakah Datuk tak tahu orang Melayu yang macam manakah yang menyokong DAP? Cubalah Datuk terangkan sikit. Apakah orang-orang Melayu yang *kecewa kerana perniagaan, bankrap, tak dapat tender kerajaan, diketepikan dari menjadi calon*, dan sebagainya atau orang Melayu yang benar-benar berjiwa Melayu? Datuk sendiri dan anak buah Datuk adalah contoh yang baik. Kenapa dulu memusuhi DAP? Ini yang tidak disedari oleh pemimpin dan pengikut 46, samada Ku Li, Rais Yatim, Manan Othman, Pak Seman, Marina dan yang lain-lain. *Orang-orang ini bila dapat kerusi, dapat AP besi buruk, AP kereta, dapat kawasan balak, anak mereka diberi pekerjaan, secara automatik mereka akan tinggalkan 46.* Pertama apabila kerusi-kerusi menteri yang dikosongkan dulu dikembalikan kepada mereka.

Dalam perjalanan pulang ke rumah saya sempat singgah di sebuah warong untuk menikmati teh tarik. *'Teh tarik'* ini adalah minuman kegemaran saya. Saya berbangga kerana hari ini orang-orang Melayupun sudah pandai buat *teh tarik*, yang standardnya setara dengan *'teh-teh tarik'* yang dibuat oleh mamak-mamak, malahan ada *teh tarik* orang Melayu yang lebih sedap, sebab itu ramai orang Melayu yang suka minum di kedai Melayu.

Sambil minum saya memerhatikan sekeping poster yang bertajuk "**Barisan Baru Menteri-menteri kabinet Malaysia 1991**" yang kebetulan dijadikan alas meja oleh pemilik warong itu. Wajah mereka dalam poster itu macam wajah orang-orang yang kalah perang. Wajah **Kit Siang** dan **Rais Yatim** tak berapa jelas sebab terkena kicap yang tertumpah. Saya tak tahu siapa yang membuat poster kabinet bayangan itu. Ada orang kata ia dibuat oleh UMNO untuk memburuk-burukkan pemimpin 46 yang konon sedang mendapat sokongan rakyat. Betul atau tidak dakwaan ini, tak pula saya tahu. Lagi pun itu kabinet olok-olok. Buat apa nak buang masa siasat

benda yang olok-olok. *Survival Melayu bukan masalah olok-olok. Politik pula bukan macam main pondok-pondok.*

Namun biar bagaimana ada juga yang percaya dan mendakwa ia dibuat oleh 46 ataupun penyokong parti itu kerana mahu menarik undi orang-orang Cina. Sebenarnya memang malas saya nak mengulas siapa yang sebetulnya membuat poster ini. Tapi apa yang menarik minat saya ialah tentang komposisi kabinet itu yang terdiri dari tokoh-tokoh 46, PAS dan DAP.

Dalam kabinet itu Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Perdana Menteri kerajaan APU. Dan Lim Kit Siang pula ialah Timbalan Perdana Menteri kerajaan APU. Katakanlah kabinet ini dibuat oleh UMNO, apakah kita tidak boleh mempercayainya? Kalaulah kerajaan APU berkuasa apakah tidak mungkin Kit Siang tidak mahu jadi Timbalan Perdana Menteri? Mustahil dia tak mahu.

Setelah berada di luar kerajaan, Kit Siang mengalami bermacam-macam cabaran dan dugaan sebagai ahli pembangkang yang kontroversi. Dua kali dihantar dan terseksa di dalam kem *Kemunting*, bukanlah pengalaman yang manis buat Kit Siang. Bolehkah Kit Siang lupakan begitu saja? Apakah tidak terlintas dihatinya kalau dia berkuasa nanti ramai pula pemimpin-pemimpin Melayu yang cuba memperjuangkan hak mereka akan dihantar ke *Kemunting*. Kalau tak ada pemimpin-pemimpin baru yang boleh dijadikan mangsa, pemimpin-pemimpin lama yang bertanggungjawab merihatkan beliau di *Kemunting* sudah tentu turut dipertimbangkan. Menyimpan dendam kesumat ini merbahaya, *tak dapat tanduk telinga dipulas*. Tapi itu adalah kebiasaan manusia. Karpal Singh pun yang telah bercuti panjang di dalam kem tersebut tentu mempunyai senarai barisan orang-orang UMNO yang bakal berihat di situ. Bila sudah begini jadinya, barulah agaknya orang Melayu mula meratapi dan merindui semula UMNO. Tapi apalah gunanya lagi, UMNO sudah menjadi bubur.

Musim pilihanraya umum kian menjelang tiba. Sana sini orang asyik bertanya bila tarikhnya? Ada yang rasanya sudah tak sabar nak menang pilihanraya. Ada juga yang sudah kehabisan tenaga tak dapat bertahan lebih lama. Dan seperti yang saya katakan juga, bila musim begini tiba ramailah orang yang bermimpi dan berangan-angan. Jadi untuk ini eloklah rasanya saya bawa anda pembaca kepada satu dunia, dunia yang dipanggil alam khayalan atau '*the world of makes believes*', atau lebih tepat lagi dunia siang yang tiba-tiba menjadi malam.

Katakan barisan kabinet dalam poster yang saya lihat dan saya percaya ada diantara anda juga yang telah melihatnya, menjadi kenyataan dalam Malaysia yang terletak di dunia khayalan ini. Apakah agaknya bentuk kerajaan Ku Li? Apakah Ku Li akan menubuhkan kerajaan '*sekular*' seperti kerajaan yang ada ataupun kerajaan *Malaysian Malaysia* seperti yang diperjuangkan oleh DAP atau *kerajaan Islam* yang dikehendaki oleh PAS?

Ku Li mempunyai tiga pilihan. Di lihat daripada latarbelakang Ku Li sendiri, saya merasakan beliau akan menubuhkan kerajaan mengikut *ala kerajaan Barisan Nasional*. Kerajaan yang ada bukanlah tidak baik, Ku Li percaya kerajaan yang adapun baik. Yang tidak baik pada anggapan Ku Li ialah Dr. Mahathir kerana Ku Li nak jadi Perdana Menteri. *Kalau Ku Li kata Mahathir baik macam mana dia nak jadi Perdana Menteri*. Jika Ku Li yang menjadi Perdana Menteri kerajaan Barisan Nasional sudah tentulah beliau setuju. Hari ini juga dia akan bubarkan parti yang pakai nombor itu, tak payah nak susah-susah berlawan di pilihanraya.

Oleh itu saya rasakan Ku Li akan berusaha untuk mewujudkan kerajaan APU seperti kerajaan yang ada.

Tetapi apakah Kit Siang dan Fadzil Noor akan bersetuju? Apakah mereka yang berlainan ideologi ini akan akur kepada kehendak Ku Li?

Jawapannya tentulah tidak. Mustahil Kit Siang akan merestui kerajaan *sekular ala UMNO* yang hendak dibuat oleh Ku Li. Kit Siang yang sudah masuk keluar kem Kemunting tentulah mahukan sebuah kerajaan yang dasarnya sejajar dengan perjuangan DAP. Tentulah Kit Siang mahukan konsep *Malaysian Malaysia* menjadi asas kerajaan APU. Kit Siang tentu mahu mengikut konsep kerajaan PAP Singapura. *Di bawah payung perlembagaan kerajaan ini semua rakyat Malaysia, orang-orang Cina, Melayu, India, Serani, dan sebagainya mempunyai hak yang sama rata. Tak ada siapa yang istimewa. Kenapa orang Melayu mesti diberi keistimewaan?*

Bagi Kit Siang, orang-orang Cina pun patut mendapat hak yang sama termasuk juga hak keistimewaan Melayu yang termaktub dan dijamin oleh Perlembagaan. Begitu juga dengan orang-orang India yang diwakili oleh P.Patto dan kaum Sikh yang diwakili oleh Karpal Singh. Yang mereka marah sangat hari ini bukan kerana masyarakat yang mereka wakili itu diperbuat seperti rakyat kelas dua. Tapi yang menyebabkan mereka marah sangat ialah kerana tak dapat kuasa. Kiranya mereka mendapat kuasa, bagaimana agaknya bentuk dan cara memperseimbangkan keadaan yang kononnya tak seimbang ini? Apa yang pasti *nepotisme akan berulang, keluarga dan geng-geng mereka saja yang dilayan macam Tunku Putra di zaman Barisan Nasional memerintah*. Dan dengan konsep *Malaysian Malaysia, sama rata, sama rasa, sama hak, sama segala-galanya, tak mustahil ada pemimpin DAP dari golongan Sikh, India atau China yang mahu menjadi Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri*. Bayangkan bila mereka ini duduk semeja dengan raja-raja Melayu dalam sidang Majlis Raja-raja. Apakah nanti Tuanku-tuanku tidak akan merasakan adanya *'thorns among the roses'*. Tapi itupun kalau Raja-raja Melayu masih lagi boleh bersidang, masih lagi diberikan kedudukan seperti yang mereka nikmati ketika UMNO dan Barisan Nasional memerintah negara ini. *Kita harus ingat bahawa di dalam Parlimen yang baru itu UMNO dan parti-parti komponen dalam Barisan Nasional bukan lagi parti yang memerintah*

tapi merupakan parti pembangkang yang tidak mampu lagi menentang usul meminda Perlembagaan termasuk fasal yang menyentuh keistimewaan raja-raja.

Dalam kerajaan yang baru ini Kit Siang tentulah juga mahukan dasar pendidikan negara digubal sesuai dengan aspirasi rakyat berbagai kaum di negara ini. Dalam konteks ini Kit Siang tentulah mahukan lebih ramai lagi anak-anak Cina mendapat pendidikan universiti. Kalau maksud Kit Siang boleh dimengertikan ia mahukan sistem kuota dimansuhkan. Sistem yang bakal menggantikan sistem lama ini akan berasaskan sistem 'merit'. Sekiranya anak-anak Cina lebih cerdik daripada anak-anak Melayu maka peluang ke universiti akan diisi oleh anak-anak Cina. Anak-anak Melayu yang tidak berapa cerdik tidak boleh masuk ke universiti. Nampaknya anak-anak Melayu berpeluang belajar setakat SPM sahajalah. Nak masuk MARA pun MARA bukan macam dulu lagi. Di bawah konsep Malaysian Malaysia, tempat anak-anak Melayu sudah tinggal 33 peratus sahaja.

Dalam bidang ekonomipun sama juga. Dasar Ekonomi Baru yang digubal oleh Tun Razak ekoran trajedi berdarah 13 Mei, 1969 akan dimansuhkan. Dibawah sistem baru, galakan yang diberikan kepada kontraktor bumiputera sudah tentu di tarik balik. Semua tender akan diberikan kepada kontraktor bukan Melayu, tak kira kelas A atau kelas F, atau apa pun pecahan kepalanya. Sampai pecah kepala pun kontraktor Melayu tidak akan mendapat tender kerana TPU sudah tidak ada lagi. Ketika itu Yahya Ismail pun tak ada peluang nak kritik SEDC dan Wan Mokhtar.

Berasaskan pemerintahan sama rasa dan sama rata ini, tidak mustahil kiranya saham-saham ASN dan MARA ini dibuka kepada semua kaum. Dan tidak mustahil juga saham-saham Bank Bumiputra dan lain-lain bank serta badan-badan korporat milik orang Melayu bertukar tangan. Dalam keadaan yang semacam ini, sudah tentu FIC (Jawatankuasa Modal

Asing) dan CIC (Jawatan kuasa Pengeluaran Modal) tidak lagi memerlukan syarat modal dan khidmat pengarah bumiputera dalam perusahaan-perusahaan yang membabitkan kelulusan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut. Orang Melayu yang mahu berniaga ataupun yang sedang menguruskan perniagaan terpaksa menyemak semula kemudahan bank dan 'credit line' yang boleh digunakan kerana dalam *Malaysian Malaysia* ini, portfolio pinjaman dan garis panduan Bank Negara sudah tentu dipinda untuk mencerminkan Dasar Ekonomi Baru 11 ini. *Maka tak ada lagilah usahawan Melayu yang boleh mengharapkan belas kasihan Kerajaan. Dapat duit nak joli beli kereta baru, kahwin satu lagi, nak seronok bercuti ke luar negeri, nak enjoy duit dari bank sorry. Jangan mimpilah.*

Disamping kerajaan pimpinan Ku Li akan terpaksa menghapuskan perkataan '*Tawaran Khas Untuk Bumiputera*'. Dan mungkin, saya rasa pasti, perkataan '**BUMIPUTERA**' itu sendiri akan hilang makna yang asal kerana mengikut para pemimpin-pemimpin DAP, setiap warga negara yang dilahirkan di Persekutuan selepas 31 Ogos 1957 dengan sendirinya menjadi '*bumiputera*', tak kira mereka itu dari kaum Melayu, China atau India. Dan kalau tak ada bumiputera tak adalah Tengku Putera dan Raja Putera. Kalau ada yang tinggal pun cuma Tuanku Syed Putra. Sebab itu memang nama Baginda Raja Perlis, Tuanku Syed Putra.

Di kala itu menangislah bangsa Melayu tanpa lagu dan irama. Lagu sudah terlepas dari irama. *Barang yang lepas tak guna di kenang, kalau dikenang, memanglah air mata berlinang.* Ini semua tidak mustahil kerana penyerahan yang semacam ini telah dibuktikan oleh Tunku Abdul Rahman sendiri. Dulu semasa Tunku jadi Perdana Menteri, dia lepaskan Singapura ke tangan PAP. Kalau Ku Li jadi Perdana Menteri, tak mustahilkah beliau mengikut langkah Tunku dan tunduk di bawah telunjuk DAP. Sekiranya keadaan memaksa Ku Li terpaksa lakukan demi rakan kongsinya, Kit Siang dan DAP yang mempunyai hak yang sama dengan bumiputera kerana mereka pun bumiputera juga, cuma bukan Melayu

saja. Lagi pun Ku Li orang bujang, orang bujang tak perlu fikir panjang-panjang. Sekarang pun Ku Li bersetuju menjadikan Kit Siang sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dan tak mustahil Menteri Besar Perak pun pemimpin DAP juga. Kalau ia pun orang Cina dan orang Melayu kan sudah macam abang adik.

Itu baru saja menyentuh dari hal kepimpinan dan pemimpin-pemimpin negara yang akan berubah warna dan wajah. Bagaimana pula tentang rakyat biasa? Apakah mereka juga tidak akan bertukar warna dan corak?

Sebagai contoh, kita ambil sahaja peneroka-peneroka rancangan FELDA misalnya. Nak kata saya ke rancangan FELDA setiap bulan itu, bohonglah. Tapi waktu muda-muda dulu selalu juga saya ke sana sebab ada kawan-kawan yang memilih untuk jadi pegawai dan pengurus. Tapi masa itu kawasannya masih lagi teruk. Jalan berturap aspal belum ada. Kalau ada pun setakat jalan tanah merah saja. Saya masih ingat macam mana kereta saya yang berwarna putih bertukar menjadi oren bila keluar dari tanah rancangan. Waktu itu orang FELDA mana mampu pakai kereta. Basikal cabuk adalah.

Hari ini keadaan sudah jauh berubah. Jalan tar sudah dibina. Begitu juga dengan infrastruktur yang lain-lain seperti api, air, telefon, sekolah, balairaya dan sebagainya. Tak ada lagi mandi diperigi dan tak ada lagi peneroka yang tak dapat tidur malam sebab diganggu oleh bunyi generator Kubota. Ada juga yang sudah mampu pakai kereta. Kalau sekadar motosikal Honda Cup, mereka pakai buat pergi potong buah saja. Begitulah nikmat yang didapati oleh kaum peneroka, nikmat yang tidak termimpi oleh mereka satu waktu dulu, tapi berapa ramai yang bersyukur? Bersyukur kepada Allah kerana nasib sudah bertambah baik?

Tapi hari ini sudah wujud kumpulan peneroka yang tak berminat lagi menanam kelapa sawit. Sebaliknya mereka lebih gemar berpolitik dan menanam hasutan supaya pene-

roka-peneroka lain turut menentang kerajaan dan menyokong APU. Inilah terjadi bila manusia tah tahu bersyukur, tunggulah balasan dari Allah nanti.

Mereka yang sudah jadi *ibarat kacang lupakan kulit* mempertikaikan dasar FELDA hinggalah menganggap kerajaan berat sebelah. Mereka mahukan UMNO yang telah memberikan mereka tanah ditewaskan di dalam pilihanraya umum akan datang. *'Marahkan nyamuk kelambu dibakar'*

Kepada saya memanglah menjadi hak sesiapa saja untuk mengeluarkan pandangan asalkan ia bertujuan mencari kebaikan, bukan menambahkan lagi masalah. Tapi soalnya apakah menentang kerajaan itu satu kebaikan? Apakah golongan ini serius dalam menganggap bahawa Ku Li, Rais Yatim, Marina benar-benar mahu membela nasib mereka? Sedang nasib mereka (Ku Li dan rakan-rakannya) sendiri pun masih dalam keadaan untung sabut timbul untung batu tenggelam. Kasihan.....

Sejak skim Felda dilancarkan oleh kerajaan ada orang-orang Cina merasa iri hati. Tetapi kerana waktu itu UMNO kuat maka pihak lain tidak berani mempertikaikan dasar kerajaan. Tapi sekarang bila orang-orang Melayu sendiri menentang UMNO maka orang-orang Cina pun turut sama seronok.

Contohnya seorang penulis tetap didalam akhbar **'The Star'** telah menulis kejayaan Felda hingga menjadi model. Dan banyak negara-negara didunia cuba meniru skim Felda tetapi mereka gagal. Kejayaan ini telah menaikkan imej Malaysia. Tapi skim Felda seperti sekarang yang memberi keistemewaan kepada orang Melayu akan terhapus dengan terbentuknya *Malaysian Malaysia*. Felda *Malaysian Malaysia* akan memperlihatkan persaingan hebat diantara tiga kaum. Felda *Malaysian Malaysia* akan membawa pertelingkahan siapakah yang berhak mendirikan *masjid, tokong* atau *kuil* diatas tempat-tempat tertentu? Felda *Malaysian Malaysia* akan me-

nyaksikan perarakan *Chengge, Wel Wel* disamping perarakan *Maulidir Rasul*. Felda Baru akan berubah corak dan warnanya. Felda Baru akan menjadi ibarat belukar dimana *enau-enau cuba melepaskan pucuknya masing-masing*.

Kalau kaum Cina telah berjaya dibidang perniagaan maka tidak mustahil bagi mereka untuk berjaya dibidang penerokaan rancangan kelapa sawit. Dengan kerajinan dan kepintaran mereka, maka mereka akan mengatasi orang-orang Melayu didalam skim Felda. *Waktu itu kita tak harus menyalahkan UMNO kerana yang membuka pintu Felda kepada kaum Cina bukanlah orang-orang UMNO tetapi Semangat 46 dan PAS dan segelintiran peneroka yang meniupkan api hasutan kedalam jiwa peneroka-peneroka lain supaya bencikan kerajaan yang ada dan tukarkan kepada kerajaan APU-APU*.

Memanglah konsep *Malaysian Malaysia* ini baik sekiranya Tanah Melayu ini ditemui bersama-sama satu waktu dulu oleh orang Melayu, China dan India sebagaimana orang Inggeris, orang Perancis dan orang Sepanyol menemui Amerika Syarikat. Tapi orang Melayu, Raja-raja Melayu, Menteri-menteri dan para hulubalang Melayu dan keistimewaan penghuninya yang mana nama negara ini diambil sudah lama termaktub sebelum adanya UMNO lagi. Apakah Ku Li sanggup mengadaikan sistem Melayu yang selama ini menjadi teras kebanggaan orang-orang Melayu di negara ini? Tapi demi kuasa, Ku Li terpaksa sanggup kerana kawan-kawan dalam APU telah setuju. Ini nanti akan jadi '*collective responsibility*'.

Bukan setakat menjadikan Malaysia adil untuk semua rakyat jelata, Kit Siang juga tentu mahu memastikan pembinaan masjid, surau serta gereja-gereja sama banyak. Kalau 10 buah masjid hendak didirikan maka mestilah juga didirikan 10 buah gereja dan 10 buah kuil. Ia dibuat atas nama keadilan. Contohnya apa yang berlaku di Sabah, atas nama keadilan banyak gereja tumbuh sejak PBS berkuasa. Kita tak boleh marah kerana negara kita mengamalkan konsep kebebasan beragama. Tapi untuk apa gereja dibina: untuk politik business atau agama.

Berapa banyak gereja yang sudah dijual di England kerana tak ada penghuni dan gunanya.

Dan yang bertambah nyata ialah Kit Siang tidak mahu sebuah kerajaan Islam diwujudkan. Perkara ini telahpun beliau kemukakan kepada rakyat Malaysia dan kepada wakil PAS. Tetapi nampaknya wakil PAS setakat memberi 'warning' kosong saja. Tidak lebih dan tidak kurang. Biar saya ulas sedikit komen Fadzil Noor berhubung kenyataan Kit Siang dan juga Karpal Singh berhubung penubuhan sebuah kerajaan Islam oleh PAS.

Kata Ustaz Fadzil Noor PAS tidak akan mengeneipkan matlamatnya untuk menubuhkan kerajaan Islam. PAS tambahannya akan terus berjuang untuk mengwujudkan kerajaan Islam seperti yang terdapat didalam perlembagaan PAS.

"It does not shock us if Mr. Karpal Singh does not understand as UMNO too does not understand" kata Fadzil kepada wartawan The Star pada 10 Mei lalu.

Lihatlah betapa ceteknya fikiran tokoh PAS ini. Mengapa sekarang baru nak buat kenyataan berhubung perkara ini. Apakah kerana rakyat sudah mula sedar tembelang PAS maka barulah parti itu cuba untuk membersihkan diri. Mengapa tidak buat penjelasan dulu-dulu lagi?

Jika kenyataan Fadzil boleh diambil sebagai panduan maka PAS dan DAP akan terus bercakaran didalam kabinet baru Ku Li. Kalau didalam kerajaan hari ini, MIC dan MCA serta lain-lain parti menghormati UMNO kerana UMNO memiliki 84 kerusi, MCA memiliki 17 kerusi dan MIC memiliki 4 kerusi tetapi akan berlainan didalam kerajaan Angkatan. DAP dan PAS akan terus bercakaran kerana DAP parti akan mendapati 40 kerusi dan PAS juga meramalkan akan mendapat 40 kerusi dan 46 juga merasakan yang mereka boleh menang 40 kerusi. Antara tiga parti-parti yang bercantum ini, semuanya sama-sama kuat.

Namun biar bagaimanapun, untuk menguatkan kedudukan DAP dan menyegerakan pelaksanaan dasar Malaysian Malaysia ini, tidak mustahil sekiranya DAP akan cuba memiliki kerusi-kerusi 46 dan PAS sebagaimana yang PBS lakukan terhadap kerusi-kerusi USNO dan Berjaya di dalam pilihanraya yang lalu. Dan dalam ekonomi pemimpin Melayu yang semakin tertekan, ini semua tentu tidak mustahil. Apa lagi kalau kita mengambilkira adanya pemimpin-pemimpin Melayu dan tokoh-tokoh kesatuan sekerja yang pernah termakan pujukan DAP.

Dan sebagai alternatifnya, melalui pengaruh wang dan lain-lain, DAP boleh juga mempelawa parti-parti di Sabah dan Sarawak bergabung untuk membentuk sebuah kerajaan baru.

Melihat dari keadaan ini, orang sudah tentu bertanya kalau PAS tidak sebulu dengan DAP mengapa pula mahu membuat pakatan untuk menjatuhkan kerajaan berteraskan ketuanan Melayu dan yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara ini? Cakap tak serupa bikin.

Jawapannya ialah PAS bernafsu besar mahu merampas kuasa dari UMNO semata-mata mahukan kerusi empuk. Maklumlah sudah lama mereka berada di luar pagar kekuasaan. Maka sudah tentulah kali ini mereka mahu menikmati kuasa pula. Melalui kuasa wakil-wakil PAS boleh memakai kereta besar, duduk di rumah besar. Fadhil Noor tentu boleh pindah ke rumah mewah siap dengan kolam renang dan ada **bodyguard** di rumahnya. Jika tidak ada pengawal tak sah, kerana sebagai menteri, tentulah beliau mahukan keselamatannya terpelihara. Bukankah nikmat ini pernah dirasakan oleh para pemimpin PAS semasa mereka berada di dalam kerajaan Barisan Nasional dulu.

Apa yang amat menghairankan ialah PAS sanggup bersekongkol dengan DAP didalam pilihanraya umum kali ini semata-mata mahu menjatuhkan kerajaan Melayu sekalipun ia menafikan yang ia mahu berkongsi sama dengan DAP dan

mereka mendakwa yang mereka cuma mahu bekerjasama dengan 46 dalam APU. Tapi kalau ikut teori ketua penerangan PAS saudara Subky Latif: ***Abu makan pisang, monyet makan pisang jadi apa bezanya abu dengan monyet yang makan pisang?*** DAP bukanlah parti yang membela nasib Melayu dan Islam.

Mengenai pembahagian kerusi Parlimen sudahpun kita bincangkan. Kini cuba kita beralih pula kepada pembahagian kerusi kabinet. Saya masih ingat kenyataan Kit Siang bahawa partinya akan menyerahkan kerusi Perdana Menteri kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah. Siapa pula akan menjadi Timbalan Perdana Menteri? Mengikut kabinet bayangan yang tertampal di pokok, tempat itu kepunyaan Kit Siang. Benarkah?

Dari segi logik memanglah Kit Siang berhak menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tapi apakah sebabnya?

Sebabnya, begini. Dalam pilihanraya umum ini, katakanlah DAP yang bertanding 40 kerusi memenangi kesemua kerusi-kerusi yang dipertandingkan. Dan 46 pun menang 40 kerusi. PAS hanya menang 20 kerusi. Tentulah tidak masuk akal DAP akan menyerahkan jawatan kedua penting kepada PAS.

Katakanlah DAP memberi peluang kepada PAS menjadi Timbalan Perdana Menteri, bagaimana pula dengan jawatan-jawatan lain? DAP yang berkompromi tidak mahukan jawatan TPM tentulah berkehendakan jawatan *Menteri Pendidikan*, *Menteri Pertahanan* dan *Menteri Kewangan*. Apakah Ku Li akan memberikan ketiga-tiga jawatan penting ini kepada wakil-wakil DAP? **Apakah Ku Li mempunyai pilihan untuk menolak permintaan DAP?**

Saya rasa Ku Li tidak mempunyai pilihan melainkan menyerahkan ketiga-tiga jawatan ini kepada Kit Siang, Karpal Singh dan Hu Sepang.

Bagi orang Melayu, peristiwa 13 Mei adalah satu rumusan '*political Suicide*' yang sekaligus menghukum orang Melayu sendiri. Itulah hukuman yang diterima akibat pengkhianatan orang Melayu dari golongan politik *minoriti* yang cuba berkuasa dengan mengadaikan maruah bangsa kepada parti bukan Melayu.

Orang Melayu tidak akan melupai kerjasama PAS dengan DAP dan Gerakan dalam pilihanraya 1969 itu untuk menumbangkan kerajaan Melayu sendiri iaitu UMNO yang merupakan teras pemerintahan Barisan Nasional. Dengan kerjasama itu telah menggugat kekuatan UMNO sebagai kuasa mutlak Melayu dalam kerajaan.

Walaupun PAS menang hanya beberapa kerusi tetapi DAP dan GERAKAN menerima faedah yang lebih banyak dari PAS sendiri yang hampir menggugat kekuasaan politik Melayu. *Belumpun sempat mereka memerintah, mereka telah berarak disekeliling Kampung Bahru Kuala Lumpur. Dengan sikap angkuh meneriak orang Melayu supaya keluar meninggalkan kota balik ke kampung tempat asal orang Melayu kerana mereka telah berkuasa.*

Perarakan yang tidak terkawal itu, perlahan-lahan telah memasuki bandaraya serta melalui Kampung Bahru, sebuah kampung Melayu yang terbesar di Kuala Lumpur. Di sini 30,000 orang Melayu tinggal dan perarakan itu telah mengumpat dan menghina dengan mengeluarkan kata-kata seperti 'Melayu sudah jatuh', 'Kuala Lumpur sekarang Cina punya', 'Ini negeri bukan Melayu punya, kita mahu halau semua orang Melayu' dan kata-kata seumpama itu.

Peristiwa 13 Mei
Leon Comber

Orang-orang PAS yang menyokong mereka dulu terpaksa bersembunyi kerana ketika itu ramai orang-orang Melayu,

samada penyokong UMNO ataupun tidak yang benci kepada orang-orang PAS yang telah menyebabkan orang Cina ketika itu menganggap orang-orang Melayu ini macam sampah yang tidak berguna lagi.

Apa yang ada pada orang Melayu bila berlaku peristiwa 13 Mei? Orang Melayu tidak mempunyai apa-apa. Mereka tidak punya harta. Jangan kata kedai, warong-warong pun orang Melayu tak ada. Dalam beberapa hari saja mereka terpaksa menjadi penyamun dan perompak. Mereka terpaksa memecahkan kedai-kedai Cina, mencuri makanan dan ramai yang terbunuh ditembak kerana orang Melayu tidak mampu membeli senapang patah.

Tunku Abdul Rahman, yang menjadi Perdana Menteri ketika tercetusnya tragedi 13 Mei itu tidak mahu ambil tahu keadaan orang Melayu yang menderita. Beliau bersenang-senang di kediamannya di Jalan Datuk Onn. Beliau hanya meneropong ke arah bandar melihat peristiwa berdarah itu, kemudian berehat-rehat bersama kawan-kawan ada yang minum-minum, *main mahjong*, *main banglak* dan lain-lain. Perkara ini disahkan oleh beberapa-beberapa majalah mingguan terkemuka luar negeri yang pengedarannya serta merta diharamkan di Malaysia ketika itu. Tunku sendiri pun mengaku akan hakikat ini.

'Kuala Lumpur telah terbakar', tulis Tunku Abdul Rahman tentang huru hara itu. 'Saya dapat melihat dengan jelasnya api menjulang tinggi dari tempat kediaman saya di atas bukit..... dan impian saya juga untuk menjadi Perdana Menteri yang paling gembira di dunia telah termusnah juga dalam api itu'.

Peristiwa 13 Mei
Leon Comber

Tunku akhirnya telah disingkirkan oleh orang Melayu kerana mengabaikan orang Melayu sendiri. Seperti kata pepatah: ***Kera dihutan disusukan, anak dirumah mati kelaparan.*** Contohnya ternyata selepas 21 tahun tersingkir beliau masih

memperbodohkan orang Melayu dan menyifatkan orang Melayu tidak pandai berniaga. Melayu hanya boleh makan gaji saja, kata Tunku.

Tapi Tunku Abdul Rahman yang mengabai dan memperbodohkan orang Melayu kini bersatu pula dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan sekali lagi mereka nak kerjakan Kerajaan Melayu dalam UMNO dengan membuat kerjasama dengan DAP.

Kalau dulu PAS telah menjatuhkan hukuman kafir kepada Tunku Abdul Rahman, sekarang PAS telah mengIslamkan semula Tunku kerana Tunku menjadi Penasihat Semangat 46. Begitu juga PAS menghukum kafir Presiden Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah waktu Ku Li menjatuhkan kerajaan PAS di Kelantan tetapi sekarang sudah diIslamkan semula.

Kalau dulu Tunku Abdul Rahman memberi amaran kepada Raja-Raja Melayu dengan meramalkan bahawa *satu masa nanti mereka akan kehilangan kuasa dan takhta dan yang tinggal hanya raja-raja daun pakau saja: Raja Sepid, Raja Kelawar dan sebagainya, tapi kini Tunku seolah-olah, mahu ramalannya itu menjadi kenyataan.* Dengan mengadakan kompromi dengan puak-puak APU ini, apakah Tunku sedar bahawa rakyat boleh membuat tafsiran yang semacam itu. Lagi pun ramai rakyat telah terpengaruh dengan amanat Tunku yang mengatakan *bahawa Raja-raja hanya pandai menghabiskan wang rakyat.* Tunku sudah terlalu tua dan tak layak lagi bercakap pasal politik. Lagipun apa yang Tunku cakapkan itu menyentuh institusi yang penting serta *survival* bangsa Melayu. Jangan tersilap cakap. Ingatlah; *akibat pulut santan binasa. Akibat mulut badan binasa.*

Kerjasama PAS dengan Semangat 46 dan DAP untuk menumbangkan UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihanraya kali ini hanya akan menguntungkan DAP sebagaimana yang berlaku dalam pilihanraya 1969 itu. Dengan lain perkataan, *penyatuan dua parti Melayu serpihan itu tidak akan melahirkan pemerintahan Melayu lagi malahan undi*

Melayu akan berpecah-pecah lebih teruk dari dulu. Dan suara Melayu di Parlimen tidak lagi menjadi suara penentu. Dan ketuanan Melayu akan hancur akibat pemimpin APU yang merapu dan tak menentu. Yang nyata DAP akan mencapai kemenangan yang besar dan mereka boleh membentuk kerajaan dengan penyertaan sekutu-sekutu mereka dari Sabah dan Sarawak dan mereka juga boleh mempengaruhi ahli-ahli Semangat 46 dan PAS untuk menjadi ahli DAP. Kalau mereka boleh pengaruhi Ahmad Noor, Zainal Rampak dan lain-lain, tidak ada sebab kenapa mereka tidak boleh pujuk, Fadzil Noor, Ibrahim Ali, Rais Yatim, Subky dan lain-lain pemimpin yang sekular.

Kalau hal ini berlaku, maka orang Melayu tidak boleh salahkan UMNO tetapi PAS dan Semangat 46lah yang bertanggungjawab memecah-belah dan memesongkan pemikiran orang Melayu dengan menimbulkan berbagai fitnah terhadap kerajaan UMNO, pemerintahan orang Melayu sendiri.

Majoriti orang Melayu hari ini sedar betapa khianatnya pemimpin-pemimpin Semangat 46 yang membawa UMNO ke Mahkamah sehingga parti yang menjadi tunjang pemerintahan orang Melayu itu diharamkan dan kemudian menubuhkan pula parti pembangkang dengan mengheret Raja-raja ke dalam kancah politik hingga meletakkan kedudukan mereka itu setaraf dengan rakyat biasa, boleh dihentam dan dimaki hamun.

Majoriti orang Melayu juga sedar betapa PAS sebuah parti yang tidak pernah menang untuk membentuk kerajaan pusat setelah 30 tahun aktif dalam politik. PAS seolah-olah telah diturunkan bala oleh Allah SWT kerana dosa-dosa mereka memeralatkan agama Islam dalam perjuangan politik mereka dan menyalahgunakan ayat-ayat Al-Quran sebagai dalil untuk melakukan fitnah terhadap pemimpin-pemimpin Islam dalam UMNO. Sebagai contoh qada' yang diturunkan oleh Allah SWT terhadap PAS, hanya seorang saja wakil PAS dalam Parlimen.

Pemimpin-pemimpin PAS yang bergelar ulamak dan dipanggil ustaz seperti Ustaz Haji Fadzil Noor, Yang Dipertua PAS, Ustaz Haji Hadi Awang Timbalan Yang Dipertua PAS, Ustaz Haji Nik Abdul Aziz, Subky Latif (sekarang Ustaz) telah mengalami kekalahan dinegeri masing-masing kecuali kerusi Dewan Undangan Negeri.

Para pembaca tentu hairan mengapa saya membuat analisis kepada perkara yang belum berlaku. Jawapannya ialah, saya hanya ingin mengingatkan saudara-saudara sekalian supaya tidak tertipu dua kali. Kita sudah berkali-kali kena tipu tetapi kita masih juga tidak serik. Dulu Portugis tipu Melayu, Inggeris tipu, lain-lain kaum tipu. Patutkah kita biarkan Melayu tipu Melayu?

Kita sudahpun mengalami peristiwa 13 Mei. Kita telah melihat bagaimana umat Islam di Sabah berada dibawah kekuasaan PBS. Apakah kita rela melihat keadaan ini berterusan. Kita mempunyai kuasa untuk menyekat pemindahan kuasa. Kita mempunyai undi untuk menentukan bahawa DAP dan Kit Siang tidak terpilih membentuk kerajaan baru. Kita patut menggunakan hak kita untuk memastikan DAP kecundang.

Memastikan DAP kecundang bukanlah bermakna orang-orang Melayu memusuhi orang-orang Cina. *Orang Melayu menerima orang-orang Cina sebagai rakyat negeri ini. Mereka bersahabat, berjiran, bersekutu dalam perniagaan dan ada yang berkahwin dengan orang-orang Cina. Mereka membiarkan anak-anak mereka belajar, bermain dan bersukan dengan orang-orang Cina. Mereka menghidupkan 'team spirit' bersama-sama orang-orang Cina ketika mewakili negara dalam sukan. Contohnya kita lihat saja dalam sukan SEA yang lepas ataupun dalam pertandingan akhir Piala Thomas ketika Malaysia menentang Cina. Walaupun kita tewas, pemain-pemain Malaysia dari kaum Cina tetap berjuang bermati-matian untuk negara dan rakyat keturunan Cina pula menyokong Malaysia, bukan China.*

Jadi apakah yang orang Melayu musuhi?

Orang Melayu memusuhi sikap perkauman yang begitu tebal dalam DAP? Orang Melayu tak mahu persefahaman yang dibina sekian lama runtuh dengan tiba-tiba seperti yang pernah diruntuhkan oleh DAP dalam tahun 1969. Dan yang paling penting sekali orang Melayu tak mahu melihat haknya tercabar kerana selama ini rakyat dari keturunan Cina tidak pernah mencabar hak tersebut kecuali DAP dan penyokong-penyokongnya.

Orang-orang Melayu sedar bahawa merekalah satu-satunya bangsa yang memiliki budaya *amok*. Sekiranya mereka mendapati hak keistimewaan mereka telah hilang, kuota peluang untuk melanjutkan pelajaran diuniversiti tersekat, peluang untuk berniaga sudah tiada lagi, dan dalam keadaan hidup dan ekonomi yang begitu tertekan dengan segala macam diskriminasi, mereka sudah tentu akan bangkit sekali lagi. Bila ini berlaku siapa dan kaum manapun yang menjadi kerajaan sudah tidak bermakna lagi, kerana orang-orang Melayu dalam tentera, polis dan pasukan bersenjata akan bangkit untuk mendapatkan kembali hak mereka. Ketika itu Malaysia mungkin diperintah oleh tentera.

Saya kira Lim Kit Siang adalah seorang yang bijak berjuang. Tapi kebijaksanaan itu telah disalah gunakan. Perjuangan Kit Siang itu tidak kena pada tempatnya. Perjuangan seperti itu hanya sesuai kiranya negara ini adalah negara majoriti Cina seperti Singapura. Tapi bagi negara majoriti Melayu, ia adalah cukup merbahaya. Apakah orang Cina lebih suka hidup seperti keadaan 13 Mei dulu? Dengan mengundi DAP, orang-orang Cina semacam sengaja mengundang ketegangan antara kaum. Bagi orang-orang Melayu yang menyokong Semangat 46, PAS dan APU, mereka seolah-olah merestui keadaan ini. Bila jawatan Perdana Menteri Malaysia di jawat oleh Kit Siang, **segala yang siang akan menjadi malam yang gelap pekat.** Maka tersianglah segala kedamaian yang wujud hari ini. Maka Musim Siang akan jadi Musim Malam.



"Pandanglah.. lihatlah.. pinggangku yang ramping, dadaku yang bidang,

Perempuan kalau tak pandai menjaga suaminya..., tiru macam saya.."

Sebuah lagu lama yang sangat popular satu waktu dulu.

Che Mek Molek dalam gambar ini ialah Puan Hajah Marina Yusof, Naib Pengerusi Semangat 46 yang bercerita pada orang ramai tentang video lucu dimana ada pemimpin UMNO terlihat sama. Berita itu disiarkan dimuka dua akhbar Harakah yang dibaca dan dipuja oleh ulamak PAS.

BAB TIGA BELAS

Marina, Menteri UMNO dalam Video Lucah. Ibrahim Ali Cium Buntut Dr. Mahathir

Dah lama tak menulis di Mingguan Kota. Ramai kawan-kawan Pak Habib yang bertanya. Kenapa? Jawabnya mudah saja. Menulis tak semudah berbual di kedai kopi. "Apa bezanya?" tanya seorang kawan sewaktu berbual dengannya disebuah kedai kopi di Kota Bahru minggu lalu.

Biasanya muka yang sama juga yang duduk di kedai kopi. Hampir setiap hari sambil duduk ada mengata, mengutuk orang yang mereka tak kenal. Memfitnah menjadi satu macam ibadat tanpa perasaan takut pada Tuhan. Ada juga, yang samada suka tak suka, apa yang diborakkan oleh kaki geromal mereka kena dengar sajalah. Kerana yang penting bukan cerita, tapi *'tukang cerita'* boleh belanja minum, ada pula rokok dan boleh makan free. Ada juga yang dah tahu ada orang yang mengupah penabur-penabur fitnah suruh lanyak orang-orang tertentu didalam kerajaan tapi ada yang bila balik rumah kena sumpah anak bini kerana dapur tak berasap kerana syok buang masa di kedai kopi.

Di Mingguan Kota, tak bolehlah cerita yang itu, itu juga. Tak boleh tabur-tabur fitnah. Tak boleh nak jadi burung tiong. Pembacanya bukan calang-calang orang. Dr. Mahathir, Ghafar

Baba, Anwar Ibrahim, SB-SB politik, para general, peguam, pensyarah, ahli-ahli perniagaan, dan ada para duta asing yang menterjemahkannya ke dalam bahasa masing-masing. Dan bukan itu sahaja, akhbar ini pulak tersimpan dalam sebuah perpustakaan Universiti di Amerika. Nak tulis kena fikir. Kalau tidak, buat malu diri sendiri saja. Kalau muka kita jenis tak malu, tak apalah. Kawan saya tersenyum. "Oh macam tu rupanya".

Cerita pertama saya minggu ini ialah pasal Hang Tuah jadi '*samseng*'. Menurut Profesor Syed Hussien Alattas, Naib Censelor Universiti Malaya yang saya petik dari Mingguan Famili keluaran 25hb. Febuari, 1990.

"Saya mahu orang-orang Melayu merubah anggapan kerana jika dikaji dari latar belakangnya, Hang Tuah tidak wajar dijadikan contoh dan terus didewakan lagi kerana terlalu patuh kepada pemerintahan Sultan yang zalim," jelasnya ketika dihubungi di rumahnya di sini baru-baru ini.

Sebagai contoh katanya, Hang Tuah sanggup menculik Tun Teja untuk dipersembahkan kepada Sultan dan mengkhianati rakan-rakannya serta membunuh seorang daripada mereka semata-mata kerana mahu menunjukkan kesetiaan kepada Sultan yang zalim.

Beliau selanjutnya meminta orang-orang Melayu tidak terlalu bersemangat 'kehangtuahan' mengagungkannya sebagai hero, mencontohi perangai buruknya kerana ini tidak bersesuaian dengan masyarakat Melayu.

Beliau pernah mendedahkan perkara ini di dalam satu syarahan Perdana di Johor Bahru baru-baru ini. Di dalam ceramahnya itu beliau mengingatkan orang-orang Melayu supaya berhati-hati dengan Hang Tuah

zaman moden yang diistilahkan sebagai 'samseng politik'. Untuk kepentingan politik peribadi.

Zaman dulu Hang Tuah kerja dengan Raja. Hang Tuah moden kerja dengan pemimpin politik. Mereka dapat gelaran 'gurkha' atau 'valachi'. Ada pemimpin politik yang gila betina, gila disko. Siapa lagi kalau bukan gurkha-gurkha yang perangai mereka macam '*Han tu aa*' yang sanggup buat kerja macam tu. Mereka cari makan. Nak hidup. Yang penting mereka boleh dapat projek. Kalau tak sokong boss, tak dapat projek, kalau boss jadi boss besar nanti apa macam?

Zaman ini pemimpin politik mempunyai kuasa macam raja. Kalau P.Ramlee hidup tentu dia akan kata semula. "Bukan Sultanlah "setan"..... Syaitan! kepada boss-boss yang setan macam syaitan.

Cakap pasal sultan, saya teringat cerita mengenai Sultan Selangor yang sudah pun mengampunkan menantunya, (Mike Tyson) Tan Sri Muhammad Menteri Besar Selangor. Berita ini jadi tajuk utama muka depan Utusan Malaysia pada 22hb. Februari, 1990.

SULTAN AMPUN MENTERI BESAR SELANGOR JUGA TENGGU PUTERI ZAHARIAH DAN LEE KIM SAI.

Baginda mengumumkan pengampunan itu pada satu sidang akhbar di Istana Selangor di sini beberapa hari yang lalu.

Sultan Selangor bertitah pengampunan ini diberikan bersempena dengan sambutan ulangtahun keputeraan baginda yang ke-64 pada 8 Mac ini.

Titah baginda, Tan Sri Muhammad telah menulis surat sebanyak tiga kali memohon ampun atas segala kesalahan yang dilakukannya dan mengaku taat setia kepada baginda. Surat

terakhir beliau hantar kepada baginda ialah pada 15 Februari lalu.

Baginda menambah walaupun Tengku Puteri Zahariah belum lagi meminta ampun kepada baginda tetapi sebagai seorang ayah, baginda mengampunkannya dan akan mengembalikan elaun bulanan sebanyak \$700 kepadanya mulai bulan depan.

Begitulah mulia dan baik hati Sultan. Anak tak minta ampun pun diampunkan juga. Mudah-mudahan panjang umur Tuanku, dan mendapat petunjuk dan taufik hidayah dari Allah.

Dalam buku saya *Wanita, Takhta dan Kuasa*, saya ada menulis mengenai kemurkaan Sultan terhadap Mike Tyson. Beginilah antara yang saya tulis:

Kita percaya baginda Sultan akan berbaik-baik semula dengan menantunya, sama-sama menimang putera yang baru lahir. Kita juga percaya suatu masa nanti walaupun baginda telah mengatakan kemurkaan dan menyifatkan perasaannya seperti 'kaca terhem-pas ke batu'. Sebusuk-busuk daging dikincih, di-basuh, dimasak dimakan juga. Itu cuma satu perasaan orang yang sedang marah. Air dicincang tak akan putus. Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juga. Janganlah hendaknya kerana hujan sehari panas setahun dilupakan begitu saja. Buangkan yang keruh ambillah yang jernih.

Bila biduk sudah berlalu, kiambang akan bertaut semula."

Muka surat 269

Alhamdulillah mereka sudah berbaik-baik semula. Senang hati rakyat mendapat seorang raja yang baik hati dan bersifat

pemaaf. Lagipun salah Mike Tyson kecil sangat. Apapun orang nak kata Mat Taib sudah jadi macam cerita Nujum Pak Belalang di Negeri Beringin Rendang.

"Biar begitu hatinya jujur, kian lama kian mashyur hingga Sultan sangat percaya akhirnya jadi menantu raja"

Dan saya pun lebih gembira, Tan Sri Mat Taib sudah berbaik dengan Ghaffar Baba dan kini mereka sudahpun pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu bersama-sama. Amin, syukur kita kepada Allah. Banyak kerja-kerja yang lebih besar yang kita boleh buat.

Hari Sabtu 24hb. Februari, 1990 saya terbaca muka depan Utusan Malaysia:

Dalam temuramah khas dengan Utusan selama hampir tiga jam di sini hari ini, Dato' Musa berkata, beliau merasa lebih selesa dan lebih diterima sekarang memandangkan para pemimpin UMNO yang berpengaruh yang pernah renggang dengannya kini sudah mula merapatinya semula.

Menurut Dato Musa, sejak beberapa bulan lalu hubungannya dengan Encik Ghafar sendiri sudah 'agak rapat'.

Beliau menyifatkan hubungan tersebut sebagai sama sahaja seperti hubungan dengan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sekarang.

Dato' Musa yang kini menjalankan tugas sebagai Duta Khas Malaysia bertaraf Menteri ke Bangsa-Bangsa Bersatu akan menyertai Encik Ghafar dalam lawatan rasminya ke Chile dan Argentina esok.

Mengenai hubungannya dengan Menteri Pendidikan,

Encik Anwar Ibrahim pula, Dato' Musa berkata, sejak akhir-akhir ini keadaan jelas sudah berubah di mana hubungan yang tidak begitu rapat sebelum ini telah bertukar dengan pertemuan-pertemuan untuk bertukar-tukar fikiran mengenai isu-isu parti dan negara.

"Saya percaya hubungan kami akan berterusan, insyaAllah," ujar beliau.

Ditanya samada beliau sedar bahawa terdapat usaha-usaha untuk menyekatnya daripada kembali semula ke dalam pucuk pimpinan parti, Dato' Musa berkata:

"Sekat-menyekat dalam politik adalah perkara biasa.

"Saya sedar dan tahu memang ada personaliti-personaliti dan kumpulan-kumpulan yang tidak senang melihat saya kembali."

Apa yang Musa Hitam cakap tu memang tak salah. Bukan saja ahli UMNO, member dalam 46, PAS dan mangsa-mangsa di Memali pun tak senang dengan sikap Musa, sudah ludah jilat semula. Letak jawatan Timbalan Presiden terima jawatan Ketua Bahagian. Nah! sekarang Musa nak bertanding Naib Presiden pula, mana logik dan prinsipnya? Pengumuman ini dibuat di New York. Tak habis-habis Musa ini. Kalau nak buat pengumuman mesti di luar negeri. Mentang-mentanglah dia kawan Bush, Presiden Amerika seperti yang diceritakan di Mahkamah semasa saman tuntutan ganti ruginya terhadap saya.

Baguslah Musa dah baik dengan Ghafar, dah baik dengan Anwar dan sanggup jadi peon Mahathir, dulu caci maki hamun kini puji Mahathir tinggi melangit. Mudah-mudahan Musa juga boleh baik dengan Almutawakil Sultan Johor, dengan Osman Saat, Datuk Jalal, Datuk Yusuf Malim Kuning dan lain kawan yang sudah jadi mangsanya. Dan cepat-cepatlah balik,

untuk angkat sumpah jadi menteri, dan ambil watikah dari Agong untuk sahkan Musa sebagai duta.

Bagi saya Musa nak tanding apa jawatan pun saya tak kisah. Kerana mengikut firasat saya, Musa sudah macam matahari petang yang nak terjunam, warnanya merah menyala, tapi jemur sehelai saputangan pun susah nak kering. Tahun ini tahun kuda, mesti pandai cari kuda yang baik. Kalau tidak kena tendang dengan kuda. Apa lagi kalau kuda jenis anjing tersepit dicelah pagar. Lebih baik kita menendang daripada kita kena tendang kuda-kuda sakit.

Syukurlah krisis antara rakyat dan raja kini tak sama seperti dizaman dulu kala. Dulu Jebat berdendam dengan Sultan Melaka, tapi yang menjadi mangsa '*amoknya*' ialah rakyat yang tidak berdosa seperti apa yang berlaku di Kelumpang. Kononnya kerana tak dapat tanah orang itu telah mengamuk. Orang yang tak berdosa jadi mangsa, ini satu contohnya.

Berbalik kepada Hang Tuah yang dianggap samseng, manusia yang inikah yang nak dijadikan hero bangsa Melayu?

Dalam '**CHALLENGER**' saya pernah menyatakan:

Orang Melayu pun dulu telah mencipta beberapa orang hero seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Nadim, Badang, Nenek Kebayan dan sebagainya. Itu hero dizaman orang Melayu belum pandai membaca, belum ada mesin cetak dan belum ada komputer. Tetapi siapa pula hero orang Melayu di zaman ini?

Dalam politik hari ini, tak kira UMNO, 46 atau PAS. Para ahli taat pada pemimpin yang hidupnya tidak punya perjuangan dan keikhlasan. Mereka berani kerana setia? Ataupun berani kerana benar? Ramai yang mempertahankan pemimpin mereka tahu bahawa pemimpin itu tak betul, tapi kerana bebal dan jahil ikut saja seperti *Hantua* yang dianggap legenda.

Dalam dari kalangan istana pun ada yang macam Tuah. Setia tak tentu pasal. Setia kerana pertalian kerabat, sanggup melihat rakyat menderita kerana kekerabatan bukan kerana kebenaran.

Bercakap pasal Hang Tuah tentu tak lengkap kalau tak menyentuh sedikit tentang Hang Jebat. Macam Tuah, Jebat juga merupakan seorang lagi manusia contoh. Tapi Jebat tak macam Laksamana Bentan. Laksamana Bentan cukup *gentlemen*. Dia marahkan Sultan Mahmud yang telah menghukum mati isterinya maka sasarannya Sultan Mahmud seorang sahaja. Dia tak bunuh selagi rakyat yang tidak berdosa sepertimana yang dilakukan oleh Jebat. Dia tidak mengamok. Tak macam setengah penulis hari ini yang mengamok dan membunuh dan mencederakan pemikiran rakyat kerana marahkan pemimpin yang tak berdosa. Sepatutnya bijak pandai, membawa maju ke hadapan untuk mengenal yang Hak.

Dan dalam banyak-banyak berita yang paling seronok dibaca ialah ruang pojok, Dol Keropok dalam akhbar Nusantara 25hb. Februari, 1990. Kata Dol Keropok:

"Ada satu berita yang menarik hatiku, yang aku baca dalam akhbar Watan keluaran Sabtu 3 Februari lalu.

Haji Ibrahim Ali dikatakan pernah berjanji akan mencium punggung Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selepas Barisan Nasional menang dalam pilihanraya umum. Haji Ibrahim, menurut Watan, sebelum ini dilaporkan berkata, beliau akan mencium punggung Perdana Menteri sebanyak tujuh kali jika Barisan Nasional mengulang kemenangan di Pantai Timur.

Nah, aku ingin tanya Haji Ibrahim Ali, adakah benar atau tidak dia pernah membuat janji seperti itu. Atau adakah berita mengenai janji itu sengaja direka-reka oleh media.

Kalau betullah apa yang dikata. Apakah Ibrahim ni macam dah tak ada kerja lain nak buat? Selalunya kerja cium-cium bontot ini dibuat oleh Kambing Jantan. Bila dia seronok mengawan dia cium bontot kambing betina dan dia gian sendiri. Tak baguslah, Ketua Semangat 46 cium bontot Mahathir. Seorang Yang Berhormat di Pasir Putih yang digelar oleh Ibrahim, Jalani Kengkang, katanya cium bontot Ku Li saja cukuplah. Main cium-cium punggung ini boleh mengakibatkan aids. Jangan main-main! Ini kes bahaya tahu.

Dan antara yang paling menarik ialah cerita yang disampaikan oleh Naib Presiden Semangat 46. Puan Marina Yusuf. Wanita yang sudah tiga kali janda. Marina memberitahu kononnya ada wajah yang menyerupai seorang menteri UMNO didalam video lucah D.P. Vijandran. Macam manalah orang nak hormat Semangat 46. Ketua wanitanya tak malu. Cerita video lucah dijaja sana sini. Kalau ada pula orang kata ada wanita 46 bercumbu dengan Kapal Singh, macam mana?

Cerita ini dibesarkan di muka dua. Akhbar kepunyaan PAS (Harakah - 23 Februari 1990) dengan tajuk Menteri UMNO ada dalam Video Vijandran:

Walau bagaimanapun, beliau enggan memberitahu nama menteri yang dimaksudkan itu kerana video itu tidak dilihatnya sendiri.

Hal ini dinyatakan olehnya dalam satu ceramah yang dianjurkan oleh Semangat 46 di Taman Tun Dr. Ismail dekat sini di hadapan kira-kira 400 orang baru-baru ini.

Puan Marina berkata, "Kerana saya tidak melihat sendiri, maka saya tidak mahu memberitahu nama menteri itu. Tetapi saya percaya ia akan diketahui juga nanti."

Bagi mengakhiri ruangan ini saya nak tanya Subky Latif, Ketua Penerangan PAS yang selalu pakai logik. Monyet makan pisang. Ali makan pisang. Samalah monyet dengan Ali. 46 kawan baik dengan DAP. PAS kawan baik dengan 46. Kalau macam itu. DAP, 46 dan PAS tentulah sama, bukan begitu, Maulana Subky?


(Rencana ini telah disiarkan dalam akhbar Mingguan Kota edisi 4 Mac 1990)



Kehinaan yang menimpa umat Islam kini bukan sahaja disebabkan karena musuh tetapi berpunca dari kelalaian diri sendiri. Umat Islam sudah memeh-remehkan persoalan iman, syariat dan akhlak iaitu tiga tunggak maruah dalam Islam. Jika iman kuat, syariat kemas dan akhlak meningkat, nescaya umat Islam menjadi tuan di dunia sebelum menjadi tuan di akhirat.

Janganlah kita macam lalat membawa penyakit, macam nyamuk menggigit, macam anai-anai merosak, macam lintah menghisap darah. Tapi jadilah macam lebah, menghasilkan madu, mengubat penyakit.

Apabila ilmu akhirat sudah dijadikan alat untuk mendapatkan dunia, maka akan rosaklah dunia dan manusia, ulama hilang kehebatannya dan tidak dihormati orang lagi.



Tunku : "Dajai, dajai, Presiden UMNO, dia cium juga tangan aku. Padahal aku dah macam macam kata dan maki hamun pada dia dan partinya."

Mahathir : Tunku, serupa macam arwah pak saya. Tunku nak kata apa, Tuanku nak buat apapun, Tunku buatlah. Saya takkan lawan Tunku. Saya tak akan marah Tunku sebab pertama Tunku adalah anak murid orang tua saya yang kedua, Tunku anak raja dan bekas Perdana Menteri saya. Jasa Tunku banyak, biarpun Tunku banyak merepek kita anggap Tunku sudah nyayuk.

BAB EMPAT BELAS

Politik Dajal

Apabila hendak melibatkan diri di dalam sesebuah *harakah* perjuangan, hendaklah kita melibatkan diri dalam perjuangan yang dirancang secara teratur atau tertib. Jangan libatkan diri dalam *harakah* perjuangan yang berjuang kerana terdesak. Nanti akan membawa akibat yang tidak kita ingini dan tidak tercapai apa yang dicita-citakan.

Bagaimanakah untuk kita ketahui dan mengukur sesebuah *harakah* perjuangan itu sama ada ia dirancang dengan teratur atau tidak?

Kalau kita ingin tahu, kita lihat cara berfikir pemimpin dan pengikut-pengikut *harakah* itu. Sekiranya pemimpinnya berfikir secara teratur maka buah-buah fikiran atau konsep perjuangan *harakah* itu akan nampak tertib. Ketertiban *konsep* dan *doktrin* perjuangan akan menjadikan langkah-langkah mereka juga teratur.

Jangan libatkan diri dengan *harakah* yang berjuang kerana terdesak. Besar kemungkinan setelah mereka berjaya, mereka akan ketepikan kita. Kenapa? Kerana mereka berjuang semata-mata hendak melepaskan diri daripada kesempitan. Setelah terlepas daripada kesempitan, mereka akan berlepas diri dari kita. Kalau sekadar berlepas diri, beruntung juga. Tetapi macam mana kalau mereka bersikap kepada kita seperti menolong *anjing yang tersepit*? Inilah yang sering terjadi apabila kita ikut berjuang dengan *harakah* yang berjuang kerana terdesak.

Sedutan diatas adalah petikan dari sebuah rencana yang tersiar didalam majalah **Al-Qiadah** edisi Jun 1990 yang bertajuk '**Antara Perjuangan Terancang Dan Perjuangan Terdesak**'.

Hari ini parti Semangat 46 adalah merupakan sekumpulan manusia yang terdesak dan berjuang secara terdesak pula. Kalau dulu dalam '**CHALLENGER**' **SIAPA LAWAN SIAPA** saya panggil orang-orang yang macam ini sebagai manusia '*desperado*', dalam buku **LIMA RAJA TERAKHIR** ini biarlah saya namakan mereka kumpulan yang terdesak. Terdesaknya kumpulan ini lebih ketara lagi dalam masa saya sedang menyiapkan buku ini dan beberapa minggu sebelumnya. Dalam tempoh tersebut akhbar-akhbar tabloid yang pro-46 telah memaparkan laporan-laporan yang seolah-olah menunjukkan parti itu semakin bersemangat lebih-lebih lagi untuk menghadapi pilihanraya yang akan datang. *Gahnya* cerita-cerita seperti ini ditokok tambah pula oleh geng-geng 46. Tapi rupanya cerita-cerita yang semacam ini setakat cerita sahaja. Berita-berita yang tersiar dalam akhbar-akhbar tabloid pro-46 itu sekadar *indah khabar dari rupa*.

Tanda-tanda puak Semangat 46 semakin hari semakin hilang semangat kini menjadi hakikat yang diketahui umum. *Jumlah para perwakilan dan pemerhati yang menghadiri Perhimpunan Agung Kedua parti itu tidaklah seramai ketika parti itu mengadakan Perhimpunan Agung mereka yang pertama dulu. Suasananya pun taklah semeriah perhimpunan yang terdahulu itu. Keadaannya begitu tak bermaya. Mereka yang hadir seolah-olah tak ada mood untuk bersidang. Keadaan patah semangat* ini memang dirasakan oleh ramai perwakilan dan pemerhati. Kelainan suasana dan merosotnya semangat disepanjang perhimpunan itu jelas membuktikan ada yang tidak kena dengan parti itu sekarang. *Petanda yang Ku Li dan para pemimpin 46 sudah jadi macam keretapi tahun 46 yang berkarat dan kehilangan wap semakin jelas.*

Meneliti ucapan Ku Li, Presiden parti yang sudah kehila-

ngan *semangat* itu jelas menunjukkan beliau dan orang-orang yang diwakilinya sudah tak pandai lagi menggunakan '*simple logic*' dan tak tahu pula membezakan diantara yang mana satu *fakta* dan yang mana satu *bukan fakta*. Ucapan-ucapan itu tidak lebih dari '*klise*'. Ada pun '*klise*' itu bermaksud buah fikiran dan gaya bahasa yang selalu sangat dipakai hingga menjadi *basi* dan hilang makna asalnya.

Dalam Perhimpunan Agung itu, Ku Li antara lain menyebut:

Sejarah singkat pahit-getir itu juga turut mengajar kita erti perjuangan sebenar kerana melalui pengalaman inilah, kita semakin mengenal erti keikhlasan, pengorbanan, kesabaran, ketahanan dan kebijaksanaan. Kesemua ini kita percaya, merupakan ramuan penting untuk menentukan kejayaan kita pada masa hadapan.

Apakah orang-orang 46 sudah sedar dan kenal akan erti nilai-nilai yang disebut oleh Ku Li itu? Kalau betul, baguslah. Soalnya: Kalau ikhlas, sanggup berkorban, ada kesabaran dan mengaku diri bijak, kenapa tak tinggalkan sahaja perjuangan menurut hawa nafsu yang sia-sia itu? Apakah Ku Li ikhlas berjuang untuk rakyat atau ikhlas berjuang untuk kepentingan diri sendiri dan juga kepentingan puak-puak 46? *Kalau sanggup berkorban untuk perpaduan Melayu, korbankanlah dulu cita-cita untuk mendapatkan kembali kerusi-kerusi dan kedudukan politik yang sudah hilang. Apakah sanggup berkorban itu bagi 46 bererti sanggup mengorbankan perpaduan Melayu?* Nam-paknya para pemimpin 46 tak tahan menghadapi cubaan Tuhan dan tidak bijaksana dalam menggunakan akal fikiran tapi lebih bijaksana dalam melayan hawa nafsu sendiri.

Dalam ucapannya itu Ku Li juga berkata:

Bagi mereka ini, "jahanamlah perpaduan Melayu, jahanamlah kebebasan kehakiman, jahanamlah un-

dang-undang, jahanamlah demokrasi, asalkan kami terus berkuasa!!” Yang pentingnya, kuasa mesti di tangan mereka, walaupun terpaksa berbuat apa sahaja yang bertentangan dengan budaya Melayu dan nilai-nilai Islam.

Siapakah mereka ini? Saya kira bunyinya macam berat kepada 46 sahaja. Tahun 1987 Ku Li pecahkan UMNO supaya satu pihak menyokong Ku Li menentang Presiden. Tahun 1988 Ku Li bunuh UMNO, parti milik orang Melayu. Kemudian 46 ditubuhkan dan orang-orang Melayu cuba dipengaruhi untuk menentang orang Melayu dalam UMNO dan yang menyokong UMNO. ***Dengan itu Ku Li dan pengikut-pengikut setia beliau telah menjahanamkan perpaduan Melayu.*** Menyentuh soal kehakiman siapakah yang telah mengheret UMNO ke Mahkamah dan menyebabkan semua ini berlaku. *Siapakah yang tak mahu menerima kekalahan dalam pertandingan yang demokratik?* Dan siapa pula yang menentang *pucuk* pimpinan, melanggar budaya Melayu, budaya UMNO 46? Cuba Ku Li bagi contoh, apakah benda yang dibuat oleh UMNO (Baru) yang melanggar nilai-nilai Islam?

Selanjutnya Ku Li juga berkata:

Tetapi perpaduan Melayu tidak harus dipandang sebagai ancaman kepada orang bukan Melayu. Kerana bangsa Melayu yang tulen bukannya bangsa samseng yang akan menggugat dan menindas orang lain.

Saya akui kebenaran kata-kata Ku Li ini. Cuma saya meragui keikhlasannya. Betul, perpaduan Melayu tak boleh menjadi ancaman kepada kaum lain dan orang Melayu bukan samseng (walaupun dalam 46 terdapat samseng-samseng politik yang mengganggu-gugat kerajaan orang Melayu yang ada hari ini). Tapi ada parti kaum lain yang pernah mengamalkan budaya samseng demi menegakkan kepentingan mereka. Apakah Ku

Li sudah lupa pada Peristiwa 13 Mei? Ku Li sudah lupakah peranan yang dimainkan oleh DAP dalam peristiwa itu? Apakah peristiwa itu peristiwa orang Cina bergaduh dengan orang Cina?

Menurut seorang kawan saya yang menghadiri persidangan itu, kebanyakan para perwakilan dan ahli 46 mengutuk pucuk pimpinan itu, terutama Ku Li, Rais Yatim dan lain-lain yang sanggup bergabung dengan DAP.

Ada perwakilan dan ahli parti yang dulunya begitu yakin kini ke perhimpunan secara terbuka menyatakan kebimbangan mereka yang semua ini akan menjejaskan usaha Semangat 46 untuk berhadapan dengan rakyat, lebih-lebih lagi orang Melayu di pilihanraya umum akan datang.

Nampaknya cara yang dilakukan oleh pemimpin 46 lebih kurang sama seperti cara Tunku menjadi Perdana Menteri dulu. Keputusan sebesar ini pun dan yang sensitif pula sifatnya, tidak dirujuk terlebih dulu kepada ahli secara rasmi. Ini bukanlah sesuatu yang menghairankan sebab Tunku adalah Penasihat 46 dan Ku Li pun anak raja macam Tunku. Mereka rasa mereka *'above the law'*. Jadi dimasa-masa akan datang tentu lebih banyak lagi keputusan-keputusan yang lebih besar akan dibuat oleh Ku Li dan sekelian para Tunku-Tunku dalam parti itu tanpa merujuk kepada Majlis Kerja Tertinggi atau mengumumkannya kepada ahli.

"Terus terang saya katakan saya tidak tahu bagaimana pakatan itu boleh wujud. Kami di peringkat bahagian mula mendapat tahu hal itu menerusi laporan akhbar dan media massa lain", kata seorang perwakilan dari Perak.

"Itu, yang menyebabkan hati kami terguris dan tawar semasa berada di perhimpunan agung kali ini bersama-sama beberapa pemimpin DAP, terutama Lim Kit Siang," katanya lagi.

Menurut perwakilan dari Perak itu, kehadiran Setiausaha Agung DAP itu, sekaligus menimbulkan pelbagai macam perasaan, geram dan serba salah, terutama apabila mengingat kembali semua yang dilakukan oleh DAP terhadap pemimpin Melayu selama ini, khususnya terhadap Tengku Razaleigh sendiri ketika beliau masih dalam UMNO dan menjadi salah seorang menteri kanan kerajaan.

Apa yang dirasakan oleh perwakilan itu sebenarnya dirasakan juga oleh hampir kesemua para perwakilan dari bahagian dan negeri lain. Mereka semacam tergamam dan tidak percaya yang dengan tiba-tiba saja mereka sedang bersekongkol dengan DAP, musuh orang-orang Melayu.

Apakah Ku Li sudah terlupa atau sengaja melupakan tuduhan pemimpin-pemimpin DAP yang dia terbabit dalam skandal BMF di Hong Kong yang melesapkan lebih \$1 billion. Memang ada lagi pihak lain yang mengatakan Ku Li terlibat tapi DAPlah yang beriya-iya benar. Ingat tak Ku?

DAP juga menuduh yang dia terbabit secara tidak langsung dalam skandal berkenaan berdasarkan beberapa laporan yang diterbitkan di Hong Kong ketika itu. Beberapa orang yang dihadapkan ke mahkamah berhubung skandal itu dikatakan sebagai kenalan Tengku Razaleigh.

Bukankah semua tuduhan DAP yang dilaporkan oleh media ketika itu memang sudah cukup untuk menjejaskan nama baik Ku Li dan kewibawaannya sebagai menteri yang bertanggungjawab dalam hal kewangan negara, malah sekaligus turut menconteng arang kepada maruah kerajaan sendiri.

Tuduhan DAP terhadap Ku Li berhubung skandal itu memang cukup berat dan sukar bagi Ku Li sendiri untuk melupakannya begitu sahaja.

Peliknya, biar bagaimana berat sekalipun semua tuduhan itu, namun sampai sekarang DAP tetap tidak berminat me-

nariknya semula secara terbuka, sekurang-kurangnya kerana parti itu kini sudah terikat erat dalam satu pakatan dengan Semangat 46 yang dipimpin oleh Ku Li sendiri.

Ku Li juga nampaknya semacam sudah lupa yang DAP tanpa segan silu menuduh beliau sebagai tidak cekap dalam mengendalikan berbagai isu yang melibatkan ekonomi negara. Misalnya cadangan Ku Li ketika berada di dalam kerajaan dulu untuk mengadakan program khas meningkatkan ekonomi orang Melayu di Pulau Pinang mendapat tentangan dan kecaman yang hebat dari pemimpin-pemimpin DAP.

Saya kira Ku Li, orang Melayu Pulau Pinang dan orang Melayu Malaysia tentu belum lupa lagi peristiwa ini. Namun, adalah agak menghairankan apabila Tengku Razaleigh buat macam seolah-olah lupa terhadap semua itu.

Seorang perwakilan lain pula berkata *"Bagi saya dan ramai rakan-rakan perwakilan dalam perhimpunan agung kali ini, semua tuduhan itu amat berat. Tidak patut, malah tidak boleh bagi Tengku Razaleigh melupakan begitu saja, apatah lagi memaafkan pemimpin DAP yang terbabit"*.

Begitulah rasa penyesalan di kalangan orang-orang 46 samada yang menyertai perhimpunan itu atau pun tidak.

Seorang penyokong 46 pula menyalahkan Ku Li secara terbuka *"Tengku Razaleigh nampaknya seperti sudah melupakan semua itu apabila parti kami sudah terikat dalam pakatan dengan DAP. Nyatalah nilai maruah Semangat 46 sudah tergadai kepada DAP."* kata seorang perwakilan lain.

Sebenarnya kemerosotan semangat dikalangan ahli-ahli Semangat 46 bukan sahaja disebabkan keceluparan mulut pemimpin-pemimpin DAP terhadap Tengku Razaleigh semasa beliau berada didalam kerajaan tapi ia juga berpunca dari beberapa perkara lain, yang menjadi asas pakatan kedua-dua parti itu.

Antara perkara itu ialah khabar yang terhebah secara bisik-bisik di kalangan orang ramai di beberapa negeri, terutama Perak, mengenai peluang besar bagi Lim Kit Siang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Kedua yang akan diwujudkan sekiranya pakatan Semangat 46-DAP-PAS berjaya menumbangkan BN dalam pilihanraya akan datang.

Menurut sumber-sumber yang rapat dengan Semangat 46, kenyataan yang kononnya Encik Lim akan dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang sekiranya BN tewas di negeri itu adalah acah semata-mata. Kalau Kit Siang akan jadi Ketua Menteri *Penang*, orang-orang China tentu seronok.

Siapa yang tak tahu DAP memang suka *menangguk di air keruh*? Cerita pasal Kit Siang nak jadi Ketua Menteri ini mula kecoh ketika MCA dan Gerakan di negeri itu sedang berbalah, dan kenyataan itu diharap dapat menarik pengaruh pengundi Cina supaya mengalihkan sokongan kepada DAP kerana tidak mahu jawatan Ketua Menteri jatuh ke tangan UMNO atau sebarang pemimpin Melayu.

Tetapi, bila pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan berdamai dan membenamkan perselisihan dan berikrar meneruskan kerjasama yang ada, maka cerita hasil karya DAP itu dengan sendirinya mati begitu sahaja.

Sokongan terbuka Ku Li dan Semangat 46nya terhadap Kit Siang sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang telah menimbulkan kemarahan pula di kalangan pengundi Melayu, khususnya di negeri itu, terhadap Ku Li dan 46.

Akhirnya sebilangan besar ahli profesional dan pegawai Melayu dalam jabatan dan agensi kerajaan di negeri itu dan di negeri-negeri lain yang sebelum ini menyokong Semangat 46 menyifatkan parti itu mula mengarut dan mula meninggalkan parti tersebut.

Bukan itu sahaja, malah mereka berpaling tadah dan kembali menyokong UMNO. Mereka yang sudah masak dengan

tipu muslihat Semangat 46 ini menyeru pula para pengundi Melayu melupakan Semangat 46 dan berdiri teguh di belakang UMNO dan BN bagi menjamin keutuhan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berterusan.

DAP bukanlah baru dalam arena politik Malaysia. Mereka mengikuti setiap perkembangan. Menyedari taktiknya tidak lagi berjaya, ia kini menyuarakan pula secara senyap-senyap mengenai peluang bagi Encik Lim menjadi Timbalan Perdana Menteri Kedua sekiranya Barisan Nasional dapat ditumbangkan dengan memeralatkan Semangat 46 dan PAS.

Oleh itu andai kata pakatan mereka berhasil dalam pilihanraya itu, jelaslah bahawa *Perak buat kali pertama akan mendapat seorang Menteri Besar daripada kalangan bukan Melayu. Tidak mustahil kalau tokoh ini samada Pengerusi DAP negeri, Encik Lau Dak Kee atau Encik P. Patto.*

Semangat 46 telah cuba menaikkan semangat perwakilan dan pemerhati dengan mengusong bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, berucap di perhimpunan itu. Tapi usaha itu bukan sahaja tidak berkesan, malah menimbulkan kemarahan di kalangan kebanyakan mereka.

Kenyataan Tunku kononnya negara ini diperintah oleh '*dajal*' menunjukkan beliau sudah nyanyuk. Dan usaha parti itu bolehlah dianggap sebagai satu perbuatan menganiayai orang tua.

Bercakap pasal *dajal*, sebenarnya saya tak mahu mengkaitkan politik dengan *dajal*. Ini kerana perkataan *dajal* itu kalau digunakan sebagai satu *metafora* bermaksud seseorang yang membuat apa sahaja yang mungkin untuk kepentingan dirinya sendiri dan menarik semua mereka yang mahu jadi pengikutnya.

Seperti yang kita ketahui sebelum pemilihan Presiden UMNO tahun 1987, Tengku Razaleigh tahu wujudnya cawa-

ngan-cawangan haram di beberapa bahagian UMNO di Negeri Kelantan. Tetapi beliau mendiamkan diri kerana bahagian-bahagian tersebut telah mencalonkannya sebagai Presiden UMNO. Dengan ini terbukti beliau lebih mementingkan kemenangan daripada perlembagaan parti.

Namun setelah tewas dalam pemilihan UMNO 1987, beliau membiarkan pengikut-pengikutnya mendakwa bahawa pemilihan UMNO itu tidak sah kerana wujudnya cawangan-cawangan haram.

Usaha-usaha oleh pucuk pimpinan UMNO supaya mereka menarik balik dakwaan itu langsung tidak dihiraukan. Sebaliknya tujuan mereka ialah semata-mata supaya mahkamah memerintahkan pemilihan Presiden UMNO diadakan semula dan Tengku Razaleigh ada peluang untuk mencapai kemenangan. Di manakah maruah dan moralnya? Ku Li sanggup menggadai dan dalam proses tersebut membunuh UMNO demi kepentingan diri beliau sendiri. Walaupun sudah tewas dalam pemilihan 1987 itu, Ku Li tetap tidak mahu menerima kekalahan tersebut. Beliau dengan jelas menolak demokrasi.

Dengan memperalatkan beberapa pengikut setia Tengku Razaleigh telah membawa kes cawangan tidak berdaftar itu ke mahkamah dan bukan ke pengetahuan Setiausaha Agung ataupun MKT UMNO. Akibatnya UMNO yang menjadi dukungan dan tempat perlindungan orang-orang Melayu selama 40 tahun diisytiharkan haram oleh mahkamah.

Sebaik sahaja UMNO haram, Tengku Razaleigh dengan amat gopoh sekali menubuhkan parti bernama "UMNO MALAYSIA", dengan meletakkan Tunku Abdul Rahman sebagai Presiden.

Perbuatan itu adalah satu rampasan kuasa, yang menidakkan hak pemimpin-pemimpin terakhir UMNO iaitu Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Encik Abdul Ghafar Baba dari menubuhkan parti baru bagi menggantikan UMNO.

Setelah pendaftaran parti "UMNO MALAYSIA" ditolak oleh pendaftar pertubuhan, kumpulan Tengku Razaleigh menjelajah keseluruhan tanahair kononnya untuk menghidupkan semula UMNO asal. Dan hingga hari ini pun masih buat kerja yang sama.

Kumpulan ini menamakan dirinya Semangat 46 untuk menunjukkan ia berhak ke atas UMNO asal, sedangkan cara ia bertindak tidak menampakkan semangat dan perjuangan parti yang sebenar. Kerja apa namanya ini?

Dengan sokongan DAP, ia membawa usul di Parlimen bagi menghidupkan UMNO asal walaupun ia adalah sebenarnya pembunuh UMNO itu.


Setelah gagal di Parlimen, ia bermuafakat pula dengan parti PAS yang pernah dilaknat oleh Tengku Razaleigh berpuhluhan tahun sebagai parti yang tak berguna. Ini ke kerja pemimpin yang berguna?

Tidak berpuas hati dengan pakatan itu, ia bekerjasama pula dengan DAP, parti yang Tengku Razaleigh pernah tuduh sebagai musuh negara, bagi menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan kepemimpinan Melayu. Patutkah pemimpin Melayu buat kerja macam ini?

Inilah jenis kepimpinan Ku Li dan rakan-rakannya di dalam Semangat 46. Apakah kita boleh percaya kepada pemimpin-pemimpin yang semacam ini? Sanggupkah kita menjadikan orang macam ini sebagai Perdana Menteri kita? Akan aman makmur dan berjayakah Malaysia, sekiranya orang begini yang menjadi pemimpinnya? *Dalam hati kecil Ku Li mengakui bahawa Dr. Mahathir seorang pemimpin negara yang hebat dan kehebatan Dr. Mahathir tak mampu ditandinginya. Tetapi nak buat macam mana, Ku Li gagal memerangi nafsunya sendiri. Nafsunya mahukan kerusi Perdana Menteri, apa lagi bila Tunku sudah kata negara ini di pimpin oleh dajal. Maka mereka terpaksa menjadikan diri mereka macam dajal juga untuk menghancurkan dajal dengan menggunakan teori politik ala-dajal.*

SEBAT

RAMAI MENANGIS
MELIHAT QURAN
HILANG AYAT



TIGA BULAN LAGI
RAMAILAH
KETAWA SEMULA!

KUALA TERENGGANU: Sekurang-ku-rangnya 6 dari 14 menteri UMNO sehingga ini bersedia menerima sebarang nasib buruk, termasuk hilang jawatan dalam kabinet jika sekiranya mereka tewas merebut jawatan-jawatan dalam parti sempena perhimpunan agung April ini.

Kesediaan itu telah dibayangkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah yang diramalkan bertanding menentang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden Parti dalam perhimpunan itu.

Berucap di hadapan kira-kira 1,000 orang penyokongnya di majlis yang dinamakan 'Forum Perpaduan Tengku Razaleigh-Musa' di Gelanggang Budaya di sini Khamis lalu, menteri itu dengan suara lantang berkata: "Mereka semua sanggup menjadi penganggu jika sudah ditakdirkan demikian."

Di majlis itu juga beliau mengumumkan tiga lagi nama menteri dan empat timbalan menteri yang sanggup menjadi penganggu jika kumpulan yang mereka sebutkan bergerak untuk mencari pembaharuan ini tewas.

Tiga menteri yang dimaksudkan itu ialah Menteri Luar Datuk Rais Yatim, Menteri Pertahanan Datuk Haji Abdul-lah Ahmad Badawi yang juga Naib Presiden UMNO dan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak yang juga Ketua Pergerakan Pemuda

Oleh: SHAMSURY MAMAT

UMNO Malaysia.

Tiga lagi Timbalan Menteri yang diumumkan oleh Tengku Razaleigh menganggotai kumpulan tersebut terdiri dari Datuk Radzi Sheikh Ahmad (Perusahaan Utama), Datuk Zainal Abidin Zin (Tenaga, Telekom dan Pos) dan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Kementerian Luar).

"Saya menyebut nama-nama mereka yang terlibat dalam kumpulan ini supaya mereka senang untuk 'menganggur' bila pasukan kita tewas dalam pemilihan nanti," kata Tengku Razaleigh secara berseloroh.

Tetapi tegasnya, sekiranya kumpulan kita menang, kita akan membuat pembaharuan yang besar agar semua rakyat terutamanya bangsa Melayu kembali bermaruah.

Dengan pengumuman tiga lagi nama-nama anggota jemaah kabinet itu bermakna enam orang menteri sehingga ini telah menyebelahi apa yang disebut sebagai kumpulan yang inginkan pembaharuan yang dipopularkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam.

Sebelum ini dua menteri dari Johor telah melibatkan diri

● LIHAT MUKA 14

WATAN 27 MAC 1987

BERITA TIMUR... BERITA TIMUR... BERITA TIMUR... BERITA TIMUR...

DASAR PEMERINTAH PUNGA KEKEGOHAN?

SETU: Angkatan Semangat 46 negeri mendakwa, kekecohan yang berlaku dalam negara sekarang adalah disebabkan oleh sikap pemerintah yang mengamalkan dasar 'pecah dan perintah' (*divide and rule*).

Penaung kumpulan itu, Tengku Seri Paduka Raja, Tengku Ibrahim Ismail menjelaskan, akibat dasar ini dilakukan, sudah pasti akan wujud suatu perlumbaan kuasa dalam pentadbiran negara itu sendiri.

"Para pemimpin yang ada merasakan mereka yang sepatutnya layak menjadi orang nombor satu dalam kerajaan," dakwanya.

Kata beliau, telah terbukti sekarang pemimpin dalam UMNO telah mula menunjuk-

kan 'minat' untuk menjadi orang nombor satu dalam negara.

Beliau mendakwa ada pemimpin UMNO yang telah tidak bertegur sapa kerana masing-masing mempunyai sikap cemburu dan mahukan wujudnya klik-klik tertentu.

"Tetapi, bila kita lihat pemimpin yang sebelum ini seperti di zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn, perkara buruk seperti ini tidak pernah terjadi," terangnya.

Oleh SHAMSURY MAMAT

Kata beliau lagi, kumpulan-kumpulan tertentu tidak pernah wujud semasa di zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman dahulu.

"Kepemimpinan Tunku tidak memihak kepada pihak tertentu," tambahnya.

Dalam satu perkembangan lain, Tengku Seri Paduka Raja menyifatkan kemasukan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam ke dalam UMNO sebagai 'Pak Kaduk' yang tidak mendapat tempat lagi dalam parti itu.

Katanya, telah jelas sekarang betapa ahli UMNO sudah tidak boleh lagi menerima kemasukan Datuk Musa Hitam kerana sifatnya yang tidak tegas dengan keputusan sendiri.



DR MAHATHIR



TENGGU RAZALEIGH



ENCIK GHAFAR BABA



DATUK MUSA HITAM

Keratan akhbar sebelum pertandingan 24 April 1987. Akibat gila nak berkuasa UMNO mati. Musa dan Tengku Razaleigh keluar dari parti kerana tidak mahu menerima kekalahan, tak mahu terima demokrasi tapi Musa masuk semula bila dengar cerita Mahathir tenat nak mati.

BAB LIMA BELAS

Si Alim dan Si Zalim

Hari ini bila kita bercakap pasal Islam, tidak boleh tidak kita kena juga bercakap tentang mazhab-mazhab dan fahaman-fahaman yang dibawa oleh berbagai ulamak sejak 14 abad yang lalu. Bagi orang-orang mazhab *Maliki*, Islam cara mereka ialah yang paling betul. Golongan Hambali pula mengatakan mereka lebih betul. Begitu juga dengan pengikut-pengikut mazhab *Shafie* dan *Hanafi*. Ini belum lagi diambil kira dua fahaman yang lain iaitu fahaman **Syiah** dan fahaman **Wahabi** dari Saudi Arabia. Masing-masing mazhab cuba menonjolkan kebenaran masing-masing, sehingga umat Islam diseluruh dunia menjadi keliru. Padahal Islam itu satu sahaja, tak ada pecahan, tak ada mazhab dan tak ada fahaman **Asabiah**. Dan itulah Islam yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad SAW 1400 tahun yang lalu.

Antara sebab musabab yang menimbulkan *mazhab-mazhab* ini ialah salah tafsiran samada tentang ayat Al-Quran ataupun hadis dan tidak kurang juga kerana perbezaan ideologi politik yang menyebabkan golongan-golongan tertentu menggunakan dan menafsirkan ayat-ayat Allah serta Hadis menurut ideologi dan kepentingan mereka.

Keadaan ini berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Di negara kita sendiri pun misalnya sudah muncul mazhab-mazhab kecil. Selain dari mazhab utama Sunni, sudah semacam wujud pula mazhab PAS dengan cara mereka yang unik. Orang-orang PAS membuat penafsiran tentang ayat-ayat

Quran dan hadis menurut ideologi mereka. Kalau ada ayat yang boleh menguntungkan mereka, maka berulang kalilah mereka mengulang ayat itu padahal Tuhan menurunkan ayat itu bukan untuk parti PAS. *Mazhab Semangat 46* pula ada cara mereka yang tersendiri. Mereka memiliki sekian ulamak yang sudah jadi bekas-bekas atau botol-botol kosong. Ulamak-ulamak mereka ada fatwa-fatwa mereka sendiri. Dan begitu juga para ulamak kerajaan di Pusat Islam yang terpaksa menyatakan *'half-truth'* demi menjaga hati pihak yang mengawasi dan membiayai pusat tersebut.

Biar bagaimanapun, saya bukanlah bertujuan untuk mengkritik *Pusat Islam* seperti yang telah saya lakukan didalam beberapa buah buku saya yang terdahulu. Sebaliknya saya bersyukur kerana ada diantara ulamak-ulamak pusat tersebut yang menganggap kritikan-kritikan saya itu sebagai kritikan-kritikan yang membena. Nampaknya setakat ini Alhamdulillah. *Pusat Islam* bersama-sama *Berita Harian* menganjurkan **'Expo Tamaddun Islam Sedunia'**. Saya yakin dimasa-masa hadapan *Pusat Islam* akan memainkan peranan yang lebih besar dan bermakna lagi. Mungkin bersama Al-Arqam pula.

Dalam buku ini, suka saya membuat sedikit cadangan kepada Menteri Agama tentang nama *Pusat Islam* itu. Kalau boleh tukarlah kepada nama lain sebab perkataan *'pusat'* itu tak berapa sedap atau elok dalam konteks Islam. Ini kerana menurut cerita Mohd Sayuti Bin Omar, asal-usul perkataan pusat itu ada berkaitan dengan Iblis. Ceritanya begini:

Lembaga Adam dilihat oleh para malaikat. Setiap kali jumaah malaikat melihat lembaga Adam, mereka memuji-muji keelokan Adam yang belum pernah mereka lihat sebelum ini.

Selain dari pada malaikat, Iblis juga datang untuk melihat bentuk lembaga Adam itu. Dan bukan main hairan lagi Iblis melihat bentuk manusia yang pertama itu.

"Mengapa dijadikan ini?" tanya Iblis. Dia menepuk-nepuk lembaga Adam.

Periksa punya periksa, dia mendapati ada rongga pada lembaga itu lalu masuklah Iblis ke dalam tubuh lembaga Adam.

Bila keluar, Iblis pun berkata kepada kawan-kawannya, *"Kejadian ini ada ronggalah. Aku ingat dia tidak boleh tetap dan tidak boleh bersabar"*.

Kawan-kawan dia yang lain pun bersetuju. Dan kemudian Iblis bertanya lagi, *"Inikah khalifah yang akan dijadikan oleh Allah SWT di atas muka bumi?"*

"Benar. Dialah yang akan menjadi raja di bumi," jawab malaikat.

"Kalau aku di perintahkan untuk membinasakan lembaga ini, nescaya aku binasakannya. Tapi kalau diperintahkan aku sujud, aku tak mahu", ujar Iblis lagi.

Iblis nampak macam tak suka. "Ptuuuu..." Diludahnya lembaga Adam itu betul-betul di tengah perut. Melihat perbuatan Iblis itu, malaikat mengesat tempat yang di ludah oleh Iblis itu. Dan dengan itu terjadilah *'pusat'* Adam.

Selanjutnya, diceritakan lagi menurut orang yang bercerita itu bahawa dalam masa 40 tahun itu berlakulah dua tahun hujan yang mencurah-curah ke atas lembaga Adam: Setahun hujan dukacita dan setahun lagi hujan sukacita. Maka itulah sebabnya banyak perkara yang mendukacitakan berlaku ke atas anak cucu Adam.

Begitulah cerita asal-usul terjadinya pusat manusia. Jadi *'pusat'* ini bukanlah benda yang baik sangat sebab ia dibentuk dari ludah Iblis. *Pusat Islam* yang menempatkan segala Menteri agama, ulamak-ulamak adalah satu tempat yang baik. Oleh itu tentulah tak sesuai kalau tempat sebaik itu mengambil sempena nama sesuatu yang terjadi akibat ludahan Iblis. Dan

saya juga menyeru sekalian para ulamak di situ supaya tidak menjadi ulamak yang tak komited kepada kebenaran yang mutlak. Saya bimbang kalau-kalau Iblis nanti mengambil kesempatan untuk meludah para ulamak yang semacam itu sekali lagi.

Cerita-cerita mengenai manusia-manusia yang tak komited dan bercakap *'half-truth'* atau 'separuh kebenaran' memang banyak. Mereka ini amat berbeza dengan manusia-manusia yang menggadai nyawa hanya untuk mengatakan *'nothing but the truth'* iaitu tidak ada yang lain kecuali kebenaran yang mutlak. Antara cerita yang termasyhur ialah cerita Islam di bawah pentadbiran Bani Ummaiyah, satu zaman di mana terdapatnya ulamak-ulamak *'half-truth'* seperti Abu Hurairah dan rakan-rakannya.

Muawiyah Bin Abu Suffian merebut kuasa pemerintahan Islam sebaik sahaja Imam Ali Bin Abi Talib, khalifah Islam yang keempat wafat. Dengan pemindahan kuasa ini, sistem khalifah yang telah dilaksanakan semenjak wafatnya nabi SAW itu pun berakhir. Sebaliknya Muawiyah telah menggantikan sistem itu dengan sistem yang dikenali oleh para ahli sejarah sebagai sistem *dinasti*.

Dalam masa *dinasti* Bani Ummaiyah memerintah, kehidupan *ala-jahiliyah* seakan-akan menjelma semula di zaman itu. Fahaman *assobiyah* yang ditentang dan dihapuskan oleh Rasulullah SAW dihidupkan semula oleh Muawiyah dan dipupuk oleh beliau dikalangan rakyatnya.

Muawiyah seolah-olah telah lupa akan segala amanat Nabi SAW tentang amalan membeza-bezakan sesama manusia ini. Dan antara amanat Rasulullah yang terpenting itu ialah amanat yang dibuatnya pada *hajattul wadak*, iaitu haji yang terakhir buat baginda sebelum kembali ke sisi Allah SWT. Antara lain, baginda bersabda:

"Sesungguhnya kamu semua ini adalah dari Adam dan Hawa dan daripada tanah. Maka

dengan itu, tiadalah kelebihannya orang-orang Arab itu terhadap orang-orang ajam (bukan-Arab) dan tiada kelebihan pula orang-orang bukan Arab terhadap orang-orang Arab kecuali mereka yang bertaqwa ke hadirat Allah SWT".

Inilah satu-satunya hadis penting yang membawa erti persaudaraan sesama manusia. Hadis yang mungkin telah didengar oleh ramai orang Islam dan juga bukan Islam ini telah menyebabkan ramai orang-orang bukan Islam yang terus memeluk Islam. *Hadis yang berunsur positif dan yang membawa manusia kepada kesamaan, persaudaraan dan keadilan yang sebenarnya ini bagaikan sebutir bom yang meledak di tengah-tengah hutan falsafah dan memaksa sekalian ahli falsafah dan juga ahli sejarah melakukan proses 're-thinking'. Dan inilah juga hadis yang telah digunakan oleh para pendakwah dan mubaligh dalam mengembangkan syiar Islam.*

Namun, biar bagaimanapun, para pemimpin *Dinasti Bani Ummayyah* mengenenepikan kepentingan hadis tersebut. Sebaliknya mereka menghidupkan kembali fahaman *assobiyah* kerana kononnya dengan cara yang demikian itu kerajaan mereka akan berjaya, dan matilah segala musuh-musuh mereka. Mereka lebih mementingkan *puak-puak* mereka dan tidak berlaku adil dalam soal-soal keadilan. Mereka terlupa bahawa Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

"Adapun rosaknya sesuatu kaum itu adalah kerana bila mereka dari golongan bangsawan melakukan jenayah, mereka itu tidak di adili dan di hukum tapi bila rakyat biasa yang melakukannya, mereka akan dihadapkan di mahkamah dan dihukum dengan serta merta".

Untuk menunjukkan kepada umatnya bahawa tidak ada satu manusia pun yang boleh terlepas dari muka pengadilan, baginda pernah bersumpah:

“Demi Allah, andaikata puteriku Fatimah mencuri, maka akan ku potong tangannya”.

Itulah janji Nabi SAW. Dan itulah Islam yang dibawa oleh Nabi. Tidak ada manusia yang istimewa di sisi Allah. Tidak ada manusia yang boleh terlepas dari pengadilan. Dan tidak ada manusia yang *‘above the law’*, sekalipun puteri baginda yang amat dikasihi oleh Allah SWT.

Tapi *Muawiyah* dan pemerintah-pemerintah *Bani Ummaiyah* tidak akur kepada cara Rasulullah SAW itu. Sebaliknya mereka menghidupkan *assobiyah*, mewujudkan manusia-manusia *‘above the law’*, mengamalkan politik *nepotisme*, dan memulakan ciri-ciri *feudalistik* dalam pemerintahan mereka.

Mereka tidak mengambil kakitangan kerajaan kecuali dari kaum kerabatnya atau pengampu-pengampu istana. Harta BaitulMaal yang semestinya dibagikan kepada fakir miskin dan pada orang yang berhak diberikan kepada sanak saudaranya, kerabat dan pengampu-pengampu istana. Ulamak-ulamak yang menentang kebijaksanaan kerajaan di tangkap dan ada juga yang dibunuh terutamanya anak keturunan nabi SAW yang menjadi musuh utama mereka dan masih dicintai oleh ramai rakyat. Rakyat pula mahukan keturunan Nabi ini menjadi pemimpin-pemimpin negara.

Rakyat bersimpati kepada mereka kerana mereka mahu menghidupkan semula ajaran-ajaran Islam secara menyeluruh. Mereka orang-orang yang bertaqwa tinggi dan berhati luhur dan mereka sanggup mengorbankan harta keluarga dan jiwa demi untuk mewujudkan suasana Islam yang penuh dengan kedamaian dan keadilan.

Tapi simpati tinggal simpati sahaja. Rakyat masih takut dengan kekerasan kerajaan, dan kerajaan mengancam sesiapa sahaja yang bergaul dengan para ulamak yang anti kezaliman dan kedurjanaan.

Tapi agama tetap agama. Walau apa pun yang dilakukan oleh kerajaan untuk menutup mata dan hati rakyat agar jangan terpengaruh dengan ulamak-ulamak yang menyatakan kebenaran tidak boleh berjaya sepenuhnya.

Agama itu adalah sesuatu yang sesuai dengan fitrah manusia. Manusia takkan boleh hidup dengan sempurna tanpa agama Islam. Tanpa Islam, kehidupan seluruh umat manusia ini menjadi kehidupan yang berdasarkan '*survival of the fittest*'. Inilah '*law of the jungle*' yang begitu berbeza dengan hukum-hukum Islam.

Menyentuh kesesuaian *fitrah* manusia dengan *agama* itu, biarlah saya ceritakan satu lagi cerita dalam sejarah Islam. Saya kira anda pembaca tentu seronok membaca cerita-cerita yang saya turunkan dalam buku-buku saya. Lagi pun cerita-cerita jenis ini bukan senang nak dapat, sebab ulamak-ulamak pun tak mahu menceritakan cerita-cerita yang semacam ini. Mereka takut kalau-kalau nanti mereka kena '*mark*' dengan manusia-manusia '*above the law*'.

Ada juga yang bertanya saya mengapakah saya menurunkan cerita-cerita ini di dalam buku-buku saya, padahal buku-buku saya adalah mengenai politik. Jawapannya mudah sahaja. Kalau orang-orang politik dan juga puak-puak *feudal* tak mampu nak belajar dan mengambil iktibar dari cerita-cerita politik, mungkin cerita-cerita agama yang berlaku dalam sejarah Islam dapat sedikit sebanyak mengajar mereka.

Cerita pertama saya dalam bab ini ialah mengenai seorang manusia yang bernama Hisyam Bin Abdul Malik. Dia ini jenis manusia yang berdarjat-darjat, manusia yang tak makan saman sebab dia adalah putera mahkota yang bakal mewarisi kerajaan *dinasti* Bani Ummaiyah.

Maka suatu hari Hisyampun pergilah ke *Baitullah* untuk menunaikan fardhu Haji dengan dikawal dan diiringi oleh

sekelian pengawal dan juruiring. Sementara Hisyam mengerjakan ibadat tawaf, pengawal-pengawalnya telah mengawal sekeliling **Masjidil Haram** dan menegah jemaah lain untuk melakukan tawaf supaya memudahkan *Putera Mahkota Hisyam* mengerjakan ibadat itu. Tapi bila Hisyam mahu mencium Hajar Aswad, pengawal-pengawalnya telah gagal meleraikan ribuan jemaah yang sedang melakukan pekerjaan yang sama. Hisyam tak ada jalan lain melainkan duduk sahaja di situ dengan diiringi oleh para pengawalnya sambil menantikan redanya manusia.

Sedang Hisyam duduk, tiba-tiba di tengah-tengah kumpulan manusia yang besar itu, muncullah seorang yang berseri-seri wajahnya, penuh dengan kekusyukan, ketenangan dan kewibawaan. Dia bertawaf dengan senang dan tatkala dia akan mencium Hajar Aswad semua orang memberi ruang dan mempersilakannya dengan penuh hormat. Dia pun mencium Hajar Aswad dengan penuh khusyuk tanpa sebarang gangguan.

Melihatkan keadaan yang menghairankan itu, para pengawal pun bertanya kepada Hisyam, "Siapakah orang itu Tuanku?"

"Entahlah saya tak kenal siapakah orang itu?" jawab Hisyam. Dia pura-pura tak kenal. Namun hatinya berasa malu dan hairan.

Kebetulan ketika seorang penyair terkemuka bernama Farozdaq ada bersama-sama Hisyam. Dia mencelah, "*Hai Paduka Tuanku..... Masakan Tuanku tak mengenali akan gerangan orang itu, sedangkan bumi Tanah Haram ini pun mengenali akan dia.*"

Mendengar kata-kata Farozdaq itu, Hisyam jadi menyinga. Farozdaq dimurkai dan diperintahkan supaya ditangkap dan dicampakkan ke dalam penjara.

Sebenarnya orang yang bertawaf dan kemudian mencium batu hajar Aswad itu ialah **Imam Ali Zainal Abidin** iaitu cucu

kepada Imam Ali Bin Abi Talib. Maka itulah sebabnya Hisyam tak suka. Dia anak raja dan patut dimuliakan, tapi rupa-rupanya manusia lebih mementingkan orang yang bertaqwa dan berhak terhadap Allah SWT.

Rasulullah SAW sendiri pernah bersabda yang mahfumnya:

“Barangsiapa yang takutkan kepada Allah, maka segala sesuatu akan takut kepadanya”.

Tapi *Muawiyah* tidak mengindahkan sabda-sabda Rasulullah SAW. *Dia melantik orang-orang yang bernafsu buas dan yang mahu mempertahankan kerusi mereka walaupun terpaksa menentang kebenaran. Misalnya, Hajaj Bin Yusof yang dilantik menjadi Gabenor Iraq pernah memenjarakan sebanyak 100,000 ulamak.*

Cerita Hajaj Bin Yusof ini memang patut dijadikan contoh kepada mereka yang berdarjat-darjat dan yang mahu merebut kuasa untuk kepentingan diri sendiri. Ada pun salah satu dari kisah menarik Hajaj bin Yusof ini saya petik seperti berikut:

Tatkala rakan seperjuangan *Said bin Jubair* di tangkap oleh Hajaj bin Yusuf, maka Said telahpun lari sebagai buruan.

Dia bersembunyi di rumah salah seorang dari muridnya. Walaupun dalam keadaan persembunyian majlis pengajiannya tak terputus, bahkan terus berjalan sebagaimana biasa.

Di dalam majlis yang serba sederhana itu dia telah menyampaikan kepada murid-muridnya sabda Rasulullah SAW yang mahfumnya:

Tidak tergelincir kaki seorang hamba nanti di hari kiamat kecuali akan di tanya empat persoalan;

1- Tentang umurnya,... di habiskan untuk apa?

2- Tentang keremajaannya..... di pergunakan untuk apa?

3- Tentang hartanya... dari mana di perolehi dan dibelanjakan untuk apa??

4- Tentang ilmunya, sejauh mana di pergunakannya?

“Wahai anak-anakku... Hadis ini mengena juga pada kalian sebagai penuntut ilmu. Nanti ALLAH akan menanyakan, sejauh mana kalian mengamalkan ilmunya..? Sebagaimana ALLAH akan menanyakan pada semua orang mukalaf tentang nikmat yang diberikan pada mereka,” jelas **Said** kepada murid-muridnya.

Said juga menekankan bahawa *nikmat hidup, nikmat remaja, nikmat harta dan nikmat ilmu adalah nikmat-nikmat yang kerananya manusia berbeda dengan haiwan.*

“Anak-anakku sekalian!!? Ilmu adalah nikmat ALLAH yang tinggi, ALLAH akan memberikan pada hamba-hambanya yang ia kehendaki termasuk mensyukuri nikmat Ilmu ialah mengamalkan dan mengajarkannya pada manusia. Barang siapa yang berilmu dan beramal sesuai dengan ilmunya maka ia dikatakan ALIM Robani. Barang siapa berilmu lalu dia menyimpannya sedangkan manusia sedang memerlukannya maka ia akan dibelenggu dengan api neraka di hari kiamat kelak dan bagi yang berilmu kemudian tidak beramal sesuai dengan ilmunya maka ia bagaikan seekor keldai yang membawa kitab-kitab belaka. Oleh kerana itu, Nabi amat khuatir pada umatnya kelak menjadi orang munafiq yang alim”.

Sebahagian muridnya tercengang dan bertanya,.. “Wahai guruku!... Apakah ada orang ALIM yang munafiq?”

“Ada!” Jawab Said dengan tegas. “Orang yang Alim lidahnya dan kosong hatinya, kepalanya penuh dengan ilmu dan hatinya lalai... Tiada kusyuk.

“Apa tandanya kusyuk?” tanya murid itu lagi.

“Tandanya mereka menjauhi dari maksiat”.

“Apa benda yang boleh membantu manusia untuk mendapatkan kekusyukan”?

“Ingat mati dan ingat akhirat, kerana itu semua boleh menerangkan hati dan menyedarkan diri dari tipu daya dunia. ALLAH telah meninggalkan pada kita dua penganjur, yang pertama Al-Quran dan keduanya mengingati mati”.

Muridnya termenung seketika dan kemudian bertanya lagi; “Kalau demikian... apakah seorang mukmin itu mesti membenci dunia..?”

“Tidak!” ujar Said. “Sesungguhnya hari-hari yang dilalui oleh seorang mukmin itu merupakan keuntungan yang besar. Dengan kehidupan ia boleh beribadah pada Allah, membantu sesama manusia dan memperbaiki diri sendiri. *Dunia di mata seorang mukmin adalah ladang akhirat, sekarang menanam, kelak di akhirat menuai*”.

Setelah memberikan jawapannya itu, Said pun mengalakan pandangannya ke arah sekelian anak murid beliau.

Kemudian Said pun berkata, “Berhati-hatilah, dunia ini akan melalaikan akhiratmu kerana *ALLAH memberikan harta pada orang yang ia kasihi dan pada orang yang ia benci, tapi ALLAH SWT tidak memberikan Ilmu kecuali pada orang yang ia kasihi saja*. Akan tetapi sebagaimana maklum orang tak kan mengenali agama kecuali dengan ilmu, tak guna ilmu melainkan di sertai dengan amalan dan amalan tak bererti kalau tanpa ikhlas.”

“Sepertinya ini wasiat terakhir,” kata salah seorang muridnya.

“Mungkin juga... Siapa tahu... kemungkinan ini akhir perjumpaan kita di dunia fana ini,” kata Said.

“Semoga ALLAH memanjangkan umur Ustaz dan mengabadikan kebaikannya,” ujar seorang murid lain.

“Apakah kalian mengetahui bahawa penguasa di sini telah mengupah *spynya* untuk menangkap saya, dan tentunya mereka tiada menangkap ku kecuali untuk membunuhku”.

“Kami akan melindungi Ustaz dengan darah dan jiwa kami serta semua tenaga yang kami miliki,” seru anak-anak muridnya.

Said terangguk-angguk dan kemudian mengumumkan, “Sesungguhnya kematian adalah akhir bagi semua yang hidup, *sesiapa yang tidak mati dengan pedang akan mati dengan cara lain... Rasa mati kerana benda kecil, sama dengan rasa mati kerana benda besar.* Saya berdoa sebagaimana do'anya orang-orang solihin. **“Wahai tuhanku, limpahkan kesabaran padaku, dan matikan kami dalam keadaan Islam.”**

Selepas selesai membaca doa tersebut, Said menceritakan pengalaman masa lalu beliau.

“Wahai anak-anakku... saya dahulu pernah duduk bersama dua orang sahabatku. Waktu itu kami kesemuanya berdoa agar ALLAH mengurniakan pada kita *“syahadat”* atau mati syahid. Doa mereka berdua telah dikabulkan oleh ALLAH dan merekapun telah di tangkap oleh penguasa yang zalim ini. Namun sekarang tinggal aku seorang diri dan sampai sekarang saya masih menunggu... bila ALLAH mengkabulkan doaku”.

Seorang murid bertanya, “Wahai Ustaz! Mengapa kita diam terhadap raja yang amat zalim ini?”

“Wahai anakku... kita mempunyai kewajiban terhadap Allah yang mesti kita lakukannya. Kami telah berkomplot dengan

para ulamak untuk melawan raja zalim ini, kami telah tinggalkan semua kitab-kitab dan kami telah menggantikan pena dengan pedang dan dakwat dengan darah syuhadat. Namun rupanya Allah masih memanjangkan umur saya. Mungkin ini semua merupakan cubaan terhadap iman kita,” jelas Said.

“Apakah berdosa bagi seorang ulamak yang kalah melawan orang-orang yang zalim?”

“Oh.. tidak.. wahai anakku. Kecuali kita rela dengan kemungkaran dan membantu kezaliman itu. Kita boleh melawan dengan sekadar apa yang kita punyai dan sekuat kemampuan yang ada pada kita. Sesungguhnya *Allah tidak bertanya mengapa kamu kalah?* Tetapi *Allah SWT akan bertanya, mengapa engkau tidak berbuat sesuatu?*”

“Tapi... apakah *haq* itu sudah mulai lemah, ulamaknya dibunuh dan pendukungnya pun disiksa, manakala yang *bathil* dalam keadaan senang, berfoya-foya, berbuat apa saja dan menghukum siapa yang ia kehendaki. Bukankah kita bersama *haq* dan mereka itu *Bathil..?*” tanya salah seorang muridnya yang bernama Umair dengan penuh serius dan kehairanan.

“Apakah anda ragu akan *haq*? Demi Allah.. Seandainya aku dicincang dan badanku dipotong-potong, aku tak akan ragu bahawasanya aku berada dalam *haq*,” jelas Said lagi dengan penuh semangat.

“Apa pendapat Ustaz..? Mengapa kita selalu kalah dan mereka sentiasa menang?” tanya Umair lagi.

“Kekalahan itu, jika kita ragu dengan apa yang kita perjuangkan atau terpedaya dengan keperkasaan musuh. ...Seorang yang membela *haq* mesti menang, walaupun diperjuangkan oleh orang yang tak punya kaki. Sebagai contoh:

Sewaktu hijrah, sebahagian sahabat Nabi ada yang di usir dan ada pula yang dibunuh dan

sebahagian mereka lari bersembunyi di gua. Nah... apakah ini kekalahan bagi Rasullulah?

Ketika itu semua murid beliau terdiam dan Said kemudian meneruskan penjelasannya,

“Apakah ada orang mukmim yang menyatakan Nabi kalah sedangkan dimana Allah telah berjanji untuk membantu dan menolong Nabinya?”

Di saat ini Umair mencelah; “Maaf, Ustaz! Saya melihat hampir semua ulamak mengalami bermacam-macam rintangan, tentangan dan berbagai-bagai cubaan. Tapi orang zalim yang membuat kerosakkan di atas bumi dan penyebar kemungkaran itu selalu dalam kesenangan serta penuh keseronokan”.

“Sabarlah wahai anakku... Seorang ulamak atau pewaris Nabi memang selalunya menghadapi cubaan sebagai ujian daripada Allah, yang nantinya akan nampak siapa yang betul-betul ikhlas untuk menegakkan kebenaran atau agama Allah. Dan mereka yang zalim sentiasa senang, ini pun merupakan cubaan juga. Allah telah memberikan semua kesenangan dunia sehingga mereka lupa akan akhirat sebagai tempat tinggalnya yang abadi. Tatkala mereka sedang mabuk dan tenggelam di tengah-tengah keseronokan duniawinya tiba-tiba ajalnya datang maka kebingunganlah mereka. Sabarlah anakku, sesungguhnya ini adalah sunatullah. Hari ini untuk mereka dan esok untuk kita”.

Kemudian Said menghalakan pandangannya ke arah Umair dan bertanya, “Fahamkah..kamu Umair, atau masih ada keraguan?” Jika masih demikian anda perlu membaca Al-Quran sekali lagi dengan meneliti dan memperhatikan makna-

maknanya. Apakah anda tidak membaca ayat yang berbunyi, yang Mafhumnya: **Alif. laam. Miim.**

“Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan mengatakan, “kami telah beriman” sedangkan mereka tidak diuji lagi!!”

“Terima kasih banyak, wahai Ustaz... dan demi Allah saya sekarang menyukai bala dan cubaan,” jawab Umair.

“Tidak wahai Umair, orang mukmin menyukai kesihatan dan kedamaian, mereka tidak mengharapkan bala, tapi jika mereka terpaksa menghadapi cubaan mereka bersabar”.

Tiba-tiba sedang majlis itu berlangsung datanglah seorang anggota polis.

“Jangan ada yang bergerak... Siapa diantara kalian yang bernama Said bin Jubair?” tanya polis itu sambil menghadap majlis.

“SAAAYYAA,” jawab semua murid dengan serentak dan nyaring.

“Apakah semuanya bernama Said bin Jubair?” tanya polis dengan kehairanan.

“Betul, kami semua bernama Said bin Jubair.” jawab semua murid dengan tegas.

“Said bin Jubair, satu ataupun sepuluh? Cepat.. tunjukkan padaku, kalau tidak saya akan laporkan dan kamu semua akan mendapat siksa,” bentak polis itu dengan nada yang mengancam.

“Akulah Said bin Jubair,” jawab salah seorang murid.

Tak lama kemudian berdirilah murid yang lain dan berkata, “Tidak, akulah Said bin Jubair.”

“Demi Allah, mereka berdua itu berbohong akulah Said bin Jubair,” kata murid yang lain pula.

“Anda bersumpah bahawa anda ini Said bin Jubair?” tanya polis itu kepada murid yang ketiga.

“Sebenarnya sayalah Said bin Jubair!! Mereka semua adalah anak murid saya. Said bin Jubair telah berumur 57 tahun, sedangkan mereka masih muda, bagaimana engkau percaya mereka..?” kata Said bin Jubair sambil menunjukkan seluruh badannya.

“Betul...”, anggota polis itu bersetuju. Tapi mengapa engkau bersembunyi?

Anggota polis itu lalu menghadap murid-murid yang mengaku bahawa mereka itulah Said Bin Jubair dan berkata, “Wahai murid... mengapa engkau bersumpah bahawa engkau adalah Said? Penuntut ilmu agama tapi bersumpah palsu!”

“Maaf”, jawab seorang daripada mereka. “Saya tidak bersumpah palsu, saya mengatakan bahawa saya adalah Said kerana Said itu maknanya BAHAGIA. Demi ALLAH, bahawa kebahagiaan mana yang lebih tinggi dari mati syahid ... jika sekiranya saya di bunuh demi melindungi ulamak Islam..?”

“Ooh.. saya belum pernah melihat pembelaan dan sukarelawan seperti ini. Bagaimana ini boleh terjadi.” kata polis itu sambil menunjukkan rasa menyesal. “Semoga Allah memampuskan Hajaj! Mengapa dia menjadikan saya sebagai penganiaya kaum muslimin dan mengazab ulamak? Ini adalah seburuk-buruk tugas,” kata polis dalam hatinya.

“Demi Allah.. wahai Ustaz, saya tak akan menangkap engkau ...akan tetapi jangan cakap pada seorangpun, kerana jika Hajaj tahu saya akan dibunuhnya. Saya cadangkan agar ustaz meninggalkan tempat ini dan pindah ke tempat lain yang jauh

dari manusia. Semoga Allah menjagamu wahai Said dan selamat tinggal." do'a polis itu untuk Said.

Dan selesailah majlis pengajian. Nampaknya Said bin Jubair macam tidak mengindahkan cadangan polis itu. Keesokan harinya, Said pergi ke hujung kota Mekah dan tinggal di sana. Namun tak lama kemudian datang seorang kawan Said yang bernama Abu Hussain. Abu Hussain baru saja datang dari pusat bandar dan menceritakan kepada Said bahawa gabenor Mekah telah bercakap pada rakyat di suatu majlis terbuka menyatakan "jika saya menemukan Said maka dia akan saya bunuh dan aku akan hanguskan rumahnya. Wahai rakyatku semua..., saya kasi masa padamu hanya tiga hari untuk menangkapnya. Cepat tangkap dia."

"Sebaiknya anda pergi dari tempat ini kerana gabenor telah mengetahui tempat persembunyianmu." Abu Hussain mencadangkan kepada Said Bin Jubair.

"Saya dah malu sama Allah. Berkali-kali saya lari dan bersembunyi. Sekarang aku akan menghadapi segala apapun yang akan terjadi." jawab Said dengan tegas.

Hanya beberapa saat saja, setelah keluarnya Abu Hussain dari rumah Said datang orang lain mengetuk pintu rumah Said.

"Hai Ustaz..! Gabenor telah mengetahui bahawa engkau di sini, oleh kerana itu saya diutuskan kemari untuk menangkapmu, tapi.. saya berlindung kepada Allah dari perbuatan demikian. Saya cadangkan agar Ustaz pindah tempat dan aku akan bersamamu." kata orang yang baru masuk itu.

"Saya dah malu sama Allah, saya sentiasa lari dan bersembunyi, kali ini saya berserah kepada takdir Tuhan," jawab Said.

"Kita lari dari takdir menuju pada takdir lain, kami takut azab akan turun jika semua ulamak ditangkap. Percayalah

padaku kita pergi sebagaimana perginya Nabi Musa dari Firaun dan Musa berdoa:

“Ya Allah.. Selamatkan aku dari kaum-kaum yang zalim, kata tamu baru itu”.

“Percakapanmu sungguh berkesan padaku tetapi apakah engkau mempunyai keluarga dan anak di sini,” tanya Said.

“Ya, saya ada anak isteri di sini,” jawab orang itu itu.

“Saya agak Musibah akan menimpa keluargamu sebagaimana yang telah menimpa keluargaku”.

“Saya sudah berserah kepada Allah,” jawab orang itu dengan penuh tawakal.

“Tidak... tidak... Saya tidak ingin menjadikan seorang muslim tertimpa musibah kerana saya. Terima kasih atas kebaikan dan keikhlasan niatmu. Laksanakanlah tugasmu dan taatilah perintah Gabenor Mekah untuk menangkapku”.

“Gabenor akan membawamu ke Hajaj dan engkau telah mengetahui bahawa, Hajaj adalah seorang yang angkuh, degil, kejam dan tak kenal arti kemanusiaan,” kata orang itu lagi.

“Terserahlah,” jawab Said. “Kita sudah berserah kepada Allah. Tak mengapalah laksanakanlah tugasmu”.

Dengan sedih hati orang itu pun melaksanakan tugasnya dan membawa Said bin Jubair kepada penguasa setempat dan kemudian di bawa ke penjara.

Secara kebetulan di dalam penjara terdapat dua orang kawan seperjuangannya, mereka yang tertangkap dahulu bernama Syakbi dan Matraf. Di penjara mereka pun selalu berbincang-

bincang. "Apa yang engkau lihat dalam mimpimu malam tadi," tanya Syakbi kepada Matraf.

"Saya amat bergembira kerana aku melihat benda yang amat indah, mungkin ini sebagai tanda bahawa saya akan keluar dari penjara yang sempit ini," jawab Matraf.

"Tidak mesti, kita berbahgia jika kita telah keluar dari penjara, kebahagiaan itu jika kita selalu teguh pada kebenaran. Nabi Yusuf memilih penjara daripada hidup yang penuh fitnah," jawab Said yang telah duduk di sebelah mereka berdua.

"Akan tetapi ini bukan hanya penjara saja tapi juga penyiksaan dan pembunuhan," kata Syakbi.

Mendengarkan perbualan itu, Said pun membaca ayat Al-Quran.

"Apakah engkau akan menyerahkan kepalamu pada **Tohgut** yang tak takut pada Allah dan sedikit pun tak ada belas kasih pada sesama manusia," tanya Matraf.

"Lalu kenapa kalau kepala Said bin Jubair melayang kerana hanya mempertahankan Aqidah?" tanya Said.

"Tapi... kalau hati kita tetap iman hanya dalam lisan saja kita berucap.... wahai Said?" tanya Syakbi menguatkan pendapat Matraf.

"Di dalam keadaan terdesak kita berbohong tak apa? Perbuatlah sebagaimana kita berdua akan berbuat sehingga selamatlah kepala kita," Matraf mencadangkan.

"Kepala Said bukan lebih mulia daripada kepala Nabi-Nabi. Apakah kepala Nabi Zakaria

tidak digergaji? Tidakkah Yahya di sembelih. Tahukah engkau bahwa Nabi bersabda, sebaik-baik jihad mengucapkan perkataan haq di hadapan raja yang zalim. Bukankah Umar, Usman, Ali, Husain R.A. mati di bunuh?" Jelas Said.

"Betul... dan kitapun sudah mengutarakan kalimat yang haq di hadapan Raja dan kami telah mempertahankannya walaupun dengan peperangan sehingga merengkok dalam penjara... tapi kita sabar sambil menunggu sampai datangnya kesempatan lain yang bagus," ujar Syakbi pula.

"Saya tetap akan berteduh di bawah kalimat haq samada hidup maupun mati", Said mempertahankan prinsipnya, dan saya akan terus melawan Tohgut di atas kalimat ini."

Sedang mereka berdebat-debat itu maka masuklah seorang penjaga penjara ke bilik Said. Mereka bertiga terus terdiam.

"Mengapa kalian senyap?" tanya warden itu.

***"Beruntunglah bagi sesiapa... yang jika berca-
kap pada hal yang mustahak dan diam ter-
hadap benda yang tak berguna,"*** jawab Said.

"Wahai Sheikh!! Aku lihat engkau adalah orang yang baik, alim dan warak. Bagaimana pendapatmu mengenai pembantu-pembantu Raja yang zalim," tanya warden itu lagi.

***"Pembantu-pembantu orang zalim kelak akan
menyalak di Jahanam bagaikan gonggongan
anjing menyalak".***

"Pada pendapat ustaz, apakah saya ini termasuk pembantu-pembantu kezaliman?"

"Bukankah engkau telah membantu untuk menyiksa hamba-hamba Allah? Allah SWT tatkala melaknat dan meneng-

gelamkan FIRAUN, dia melaknat dan menenggelamkan pembantunya juga”.

“Betul... betul... dan saya pun tak boleh mengingkari,” warden itu mempersetujui.

“Seumpama gabenor tidak tahu akan kekejamanmu dan kekerasanmu tak mungkin engkau ditugaskan di sini,” Said menambah kata.

“Sebenarnya saya hanya mencari rezeki saja, kalau tidak bekerja demikian akan laparlah anak dan isteriku”.

“Janganlah anda khawatir, rezeki Allah SWT berada di semua tempat. Jika engkau berkehendak untuk mendapatkan rezeki, jangan mendekati orang yang zalim. Barang siapa yang betul-betul percaya akan Allah, maka Allah pun tak akan menghampakan harapannya, dan siapa yang bertawakal pada Allah, nescaya Allah akan membuka jalan kemudahan dan akan memberi rezeki yang tidak pernah di bayangkan,” jelas Said.

Mendengar perkataan Said itu, dengan melihat ke langit dan mengangkat tangan, warden penjara pun berdoa: “YA ALLAH engkau telah mengetahui bahawa saya pembantu orang zalim padahal hati kecilku melaknat mereka.

YA ALLAH, aku berlindung padamu dari perbuatan zalim atau pembantu kezaliman.

YA ALLAH, ampunilah dosa-dosaku yang telah ku lakukan dan berilah kemudahan pada sisa umurku ini”.

Selang beberapa hari kemudian, mereka (para ulamak) dihadapkan kepada Gabenor Mekah. Hajaj bin Yusuf, dengan marah dan penuh kesombongan berkata: “Bawa kemari ulamak jahat itu”.

“Siapa nama kamu?” tanya Hajaj pura-pura tidak tahu.

“Nama saya Said bin Jubair,” jawab Said dengan tegas.

“Nama kamu bukan Said bin Jubair, tapi Syaqi bin Kusair (kerana Said itu maknanya orang yang bahagia tapi Syaqi maknanya orang yang celaka)”.

“..Ibuku.. lebih tahu tentang nama saya daripada engkau,” jawab Said dengan berani.

“Kamu dan mak kamu sama-sama celaka,” bentak Hajaj.

“Orang celaka itukan hanya orang yang masuk jurang api neraka... Apakah engkau tahu hal yang ghaib?” tanya Said pula tanpa sebarang perasaan takut.

“Mengapa engkau lari dan bersembunyi?” tanya Hajaj sambil mengalihkan percakapannya.

“Saya lari sebagaimana Musa lari daripada Firaun”.

“Apakah engkau menyindir aku sebagai Firaun”.

“Saya hanya mengulangi kenyataan”.

“Hai... Said! Kau ini orang mukmin ke atau orang kafir?”

“Saya tak pernah kafir setelah saya beriman”.

“Hai munafik! Engkau mengaku beriman? Demi Allah, aku akan pancung kepalamu,” bentak Hajaj lagi.

“Jika demikian, tepatlah mak yang memberi nama aku Said, sebab Said itu ertinya bahagia. Saya ingat tak ada kebahagiaan yang lebih tinggi daripada kebahagiaan mati syahid. Saya akan berdampingan dengan ketua Syuhada, Hamzah bin Abdul Muthalib”.

“Ha.. Haa... Engkau tak kan berdampingan dengan dia, tapi dengan orang Khawarij. Dan aku akan bagikan padamu di dunia ini api neraka”.

“Kalau saya tahu bahawa engkau yang menentukan daripada Allah tentang syurga dan neraka tentu aku akan jadikan engkau sebagai tuhan selain daripada Allah”.

“Celakalah engkau!! Mampus!!” Hajaj semakin marah.

“Celaka itu hanya orang yang masuk api neraka,” jawab Said dengan bersahaja.

Kemudian Hajaj mengalihkan pada pertanyaan-pertanyaan lain untuk mengetahui pendapat Said tentang beberapa sahabat.

“Apa pendapatmu tentang khulafaur Rosyidin..? Dan siapa di antara mereka yang paling mulia?” tanya Hajaj.

“Saya bukan wakil mereka dan saya pun bukan penjaga mereka,” jawab Said yang menambahkan kemarahan Hajaj.

“Siapa yang anda cintai di antara mereka?” tanya Hajaj lagi.

“Yang paling diredai oleh Tuhannya”.

“Siapa diantara mereka yang paling diredai oleh Tuhan?”

“Itu semua Allah yang mengetahui.”

“Apa pendapatmu tentang Muawiyah..?”

“Saya masih sibuk untuk memeriksa diri saya sendiri daripada memeriksa orang lain”.

“Engkau lari dari jawapan,” Hajaj cuba mendesak

Dengan mengutip Sabda Nabi SAW Said menjawab,

“Beruntunglah bagi seseorang yang memerhati dirinya sendiri daripada diri orang lain.

“Apa pendapat anda mengenai peperangan Ali dan Muawiyah?” tanya Hajaj selanjutnya.

“Pertumpahan darah itu saya tidak ikut menyertainya, jadi saya tidak boleh komen terhadapnya,” jawab Said pula.

“Apa pendapatmu tentang diriku?”

“Tentulah engkau lebih mengetahui tentang dirimu sendiri”.

“Tapi, saya ingin mendengar pendapatmu”.

“Engkau pasti menyesal nanti”.

“Tak Apa! Cakaplah”.

“Jika sekiranya engkau tidak menentang Al-Quran dan sunnah Nabi, itu baik. Tapi engkau ingin menampakkan kewibawaanmu, mengabadikan kerajaanmu. Ketahuilah bahawa semuanya itu bahkan akan menghancurkan kamu dan kelak engkau melihat dan menerima hisab daripada Allah SWT,” jawab Said dengan berani.

“Said!!,” bentak Hajaj “Bukankah saya telah mengutuskan angkatan askar untuk berjihad di jalan Allah? Tidakkah aku telah mengutuskan Mohammad bin Qasim untuk membuka Negeri Sindi?”

“Betul”, Said mempersetujui tetapi engkau sombong, angkuh, kejam dan selalu mengalirkan darah orang mukmin. Nabi besar bersabda yang mahfumnya: ***Hilangnya dunia ini di sisi Allah lebih ringan daripada terbunuhnya seorang muslim. Bagaimana dengan seseorang yang sudah membunuh berpuluh-puluh ribu orang muslim?? Hai, Hajaj!! Engkau nak jadikan hamba-hamba Allah sebagai hambamu, mereka mesti taat padamu walaupun pada kebathilan, sedangkan agama kita tak memperbolehkan taat kecuali pada Makruf saja (kebaikan)***”.

Hajaj menoleh ke belakang dan menyuruh pembantunya mengambil perhiasan-perhiasan mewah dari mutiara, emas dan perak lalu berkata pada Said.

“Bagaimana dengan perhiasan-perhiasan ini? Apakah kamu ingin memilikinya?” tanya Hajaj dengan nada merayu.

“Aku tak suka apa-apa yang Allah tak menyukainya,” Said menolak.

“Mari kita tinggalkan ini semua, Said.. saya dengar bahawa engkau tak pernah ketawa selama ini. Mengapa demikian?” tanya Hajaj dengan nada menyindir.

“Saya belum pernah menemukan hal yang menggelikan hati di dunia ini. Bagaimana seseorang akan ketawa padahal ia akan melewati jambatan nipis di atas jurang api jahanam. Semua manusia akan melewatinya dan kita tak tahu.., samada kita selamat ataupun terjatuh”.

“Bagaimana kalau saya tertawa?” tanya Hajaj.

“Hati manusia memang tidak sama”, jawab Said.

“Apakah anda ingin mendengar muzik?”

“Saya masih sibuk dengan hal-hal yang lain. Jauhkan dahulu itu dari aku”.

Hajaj memerintahkan pembantu-pembantunya lagi untuk mengambil peralatan muzik dan menyuruhnya untuk meniupkan seruling. Tiba-tiba Said menangis tersedu-sedu setelah mendengar suara seruling itu.

“Said, muzik inikan seronok!! Tapi mengapa engkau menangis?” tanya Hajaj.

“Saya teringat akan datangnya hari kiamat yang mana dimulai dengan tiupan sangkakala,” jawab Said sambil tersedu-sedu.

“Sekarang terserahlah padamu.. Apakah engkau pilih untuk dibunuh?” Hajaj mengemukakan pilihan terakhir untuk Said.

“Sesuka hatimu Hajaj... Demi Allah engkau tidak membunuh aku kecuali Allah akan membunuhmu di Akhirat nanti”.

“Oh... Aku tetap akan membunuh kamu! ..Ceellaka.. aku akan bunuh kamu dengan cara yang belum pernah saya lakukan samada dahulu atau sesudahnya. Wahai pembantu, ambil pedang dan ikatkan Said di tiang gantung”.

Kemudian terlihat mulut Said tersenyum di tiang gantung itu.

Melihat senyuman Said itu, Hajaj terkejut. “Said!! Tadi engkau kata bahawa di dunia ini tiada hal yang boleh menterawakanmu. Mengapa sekarang engkau tertawa sedangkan semestinya engkau sekarang ini menangis?”

“Saya tertawa kerana melihat keberanianmu terhadap Allah dan kemurahan Allah terhadap kamu”.

Dengan nada marah, Hajaj menyatakan.. “Paanccuung!!” Dan waktu itu Said menghadap ke kiblat sambil membaca ayat yang mafhumnya:

“Saya telah menghadapkan wajahku pada yang menciptakan langit dan bumi...”

“Palingkan dia ke belakang.. agar menghadap ke kiblat Nasrani/Kristian!!” seru Hajaj pada pembantunya dan Said pun tersenyum sambil membaca ayat lain yang mafhumnya:

“Dan ALLAH berada di timur dan di barat, dan di mana saja kamu berada maka ALLAH pun berada di sana.”

Dengan muka yang membara.. Hajaj memerintahkan orang bawahannya, “Tundukkan mukanya ke tanah.”

Dengan suara yang indah Said membaca ayat lagi yang mafhumnya:

“Dari padanya (tanah) kita di ciptakan dan kita akan di kembalikan ke tanah juga...”

“Bunuh, Cepaaat!! Betapa hebat mulutnya dengan Al-Quran”.

“Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan kecuali Allah dan Nabi Muhammad adalah hamba dan utusannya. Ambillah aku Hajaj, sampai jumpa lagi di Akhirat nanti. YA ALLAH, Aku mohon jangan engkau serahkan pada seseorang untuk membunuh Hajaj”.

Setelah dua minggu kematian Said bin Jubair, suasana kelihatan tenang walaupun kesedihan rakyat atas kematian pemimpin agamanya masih membara. Pada suatu malam terdengar pekikan dari bilik tidur Hajaj dengan gementaran melaungkan “tolong!... tooll.. tollong!!”

“Kenapa tuanku?” tanya salah seorang pengawalnya.

“Dia nak cekik aku. Dia nak bunuh aku.” rintih Hajaj.

“Siapa dia Tuanku?” tanya pengawal itu.

“SSS... Said!!”, jawab Hajaj.

“Said yang mana satu?”

“Said bin Jubair... di.. diy... dia akan mencekik aku”.

“Said bin Jubair dah meninggal dua minggu yang lepas Tuanku”.

“Bohong!! Said tak mati. Dia baru saja didepan ku, ia bagaikan unta yang besar,” jelas Hajaj dengan penuh ketakutan.

“Ini hanya bayangan belaka. Said dah terbunuh. Bukankah Tuanku yang membunuhnya”.

“Bukan.. Bukan.. Tidak... Saya tidak membunuhnya tapi mereka (pembantu-pembantu) yang membunuhnya”.

“Samada Tuanku atau mereka.. yang penting dia dah di penggal mati dan di kubur”.

“Hai.. keras kepala! Engkau menyatakan dia dah mati, baru saja dia mencekik ku. Celaka! Kalian sekarang tak ada yang percaya padaku.. pergi! Tinggalkan aku”.

Pengawal itu pun keluar dan berkata dalam hatinya!, YA AL-LAH engkaulah yang meninggikan manusia dan yang merendharkannya. Kelakuan Hajaj hari ini menunjukkan bahawa Engkau ini ada dan adil.

Tak lama kemudian, terdengar jeritan Hajaj semula dari biliknya. Hajaj seolah-olah terdengar suara di biliknya yang berbunyi, “Sesuka kamu Hajaj.. engkau tak membunuhku kecuali Allah akan membunuhmu nanti di akhirat.”

Hajaj merasa ketakutan dan gementar, “Oh... ooh... jangan bunuh aku!!” pengawal-pengawal istana masuk kebilik tidurnya semula.

“Ada apa tuanku? Jangan takut!!”

“Bagaimana aku tak takut.. bayangan ini selalu dihadapan aku! ..Itu dia.. kalian tak nampakkah?” jelas Hajaj.

“Aneh? Orang yang ditakuti oleh beribu-ribu manusia sekarang takut dengan bayangan”, kata seorang daripada pengawal itu.

“Hai!! Ini bukan bayangan TOLOL... Dia Said bin Jubair bersama darah dan dagingnya... Dia nak bunuh aku”.

“Mengapa Tuanku takut dengan pembunuhan... Selama ini berapa banyak manusia yang telah Tuanku bunuh? ..Sekarang

ini Tuanku takut.. Sekarang cubalah Tuanku rasakan apa yang telah dirasakan oleh ribuan manusia”.

“Engkau mencaci aku?!! ..celaka.. jika aku masih bertenaga kalian akan ku cekik,” bentak Hajaj.


“Ajaib... sudah diambang kematian pun masih mahu menzalimi orang ... masih sombong, angkuh. Cubalah anda berbuat baik dan bertaubat walaupun sesaat”.

“Apa salahku terhadap Said... Apa dosaku pada Said”.

Lalu Hajaj menjerit dan menjerit, sehingga terhentilah nafas beliau.

Begitulah cerita saya mengenai si alim dan si zalim. Mudah-mudahan cerita seperti ini tidak akan menakutkan mana-mana pemimpin yang zalim yang telah meragut nyawa orang-orang Islam yang tak berdosa semata-mata kerana mahu menunjukkan kuasa dan kesombongan.

Semoga kawan dan guru saya Sheikhul Al-Arqam, Ustaz Ashaari sentiasa berada di dalam peliharaan Allah.



*Jelingan tidak sama ertinya,
jelingan pemimpin mempasti,
jelingan anak takut dimarahi,
jelingan bapa mengawasi,
jelingan kawan meminta simpati,
jelingan musuh sakit hati,
jelingan perempuan jatuh hati.*

Madah Ustaz Ashaari Syeikhul Arqam



Puan Sri Norizan, janda Allahyarham P.Ramlee. Janda Almarhum Sultan Perak Sultan Yusuf. Ayahanda kepada raja Azlan Yang DiPertuan Agung yang ke sembilan. Bagaimanakah nasib janda seniman agung, janda Sultan Perak yang kini menjadi ibu tiri Yang DiPertuan Agung? Suaminya yang sudah lama meninggal dianugerahi oleh gelaran Tan Sri. Dapatkah manusia hidup dengan hanya gelaran dan bintang-bintang kebesaran saja? Semoga ada pihak berwajib yang datang menjengok, melihat penderitaan seorang Puan Seri yang layak duduk di istana bersama anakandanya, tapi hari ini Tuhan saja yang tahu akan nasibnya.



Siapakah yang bertanggungjawab meragut nyawa Korban **Memali** dengan ganasnya? Dr. Mahathir tak terlibat. Para pemimpin UMNO tak tahu menahu hal ini. Anggota polis cuma menerima arahan Datuk Musa Hitam ketika itu Menteri Dalam Negeri. Siapakah yang telah mengarahkan polis-polis supaya menembak mereka? Datuk Musa Hitam tidak berunding dengan Biro Politik UMNO untuk mengambil tindakan yang zalim dan kejam ini. Apakah pembunuh mereka yang mati syahid ini dapat hidup didalam tenteram? Mari kita semua bacakan Al-Fatihah untuk roh-roh mereka yang menjadi korban pemimpin yang zalim dan tidak mempunyai daya pertimbangan.

Oleh MAHFAR ALI

ALOR STAR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan kononnya beliau memaksa polis membuat serangan ke atas Ibrahim Libya dan pengikut-pengikutnya di Kampung Memali setahun lalu, hingga menyebabkan 18 nyawa terkorban, termasuk empat anggota polis.

Perdana Menteri berkata: "Ini adalah urusan polis. Dan urusan polis terletak di bawah Menteri Dalam Negeri."

"Malangnya kejadian itu menyebabkan kematian. Tindakan itu diambil sehari sebelum saya berlepas ke Negeri China. Esok saya nak pergi, hari ini buat kerja itu, susahlah saya."

Menteri Dalam Negeri ketika itu ialah Datuk Musa Hitam. Kejadian itu berlaku pada 19 November 1985 dan Perdana Menteri berlepas ke China pada 20 November 1985.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tindakan itu diambil seolah-olah ada orang mahu menghalangnya ke luar negeri dengan menimbulkan pelbagai angkara dalam negeri.

"Sepatutnya bila saya ke luar negeri, bukan saja jangan buat angkara dalam negeri, sebaliknya kita mesti tolong menolong supaya Umno lebih kuat dan tenang," kata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno ketika merasmikan konvensyen Umno Kedah di sini.

Pertumpahan darah

Sebelum ini, ada pemimpin Umno menuduh kononnya Perdana Menteri memberi arahan supaya polis menyerang Kampung Memali hingga menyebabkan beriakunya pertumpahan darah.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Presiden Umno turut menyangkal pelbagai tohmahan dan fitnah setengah pemimpin Umno menjelang pemilihan agung parti, 24 April ini.

"Saya terpaksa jelaskan perkara ini kerana jika saya diam, orang kata betul," katanya disambut dengan tepukan dan sorak lebih 1,000 ahli dan pemimpin Umno yang hadir di dewan persidangan Bangunan Tunku di sini.

Perdana Menteri menegaskan, dakwaan kononnya beliau cuba meletakkan anggota keluarganya dalam Umno bagi menubuhkan sebuah dinasti dalam parti adalah bohong dan fitnah.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menafikan kononnya Ketua Pemuda Umno, Encik Anwar Ibrahim, akan dilantik sebagai Perdana Menteri apabila beliau mengundurkan diri.

"Tidak ada dinasti di sini dan Umno bukan hak saya. Saya tidak boleh tentukan siapa nak ganti saya kerana semua ini terpulang kepada Umno dan ditentukan oleh Umno," tegasnya.

Mengenai sokongannya kepada Encik Ghafar Baba, Perdana Menteri mengulangi, sebagai pemimpin yang memegang jawatan Naib Presiden selama 25 tahun, Encik Ghafar memang layak menjadi Timbalan Presiden.

Menurutnya, mengikut perlembagaan, tugas Timbalan Presiden mestilah membantu Presiden.

"Kalau saya dapat Timbalan Presiden yang tidak boleh bekerjasama, sukariah sikit," kata Perdana

Berita
Minggu
12 April
1987

Bicara saman malu bekas TPM Dato' Musa arah BPR berhentikan siasat dua buah syarikat — Saksi

KUALA LUMPUR 23 Feb. — Mahkamah Tinggi hari ini dibenarkan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Musa Hitam telah mengarahkan supaya seorang pegawai pemisat kanan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dibenarkan daripada memisat dua buah syarikat di Johor Baharu.

Pegawai pemisat itu, Enck Zakaria Mohd. Esa, 51, membentah mahkamah bahawa arahan tersebut diberikan kepada Timbalan Ketua Pengarah BPR ketika itu.

"Arahan saya diarah supaya membolehkan saya daripada memisat Dapar Sdn. Bhd. dan Bakland Sdn. Bhd. dan menubuhkan bahawa saya menuruti arahan daripada kedua-dua syarikat itu," kata beliau.

Enck Zakaria memohon keterangan tersebut kerana disoal oleh peguam Abdul Razak Ahmad yang mewakili Sued Hussein Alias yang disaman oleh Dato' Musa Hitam.

Dato' Musa mengemukakan saman malunya pada bulan April 1987 menuruti gandrung ekoran surat yang beliau dakwa terkandung di dalam buku "Challenger" Sued Hussein Alias yang ditulis oleh Sued Hussein.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menamakan dua defendan lain iaitu Alnurum Sdn. Bhd. dan Pencetakan dan Perniagaan Bertan Sdn. Bhd. Beliau diwakili oleh peguam Sued Ahmad Helmy dan Pawanthuk Marican.

Pertidaraan yang disambung hari ini didengar oleh Hakim Dato' Lim Beng Choon.

Dalam keterangannya, Enck Zakaria mendakwa kedua-dua syarikat itu mengemukakan

Jerma bulat sebanyak 51 juta kepada Dato' Musa atas permohonan beliau mengarahkan supaya siasatan terhadap mereka dihentikan.

Dakwaan bahawa beliau menuruti arahan daripada kedua-dua syarikat itu, kata Enck Zakaria, adalah tidak benar.

"Penyerahan 51 juta itu dibuat oleh Pengarah Urusan Dapar Sdn. Bhd., Cement De Cruz kepada Dato' Musa. Penyerahan dan penerimaan yang dilakukan itu adalah satu kesatuan menurut Seksyen 3A(1) Akta Pencegahan Rasuah 1970," jelas beliau.

Menurut saksi itu, hasil siasatan telah mendapati bahawa Bakland adalah syarikat bernilai 51 yang menerima peruntukan 1,400 ekar tanah di Johor Baharu daripada seorang ahli perniagaan Singapura, Ng Eng Tee pada harga yang dipersetujui sebanyak 515 juta.

Enck Zakaria juga memberitahu 30 peratus daripada saham Bakland dibenuturkan kepada UMNO Johor dan salah seorang pengarah Bakland, Dato' Yusof Swauman telah diamanatkan untuk meniaga kepimpinan UMNO itu.

"Dapar Sdn. Bhd. juga menjalankan kerja-kerja pembinaan Holiday Inn dan Holiday Plaza yang terletak di antara Taman Melodies dan Taman Century di Johor Baharu," tambah beliau.

Pegawai pemisat itu juga berkata tanah tapak pembinaan bangunan tersebut adalah tanah rezab bagi perkhidmatan dan bukan untuk tujuan perdagangan.

Begitumana, kata beliau, Menteri Besar ketika itu, Tan Sri Haji Osman Saat telah memutuskan penukaran tanah rezab per-

pantan kepada tanah perdagangan walaupun pihak Maris Perbandaran Johor Baharu memprotes.

"Skoran bantahan itu sah memuatkan siasatan atas arahan Pengarah BPR Johor ketika itu, Enck Ali Ghani. Sebenarnya, di bawah bangunan Holiday Inn dan Holiday Plaza itu menaungi sebatang part besar yang dikenali sebagai Sungai Sengkuang," kata Enck Zakaria.

Menjawab satu soalan lain daripada Enck Abdul Razak, saksi itu berkata, siasatannya juga mendapati bahawa Ng Eng Tee telah membeli sebuah kereta terpakai jenis Rolls Royce daripada Tan Sri Haji Osman Saat dengan harga 5170,000.

Bekas Menteri Besar itu tidak seharusnya membeli kereta tersebut kepada Ng kerana beliau adalah pihak ketiga yang meluluskan pembinaan bangunan Holiday Plaza.

Enck Zakaria juga mendakwa, Bakland dan Dapar Sdn. Bhd. telah memohon saman perdata bernilai 518,248,000 kepada Timbalan Menteri Perindustrian, Dato' Haji Daud Taha.

Mahkamah juga mendengar keterangan daripada Pemoahnu Undang - Undang di Pejabat Pencatat Mahkamah Agung, Puan Azlan Ahmad dan seorang ahli perniagaan yang juga bekas Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bukit Bintang, Han Mohd. Rozali Haji Abdul Rahman.

Pihak derendan hari ini menamakan kes pemulauan mereka dan Hakim Dato' Lim Beng Choon kemudian menetapkan supaya hulan - hulan kedua-dua pihak diadengar pada 19 dan 20 Jun akan datang.



DATUK MUSA HITAM
...tuntut ganti
...rugi berhubung
...buku *Challenger*.

Oleh ROSNIZA RASUL

KUALA LUMPUR, Rabu — Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini, Datuk Musa Hitam, bersikap tidak jujur dan sentiasa mengelak daripada memberi jawapan tepat dalam keterangannya.

Tindakan beliau itu ketika memberi keterangan di mahkamah jelas dan sentiasa memberi helah atau berdolak dalik terutama mengenai isu Memali dan sogokan \$1 juta yang diterimanya, kata peguam Encik Abdul Razak Ahmad.

Encik Abdul Razak membentangkan hujahnya dalam kes saman malu bekas Timbalan Perdana Menteri itu terhadap Syed Hussein Alattas, penulis buku *Challenger: Siapa La-ivan Siapa*.

Bellau yang berhujah bagi pihak defendan berkata, sepatutnya Datuk Musa memberi jawapan tepat bagi memastikan kebenarannya apabila memberi keterangan di mahkamah.

Bellau merujuk beberapa jawapan balas yang diberikan oleh Datuk Musa dalam perbicaraan awal lalu, antaranya mengenai isu Datuk Musa menerima \$1 juta untuk Umno Johor, peristiwa Memali, pembentangan ker-tas putih peristiwa Memali di parlimen dan kenyataan penylasat kanan Badan Pencegah Rasuah (BPR) Encik Zakaria Md Esa.

"Jawapan yang beliau berikan apabila di-

soal menerima sogokan atau rasuah \$1 juta dan isu Memali serta pembentangan Kertas Putih peristiwa itu tidak tepat dan sentiasa mencari helah.

"Padahal adalah jelas apabila Datuk Musa mengambil wang itu dia adalah Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan ketua Perhubungan Umno Johor.

"Dalam kedudukan ini, Datuk Musa boleh berbuat banyak perkara terutama sebagai Ketua Perhubungan Umno Johor dan berkua-sa dalam politik negeri, boleh memungut sumbangan wang untuk parti. Datuk Musa mengaku menerima wang itu dan menyerahkannya kepada Bendahari Umno Johor ketika itu, Datuk Daud Haji Taha.

"Jelas jawapan Datuk Musa bersifat tidak jujur dan sentiasa mencari helah selain enggan memberi jawapan tepat apabila di-soal dalam perbicaraan lalu," katanya.

Datuk Musa menuntut ganti rugi dalam saman malunya terhadap Syed Hussein, pener-bit dan pengedar buku berkenaan, Alnujum Sdn Bhd dan pencetaknya, Percetakan dan Perniagaan Berlian Sdn Bhd.

Datuk Musa diwakili oleh peguam Syed Ahmad Helmy dan Encik Pawancheek Marican. Perbicaraan dijadilankan di hadapan Hakim Datuk Lim Beng Choon.

Perbicaraan bersambung esok.

SINGKIR PEMIMPIN MUNGKAR

-Jaafar Onn

JOHOR BAHRU: Anggota Majlis Tertinggi Semangat 46, Datuk Jaafar Onn menegaskan, perpecahan yang berlaku di kalangan orang Melayu sekarang tidak akan berakhir selagi pemimpin yang ada terus mengamalkan kemungkaran.

"Perpecahan ini hanya dapat ditamatkan jika pemimpin mungkar yang ada ditukar dengan pemimpin yang takwa," jelasnya dalam majlis ceramah di sini.

Datuk Jaafar yang juga Ketua Semangat 46 Johor Bahru menjelaskan, selagi ada pemimpin yang mungkar, maka selagi itulah ada golongan rakyat yang tidak setuju dengan kemungkaran.

"Inilah sebenarnya yang menjadi punca bertakunya perpecahan," katanya.

Beliau mengajak rakyat yang cintakan perpaduan supaya memilih hanya pemimpin yang benar-benar jujur, amanah dan takwa dalam pilihanraya umum akan datang.

Beliau juga menyifatkan pilihanraya umum akan datang sebagai ujian paling besar kerana rakyat akan diuji keimanannya sama ada akan memilih pemimpin yang takwa atau pemimpin yang mungkar.

Tentang dakwaan pelbagai pihak bahawa Semangat 46 hanya pandai mengkritik tetapi tidak tahu membeni sumbangan untuk pembangunan negara, Datuk Jaafar menegaskan, dakwaan itu memang benar.

"Tetapi kita melakukan kritikan kerana pelbagai penyelewengan dan salah guna kuasa yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan sehingga

Oleh SHAHBUDIN HAJI HUSIN

ada antaranya begitu angkuh dengan kuasa yang ada," tambahnya.

Beliau juga mendakwa, ada sesetengah pemimpin yang menganggap diri mereka menyamai Tuhan sehingga sanggup melakukan apa saja untuk kepentingan sendiri.

Datuk Jaafar juga menegaskan, Semangat 46 akan terus mengkritik kerajaan supaya rakyat tidak terus diperbodohkan oleh pemimpin yang berkepentingan pribadi.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, Semangat 46 juga mempunyai dasar dan polisi tertentu yang hanya akan didedahkan apabila masanya tiba.

BAB ENAM BELAS

Antara Khalifah dan Raja

Soalan : Adakah Ustaz berpendapat yang perpecahan orang Melayu hari ini sudah di peringkat serius?

Ustaz Ashaari : Perpecahan orang Melayu yang berlaku sekarang jika dibandingkan dengan yang berlaku dahulu adalah lebih *serius*, lebih tenat. Tapi kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain tidaklah terlalu *serius* ini. Krisis di negara-negara lain sudah sampai ke peringkat pertumpahan darah, perang saudara, berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Perpecahan orang Melayu belum lagi sampai ke peringkat itu, cuma baru ber-krisis dari segi pendapat, pertarungan fikiran dan akhirnya membawa serang menyerang secara lisan dan tulisan. Namun kalau dibiarkan, mungkin boleh mencetuskan peperangan. *Nauzubillah*. Setiap orang, terutama alim ulama mesti membendungnya.

Soalan : Mufti Kerajaan Perak, Datuk Harussani bin Haji Zakaria berpendapat, untuk menyatupadukan orang Melayu, hanya dengan Raja-raja Melayu mengkaji semula perlembagaan Malaysia dan dijadikan sebuah negara Islam, bagaimana Ustaz?

Ustaz Ashaari : Saya tegaskan lagi apa yang telah saya katakan tadi. Iman dan kefahaman Islam adalah perkara utama untuk mewujudkan perpaduan. Oleh itu, kita hendak bersatu, rujuklah Al Quran. Allah berfirman:

“Berpeganglah kepada tali atau agama Allah, jangan kamu berpecahbelah.”

Ali Imran: 103

Ertinya, umat Islam mesti bersatu dengan sama-sama berpegang kepada hukum-hakam Allah. Yang wajib sama-sama kita akui dan terima sebagai hukum wajib, dan sama-sama laksanakan. Yang sunat sama-sama kita terima hukumnya sunat, dan sama-sama laksanakan.

Mana yang Allah dan Rasul tetapkan haram, sama-sama kita terima hukumnya haram, dan sama-sama kita tinggalkan. Yang makruh kita akui hukumnya makruh dan sama-sama tinggalkan. Kalau sesuatu perkara itu harus, maka kita mesti terima hukumnya sebagai harus dan terpulanglah kepada setiap individu samada hendak melaksanakannya atau meninggalkannya. Inilah dasar bersatu menurut Islam. Jelas dan tepat.

Cuma terpulang kepada iman dan kefahaman Islam. Jika kedua-dua sudah ada, dasar itu mudah diikuti. Dan nescaya tidak akan timbul lagi perpecahan dan pergeseran.

Soalan : Adakah perpecahan orang Melayu hari ini juga disebabkan oleh miskin atau papa kedana dan kecewa?

Ustaz Ashaari : Tidak. Buktinya, cuba kita lihat, siapakah yang terlibat dengan perpecahan ini? Bukankah mereka yang bijak-bijak, kaya-raya dan yang banyak duit. Orang bawahan cuma terikut-ikut saja.

Soalan : Tapi mereka itu 'kecewa' kerana tak dapat kerusi untuk berkuasa, Ustaz?

Ustaz Ashaari : Ya, bukan kerana miskin, tapi kerana tak cukup dengan kekayaan yang ada, dia nak kuasa, nak pengaruh dan kedudukan.

Soalan : Jadi bukan kerana miskin?

Ustaz Ashaari : Bukan kerana kemiskinan. Saya tak setuju miskin punca perpecahan. Sebab yang memulakan ini ialah orang-orang kaya, orang berkuasa, orang yang ada kerusi, ada kedudukan, orang yang ada ilmu pengetahuan. Orang ramai cuma terikut-ikut saja.

Soalan : Mengapa, Ustaz?

Ustaz Ashaari : Sebab orang kaya, orang berkuasa punya pengikut. Apabila orang-orang besar dan orang-orang kaya itu melatah, maka pengikut-pengikut pun terlatah sama.

Soalan : Ustaz mempunyai ramai pengikut di Malaysia. Bolehkah Ustaz huraikan sedikit kiranya Yang DiPertuan Agong dan Raja-raja Melayu mengkaji sedalam-dalamnya perlembagaan Malaysia untuk digantikan dengan perlembagaan Islam.

Ustaz Ashaari : Ini adalah tugas kita bersama. Samada yang ada pengikut atau tidak, itu soal lain. Pada saya, bukan yang DiPertuan Agong dan Raja-Raja Melayu saja patut terlibat, tetapi semua rakyat terutamanya para alim ulama... mesti kembali kepada iman dan kefahaman Islam. Suluh diri masing-masing, kemudian suluh pula tanggungjawab dan amanah yang dipikul. Tegakkan iman dan Islam dalam diri, keluarga dan masyarakat dengan tenaga dan kuasa yang ada melalui kedudukan masing-masing. Pokoknya berbuat, tidak hanya berteori.

Soalan : **Apakah penglibatan alim ulama itu penting, Ustaz?**

Ustaz Ashaari : Alim ulama adalah pelopor utama dalam tugas ini, samada ulama rasmi ataupun ulama tidak rasmi. Mereka perlu memperjelaskan apa itu iman yang sebenarnya, apa itu Islam yang syumul dan mesti berusaha untuk tegakkan perkara-perkara itu secara lisan dan perbuatan dalam kehidupan. Ulama juga mesti berani menyampaikan isi ajaran Islam yang sebenarnya kepada pihak atasan, samada kepada Raja-Raja Melayu, menteri-menteri, ahli-ahli politik.

Soalan : **Apakah mereka boleh memainkan peranan ini, Ustaz?**

Ustaz Ashaari : Boleh, dan merekalah harapan umat. Ulama adalah pewaris para nabi. Tapi jangan bersikap dolak dalik. Selama ini sesetengah alim ulama terutama ulama-ulama rasmi banyak benar dolak-daliknya.

Yang menjadikan sesuatu negara itu berubah kepada negara Islam ialah orang-orangnya (pemerintah dan rakyat) bukan perlembagaan atau undang-undangnya. Jika ada perlembagaan Islam, tetapi masyarakat belum bersedia menjunjungnya maka negara itu hanya negara Islam pada nama tetapi bukan negara Islam hakiki.....

Soalan : Di negara kita masih ada fahaman komunis, fahaman tidak bertuhan dan musuh Islam yang mengancam dari dalam dan luar negeri, bagaimana caranya untuk menentang semua ini?

Ustaz Ashaari : Menghapuskan komunis ertinya menghapuskan kemungkarannya. Untuk mencegah kemungkarannya tidak dapat tidak, mesti dengan iman dan kefahaman Islam. Pada saya iman adalah segala-galanya. Ia sumber kekuatan, sumber perpaduan dan perisai dalam menghadapi apa jua ancaman.

Soalan : Bolehkah mengatasi kemungkarannya itu dengan cara mengadakan kekayaan negara ini?

Ustaz Ashaari : Tidak boleh. Kemungkarannya tidak boleh dicegah dengan kekayaan. Malah sering berlaku, kekayaan akan mendorong berlakunya kemungkarannya yang lebih banyak dan lebih besar. Orang miskin kalau mencuri, setakat curi telur ayam atau seekor kambing. Tapi lihat kalau orang kaya, orang bijak, orang berkuasa... wang berjuta-juta dilesapkan.

Soalan : Kalau Islam diterima, tetapi mereka tidak beriman, bagaimana Ustaz?

Ustaz Ashaari : Kalau terima Islam, maksudnya terima syariatnya. Tetapi jika tolak akidah atau tidak beriman maka syariat itu akan jadi ideologi. Undang-undang Islam tidak akan dihormati. Jika tunduk pada hukum Allah pun bukan kerana cinta, gerun dan yakin kepada Allah, tetapi kerana takut dihukum atau kerana bermuka-muka. Jadi syariat mesti bertunjangkan iman. Orang beriman pasti terima dan tunduk pada syariat.

Soalan : Apa pula akan jadi jika terima syariat tanpa iman, Ustaz?

Ustaz Ashaari : Kalau Islam dan syariat itu diterima sebagai undang-undang atau Perlembagaan negara, tetapi iman dalam hati rakyat dalam negara itu tidak ada atau tidak kuat (belum bersedia), maka akan berlaku kekecohan. Undang-undang Islam boleh dipermainkan, boleh ditipu-tipu atau dikelentong.

Boleh jadi di hadapan rakyat, pemimpin boleh berlakun macam orang beriman tetapi dibelakang rakyat lain pula kerenahnya. Begitu juga rakyat, bila berdepan dengan pemimpin. Di depan taat, bila di belakang terlibat dengan bermacam-macam kemungkaran. Beginilah jadinya jika tidak beriman, pemimpin atau rakyat sama-sama berpura-pura. Namun siapa dapat berpura-pura dengan Allah?

Soalan : Kalau seperti kata Ustaz, bererti orang yang tidak beriman, jiwa mereka rosak.

Benarkah begitu Ustaz?

Ustaz Ashaari : Sungguh, jiwa orang-orang tak beriman telah rosak. Mereka berani melanggar peraturan Allah, Tuhan yang mencipta mereka.

Soalan : Soalan ini agak berat sedikit Ustaz. Baru-baru ini Tunku Abdul Rahman menyeru orang-orang Melayu supaya menghapuskan UMNO dan kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ustaz Ashaari : Kalau Tunku Abdul Rahman hendak menghapuskan UMNO kerana mahu menyatukan semula orang Melayu dan untuk mencapai perpaduan... itu tidak logik, tidak munasabah.

Soalan : Mengapa Ustaz?

Ustaz Ashaari : Pada pandangan saya hal ini boleh disorot dengan fakta sejarah. Banyak harakah, banyak kumpulan memang dibenarkan, sebab dizaman Rasulullah SAW ada kaum Muhajirin, kaum Ansar, Bani itu, Bani ini, kabilah itu dan ini. Rasulullah SAW tidak menganggapnya sebagai satu perpecahan. Ketua-ketua kumpulan ini semuanya dihormati oleh Rasulullah SAW. Namun, semuanya mesti beriman dan menerima Islam serta tunduk kepada pimpinan baginda.

Pada saya, wujudnya banyak jemaah samada parti-parti politik atau badan-badan Islam memang boleh dan tidak salah. Apa yang penting ialah setiap jemaah mengubah sikap. Iaitu tegakkan iman dan Islam di kalangan

anggota-anggotanya seterusnya dalam masyarakat.

Tak kira UMNO lamakah atau UMNO barukah... yang penting ubah sikap ke arah Islam, kerana di dalam UMNO itu ada orang Islam. Maka setelah individu-individu di dalamnya berubah, perlembagaan parti boleh diubah bila-bila masa.

Soalan : Adakah perjuangan PAS untuk menegakkan negara Islam akan berjaya, kerana program PAS hari ini nampak mengelirukan dirinya dan umat Islam?

Ustaz Ashaari : Saya fikir, kalau sikap yang ada pada PAS hari ini dikekalkan, PAS tidak akan berjaya, walau bagaimana gigih sekalipun mereka berjuang.

Soalan : Mengapa Ustaz?

Ustaz Ashaari : Sebab, jelas 'kesyumulan' Islam yang di-laung-laungkan oleh PAS tidak wujud dalam parti itu sendiri. Mereka hanya bercita-cita hendak membangun 'kesyumulan' itu setelah dapat memerintah negara. Padahal sekarang pun mereka boleh membangunkannya. Tegakkan sajalah kesyumulan Islam itu di peringkat jemaah, sebelum di peringkat negara. Jemaah sudah tersedia, anggota sudah ada, tenaga sedikit sebanyak pun sudah ada.

Umpamanya membangun ekonomi Islam, membangun sistem pendidikan dan sekolah secara Islam, pertanian, pusat kesihatan Is-

lam, budaya dan sebagainya. Semua itu dapat dibangunkan dalam parti sendiri, tak payah tunggu dapat negara. Cuma nak tegakkan hukum jenayah dan nak tubuhkan mahkamah Islam sahaja yang belum dapat, itu mesti tunggu negara. Yang lain sudah boleh, kalau dicuba sedaya upaya.

Namun, perkara-perkara yang mampu dibuat oleh PAS sepertimana yang saya telah sebutkan tadi hingga hari ini tidak juga mereka usahakan. Ini satu kesilapan yang jelas dapat kita lihat.

Soalan : **Ada lain mengenai PAS, Ustaz.**

Ustaz Ashaari : Ya. Saya lihat teknik perjuangan PAS sentiasa berubah-ubah terutamanya bila menghadapi pilihanraya. Sekejap berkongsi dengan satu pihak, kemudian bertukar... berkongsi pula dengan satu pihak yang lain. Begitulah berulang-ulang kali. Akhirnya, cara bertukar-tukar kongsi itulah yang menggagalkan perjuangannya.

Soalan : **Pertanyaan saya yang akhir Ustaz, iaitu oleh kerana Ustaz telah melawat banyak negara di dunia, maka apakah pandangan orang-orang Islam terhadap Malaysia di sudut Islam, Ustaz?**

Ustaz Ashaari : Sebenarnya sesiapa sahaja dari kalangan orang Melayu yang pergi ke luar negeri samada ke negara-negara Arab ataupun Afrika, kita akan dihormati hingga kadang-kadang rasa malu dibuatnya.

Bila saya tanya, mengapa begitu sekali peng-

hormatan mereka terhadap kami yang datang dari Malaysia ini, jawapan mereka sekurang-kurangnya terletak pada dua perkara. Pertama, mereka lihat orang-orang Melayu Malaysia bersifat lemah-lembut, berakhlak dan tidak kasar ketika sama-sama menunai fardhu haji di Mekah, berbanding dengan umat Islam dari negara-negara lain. Kedua, bila mereka datang melawat Malaysia, mereka dapati orang Melayu berakhlak tinggi dan amalan-amalan Islam di Malaysia jauh lebih baik daripada umat Islam di tempat-tempat lain. Perkara ini sudah saya jelaskan tadi, Islam sedang bangkit... lebih cepat dan hebat di sebelah timur.

DIALOG IMAN & ISLAM
antara Ustaz Ashaari
dengan Wartawan Imam.
Disember 1989.

Utusan Malaysia 30/4/86
Untuk berjuang demi memperkuatkan
barisan orang Melayu — Razaleigh



TENGGU
RAZALEIGH

Ahli2 PAS diseru sertai UMNO

PASIR PUTIH 29
April — Menteri
Perdagangan dan Perin-
dustrian Tengku Raza-
leigh Hamzah menveru
ahli-ahli PAS supaya
menvertai UMNO dan
berada dalam satu per-
tubuhan politik, ber-
juang demi memper-
kuatkan barisan orang-
orang Melayu.

Tegasnya, mereka
boleh masuk UMNO
dan membaiki segala
rupa bentuk yang tidak
betul demi kepentingan
orang Melayu dan Is-
lam di negara ini.

"Kalau kita benar-
benar nak memperkuat-
kan barisan Islam, kita
mestilah memperkuat-
kan barisan orang-
orang Melayu kerana
orang-orang Melayu itu
Islam," kata beliau se-
masa berceramah di
perkarangan pejabat
penggawa Budang Pak
Amat dekat sini malam
tadi.

Ceramah anjuran
UMNO bahagian Pasir
Putih itu turut dihadiri

oleh Exco kerajaan ne-
geni Haji Jailani Jaafar
yang juga Ketua UM-
NO bahagian Pasir Pu-
tih. Exco Raja Mah-
mud Raja Mamat me-
rangkap Ahli Dewan
Undangan Negeri ka-
wasan Bandar dan Ahli
Parlimen Pasir Putih
Wan Mohd Najib Mo-
hammad serta Ahli De-
wan Undangan Negeri
Sungai Rasau Haji Ya-
hya Yusoff.

Tetapi, kata Tengku
Razaleigh, kalau orang-
orang Islam tidak
mempertingkatkan usa-
ha di bidang ekonomi
hasrat itu tidak akan
berjaya kerana masa
untuk memperkuatkan
barisan Islam hendak-
lah memperkukuh eko-
nomi dahulu.

Beliau berkata, bagi
mencapai cita-cita murni
kepentingan dan pemna-
ngunan orang-orang Me-
layu, orang-orang PAS
hendaklah menghentikan
perjuangannya atas dasar
memecah belahkan ma-
sarakat dan bertinampan

agama sebaliknya mereka
hendaklah mencari jalan
bergabung dengan UMNO
dan membaiki dari dalam.

Cara ini, menurutnya,
akan dapat mengawal per-
paduan bangsa dan orang-
orang Melayu tidak akan
rugi.

"Selagi kita tidak boleh
mengawal perpaduan
bangsa selagi itulah kita
dianggap lemah," tambah-
nya.

Beliau selanjutnya me-
minta orang ramai supaya
jangan memberi perang-
sang kepada perjuangan
PAS kerana bukan sahaja
merugikan orang Melayu
tetapi akibat itu juga PAS
memainkan politik pecah
belah ialah menyebabkan
Singapura terpaksa di-
keluarkan dan Malaysia ta-
hun 1965 dahulu.

Mengenai persiapan pili-
hanraya, Tengku Raza-
leigh berkata, beliau yakin
orang-orang Kelantan ti-
dak akan menolak Barisan
Nasional seban itu pihak
Barisan Nasional tidak
sibuk-sibuk berceramah se-
perti yang dilakukan oleh
PAS melalui orang-orang
kuatnya Haji Hadi dan se-
lagainya.

Sementara itu, Ahli Par-

limen Pasir Putih, Mohd
Najib Mohamad berkata
Parti PAS yang sedang
bertumba mencari kekuat-
an di negara ini tidak ubah
seperti arnab yang berium-
ba dengan kura-kura yang
hanya menunjukkan ke-
pantasan di peringkat
awal, tetapi di peringkat
akhir akan tidur, kerana
pilihanraya belum tentu
bila akan diadakan.

Kata beliau, biarlah
PAS dengan perangnya
tetapi rakyat Kelantan
akan tetap di belakang
Tengku Razaleigh sebagai
bapa pembebasan Negeri
Kelantan dan penjajahan
PAS malah akan berusaha
menentang PAS sebagai
musuh utama.

Menurutnya, orang-
orang PAS mengeluarkan
kata-kata berdasarkan
Quran dan hadis tetapi
perbuatan mereka berda-
sarkan syaitan.

Tengku Razaleigh mahu ahli2 UMNO Kelantan curah taat setia kepada Menteri Besar

KOTA BAHARU 25 April — Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah mahu ahli-ahli UMNO mencurahkan taat setia kepada kepimpinan Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaacob yang juga Ketua Badan Perhubungan UMNO Negeri.

Katanya, beliau sendiri pun mempunyai taat setia

yang sama kepada kepimpinan Datuk Haji Mohamad Yaacob "dengan cara ini Barisan Nasional akan terus kekal memerintah negeri ini."

Berucap semasa merasmikan mesyuarat agung perwakilan UMNO bahagian Nilam Puri, di Sekolah Puteri Saadong, Bukit Marak, 12 kilometer dari sini hari ini beliau berkata, ahli-ahli UMNO

perlu memainkan peranan yang bersungguh-sungguh untuk memenangi pilihanraya akan datang "di mana saya sendiri akan menumpukan perhatian bagi kawasan pilihanraya Gua Musang."

Hadir sama di majlis itu ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Ariffin Said, Ketua UMNO bahagian itu, Datuk Haji Mohamad Haji Ali yang juga Ahli Parlimen Nilam Puri, timbalannya, Encik Annuar Musa, Ketua UMNO bahagian Kok Lanas, Datuk Haji Abdullah Ahmad, Ahli Dewan Negeri Ketereh, Haji Ariffin Mahmood dan Ahli Dewan Negeri Pulau Condong, Haji Abdullah Mohamad.

Tengku Razaleigh membayangkan hasratnya untuk menumpukan seluruh perhatiannya bagi memenangi pilihanraya untuk kawasan Parlimen Gua Musang di samping kawasan-kawasan lain di negeri ini.

"Kita perlu mencari pakatan yang lebih besar di kalangan ahli-ahli UMNO supaya kekuasaan yang ada dalam tangan kita memerintah Kelantan akan terus kekal tanpa diganggu gugat oleh mana-mana pihak," tegasnya.

فمیفین ۲ فاس دصفتکن ۱۲ سباکی "دورین بوروق"

تاریخ

ناشیون اباله اسوق میسوه لوسها دان
خدمه وکیل لانو دن کرلغان بیج
بوزروس اسوق کجهنرل رعبه
ملیو مصفتکن مسودو سفاق
تسوق معنای فداغن سفکه برتاب
ایسور فداغون کران کرلغان معنویان
تکلیف جواب بیج بیج اسوق محاکم
کسلامت عاس دن فداغون فداغون
بلیو مجوس سبک کصهارون
فدوق؟ کسفرغ بوکیه بیج مشهورکن
چیری؟ ائوخ دراهان کران سکیل لاه
تیشکل باله گادلر بیج سیه معمار
مکالیس ایلیمسربک.



تکو رزالی

دافه فداغونکن.

"سکانغ مریک ماهو محادینکن
فیلیهنرای کجیل فادغ ترف ساتی
موظل دغن هارم سکیران مسخ. مریک
برحسوه اسوق مناون نرغکانو کرون نگر
ایت گای دغن مییق
"مریک تاگونکن رعبه دغن برهانی
فتوی. مریک ملیسفرکن برهانی بومه
مچوروفکن فارا مسهین کرلغان سفاق
رعبه نروس بیجی. تمام رعبه
تسوق سیه ایس اسوق دفغاروهی"
کات تکو رزالی

فارا فدیوسنی سکارغ. اوهرن. بوله
مسلاتی مسهرق تسخ لوسها دن
مدرجواش کیرلغان مانس تاسوی. کران
رعبه بوکن بوده ائو بون حرور لاکر
سیه بیس رعبه اکن بروس
"مسله چور نروس ناشیونل. کرون وچ
بون دیرسکیمکن اوله فارس مسقیم
تمام سدرن نولس جانون بروس

قور ستار 13 جنواری - منتری
فاکنن دن فراهندسترهان. تکو رزالی
مزه مصفتکن فارا فمیفین فاس
سباکی "دورین بوروق" بیج کوکور
اتو دمن تسوق فایلیهنرای.
"رعبه اکن میسبکن جانون
بیس. حاج حالیم ارشد اکن کوکور
الم فیلیهنرای کجیل فارلیسن فادغ
ف کالی این." کشان ساس مبری
براهه باکی مینتو جانون بروس
تسوق. ا. بروس حاج بکر دکسفرغ
بوکیه. دو کپومبر نری بیس مام
ادی

کشان. جانون فاس ایس بوکن
حاج اکن کوکور سفرت دورین بوروق
مکن اکن مدچانتکن ساتو لاکر ریکود
الم فالینغ باوق دامن فرسمنس
رعبه کروس فیلیهنرای.
حاج حالیم وینه کلاه کفد فردان
منتری. دفنور محصیر محمد باکی
روس فارلیسن کوپخ فاسو دان جوک
اله کفد منتری فداغون نگارا دان
وار بصر. فادغ سری سوسی جبه
لقس کاواس فارلیسن جرنون - لشکاو.
تکو رزالی مفج فارا فمیفین
فاس بیج مفرالکن اکن دان فرجولس
بولینسک مریک بوکن کران اسلام
تمام کران صمکن کواس دان
کسمنش دیری سیدیری

گان. بروس 18 ماهون برته
لوس دان سیه بروس کاواس بون
دگری ایس اوله ساتو حدهه بیج سدی

منتری ایس تکسانتون مبری
حامس بوا کسفرغ بوکیه اکن دترام
بوکن اوله بولس تمام اوله تکالی
ایلسفرمک بیس لام لاکر. دسیوه
دغن زغومس اوله کیرا 500 لورغ
فدمودق بیج حاضر دمحمس جراسه ایس
"کالو بون کیت بیس بوله
مماون سکالیکوس. تمام اکن دیوه
جوت بربرهتکما." کتان
تکو رزالی جوت مولودغون
سنورج جانون بیس کوس جانون ایس
مدماه سولکن عوان اسوق بولس
سحانر جانون بیس دان مسهرای
کجیل ایس
"سای سدی کال بون ساف
دی جانون بیس ایس ف لاکر
مبری سولس" کات تکو رزالی

Pas 'berkhalwat' bila pengaruh hilang: Razaleigh

BH 21. SEP 1985

BACHOK, Jumaat — Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata pemimpin Pas terpaksa 'berkhalwat' dengan masyarakat bukan Islam bagi mencapai cita-cita politik mereka.

Menurut beliau, menjelang pilihanraya umum tidak lama lagi, pemim-

pin parti itu mengeluarkan pelbagai fatwa dan membuat kenyataan melulu tanpa memikirkan kepentingan negara, rakyat dan agama.

"Sejak akhir-akhir ini, mereka terpaksa 'berkhalwat' dengan masyarakat bukan Islam, yang suatu masa dulu dianggap kafir, setelah menyedari pengaruh politik mereka mulai hilang," tegasnya.

Beliau berkata pemim-

pin Pas bercita-cita menegakkan sebuah negara Islam berdasarkan kerjasama dengan masyarakat pelbagai kaum dan berlainan agama.

"Tetapi, semangat kerjasama dan perpaduan itu telah lama diamalkan oleh kerajaan melalui Barisan Nasional yang ternyata berjaya mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial untuk dinikmati oleh rakyat," katanya.

"Kita hairan, haluan mana dan dasar apakah yang diamalkan oleh pemimpin Pas dalam usaha meninggikan syiar Islam di negara ini," katanya.

Berucap di perasmian bangunan baru Sekolah Menengah Agama Amir Indera Petra, Beris Kubur Besar, dekat sini pagi ini, Tengku Razaleigh berkata tindak tanduk Pas hari ini hanya untuk memancing undi rakyat.

Menurut beliau, sekiranya benar pemimpin-pemimpin Pas memperjuangkan Islam, setiap perbuatan dan tingkah laku mereka hendaklah ikhlas dan patuh kepada hukum Allah.

"Tetapi yang mengaibkan kita, mereka tidak takut kepada pembalasan Tuhan, sebaliknya lebih takut mereka kehilangan undi menjelang pilihanraya akan datang," tegasnya.

Tengku Razaleigh me-

21-9-85



Kami sehidup semati, sumpah *setia potong* ayam. Kita dalam APU serupa abang-adik: DAP abang, APU adik memang orang India kata APU itu ertinya adik. DAP boleh pakai 46, 46 boleh masuk kerjasama DAP. PAS pun boleh juga ikut sama dalam APU. Kita mesti menang ini pilihanraya. DAP dan APU kalau jadi satu bunyi banyak sedap "DAPAPU"

Harapan Pas memerintah Kelantan gelap

PH
2/8

MENTERI Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah yakin Barisan Nasional kembali memerintah selepas pilihanraya umum 3 Ogos ini kerana rakyat berbilang kaum negeri ini menaruh kepercayaan kepada kerajaan sekarang.

Beliau berkata, sejak BN memerintah segala masalah yang dihadapi oleh penduduk dapat diselesaikan dan permintaan juga ditunaikan selaras dengan janji-janji yang dibuat.

Katanya, harapan Pas merebut kuasa memerintah negeri ini adalah gelap, kerana selama 18 tahun memerintah dahulu ia tidak dapat membawa apa-apa perubahan kepada penduduk.

Pas tidak dapat menunaikan segala janji dan rakyat terus menderita dan rakyat tidak lagi menyokong Pas, ujar beliau.

Tengku Razaleigh berkata demikian di majlis perasmian bangunan Sekolah Menengah

Oleh RAMLI IBRAHIM:
Gua Musang, Jumaat

Arab Gua Musang dan majlis penyampaian cek untuk bangunan sekolah baru semalam.

Ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Haji Lokman Haji Abdul Latiff.

Rasmi bangunan

Beliau yang juga calon BN Kawasan Parlimen Gua Musang berkata, ramai penyokong Pas di beberapa kawasan di negeri ini sudah keluar dari parti itu dan menyokong Umno.

Ini membuktikan kepada kita bahawa perjuangan Pas hanya membawa sia-sia sahaja dan melanggar dasar-dasar Islam sebenarnya, katanya.

Mengenai rakyat di kawasan Gua Musang, Tengku Ra-

zaleigh memberi jaminan akan melaksanakan banyak lagi projek pembangunan di sini supaya mencapai matlamat kerajaan untuk membangunkan kawasan ini menjadi sebuah bandar yang kedua besarnya di Kelantan.

Beliau berkata, semua calon BN di tiga kawasan Negeri dan satu di Parlimen Gua Musang akan terus memberi perkhidmata.. yang lebih baik kepada penduduk di sini supaya mereka hidup senang tanpa mengalami sebarang masalah.

Katanya, 80 peratus rakyat yang berbilang kaum di sini yang akan keluar mengundi nanti akan terus memberi sokongan kepada BN.

"Kita tidak perlu bimbang kerana calon-calon BN di Pahang, Dabong dan Galas di sini semuanya orang yang dapat memberi khidmat kepada rakyat," ujar beliau.

Beliau mengharapkan penduduk berbilang kaum di sini jangan mudah terpengaruh dengan janji-janji kosong Pas.

Setelah kehilangan kuasanya di Kelantan

Razaleigh sifatkan ketuaz

PAS 'orang gila talak'

4N/6/10

(13)



TENGGU

PASIR PUTEH 5 Okt. — Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah mensifatkan para pemimpin PAS sebagai 'orang gila talak' setelah kehilangan kuasa di negeri ini.

Katanya mereka telah menjadi sasau seolah-olah 'bercerai talak tiga dengan isteri kesayangan' yang tidak mungkin dapat dirujuk kembali.

"Setelah PAS kehilangan kuasa di negeri ini mereka berusaha mencari jalan untuk menipu rakyat dengan berbagai cara untuk memerintah semula negeri ini," katanya.

Bagaimanapun, UMNO tidak perlu bimbang dengan tipu helah dan putar belit pemimpin PAS kerana rakyat sudah masak dengan taktik kotor mereka, katanya semasa berucap di majlis makan malam KESEDAR semepna menyambut awal

dari sini malam tadi.

Majlis tersebut dianjurkan oleh UMNO bahagian Pasir Puteh dihadiri oleh kira-kira 2,000 orang penyokong UMNO.

Katanya keutuhan UMNO tidak akan dapat digugat oleh PAS selagi parti itu menggunakan kuasanya untuk menebus nasib rakyat di Kelantan yang ketinggalan di bawah pemerintahan PAS.

Beliau berharap para pemimpin dan anggota UMNO jangan mudah diperlaga-lagakan oleh PAS.

Beliau mahukan anggota-anggota UMNO jangan membangkitkan semula perkara lama seperti pengunduran beliau dari jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri dan beliau tidak lagi dalam Majlis Tertinggi UMNO tetapi sebaliknya merapatkan barisan dan bersatu-padu



Almarhum Sultan Zainal Abidin naik takhta pada 27 Muharam 1299, mangkat pada 21 Safar 1337. Semasa hayatnya Almarhum selaku umarah sentiasa mendatangi ulamak sebagai tempat rujukan. Ulama tersebut adalah Almarhum Syed Abdul Rahman Al-Idrus yang lebih dikenali oleh rakyat Terengganu sebagai Tok Ku Paluh, anakanda kepada Syed Mohamad Al-Idrus seorang keramah besar yang dikenali dengan panggilan Tok Ku Tuan Besar. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum. Alfatehah.

BAB TUJUH BELAS

Dari Istana ke Bilik Suluk

Siapakah umara yang menjadi harapan umat dewasa ini? Umara ada berbagai-bagai jenis - ada umara yang dilantik melalui pilihan raya (pemimpin politik), ada umara yang diterima kerana kekuatannya (pemimpin tentera), dan ada umara yang diterima kerana darah kebangsawanannya (golongan diraja).

Kebangsawanan merupakan nikmat daripada Allah untuk segelintir manusia. Tidak semua manusia dilahirkan dengan darah raja. Islam mengiktiraf kedudukan dan kelebihan kaum bangsawan. Sebab itu kedudukan raja-raja sebelum kedatangan Islam tetap Rasulullah SAW kekalkan setelah mereka memeluk Islam.

Rasulullah SAW tidak diutuskan untuk menghapuskan golongan diraja, tetapi dalam masa yang sama baginda membawa firman Allah ini:

“Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah mereka yang bertaqwa.”

Taqwa adalah darjat yang lebih tinggi daripada raja atau sultan, baik di dunia atau lebih-lebih lagi, di akhirat. Namun apa yang menarik, ***kebangsawanan adalah satu nikmat yang boleh digunakan sebagai alat untuk mencapai darjat***

taqwa. Inilah kelebihan yang sepatutnya disedari dan mula digunakan oleh golongan bangsawan. Sejarah Islam telah memaparkan dua jenis golongan bangsawan - yang menerima Islam dan yang memusuhi Islam. Mereka yang menerima Islam, terbukti telah menjadi pejuang yang baik, dan bagi yang menentang, mereka menjadi musuh yang paling menyusahkan.

Sejarah kegemilangan Islam telah di harumkan oleh **raja-raja berjiwa sufi** seperti maharaja Najasyi, Umar Ibnu Aziz, Sultan Salehuddin al Ayubi, Sultan Murad II, Sultan Muhammad al Fateh, Maharaja Aurangzeb dan juga sultan-sultan di alam Melayu pada zaman pertengahan. Namun sejarah juga telah memaparkan golongan bangsawan "**Bersultan di mata, bertuhan di hati**" seperti Firaun, Namrud dan raja-raja pada abad ke-20 seperti Al-Malik Farouq dan Shah Iran.

Kebangsawanan, harta dan kuasa selalunya beriringan. Siapa raja dialah berkuasa. Namun hakikatnya, semua raja adalah hamba yang hina-dina di hadapan Allah SWT. Oleh itu, raja-raja yang bijak akan menggunakan nikmat itu untuk berbakti kepada Allah. Harta, kuasa dan pengaruh, semuanya dikorbankan untuk Allah. Mereka inilah yang menjadi raja di dunia dan 'raja' di akhirat. Sayangnya, hanya sedikit daripada raja-raja yang pernah berkuasa di dunia ini berjaya berbuat demikian. Mengapa?

Sebabnya, raja-raja sangat terdedah kepada ujian dunia. Bukan mudah untuk membebaskan diri daripada tipuan dunia. Apalagi jika ia telah melimpah ruah di tangan. Rasulullah SAW bersabda: "**Dunia adalah kepala segala kejahatan**".

Lebih mudah untuk tidak mencintai dunia semasa tidak ada, daripada ketika ia sudah berada dalam genggamannya. Umar Al-Khattab menangis ketika dibawa ke hadapannya mahkota Maharaja Parsi, lantas berkata: "**Sesungguhnya aku takut perkara-perkara inilah (harta) yang akan menjauhkan kita dengan Allah**".

Menjadi orang miskin yang sabar adalah payah, namun menjadi orang kaya yang syukur jauh lebih payah. Ini disebabkan manusia sering lupa apabila diuji oleh nikmat daripada diuji dengan bala.

Walau bagaimanapun ini tidak bermakna sudah tidak ada jalan untuk raja-raja membebaskan diri daripada godaan dunia. Mereka boleh berbuat demikian dengan bantuan para ulama.

Ulama perlu menjadi penasihat kepada raja. Ertinya, ulama mestilah menjadi "*the man behind the curtain*" dalam mempengaruhi, mendidik dan menasihati raja-raja. Dan kadangkala ulama perlu memberi amaran dan peringatan kepada raja-raja untuk melaksanakan kehendak-kehendak Allah.

Raja mempunyai harta dan kuasa. Ulama mempunyai ilmu dan kekuatan rohani. Jika semua kekuatan ini digabungkan untuk Islam nescaya ia akan menjadi satu kuasa besar yang tidak ada tolok bandingnya.

Pada zaman kegemilangan Islam, raja-raja sering didampingi oleh ulama-ulama yang ikhlas. Masih basah dalam ingatan kita bagaimana indah dan menyentuhnya dialog-dialog keramat antara Sayidina Jaafar bin Abi Talib dengan Maharaja Najasyi. Dan masih terpahat kukuh dalam hati setiap orang mukmin bagaimana hebat dan berwibawanya surat-surat yang diutuskan oleh Rasulullah SAW kepada maharaja-maharaja dunia.

Ingatan, didikan dan tiupan angin kesedaran dalam surat-surat Rasulullah SAW dan kata-kata Jaafar At Tayyar itu tidak sedikitpun dicemari oleh kepentingan-kepentingan duniawi. Tidak ada unsur "membodek" dan dalam masa yang sama ia tetap mengekalkan rasa hormat menghormati. Langkah-langkah inilah kemudiannya menjadi panduan dan ikutan ulama-ulama yang mengelilingi Umar Ibnu Aziz, sultan dan Salehuddin Al-Ayubi, Muhammad al Fateh dan Sultan-sultan

Islam yang agung dalam sejarah. Di belakang mereka itu sentiasa ada ***ulama ul amilin!***

Bagaimana ulama-ulama ini mendidik hati raja-raja berdarah bangsawan hingga jiwa mereka menjadi jiwa sufi meskipun darah mereka masih darah raja? Untuk itu marilah kita dengar apa kata Imam Auzai' kepada Khalifah Abu Jaafar Al Mansur:

Wahai Amirul Mukminin, Rasulullah bersabda:

“Sesiapa sahaja di kalangan pemerintah, apabila mati dalam keadaan menipu rakyatnya, nescaya diharamkan syurga untuknya”.

Wahai Amirul Mukminin! sesiapa yang benci kepada kebenaran, sesungguhnya ia benci kepada Allah. Kerana sesungguhnya Allah itu benar lagi membenarkan. Hendaklah Tuanku tegakkan kebenaran dan keadilan ke atas rakyat. Tutuplah aurat (keaipan) mereka. Janganlah dikunci pintu rumah Tuanku, atau mengadakan hijab (penghalang) di antara Tuanku dengan mereka. Hendaklah Tuanku bergembira dengan nikmat yang mereka terima, tetapi bersimpati dengan musibah yang menimpa mereka.

Wahai Amirul Mukminin! Urwah bin Ruwain berkata: “Pernah Rasulullah memiliki pelepah kurma yang digunakan untuk bersugi hingga menakutkan kaum munafik. Kemudian turunlah Jibrail bertanya: Hai Muhammad! Apakah pelepah kurma ini engkau gunakan untuk menghancurkan atau menakutkan hati umatmu?”

Wahai Amirul Mukminin! Relakanlah dirimu dengan dirimu! Dan carilah keamanan daripada Tuhanmu! Gemarlah kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi. Ingatlah sabda Rasulullah:

“Sesungguhnya panah yang dimiliki oleh ahli syurga itu lebih baik daripada dunia dan seisinya.”

Wahai Amirul Mukminin! Sesungguhnya jika sesebuah kerajaan yang sebelummu itu kekal, nescaya ia tidak akan sampai kepadamu. Begitu jugalah, ia tidak akan kekal di tanganmu atau sesiapa sahaja.

Wahai Amirul Mukminin! Ingatlah kata-kata Umar Al Khattab: "Jika mati anak kambing di tepi sungai Furat (Iraq), nescaya aku takut akan dipertanggungjawabkan mengenainya di akhirat kelak!"

Maka bagaimana pula halnya dengan rakyatmu yang tidak beroleh keadilan daripadamu sedangkan ia sangat hampir denganmu?"

Peringatan seperti ini sebenarnya hanya berani disuarakan oleh ulama yang mempunyai kekuatan jiwa yang luar biasa dan bekerja kerana Allah. Dalam suratnya kepada khalifah itu, Imam Auzai' menyambung:

Wahai Amirul Mukminin! Allah telah berfirman:

"Hai Daud! Sesungguhnya Kami jadikan engkau khalifah di muka bumi. Sebab itu putuskanlah sesuatu perkara di antara rakyatmu dengan kebenaran. Janganlah engkau turuti kemahuan nafsumu, nanti engkau akan disesatkan dari jalan Allah".

Shad: 26

Wahai Amirul Mukminin! Rasulullah bersabda:

"Setiap pemerintah akan dibawa pada hari kiamat dengan tangannya dirantaikan ke leher. Ia hanya dapat dibuka oleh keadilannya. Ia diberhentikan di atas titian sirat di atas neraka yang akan bergerak dengan suatu gerakan yang akan menghilangkan

seluruh anggota daripada badan. Kemudian ia dikembalikan. Lalu hitung amalannya. Kalau ia dahulu berbuat baik, nescaya ia lepas dengan kebaikannya. Kalau ia dahulu berbuat jahat, nescaya pecahlah titian itu, lalu ia terhumban ke dalam neraka tujuh puluh kharif (jarak masa setahun)."

Wahai Amirul Mukminin! Umar r.a. berkata:" Amir (pemerintah) itu ada empat jenis:

Amir yang kuat; yang dapat mengawal diri dan pegawai-pegawainya. *Ia seperti mujahid (orang yang berjihad). Tangan (kekuasaan) Allah dan rahmatNya terhampar ke atasnya.*

Amir yang lemah: yang dapat mengawal dirinya sendiri sahaja dan tidak pegawai-pegawainya. *Ia dalam keadaan yang membahayakan sebagaimana sabda Rasulullah: "Pengembala yang terjahat itu bahaya yang menghancurkan. Dia itu binasa sendiri."*

Dan Amir yang membiarkan dirinya dan pegawai-pegawainya menurut hawa nafsunya. Mereka kesemuanya akan binasa."

Wahai Amirul Mukminin! Umar Al-Khattab telah berdoa:

"Wahai Tuhanku. Sekiranya menurut ilmu-Mu, aku akan terpengaruh, apabila dua rakyatku dihadapkan kepadaku, kepada yang miring daripada kebenaran, baik yang dekat atau jauh, maka janganlah Engkau biarkan aku walaupun sekelip mata".

Wahai Amirul Mukminin! Sesungguhnya yang paling berat ialah berdiri tegak untuk menegakkan kebenaran, kerana Allah. Yang paling mulia di sisi Allah ialah taqwa. Sesiapa yang mencari kemuliaan dengan mentaati Allah, nescaya ia akan diangkat dan dimuliakan oleh Allah. Sesiapa yang mencari

kemuliaan dengan membuat maksiat kepada Allah, nescaya ia dihina dan direndahkan oleh Allah.

Itulah strategi ulama-ulama dahulu dalam mempengaruhi raja supaya institusi istana digunakan untuk agama. Cara yang sama telah digunakan oleh ulama-ulama sufi atau guru tareqat apabila mereka mula membawa agama Islam ke alam Melayu. Dengan jiwa yang penuh dengan kekuatan iman, fizikal yang tahan lasak dan pemikiran tahap tinggi, ulama-ulama sufi raja-raja Melayu yang asalnya beragama Hindu.

Ini zaman kebangkitan Islam. Sudah sewajarnya golongan di raja muncul sekali lagi untuk mendaulatkan agama. Pilihan terletak sepenuhnya di tangan mereka; Apakah mereka ini mengikuti jejak Kisra Parsi yang menolak Islam ataupun mahu menjadi najasyi yang tunduk kepada ajaran Islam? **Kebangkitan Islam bukanlah satu gelombang anti feodal yang memusuhi golongan bangsawan.** Rasulullah SAW sendiri telah mengisytiharkan, barang siapa yang memasuki rumah bangsawan Mekah, Abu Sufian, ketika peristiwa penaklukan Mekah (Futuh Mekah), orang itu dijamin keselamatannya. Ini menunjukkan kemaraan Islam bukanlah satu revolusi yang menumpahkan darah raja sepertimana revolusi Perancis ataupun revolusi Rusia. Islam hanya memusuhi kebatilan dan kemungkaran, **Islam tidak akan menghapuskan perbezaan-perbezaan fitrah yang sedia wujud dalam kehidupan manusia.**

Namun sehingga saat ini, hubungan antara ulama-ulama sufi dan raja-raja masih jauh daripada tahap yang pernah berlaku dalam sejarah. Ini disebabkan 'ulama-ulama' yang mengelilingi raja-raja belum mampu menjadikan raja sebagai 'murid' mereka.

Kita masih kekurangan ulama yang mampu mencontohi Imam Malik, yang dengan berani berkata kepada Khalifah Harun Al-Rashid:

"Jika Khalifah ingin belajar Kitab Muwattuk daripadaku, hendaklah ia datang ke mari, bukan aku ke istananya. Ilmu itu didatangi, bukan mendatangi.

Ulama mesti berdiri teguh sebagai tunggak peribadi yang berani menegur kesalahan pemerintah. Mereka bebas daripada belenggu cinta dunia hingga dengan itu tidak berasa takut ataupun segan berdepan dengan sultan ataupun raja. Inilah yang dimaksudkan oleh sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Alangkah baiknya seorang raja yang berada di pintu para ulama, dan alangkah buruknya seorang ulama yang selalu berada di pintu para rajanya".

Sejarah telah membuktikan ulama-ulama ul 'amilin tidak pernah gentar berdepan dengan penyelewengan pemerintah. Mereka mewarisi sifat nabi Musa ketika berdepan dengan Firaun, nabi Ibrahim berdepan dengan Namrud dan nabi Muhammad SAW ketika berdepan dengan bangsawan-bangsawan Quraisy. Ulama-ulama ini sedar, rakyat sangat dipengaruhi oleh raja-raja mereka.

Contohnya, pada zaman pemerintahan Khalifah Al Walid yang sukakan bangunan cantik, minat rakyat ketika itu pun kepada seni bina. Pada zaman Khalifah Sulaiman yang sukakan perempuan dan arak, minat dan perbualan rakyatnya pun berlegar sekitar perempuan dan arak. Namun, pada masa pemerintahan Khalifah Umar ibnu Aziz yang warak dan beramal soleh, tindakan rakyat jelata pun ikut ke arah amal soleh.

Atas dasar inilah ulama-ulama ul 'amilin yang berjiwa sufi bekerja keras bagi mempengaruhi, bukan dipengaruhi oleh raja-raja. Ini hanya mampu dilakukan oleh ulama yang bekerja kerana Allah, dan berkhidmat untuk manusia. Namun apabila dilihatnya raja-raja masih berdegil, ulama berjiwa sufi ini akan

menjauhkan diri daripada raja-raja. Mereka tidak mahu menjadi tukang angguk kepada kemungkaran-kemungkaran yang dilakukan oleh golongan bangsawan.

Zaman keruntuhan Islam bermula apabila **ulama-ulama suk** mengelilingi raja-raja, seperti Haman dan Qarun mengelilingi Firaun. Bangsa Tartar datang memusnahkan Baghdad ketika ulama-ulamanya **leka** berbahas soal-soal **khalifah**. Malah sampai satu ketika raja-raja dan rakyat Baghdad telalu bersuka ria pada Hari Raya sehingga sembahyang Hari Raya ditangguhkan sampai menjelang waktu Asar. Ke mana perginya **Ulama ul'amilin** ketika itu? Mengapa kemungkaran rakyat dan rajanya tidak mendapat teguran dan peringatan?

Sebenarnya **ulama ul amilin** ditindas dan ada antaranya dibunuh atau terpaksa menyembunyikan diri daripada raja-raja. Yang tinggal hanya ulama cinta dunia yang bersifat sebagai 'orang gaji' kepada tuannya (raja)! Hakikatnya mereka kalah yang menjahanamkan raja-raja, rakyat dan negara seluruhnya. Sabda Rasulullah SAW:

“Ada dua golongan manusia, jika baik keduanya, baiklah manusia dan apabila keduanya rosak, rosaklah manusia, iaitu ulama dan para pemimpin.”

Golongan bangsawan mesti bangkit semula menyahut seruan kebangkitan Islam. Lupakah mereka bahawa Rasulullah SAW pernah memuliakan rumah Abu Sufian setaraf dengan Kaabah ketika penaklukan kota Mekah?

“Siapa yang masuk ke rumah Abu Sufian... selamat.” “Siapa yang masuk ke dalam Kaabah... selamat.”

Ini menunjukkan istana amat penting kedudukannya jika ia dijadikan tempat membersihkan hati dan pusat mendaulatkan

Islam. Istana mulia kerana peribadi penghuninya (raja) yang berjiwa sufi, bukan kerana keindahan dan kemewahannya. **Seorang raja yang memiliki jiwa tawaduk di dalam istananya adalah lebih mulia daripada seorang sufi yang beruzlah di dalam bilik suluknya.** Sesungguhnya raja-raja seperti itulah yang mewarisi sifat Nabi Sulaiman, jasadnya di atas takhta tetapi hatinya tunduk menyembah Allah.

Islam akan bangkit sekali lagi. Krisis ekonomi, budaya dan politik yang melanda dunia kini pasti terhapus, dengan munculnya pemimpin-pemimpin yang mewarisi sifat-sifat kepimpinan Rasulullah SAW, para sahabat dan raja-raja yang berjiwa Islam. Dunia ditadbir semula oleh individu yang tidak mencintainya. Keamanan dan kebahagiaan akan berkumandang apabila umat diperintah oleh orang seperti:

Umar Al Khattab, yang telah berkata: *"Jika mati anak kambing di tepi sungai Furat, nescaya aku takut akan dipertanggungjawabkan mengenainya di akhirat kelak".*

Umar Abdul Aziz, yang berkata: *"Jauhkanlah aku daripada jawatan khalifah seperti jauhnya timur dan barat. Sesungguhnya urusan ini telah menggulungkan bala di atas bahu".*

Ali Bin Abi Talib yang berkata: *"Wahai dunia, tipulah orang lain, jangan tipu aku."*

Raja-raja atau pemerintah seperti ini tidak akan wujud selagi tidak ada ulama seperti Nizam Al Muluk, yang telah berkata kepada Raja Malik Syah sewaktu bersiap sedia untuk menawan Konstantinopel:

"Saya telah menyediakan untuk Tuanku satu angkatan tentera yang disebut 'tentera malam'. Apabila tentera bersenjata telah tidur, merekalah yang menjadi tentera Tuanku. Mereka berdoa ke hadrat Allah dengan linangan air mata dan lidah yang terus menerus berzikir kepada Allah..."

Siapakah raja yang akan melalui jalan yang mulia ini? Dan siapakah ulama ul amilin di belakang mereka? Mereka akan muncul kerana sejarah gemilang Islam pasti berulang...

Raja akan berjiwa sufi apabila ulama mencintai mati!

46 TAK MAHU SERI PERDANA

KUALA LUMPUR- Parti Semangat 46 tidak akan menggunakan Seri Perdana sebagai kediaman Perdana Menteri sekiranya parti itu berjaya memerintah kelak tetapi akan menggunakan kediaman Tengku Razaleigh di Jalan Langgak Golf sebagai kediaman rasmi.

Ketua Pemuda Semangat 46, Haji Ibrahim Ali membuat pengakuan ini sekaligus memberi beberapa sebab mengapa Tengku Razaleigh tidak berminat tinggal di Seri Perdana.

"Pertamanya, kita tidak mahu berkongsi dengan apa yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir terhadap rakyat Malaysia. Apa yang nyata Seri Perdana telah dibina dengan tuisan air mata rakyat.

"Tengku Razaleigh akan menggunakan rumahnya sendiri di Langgak Golf dan tidak akan mengusik harta benda rakyat seperti mana yang telah dilakukan oleh UMNO pimpinan Dr. Mahathir Mohamed katanya.

Haji Ibrahim Ali mengakui partinya sukar mendapatkan kebenaran begi menggunakan tempat-tempat tertentu untuk mengadakan majlis anjuran parti Semangat 46 kerana halangan dari UMNO.



HAJI IBRAHIM ALI

"Tapi selepas pilihanraya umum kita akan dapat menggunakan bangunan PWTC dan tempat-tempat lain dengan bebas," katanya.

Haji Ibrahim yang juga ahli Parlimen Pasir Mas mengakui Penasihat Agung Parti itu, Tunku Abdul Rahman Putra sebagai pendorong kuat kepada Angkatan Perpe-

duan Ummah (APU) dan jasa beliau menjadikan kalangan pemimpin-pemimpin 46 bertambah yakin dan tebal dengan semangat ingin berjaya.


"Tunku adalah pendorong utama dan Tunku juga adalah tokoh negarawan yang dicemuh kerana berusaha mengembalikan demokrasi yang telah terhakis akibat tindakan pemimpin yang gila pangkat dan kedudukan."

Kerana itu kita berdoa semoga Tunku dipanjangkan umur untuk melihat apa yang akan berlaku selepas pilihanraya umum akan datang," katanya.


Haji Ibrahim juga membidas sikap kalangan Pemuda UMNO yang hanya mampu mengangguk apa yang dikatakan oleh pemimpin mereka.

"Inilah sikap Pemuda UMNO. Menyangguk apa saja walaupun perkara yang dilakukan itu adalah satu kemunitikaran yang jelas," katanya.

Sekaligus dengan itu Haji Ibrahim mengatakui BN akan tumpas juga dalam pilihanraya umum akan datang. "BN akan lemas menghadapi APU dan rakyat akan mengajar mereka di atas apa yang mereka lakukan," ujarnya.





Inilah rumah Tengku Razaleigh di Kuala Lumpur yang dikatakan oleh Ibrahim Ali yang bakal diduduki oleh Ku Li. 'Seri Perdana' yang diduduki oleh Dr. Mahathir hari ini tak layak untuk seorang Putra Raja, bila jadi Perdana Menteri nanti.






Beginilah mewah dan bergayanya pejabat YBM Tengku Razaleigh Hamzah semasa jadi Menteri Kewangan dulu. Kalau jadi Perdana Menteri nanti macam mana?







Tempat rehat dan tempat beradu Putra Raja Tengku Razaleigh Hamzah mesti termahal, mesti yang terindah, dan terbaik barulah layak untuk pemimpin yang datangnya dari istana. Tak macam Mahathir anak seorang guru sekolah.




Mempunyai sebuah **BAR** dalam rumah V.I.P. adalah perkara biasa. Begitu juga dipejabat V.I.P yang pemikirannya masih dijajah. Islamnya cuma dikulit. Mungkin orang PAS terkejut kerana ada **Bar** dan ada katil indah dipejabat V.I.P yang menjadi teman-teman mereka di dalam Angkatan Perpaduan Ummah.





Kolam renang yang istimewa, mangkuk mandi dengan kepala paipnya dibuat dari emas baru layak bagi putera raja bersiram. Inilah bekas Pejabat Tengku Razaleigh di Bank Bumiputra semasa jadi Pengerusinya dulu. Berjuta ringgit dibelanjakan untuk keselesaan dan kepuasan seorang putera raja.





Untuk santapan Putra Raja semasa menjadi Menteri dulu. Segala set pinggan mangkuk Tengku Razaleigh Hamzah di perbuat dari Emas. Kalau jadi Perdana Menteri nanti pinggan mangkuk dan sudu garpu ini mesti bertahatkan intan berlian barulah layak duduk berkawan dengan Agung.





Perabot-perabot dan *chandelier* yang berharga ratusan ribu, sangat sesuai untuk digunakan oleh anak raja masa jadi pemimpin dan menteri dulu. Wang siapakah yang dibazirkan ini? Kalau raja membazirkan wang rakyat tak mengapa mereka berada 'above the law'.





*Orang yang tidak membuat dosa,
kemudian tidak lagi merasa berdosa,
adalah orang yang berdosa,
dosa yang tidak terampun.
Sebaliknya, orang yang berdosa,
kemudian sedih dengan dosanya,
adalah orang yang tidak berdosa,
kerana dosanya telah diampun.*

*Berjuang melawan hawa nafsu
(mujahadatunnafsi)
sulit sekali kerana kita terpaksa
menentang diri sendiri.
Kita juga yang akan menanggung sakitnya.*

BAB LAPAN BELAS

Lagu Tiga Kupang

Antara lagu yang menjadi minat kanak-kanak semasa saya bersekolah dulu ialah “**Lagu Tiga Kupang**”. Lirik lagu ini agak menarik, lucu, sebuah lagu yang menyentuh kisah istana. Dalam bahasa Inggeris ada Melayu pun ada. Beginilah bunyi liriknya:

*Lagu tiga kupang, saku penuh padi,
Enam ekor burung, masuk dalam kual,
Bila sudah masak, burung nyanyi saja.
Tentu sedap makan, beri pada raja.
Raja dalam rumah, buat kira-kira.
Suri dalam dapur, makan roti gula.
Dayang tepi kolam, mahu jemur tepung.
Datang burung hitam, pagut batang hidung.*

Melihat dari lirik lagu ini, tahulah kita bahawa raja suka makan benda yang sedap-sedap saja. Para pekerja dalam istana yang sentiasa buat kerja cuma diberi makan roti gula saja dan dayang-dayang bukan senang nak buat kerja, ada saja krook yang macam gagak tak dapat benda lain batang hidung di pagut. Agaknya raja yang duduk dalam rumah tak tahu kesusahan dan kemungkaran yang berlaku. Apa tidaknya raja asyik buat kira-kira saja. Apa agaknya yang dikira oleh Raja? Mungkin raja sedang kira duit, nak besar dan cantikkan istana, nak tambah barang-barang yang ada, tambah dayang-dayang dan tukar apa-apa yang dianggap lama.

Tapi biarpun lagu tiga kupang hanyalah sebuah lagu nyanyian kanak-kanak, tetapi ia ada sesuatu mesej yang nak disampaikan oleh orang tua-tua dulu kepada rakyat mengenai cerita di dalam istana. Begitulah bahasa sajak kalau ditulis betul-betul apa yang raja-raja buat, bukan saja tangan penulis lirik itu kena potong, lidahnya kena kerat, lehernya pun di penggal. Syukurlah kita hidup dalam zaman raja-raja cuma lambang saja, kalau tidak nak tulis lagu, nak tulis cerita pun mesti berseloka dan bersajak.

Kita tahu kebanyakan raja-raja kita pun hidup dalam misteri. Tak banyak hal-hal mengenai raja yang diketahui oleh rakyat. Namun biar bagaimanapun saya rasa orang ramai sudah tahu tentang masalah bakal-bakal raja yang akan mengambil alih takhta kelak. Samada dapat ambil alih jadi raja atau tidak itu kerja Tuhan. Anak raja segala raja, anak Shah Iran hidup dalam buangan dan berapa banyak raja-raja muda dan Tengku-Tengku Mahkota yang kini hidup dalam buangan. Cerita yang paling masyhur sekali tentang anak raja yang tak mungkin jadi raja ialah *'The Last Emperor'*.

Biar bagaimanapun itu cerita pewaris takhta yang tak dapat jadi raja tapi yang nak kita ceritakan ini takhtanya ada tapi anak raja yang nak jadi belum tahu siapa. Sebagai contoh, Sultan Kedah tidak mempunyai anak lelaki. Siapakah orang yang bertuah yang bakal menjadi pewaris takhta? Tuanku mempunyai semua puteri tanpa putera. Di Malaysia seorang puteri tak boleh jadi raja macam Puteri Saadong di Kelantan dulu. Apakah adiknya yang menjadi Raja Muda akan menjadi Sultan di suatu masa nanti atau siapa?

Di Perak biarpun lain sedikit tapi kalau mengikut keadaan sekarang anak Sultan Azlan yang akan mewarisi takhta biarpun dalam sejarah Perak terdapat beberapa perkara yang amat menghairankan. Tapi kerana Tuanku Sultan yang arif adalah bekas hakim maka Tuanku tentu lebih arif tentang undang-undang manusia yang berkaitan dengan kerajaan dan kesul-

tanan. Siapa pun rakyat Perak tak boleh pertikaikan titah perintah dan kemahuan Sultan.

Masa Almarhum Sultan Idris menjadi Sultan Perak, baginda tidak mahu menjadi Yang Dipertuan Agong. Sebab itu Perak sesudah melalui beberapa kontroversi akhirnya raja-raja yang ada mengundi Sultan Azlan. Perak merupakan negeri yang terakhir tidak dilantik menjadi Yang Dipertuan Agong. Sultan Azlan sesudah naik takhta sebagai Sultan Perak kemudian dipilih menjadi Yang Dipertuan Agong ke 9. Agong yang terakhir mengikut giliran raja. Itupun dengar cerita di dalam pengundian penilaian itu Sultan Azlan mendapat lima undi, manakala empat lagi Sultan-sultan menentang perlantikan baginda. Mengapa? Itu saya tak boleh jawab. Tentulah ada sebab-sebab mengapa empat orang Sultan menentang. Siapakah yang menentang? Itu saya tahu tapi saya tak mahu kasi tahu, tunggulah di lain buku pula.

Saya selalu bertanya mengapakah Sultan Idris enggan dirinya dipilih sebagai Yang Dipertuan Agong. Hairan juga memikirkannya. Apakah kerana baginda seorang Sultan yang gemarkan kebebasan maka baginda tidak mahu terikat dengan protokol dan juga urusan rasmi? Saya tahu kenapa Sultan saya dulu Almarhum Sultan Ismail tak mahu jadi Agong.

Oleh kerana saya sendiri tidak dapat berkira-kira tentang jawapan kepada persoalan yang dikemukakan ini, ada baiknya saya serahkan kepada para pembaca untuk mempelajari sejarah Perak yang unik.

Di negeri Perak sejak beberapa ratus tahun sistem pemilihan Sultan agak unik jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Jika dibuat perbandingan nyatalah amat berbeda dengan samada Kelantan ataupun Johor. Sistem yang digunakan di Johor dalam urusan penetapan waris sudah termaktub dalam undang-undang Tubuh Kerajaan.

Perak mengamalkan sistem yang hampir sama dengan beberapa negeri berhubung kedudukan Raja Muda. Raja Muda menjadi Sultan sekiranya Sultan mangkat ataupun turun dari takhta.

Bagaimanapun sejak beberapa ratus tahun yang lampau, Raja Muda dari anak Sultan, misalnya semasa Sultan Idris menjadi Sultan Perak, Raja Muda bukanlah anaknya, sebaliknya Raja Muda pada waktu itu ialah Raja Muda Musa yang mana istananya terletak di Teluk Intan.

Raja Muda Musa tidak sempat menjadi Sultan Perak kerana kematian terlebih dulu datang mengundang. Raja Muda Musa telah mangkat di London kerana diserang sakit jantung.

Sultan Azlan telah diperkenankan oleh Dewan Negeri Perak sebagai Raja Muda pada 11 Ogos 1983. Nasib baginda sungguh beruntung kerana setahun kemudian Sultan Azlan menjadi Sultan dengan mangkatnya Sultan Idris Shah. Inilah tuah dan nasib seseorang sedangkan Sultan Idris dan Sultan Azlan dari segi umur tidak berapa jauh perbezaan. Tapi kerana ditakdirkan maka Sultan Idris telah terlebih dulu pulang menemui Tuhannya. Saya ingin hadiahkan '*Fatihah*' kepadanya. Semasa Sultan Azlan hendak dilantik menjadi Raja Muda ada seorang kerabat yang lebih senior yang layak dilantik menjadi Raja Muda tetapi kerana keuzuran calon itu, maka berpejuanglah Raja Azlan menjadi Raja Muda. Inilah nasib manusia yang cukup cepat naik ke atas, cukup mudah naik macam Boeing 737 melancar ke langit terus 30,000 kaki keatas tanpa henti-henti.

Bila Sultan Azlan menjadi Sultan Perak, baginda setelah diperkenankan oleh Dewan Negara melantik anak sulungnya Raja Nazarin menjadi Raja Muda sekaligus menjadi pemangku Raja setelah ayahandanya menjadi Yang Dipertuan Agong. Memanglah agak luar biasa kerana anaknya sendiri menjadi Raja Muda dan didalam sejarah inilah pertama kali perkara

seumpama ini berlaku. Biar bagaimanapun itu menjadi satu kebiasaan, kerja raja dijunjung, siapa pun tidak berani mempertikaikan pemecahan tradisi? Raja ialah ketua agama dan ketua adat. Raja itu sendiri adalah adat. Siapa yang berani mempersoalkan adat kerana kita hidup di kandung adat. Biar mati anak jangan mati adat melainkan adat saja yang boleh memamatkan adat.

Apa yang menghairankan saya ialah Prof Datuk Dr. Khoo Kay Khim, tokoh sejarah yang terkenal di negara ini tidak pula mengemukakan syor ataupun komen berhubung perkara ini. Mengapa? Mengapakah Dr. Khoo semakin membisu tentang sejarah? Mengapa Dr. Khoo hanya sibuk dengan sukan saja? Sungguh hairan seorang yang pakar tentang sejarah tidak menulis tentang sejarah sebaliknya bercakap dan menulis tentang sukan. Tapi sesekali saya fikir saya tak hairan. Dalam sejarah yang Khoo tulis, Tunku ialah 'Bapa Kemerdekaan'. Tapi dalam surat Tunku kepada saya dan saya siarkan dalam buku **'TALQIN UNTUK UMNO'** dalam bab **Bapa Kuching**, Tunku sahkan yang beliau cuma seorang 'negotiator'. Banyak sejarah Malaysia yang sudah jadi tonggang langgang sebab itu agaknya Profesor Khoo naik pening, malas nak tulis semula sejarah, lebih baik tulis mengenai sukan.

Seorang wartawan Inggeris, John Parker telah menghasilkan sebuah buku bertajuk **'King Of Fools'** atau dalam bahasa Melayunya bermaksud Raja Bodoh.

Raja yang dimaksudkan oleh John Parker itu ialah Duke of Windsor yang pernah gila kepada beberapa isteri orang semasa menjadi Price Of Wales, iaitu pewaris takhta Inggeris. David, Duke Of Windsor yang akhirnya tersingkir dari takhta tersebut pernah berkomplot dengan Hitler untuk menjual Great Britain dengan wang 50 juta Swiss francs. John Parker menulis dalam buku tersebut:

They both knew, but never spoke of it, that Hitler

had offered Windsor fifty million Swiss francs to hold himself in readiness to return to the throne, once German forces had crossed the Channel and annexed the British Isles. "Only the King must go," Hitler wrote in May 1943. "In his place... the Duke of Windsor. With him we will make a permanent treaty of friendship." The eyes of Wallis Simpson had lit up, it is said by witness in the room, when she heard of Hitler's offer.

Jika diterjemahkan petikan di atas maksudnya lebih kurang begini:

Mereka berdua tahu, tapi tidak pernah bercakap mengenainya, iaitu Hitler telah menawarkan Windsor 50 juta Swiss franc untuk menariknya agar bersiap sedia untuk kembali bertahta. Sebaik sahaja tentera Jerman menyeberangi Selat Inggeris dan menakluki British Isles. "Hanya Raja sahaja yang mesti pergi," Hitler menulis pada bulan Mei 1943. "Di tempatnya..... 'the Duke of Windsor. Dengannya kita akan memeterai perjanjian persahabatan yang berkekalan." Mata Wallis Simpson terbeliak, menurut kata saksi yang bersamanya ketika Hitler membuat tawaran tersebut."

Begitulah kisah Duke Of Windsor yang telah mengahwini seorang pelacur dan akhirnya dinafikan dari menggunakan sebutan HRH (His Royal Highness).

Dalam sejarah memang ramai raja yang telah kehilangan takhta masing-masing. Ini terbukti dalam tulisan Parker mengenai upacara pengkebumian King Edward pada tahun 1910.

Edward's funeral brought together for the very last time the great family of royalty, who had

been linked together by Victoria's scheming. The czar was not allowed out of Russia for fear of assassination, but there were nine ruling monarchs in the funeral procession, led by the now King George V, followed by Kaiser Wilhelm II on a huge white stallion and the kings of Spain, Portugal, Denmark, Greece, Norway, Belgium, Czar Ferdinand of Bulgaria, the Archduke Frans Ferdinand of Austria, and the Grand Duke Michael of Russia. Few of them would survive the great uprisings that would shortly engulf their countries.

(Pengebumian Edward menghimpunkan untuk kali terakhir kerabat diraja yang agung ini, yang mana telah digabungkan oleh skim yang direncanakan oleh Victoria. Czar Russia tidak dibenarkan meninggalkan negaranya kerana ditakuti akan dibunuh, namun terdapat sembilan raja yang memerintah mengambil bahagian dalam perarakan pengebumian itu dengan di ketuai oleh King George V, diikuti oleh Kaisor Wilhelm II yang menunggang kuda putih dan juga raja-raja Sepanyol, Portugal, Denmark, Greece, Norway, Belgium, Czar Ferdinand dan Austria, serta Grand Duke Michael dari Rusia. Hanya segelintir sahaja yang berjaya menempuh kebangkitan agung yang melanda negara masing-masing)

Hari ini tidak semua dari sembilan mahkota ini yang kekal.

Kematian Edward tidak digantikan oleh anaknya David. Sebaliknya adiknya yang menjadi Raja England. England ketika itu menghadapi masalah dalam menentukan pewaris takhta mereka.

Namun itu cerita di England satu ketika dulu. Biar bagaimanapun di Malaysia hari ini, khususnya di Selangor, masalah yang seperti itu tidak wujud. Sekiranya baginda Sultan Selangor mangkat maka anak baginda iaitu Raja Muda akan

menggantikan tempat ayahandanya. Saya sangat tertarik dengan Raja Muda Selangor. Sikap dan perwatakannya amat menarik sekalipun baginda menceraikan isterinya dan mengahwini seorang wanita Amerika, namun baginda masih mengamalkan sikap sopan, lemah lembut di dalam urusan dengan rakyat jelata. Saya berdoa agar umurnya dipanjangkan dan semoga baginda dapat menjadi Sultan Selangor suatu masa nanti. Tahukah anda didalam sejarah Negeri Selangor ada Raja Muda tak berpeluang menjadi Sultan?

Begitu juga di Johor di mana Tengku Mahkota akan menjadi Sultan. Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perlis pun tidak menghadapi apa-apa masalah untuk menentukan waris ini. Di Negeri Sembilan nampaknya akan timbul masalah pewaris takhta ini. Apakah kemungkinan ada diantara anak-anak Yang Dipertuan Besar akan menggantikan tempat ayahandanya. Saya pun tidak dapat memastikannya kerana Negeri Sembilan negeri yang mana Yang Dipertuannya dipilih oleh para Undang-undang. Para Undang-undang yang menentukan seorang raja atau Yang DiPertuan Besar di Negeri Sembilan.

Sebenarnya kalau kita mengikuti cerita-cerita dari Istana terutama tentang masalah bakal pengganti raja ini seronok, lebih seronok dari cerita siapa bakal pengganti Dr. Mahathir. Tetapi oleh kerana subjek ini agak sensitif maka tidak ramai yang berani memperkatakan secara terbuka, tapi dikedai-kedai kopi dan warong-warong orang cerita juga.

Apa yang agak membimbangkan saya ialah kebanyakan Sultan-sultan yang ada sudahpun berumur. Kebanyakan mereka sudah melebihi 50 tahun, yang sudah melebihi 60 tahun pun ada. Hanya Sultan Kelantan yang masih belum mencapai 40 tahun, masih muda.

Meneliti usia pewaris-pewaris takhta kini, kesimpulan boleh dibuat bahawa mereka yang bakal menjadi Raja-raja Melayu adalah terdiri daripada anak-anak raja yang muda-muda belaka. Sudahlah muda, ilmu tak setebal mana di dada, samada

pelajaran dari segi akademik atau dari segi agama. Saya percaya tentulah Sultan-sultan yang memerintah bimbang dengan kemampuan anak-anak mereka. Mampukah anak-anak mereka memerintah dengan baik?

Lihat saja Kelantan. Kiranya Sultan yang ada turun takhta kerana kematian ataupun sebab-sebab lain, maka anaknya yang belumpun 20 tahun akan menjadi Sultan. Bayangkanlah, umur muda itu menjadi Ketua Agama sedang Nabi SAW pun menjadi Ketua Agama ketika berumur lebih dari 40 tahun. Eloklah mereka mempersiapkan diri untuk menjadi Ketua agama kepada rakyat yang semakin hari semakin mendalami agama. Makin hari semakin bijak berniaga dan berpolitik dan semakin hari semakin berkurangan rakyat yang tahu tentang adat istana kerana yang tahu adat istiadat orang-orang tua disekeliling istana saja. Lagipun Musa Hitam sudah mengajar orang Melayu membuang adat dan menjadi kurang ajar. Macama mana hubungan ketua adat dengan orang tak beradat?

Jadi tidak hairanlah jika di suatu masa nanti Sultan-sultan di Malaysia terdiri daripada Sultan-sultan yang muda-muda belaka yang merasa pelik melihat rakyat dan rakyat pelik melihat Sultan-sultan mereka. Macam ayam tengok itik dan itik tengok ayam. Ular memilih raja mereka dikalangan ular yang paling berbisa. Namanya ular cinta mani, ular yang terkecil antara ular-ular di dunia. Begitu juga beruk memilih raja beruk, rajanya adalah yang terhandal antara para beruk. Nak tahu hal beruk tanya Yahya Ismail. Dia tu "*expert*" tentang beruk.

Kematangan seseorang anak raja banyak bergantung kepada pendidikannya sewaktu kecil. Dengan para guru dan ulama yang sentiasa mendidik dan memberikan petunjuk ke jalan yang diredai Allah, tanamkan keimanan supaya ia takut pada Allah kerana siapa pun yang benar-benar takut pada Allah, sekelian binatang berbisa dihutan tak berani menyentuhnya. Inikan pula manusia.

Dalam hal ini suka saya menceritakan kepada para pembaca cerita seorang anak raja dizaman kecilnya.

Cerita ini saya ceritakan semula berdasarkan bab yang bernama **My Children Days**, yang ditulis oleh Tunku Abdul Rahman, anak raja Kedah dalam bukunya **Something To Remember**. Bab ini mengisahkan Tunku semasa kecil.

Tunku menceritakan bagaimana dia begitu nakal sekali sewaktu dibangku sekolah. Menurut Tunku, guru besar sekolah tempat ia belajar ialah seorang yang bernama Master Mohamad Iskander. Master Mohamad ialah bapa kepada Dr. Mahathir. Sepatutnya Tunku yang pernah diajar oleh bapa Dr. Mahathir mesti menghormati anak gurunya. Tapi dia anak raja, gurunya pun dia tak hormat inikan pula anak kepada gurunya. Jarang anak-anak raja yang diajar supaya menghormati orang.

Marilah kita semua membaca 'Al-fatihah' kepada roh Mohamad Iskander guru kepada Perdana Menteri pertama dan ayah kepada Perdana Menteri kita yang ke empat. Semoga Allah mencucuri Rahmat ke atas rohnya dan tempatkan dia bersama Awalia Allah hu Solehen.

Apa yang menarik perhatian saya tentang bab ini ialah tentang sifat Tunku sewaktu kecil. Masa ke sekolah Tunku telah memakai baju kebesaran diraja, lengkap dengan tengkolok yang bertatah emas permata. Melihat keadaan Tunku berpakaian waktu itu, bapa Dr. Mahathir merasa bimbang lalu mengesyorkan supaya Tunku berpakaian sederhana saja. Katanya beliau bimbang jika pakaian itu akan hilang kelak. Ini tentulah akan menyusahkan pihak sekolah pula.

Dan kerenah Tunku semasa di sekolah juga diceritakan. Kata Tunku lagi kerana kenakalannya beliau telah dirotan ditapak tangan oleh seorang guru Cina. Bagaimanapun nasib guru itu sungguh malang. Beliau telah dipecat kerana sanggup merotan Tunku. Inilah beberapa adegan yang mempunyai

pengertian mendalam tentang kehidupan Tunku semasa kecil. Ada anak raja yang lebih dahsyat dari Tunku, tapi cikgu tak berani buat apa-apa.

Apa yang saya cuba ceritakan bukan suatu yang baru kepada para pembaca sekalian. Cerita tentang kedegilan anak-anak raja sudah menjadi cerita rakyat yang paling popular cuma belum dibukukan. Macamana anak raja dengan guru-guru perempuan mereka dan macam-macamlah. Begitu juga dengan jenaka tentang pihak istana. Walaupun pihak istana merasakan kehidupan mereka dan tingkah laku mereka terselindung daripada pengetahuan umum kerana ia tidak dilaporkan didalam media tempatan namun satu yang nyata rakyat jelata tahu juga akan kisah mereka. Jika sesuatu tidak dilakukan untuk membersihkan nama dan imej mereka maka suatu masa nanti mereka akan dapati rakyat yang sudah pun mempunyai tanggapan yang buruk tentang pihak istana akan melakukan sesuatu yang tentunya tidak disenangi oleh istana.

Duli-duli Sultan sekalian adalah payung mahkota, lambang bangsa Melayu. Kalau bahasa menunjukkan bangsa, maka perihal rajanya juga melambangkan perihal bangsanya kerana Raja-raja adalah ketua agama dan ketua adat.

Oleh itu janganlah ada raja, yang disebabkan kurang pendidikan dan sebagainya menjadi nila setitik yang merosakkan susu sebelanga. Dan janganlah hendaknya ada yang mencurahkan dakwat di lembaran sejarah Melayu seperti yang sedang dilakukan oleh Tunku, Ku Li, Ku Brahim, Ku Azlan yang menyebelahi pihak pembangkang untuk menghancurkan UMNO. Hancur UMNO jatuhlah kerajaan Melayu, hilanglah ketuanan Melayu, hilanglah kedaulatan bangsa. Tanpa daulat tiadalah ertinya raja-raja sekalian.

Suatu perkara yang harus kita akui ialah orang-orang Melayu sangat taat setia kepada Raja-raja. Mereka tidak mahu menderhaka kepada Raja mereka. Taat setia ini sudah menjadi satu budaya sejak turun temurun. Walau bagaimanapun ini

tidak bererti orang-orang Melayu membuta tuli taat kepada Raja-raja mereka. Orang Melayu telah banyak belajar dari sejarah yang disampaikan oleh filem-filem Melayu terutama lakonan dan arahan P.Ramlee yang telah diiktiraf oleh Agong dengan penganugerahan Tan Sri. Dalam fikiran orang Melayu tertanam;

Raja yang adil Raja disembah, tetapi Raja yang zalim Raja disanggah”.

Menyedari keadaan ini maka Semangat 46 berusaha untuk menarik pihak istana supaya turut menyokong perjuangan mereka. Konon perjuangan mereka mahu membela nasib raja-raja. Nak bela apa lagi? Dibawah pemerintahan UMNO, hak Raja-raja sudahpun terbela. Semua dapat kawasan balak, lombong, bijih, AP, segala lesen-lesen yang boleh memberikan kekayaan. Buat salah dan dosa macammanapun para pemimpin UMNO lindungi dan selamatkan. Nasib raja-raja di negara ini jauh lebih baik daripada Raja-raja di negara-negara lain atau raja sebelum UMNO memerintah. Contohnya di Asia, hanya tinggal tiga buah negara yang mempunyai Raja, satu di Jepun, satu lagi di Thailand dan sembilan lagi di sini. Di Afghanistan, China, Indonesia dan Iran, sistem beraja sudah menjadi tidak lebih dari satu kenang-kenangan sahaja. Bacalah sejarah bagaimana mereka diturunkan dari takhta. Mereka sama sekali tak terfikir yang mereka boleh hilang segala kebesaran. Tapi itulah kerja Tuhan bagi mereka yang lupa Tuhan. Tuhan ambil balik kuasa dan kebesaran dari mereka.

46 menggunakan berbagai cara untuk menarik sokongan Raja termasuklah menghasut Raja-raja supaya membenci UMNO dan Dr. Mahathir. Beraneka isu dicipta untuk mencemarkan nama baik kerajaan. Lihat saja peranan mereka di Kelantan. Barangkali mereka ingat Raja-raja ini bodoh-bodoh belaka dan boleh diperkotak-katikan sekehendak hati mereka dan mereka berjaya. Raja menyebelahi mereka, Raja mahu Ku Li jadi Perdana Menteri tanpa guna rasional nampaknya. Raja mahu Menteri Besar lain, kerajaan lain juga.

Kenapa baginda Sultan Johor dari awal-awal lagi menyeru rakyatnya supaya menyokong UMNO. Baginda sedar hanya UMNO sajalah tempat orang-orang Melayu dan raja-raja mereka boleh bergantung dan UMNO sajalah yang akan membela nasib raja-raja. UMNOlah yang mengekalkan '*Triti Pangkor*' supaya raja-raja kekal jadi ketua agama dan ketua adat tanpa melalui sebarang temuduga. Jadi raja secara automatik, jadi ketua agama biar tak khatam mengaji Quran, biar pun tak tahu sifat dua puluh, biar pun belum mengenali diri dan mengenal Tuhan tapi terus jadi ketua agama Islam. Namun bila tiba dalam masjid duduk sujud belakang buntut Imam, taat ikut saja Imam buat. Patut ketua agama jadi Imam. Sekurang-kurangnya jadi macam Sultan Johor boleh baca khutbah, sentiasa mengingatkan orang supaya ingatkan Tuhan biar dalam keadaan macam mana sekali pun.

Bukankah Raja-raja Melayu pernah membuat kesilapan dalam menanda *Triti McMichael*. Oleh itu Tuanku Sultan Johor sudah tentu tak mahu kesilapan seperti ini berulang lagi. Biar apa pun orang nak kata pada Tuanku, Almutawakil tahu, baginda adalah seorang yang cerdik.

Baru-baru ini baginda Raja Perlis telah pun mengingatkan rakyatnya supaya mestilah wujud persefahaman antara kerajaan dan pihak istana. Mengapakah baginda membuat kenyataan sebegini rupa? Jawapannya ialah baginda sedar bahawa jika rakyat terus bercakaran akibat terpengaruh dengan dakwah 46 maka suatu masa nanti kedudukan istana akan ikut terjejas. Raja-raja lain seperti Sultan Selangor, Sultan Pahang, Sultan Terengganu, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan sudah lama menyokong UMNO dan kerajaan Dr. Mahathir.

Bukan itu saja baginda Sultan Kedah pun turut sama menyokong UMNO dan kerajaan biar pun bapa saudara baginda Tunku Abdul Rahman menyokong dan menjadi penasihat 46.


Oleh itu raja-raja terpaksa berfikir dengan sedalam-dalamnya.



Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghaffar Baba bersama Tengku Ahmad Rithaudeen dan Tan Sri Haji Mohamed Yaakob, Menteri Besar Kelantan sedang melawat bonda Sultan Kelantan, Raja Perempuan Zainab II, berusia lebih 60 tahun yang sedang dirawat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian pada 10 Julai 1990.

Janganlah Tuanku-Tuanku sekelian asyik duduk buat kira-kira dalam istana sambil makan semua burung-burung yang sedap-sedap. Ingat-ingatkan juga pekerja dalam istana yang cuma mampu makan roti gula saja. Kerja kira-kira duit ini Tuanku serahkan saja pada Datuk Paduka Daim Zainudin. Daim Menteri Kewangan, dia tahulah macam mana nak jaga khazanah negara. Tuanku cuma ketua agama dan ketua adat saja. Saya tak mahu satu masa nanti batang hidung dayang-dayang dan kerabat Tuanku-tuanku sekelian dipagut oleh *burung-burung ku-patek*. Ini jenis burung baru Tuanku. Dalam *ensaiklopaedia burung* belum disenaraikan lagi. Burung ini lebih merbahaya dari burung hitam. Burung hitam atau burung gagak kalau banyak sangat boleh kita adakan peraduan tembak. Tapi *burung ku-patek* ini kalau sudah terlampau banyak habis hidung, mata, mulut, kepala dan lain-lain dipagutnya. Ketika itu aibnya bukan kepalang. Jangan kata satu kupang, suku kupang pun sudah tidak ada gunanya lagi. Dan ketika itu tak adalah anak-anak yang nak nyanyi lagu tiga kupang lagi.

Sekian wabillahi taufik wal hidayah. Semoga anda yang membaca buku ini dicucuri rahmat dan mendapat petunjuk dari Allah.



S.H. ALATTAS

Ucapan terima kasih untuk anakanda Daud Haji Ibrahim.

*BUKU-BUKU KARYA SYED HUSSEIN
YANG SUDAH DITERBITKAN*

1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI) (1969)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA (1969)
3. RAHSIA MIMPI ANDA (1969)
4. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN (1972)
5. KENAPA ROSLI DHOBI & 3 HERO
SARAWAK DIHUKUM BUNUH (1974)
6. PERANG DI KUALA LINGGI 1978 (1978)
7. SARAWAK KEPADA SIAPA HENDAK
DISERAHKAN (1979)
8. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU (1979)
9. SIAPA SELEPAS MUSA? (1981)
10. PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR (1982)
11. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA (1983)
12. PERDANA MENTERI YANG KELIMA (1984)
13. HANTU BUKIT CINA (1985)
14. MUSA DERHAKA? (1986)
15. MUSA A TRAITOR? (1986)
16. SIAPA LAWAN SIAPA (CHALLENGER) (1987)
17. TALQIN UNTUK UMNO (1988)
18. POLITIK SERPIHAN (1989)
19. REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT (1989)
20. WANITA, TAKHTA DAN KUASA (1989)
21. LIMA RAJA TERAKHIR (1990)

AKAN TERBIT

22. REVOLUSI TERAKHIR
23. PENGEMBARA MODEN

DICETAK DAN DITERBITKAN OLEH: AL-SUHAIMI
P.O.BOX 11753
POSKOD 50756 KUALA LUMPUR.

WANITA, TAKHTA DAN KUASA

Syed Hussein Alattas

RAJA LEKUK RAJA KELAWAR

'DYMM Sultan Kelantan menzahirkan rahsia bagaimana Baginda kena mainkan'

Tajuk Rencana Pengarang Akhbar Majlis
21 Februari 1946.

MAIN *poker* atau apa juga jenis permainan yang menggunakan daun terup, kami adik beradik diharamkan bermain atau membawanya masuk ke dalam rumah. Itu pesan ayah. Saya taat perintah ayah hingga ke hari ini, dan saya jadikan amalan dalam rumah tangga saya. Saya tak pandai main. Permainan ini boleh membawa kepada kepapaan. Biar bagaimanapun itu tidak bererti saya tidak pernah tengok orang main judi dengan menggunakan daun pakau. Apa yang tidak saya pernah lakukan cuma turut terlibat dalam perjudian sama ada yang dihalalkan oleh kerajaan, apalagi judi haram.

Semasa hendak menulis buku ini saya terpaksa mencari sepasang daun pakau untuk melihat *raja-raja* dalam daun terup yang sentiasa dipermainkan orang. *Raja-raja* dalam daun pakau atau juga disebut daun terup ini adalah *raja-raja* yang akan kekal hingga ke akhir zaman nanti. (keratan daripada mukasurat 192)

Al-Suhaimi

HARGA: \$15.00

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku:

WANITA, TAKHTA DAN KUASA

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT

Syed Hussein Alattas

MENTERI BESAR SIAPA PUNYA?

DI ZAMAN dahulu kala seorang **Memanda Menteri** adalah milik seorang raja yang memerintah. Ini kerana *rajalah* yang melantik seseorang itu menjadi menteri dan raja jugalah yang membayar gaji menteri serta memanjangkan kemudahan-kemudahan seperti rumah, pengawal dan sebagainya kepada orang yang telah dilantik baginda menjadi *Memanda Menteri* itu.

Di zaman itu tidak ada '**doktrin pengasingan kuasa**' seperti yang diamalkan sekarang ini. Seorang *raja* adalah juga seorang *pemerintah eksekutif, penggubal undang-undang* dan bertindak sebagai *hakim* yang menjatuhkan hukuman. Bayangkanlah betapa besarnya kuasa seorang *raja* ketika itu. Bidang kuasanya mencakup ketiga-tiga alat memerintah yang dijalankan oleh tiga buah *institusi* yang berasingan di zaman ini. Maka waktu itu kata *raja* adalah *undang-undang*. *Rajalah* yang menjatuhkan hukuman. Seorang raja adalah seorang **diktator**. (keratan daripada mukasurat 277)

Al-Suhaimi
P.O. Box 11753,
Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

HARGA: \$15.00

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku:

REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

POLITIK SERPIHAN

Syed Hussein Alattas

JANGAN BIARKAN MEREKA GILA

Tidak boleh dinafikan apabila ada dua pihak yang sedang atau yang mahu bertelagah, maka akan datanglah syaitan untuk menjadi penasihat kepada salah seorang atau kedua-dua sekali. Andainya pertelingkahan itu merupakan pertelingkahan politik, maka syaitan akan mengambil peranannya sebagai penasihat politik.

Cucuk mencucuk, api mengapi ini memanglah kegemaran syaitan. Seperti juga melatah dan mengamuk pula adalah salah satu dari tabiat orang Melayu. Jadi kiranya ada penasihat-penasihat yang berlagak macam ini dalam suasana politik kita ini, eloklah apabila kita bertemu mereka kita bacakan doa 'Ya Allah lindungi aku dari syaitan yang kena rejam'. (keratan daripada mukasurat 27)

Al-Suhaimi

HARGA: \$15.00

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku:

POLITIK SERPIHAN

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

6 DEC. 1990

TALQIN UNTUK UMNO

Syed Hussein Alattas

TALQIN

“Bersiap untuk duniamu sekadar singkatnya masa kamu berada di atasnya. Dan bersiap-sedialah untuk akhiratmu sekadar kekalnya masa hidupmu di sana.”

UMNO telah dijatuhkan hukuman “mati” oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988. Seperti yang telah saya terangkan dalam bab-bab yang lepas, yang mati ialah UMNO yang telah dirosakkan oleh ahli-ahlinya yang gilakan kuasa dan kerusi, tetapi UMNO yang dibina dan dipupuk dengan roh dan semangat keislaman oleh pahlawan-pahlawan Melayu dan Islam itu tetap hidup terus untuk memelihara kepentingan umat Melayu dan Islam di negara ini. (keratan daripada mukasurat 269)

Al-Suhaimi
P.O. Box 11753,
Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

HARGA: \$15.00

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku:

TALQIN UNTUK UMNO


naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

S.H. ALATTAS

LIMA RAJA TERAKHIR



Semangat 46 di Indonesia telah menghapuskan sembilan orang raja di Sumatra. Baca buku **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT**. Pada satu masa dulu Sultan Deli pernah duduk di atas singgahsana yang sedang saya duduki di Istana Maimun, Medan..... Kini yang tinggal hanya mimpi-mimpi sedih.... Yang kekal hanya Tuhan, Raja sekian alam. Yang lain akan hancur dan binasa. Baca, bacalah dengan nama Allah.

